


JILID PENGENALAN




# JILID PENGENALAN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1991

KK 959 – 5488 5101

Cetakan Pertama 1991
© Dewan Bahasa dan Pustaka 1991

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan ensiklopedia ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara jua pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan

Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu.
jilid pengenalan.
Mengandungi rujukan bibliografi.
ISBN 983-62-2497-1

1. Malay Archipelago – Civilization – Encyclopedias.
2. Malay language – Asia, Southeastern – Encyclopedias.
3. Malays (Asian people) – Encyclopedias.
4. Encyclopedias and dictionaries, Malay.
959.003

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks : Cheltenham
Saiz Taip Teks : 9/11 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS,
Ampang Hulu Kelang,
Selangor Darul Ehsan

M
959.003 657557
ENS

13 JUL 1993
Perpustakaan Negara
Malaysia

# KANDUNGAN


- Prakata vii
- Pengantar ix
- Panel Penasihat xi
- Lembaga Editor xii
- Jawatankuasa Penyelarasan xiii
- Jawatankuasa Teknikal xiv
- Jawatankuasa Pakar Bidang dan Panel Penilai xv
- Kata Masukan 1 – 117
- Penyumbang 119
- Senarai 121

# PRAKATA

HASRAT Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menerbitkan sebuah projek ensiklopedia yang besar memang sudah lama terpendam. Namun kalau projek yang sedang diselenggarakan sekarang dapat dijayakan dengan baik tidak sahaja akan menjadikannya sebagai sebuah penerbitan yang pertama seumpamanya di rantau ini malah amat besar ertinya pula bagi kepentingan ilmu pengetahuan, bangsa, dan ketamadunan Melayu.

Dalam perancangan awal untuk menjayakan projek ini, pihak kami banyak menerima pandangan dan sokongan, terutama daripada para cendekiawan dari dalam dan luar negara. Malah ahli-ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri di samping memberikan restu turut merasakan bahawa penerbitan yang berlandaskan konsep rumpun Melayu ini amat sesuai diberikan keutamaan. Beberapa jawatankuasa yang dibentuk kemudiannya, dan para penyumbang yang semakin besar jumlahnya, sentiasa berusaha bagi menjayakan projek ini. Namun, satu hakikat yang harus disedari ialah usaha menerbitkan sebuah penerbitan yang sedemikian besar bukanlah suatu usaha yang mudah malah memerlukan kepakaran, ketelitian, dan kesungguhan di samping memakan masa, tenaga, dan biaya yang cukup besar pula.

Sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk memantapkan lagi kerja-kerja penerbitan yang sedang dilakukan kini, pihak kami memberanikan diri untuk menerbitkan *Jilid Pengenalan* ini. Tujuannya bukan sekadar untuk dijadikan sebagai panduan atau contoh penulisan di samping memperagakan rupa bentuk ensiklopedia yang akan diterbitkan nanti, tetapi dapat dijadikan sebagai bahan perbincangan yang berguna. Penerbitannya juga, walaupun dalam bentuk edaran yang terhad, diharap akan mendapat pandangan dan maklum balas yang bererti daripada pelbagai pihak, terutamanya daripada mereka yang mempunyai kaitan yang rapat dengan usaha penerbitan projek ini. Segala pandangan yang membina itu diharap akan dapat dimanfaatkan sebaiknya supaya penerbitan ensiklopedia yang sebenar nanti akan menjadi cukup menarik dan lebih berwibawa lagi.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, Panel Penasihat, Jawatankuasa Penyelarasan, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Pakar Bidang dan Panel Penilai, para penyumbang, editor-editor yang terlibat, dan sesiapa sahaja yang telah dan sedang giat berusaha bagi menjayakan projek penerbitan ini. Semoga dengan adanya sokongan, bantuan, dan kerjasama daripada semua pihak, hasrat kita untuk menyaksikan terbitnya sebuah ensiklopedia besar yang akan menjadi kebanggaan bersama, sekaligus pula diharap akan menjadi bahan bacaan umum yang ulung serta sumber rujukan yang utama tentang ketamadunan Melayu, akan menjadi kenyataan. Insya-Allah.

November 1991

Dato' Hj. Jumaat Dato' Hj. Mohd. Noor
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

# PENGANTAR

ENSIKLOPEDIA Sejarah dan Kebudayaan Melayu (ESKM) dalam bentuk edisi pengenalan ini merupakan contoh satu himpunan tulisan tentang Dunia Melayu yang akan dimuatkan dalam ESKM nanti. Tulisan-tulisan ini meliputi bidang sejarah, kebudayaan, sastera dan bahasa. Dunia Melayu yang dimaksudkan dalam konteks penerbitan ini ialah Dunia Melayu yang terangkum dalamnya Semenanjung dan kepulauan yang terentang dari selatan Pulau Famosa menganjur turun hingga ke Pulau Madagaskar. Melayu yang ditakrifkan ini ialah penduduk asal/peribumi kawasan ini.

Bangsa Melayu mempunyai sejarah ketamadunannya sejak awal lagi, tetapi catatan tentang kegemilangannya ini tidak pernah dikumpulkan dalam satu kompendium yang besar, yang boleh dijadikan bahan rujukan pada bila-bila masa. ESKM ini, dalam bentuknya yang sebenar akan menjadi catatan yang tuntas tentang bangsa Melayu berbahasa Melayu-Polinesia, yang beratus juta jiwa jumlahnya.

Memang tidak dinafikan bahawa banyak penyelidikan telah dibuat, dan banyak juga tulisan telah diterbitkan, namun hasil penyelidikan tersebut mempunyai sebaran yang terbatas dan dalam bentuknya yang khusus, untuk peneliti yang khusus pula. Jadi, untuk tujuan rujukan umum, ensiklopedia ini akan memuatkan hasil penyelidikan tersebut tetapi dalam bentuknya yang lain. Kata masukan yang disiarkan berbentuk semi ilmiah, yang sesuai dibaca dan dijadikan bahan rujukan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai minat tentang Dunia Melayu. Tulisannya tidak terlalu berat sehingga boleh menolak minat pembacaan.

Bagi membantu mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang satu-satu kata masukan, disertakan senarai rujukan di bahagian akhir setiap kata masukan utama, kedua dan ketiga.

Walaupun kata masukan yang terdapat dalam ESKM ini merupakan tulisan tentang Dunia Melayu, tetapi penekanan atau tumpuan akan diberikan kepada subjek yang meliputi Melayu di Semenanjung. Sementara sejarah, kebudayaan, bahasa dan sastera masyarakat di Alam Melayu yang lain akan diberikan gambaran yang sepintas ataupun pengenalan sahaja. Kata masukan yang dimasukkan dalam ESKM akan menjangkau batas politik dan fahaman. Yang ditumpukan dalam penulisan ini ialah kegemilangan sejarah masa lampau dan kesamaan budaya Melayu teras.

ESKM mengumpulkan sejumlah tulisan yang ditulis oleh para sarjana dalam dan luar negeri yang telah membuat penyelidikan dan penelitian tentang Dunia Melayu, sejak zaman berzaman. Gabungan tulisan ini tentunya akan menarik para peneliti yang ingin mengenali Dunia Melayu dengan lebih dekat.

Penerbitan ensiklopedia belum menjadi tradisi dalam dunia penerbitan di Malaysia. Mencari mereka yang mempunyai pengalaman untuk menyusun penerbitan ini adalah satu tugas yang sukar. Berbagai-bagai halangan dan rintangan dihadapi sehingga kami berjaya menemui jalan yang sesuai untuk tujuan ini. Dengan kata lain, kami bermula daripada titik sifar.

Walaupun Bahagian Ensiklopedia telah diwujudkan sejak tahun 1987, namun Jawatankuasa Pakar Bidang dan Panel Penilai baru dibentuk pada awal tahun 1990. Rangka panduan penulisan yang dibuat oleh sidang editor telah dibincangkan beberapa kali dalam sesi kerja oleh pakar bidang. Kriteria pemilihan kata masukan dan kategori telah dibuat dalam mesyuarat sesi kerja pada peringkat awal. Dan hasilnya sehingga kini lebih 4000 judul kata masukan telah disenaraikan. Setiap kata masukan yang ditulis akan dinilai tentang ketetapan fakta dan sebagainya sebelum melalui proses penyuntingan oleh sidang editor. Tugas ini sahaja memakan masa yang bukan sedikit.

Menyediakan maklumat dan manuskrip untuk penerbitan sebuah ensiklopedia adalah satu proses yang panjang dan memakan waktu. Bukanlah suatu kerja yang mudah untuk menghimpunkan atau mengumpulkan tenaga pakar yang kebanyakannya sibuk dengan bebanan tugas dan tanggungjawab rutin masing-masing. Untuk mencuri sedikit waktu yang terluang untuk berkumpul dan berbincang adalah satu perkara yang sukar, dan kami dapat juga melakukannya walaupun dalam keadaan yang terbatas dan mendesak.

Perancangan pemilihan kata masukan ESKM dan pemilihan penulis yang dianggap berwibawa dilakukan oleh Jawatankuasa Pakar Bidang yang telah dilantik dari beberapa buah universiti tempatan di negara ini. Jawatankuasa ini mempunyai tugas:

1. Membuat pengkategorian kata masukan.
2. Membincangkan dan memutuskan judul kata masukan untuk bidang dan sub-bidang.
3. Mengenal pasti penulis kata masukan.
4. Mencadang/menentukan panel penilai sesuai dengan keahlian masing-masing.

Manakala Panel Penilai pula mempunyai tugas:

1. Meneliti kata masukan yang dibekalkan dan membuat ulasan dari segi kesesuaian kata masukan berdasarkan bidang dan sub-bidang yang telah diputuskan oleh pakar bidang. Ulasan ini diasaskan kepada ilmu dan kesahihan fakta.

*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jilid Pengenalan* ini memuatkan sebanyak 61 kata masukan yang mewakili semua bidang dan kategori, menggunakan format penulisan sebenar ESKM.

November 1991

# PANEL PENASIHAT

| | |
|---|---|
| Pengerusi: | Dato' Hj. Abd. Rahim Bakar |
| Ahli: | Prof. Dato' Ismail Hussein<br>Datuk Hj. Omar Mohd. Hashim<br>Dato' Hj. Jumaat Dato' Hj. Mohd. Noor<br>Prof. Dr. Hj. Farid M. Onn |
| Setiausaha: | Safian Hussain |

# LEMBAGA EDITOR

| | | |
|---|---|---|
| Ketua Editor | : | Safian Hussain |
| Editor Penyelaras | : | Salmiah Ismail |
| Editor | : | Mohamad Daud Mohamad |
| | | Azizah Supardi |
| | | Halilah Hj. Khalid |
| | | Norizan Muslim |
| | | Hj Ismail Ahmad |
| Editor Penyelidikan | : | Shabuddin Yaacob |
| | | Hanita Shamsudin |
| | | Siti Rohani Abd. Razak |
| | | Haliza Jamaluddin |
| | | Masnorita A. Malik |
| Unit Pentadbiran | : | Abd. Malek Abdullah (Ketua) |
| | | Hazizah Mahmood |
| | | Norizan Osman |
| | | Nurlila Ramli |
| | | Mohd. Pawi Ab. Razak |
| Pereka Bentuk | : | Zainuddin Jamil |
| Reka Bentuk Kulit | : | Bahagian Reka Bentuk DBP |
| Pereka Muka Surat | : | Omar Mohd. Nasir (Ketua) |
| | | Mazlan Mohamed |
| | | Mohd. Ramdzan Sayuti |
| | | Anuar Sitam |
| Pengatur Huruf | : | Jatimah Aris |
| | | Rohaya Hashim |
| | | Hawa Mat Jadi |
| Pembaca Pruf | : | Unit Pruf DBP |
| Foto | : | Cawangan Seni Foto DBP |

# JAWATANKUASA PENYELARASAN

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi (1989 - 1990) | : | Dr. Nik Safiah Karim,<br>Timbalan Ketua Pengarah,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka. |
| (Mei 1991) | | Prof. Dr. Hj. Farid M. Onn,<br>Timbalan Ketua Pengarah I,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka. |
| Ahli | : | Prof. Dato' Ismail Hussein,<br>Timbalan Pengerusi Lembaga Pengelola,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka. |
| | | Prof. Dr. Nik Safiah Karim,<br>Ahli Lembaga Pengelola,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka. |
| | | Hj. Sha'ari Abdullah,<br>Timbalan Ketua Pengarah II,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka. |
| | | Hj. Abu Bakar Mohamad,<br>Pengarah Penerbitan,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka. |
| | | Safian Hussain,<br>Ketua Bahagian Ensiklopedia,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka. |
| Setiausaha | : | Salmiah Ismail,<br>Pegawai Perancang Bahasa Kanan,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka. |

# JAWATANKUASA TEKNIKAL

| | |
|---|---|
| Pengerusi | Safian Hussain,<br>Ketua Bahagian Ensiklopedia. |
| Ahli | Hj. Abu Bakar Mohamad,<br>Pengarah Penerbitan. |
| | Rohani Zainal Abidin,<br>Ketua Pustakawan. |
| | Hassan Abdul Majid,<br>Ketua Bahagian Reka Bentuk. |
| | Hj. Mansor Hj. Mahamud,<br>Ketua Bahagian Pracetak. |
| | Hj. Khalid Ahmad,<br>Ketua Bahagian Percetakan. |
| | Hj. Mohamad Ali Zakaria,<br>Ketua Cawangan Seni Foto. |
| | Mohd. Ali Osman,<br>Bahagian Pracetak. |
| | Sidang Editor ESKM. |

# JAWATANKUASA PAKAR BIDANG DAN PANEL PENILAI

## SEJARAH

**Pakar Bidang**

**Pengerusi**

Prof. Dr. Zuraina Majid,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

**Pengerusi Bersama**

Prof. Madya Dr. Ahmat Adam,
Dekan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

**Ahli**

Prof. Madya Dr. Abdullah Zakaria Ghazali,
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Dr. Badriyah Hj. Salleh,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

Prof. Dr. Isahak Haron,
Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Dr. J. Kathirithamby Wells,
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Khasnor Johan,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Muhammad Abu Bakar,
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

**Panel Penilai**

Adnan Hj. Nawang,
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Mahadzir Mohd. Khir,
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Mohd. Sarim Hj. Mustajab,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Dr. Mohd. Yusof Ibrahim,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Dr. Nik Anuar Nik Mahmud,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Dr. Ramlah Adam,
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Sabihah Osman,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Yahya Hj. Abu Bakar,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

# KEBUDAYAAN

**Pakar Bidang**

**Pengerusi** (Feb. 1990 – Sept. 1991)

Dr. Mohd. Taib Osman,
Naib Canselor,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

(Sept. 1991)

Prof. Madya Datuk Dr. Zainal Kling,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

**Pengerusi Bersama**

Prof. Madya Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh,
Institut Bahasa, Kesusasteraan dan
Kebudayaan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

**Ahli**

Azah Aziz,
Budayawan.

Prof. Madya Dr. Khadijah Mohamed,
Jabatan Pengajian Asia Tenggara,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Norazit Selat,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Rahmah Hj. Bujang,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Sharifah Zaleha
Syed Hassan,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Dato' Zakiah Hanum Abdul Hamid,
Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia,
Kuala Lumpur.

**Panel Penilai**

Hj. A. Aziz Deraman,
Budayawan.

Hj. Abd. Samad Ahmad,
Budayawan.

Prof. Madya Dr. Azizah Kassim,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Dr. Ariff Ahmad,
Ahli Muzik.

Inon Shaharuddin Abd. Rahman,
Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Dr. Ismail Hamid,
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Ku Zam Zam Ku Idris,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Mohd. Fauzi Hj. Yaacob,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Mohd. Kassim Hj. Ali,
Muzium Negara Malaysia,
Kuala Lumpur.

Dr. Hj. Othman Mohd. Yatim,
Muzium Negara Malaysia,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Rokiah Talib,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Siti Zainon Ismail,
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Syed Ahmad Jamal,
Karyawan Tamu,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

Dr. Syed Husin Ali,
Ahli Sosiologi.

Prof. Madya Dr. Wan Abdul Kadir Wan Yusof,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Yaacob Harun,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

# SASTERA

**Pakar Bidang**

**Pengerusi**

Prof. Dato' Hj. Shahnon Ahmad,
Pengarah Pusat Islam,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

**Pengerusi Bersama**

Prof. Dr. Hj. Hashim Awang,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

**Ahli**

Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Rahman Kaeh,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Hj. Ahmad Kamal Abdullah,
Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

Hj. Kamaluddin Muhammad,
Sasterawan Negara.

Prof. Madya Dr. Hj. Ramli Isin,
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Hjh. Siti Hawa Hj. Salleh,
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

**Panel Penilai**

Dr. A. Rahman Hanafiah,
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Dr. Hj. A. Wahab Ali,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Dr. Hj. Ali Hj. Ahmad,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

Anwar Ridhwan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Kamaruzzaman A. Kadir,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Md. Salleh Yaapar,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

Prof. Madya Dr. Hj. Mohd. Yusof Hasan,
Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik,
Universiti Utara Malaysia,
Kuala Lumpur.

Othman Puteh,
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Sahlan Mohd. Saman,
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Dr. Solehah Ishak,
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Dr. Umar Junus,
Ahli Bahasa dan Sastera.

Prof. Madya Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir,
Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

# BAHASA

**Pakar Bidang**

**Pengerusi**

Prof. Dr. Nik Safiah Karim,
Ketua Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

**Pengerusi Bersama**

Prof. Dr. Abdullah Hassan,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

**Ahli**

Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Mahmood,
Timbalan Dekan 2,
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Pertanian Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Dr. Hj. Amat Juhari Moain,
Pengarah,
Pusat Islam,
Universiti Pertanian Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Dr. Hj. Farid M. Onn,
Timbalan Ketua Pengarah I,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

Ismail Dahaman,
Ketua Bahagian Penyelidikan Bahasa,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

**Panel Penilai**

Ajid Che Kob,
Jabatan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Hj. Awang Sariyan,
Jabatan Pendidikan,
Universiti Islam Antarabangsa,
Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Madya Dr. Azhar M. Simin,
Jabatan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Ibrahim Hj. Salleh,
Jabatan Bahasa,
Universiti Pertanian Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Prof. Dr. Mashudi Hj. Kader,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

Prof. Madya Dr. Noor Ein Mohd. Noor,
Pusat Bahasa,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Hjh. Noresah Baharom,
Bahagian Perkamusan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

Dr. Ramli Md. Salleh,
Jabatan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan.

Sanat Md. Nasir,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Hj. Sulaiman Masri,
Bahagian Peristilahan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Ton Ibrahim,
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Hjh. Zaiton Abd. Rahman,
Bahagian Penterjemahan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

# A

**ABDUL KADIR ADABI** (1901–1944), sasterawan, pemikir, tokoh politik, dan wartawan. Dia lahir di Kampung Raja Dewa, Kota Bharu, Kelantan. Bapanya, Ahmad bin Yusoff (penghulu Kuala Krai) rapat dengan istana sewaktu pemerintahan Raja Dewa dan Abdul Kadir biasa dengan adat istiadat istana semenjak kecil. Abdul Kadir mendapat pendidikan agama Islam, adat istiadat Melayu, dan juga ilmu pendekar. Guru agamanya ialah Haji Nik Daud bin Syekh Nik Muhammad Patani (Haji Nik Daud Atas Banggol), dan pendidikan formalnya di Madrasah Muhammadiah Kelantan (1917 – 1919), termasuk pelajaran terjemahan di bawah pimpinan Haji Muhammad bin Muhd Said, seorang intelek Melayu yang terkenal.

Abdul Kadir mula menulis dalam bidang kewartawanan, sosial, dan politik semenjak berumur 20 tahun. Pada awal tahun 1929, bersama-sama sahabatnya Asaad Shukri bin Haji Muda, dia menubuhkan Putera Club dan menerbitkan majalah *Putera* (Oktober 1929). Majalah ini tidak lama usianya dan selepas itu diterbitkan pula majalah *Kencana* (April 1930) dengan dibantu oleh Asaad Shukri, Nik Yusoff Hilmi, dan Hasan Fikri. Antara kegiatan kelab tersebut ialah menggalakkan pertukaran fikiran dan perbahasan mengenai hal-hal kebangsaan. Kelab ini dibubarkan oleh kerajaan Inggeris dan melarang pegawai kerajaan menjadi anggotanya. Dengan teman-teman yang sama ditubuhkan Setiakawan Belia (1 Oktober 1931), kelab intelektual Melayu.

Dalam bidang politik, Abdul Kadir menjadi ahli jawatankuasa Kesatuan Melayu Semenanjung, cawangan Kelantan. Sebagai salah seorang pelopor gagasan kesatuan ini, Abdul Kadir berhubung rapat dengan tokoh-tokoh politik tanah air yang terkenal pada zamannya seperti Ishak Haji Muhammad,



Abdul Kadir Adabi

Ibrahim Yaakub, dan Dr. Burhanuddin al-Helmi. Pada tahun 1942 dia menjadi Ketua Kesatuan Melayu Semenanjung, cawangan Kelantan, tetapi tidak lama kerana pada tahun 1943 kerajaan Jepun membubarkan kesatuan tersebut. Salah satu peranan pentingnya ialah mewakili Kesatuan Melayu Muda menandatangani satu perjanjian kemerdekaan Tanah Melayu dengan Jepun di Bangkok pada tahun 1942. Setelah itu Abdul Kadir berpindah ke Terengganu. Di Terengganu, bersama-sama dengan Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang (Misbaha) dan Ibrahim Fikri, mereka menerbitkan majalah *Cahaya Timur*.

Sumbangan Abdul Kadir Adabi yang lebih besar ialah dalam bidang penulisan. Dia menghasilkan lebih daripada 100 rencana yang diterbitkan dalam majalah *Pengasuh, Idaran Zaman, Kencana, Putera*, dan *Al-Hikmah*. Tulisan Abdul Kadir Adabi membicarakan permasalahan politik, agama, sosial, bahasa, ekonomi, kebudayaan, sejarah, dan pendidikan. Dia pernah menyarankan beberapa fikiran yang mendahului zamannya, antaranya penubuhan bank kebangsaan, 'National Bank di Tanah Melayu' (1930), peningkatan taraf kaum wanita, dan penubuhan 'Persatuan Akhbar Melayu' yang akan menjadi penghubung antara kerajaan dengan rakyat. Dia juga mengemukakan pandangan tentang perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu, memperbanyakkan penerbitan buku, sama ada karya asli atau terjemahan. Pandangannya dipengaruhi oleh gurunya, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, iaitu ulama yang terkenal dan berpengaruh yang pernah menjadi mufti Kelantan.

Tulisannya mempunyai fikiran yang bernas dan memperjuangkan cita-cita kemerdekaan dan kebebasan. Dia pernah mencadangkan penubuhan sebuah maktab di Kelantan dan juga universiti di Tanah Melayu.

Abdul Kadir Adabi menghasilkan empat novel: *Acuman Mahkota* (1937), *Sebelas Rejab* (1938), *Melati Kota Bharu* (1939), dan *Persemburan Darah di Bawah Lipatan Takdir* (novel saduran 1940). Kesemua novel ini diterbitkan secara bersiri dalam majalah *Al-Hikmah*. Tiga novelnya yang awal tadi memperlihatkan keupayaannya menanggapi suasana dan pergolakan masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dan menggambarkan kebangkitan semangat nasionalisme Melayu.

Novel *Melati Kota Bharu* dan *Acuman Mahkota* mengemukakan persoalan perjudian dan kegiatan maksiat yang lain, yang berleluasa dalam masyarakat Melayu Kelantan pada abad ke-18. Kedua-dua novel ini juga menceritakan suasana politik di zaman penjajahan, iaitu negeri-negeri Melayu dikuasai oleh penjajah sedikit demi sedikit dengan jalan tipu helah, melalui persahabatan dan perjanjian yang sedap bunyinya serta dengan cara memecahbelahkan satu golongan bangsawan dengan yang lain, satu golongan rakyat dengan yang lain. Dilihat dari segi inilah peristiwa penyewaan tanah yang disebutkan di awal cerita terasa berhubungan dengan pengertian cerita ini secara keseluruhan. Novel *Sebelas Rejab* pula mengemukakan persoalan di kalangan kehidupan rakyat biasa. Novel *Melati Kota Bharu* dan *Sebelas Rejab* diterbitkan semula dalam bentuk buku oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. *Acuman Mahkota* pula diterbitkan oleh Teks Publishing Sdn. Bhd.

Abdul Kadir Adabi meninggal dunia di Terengganu pada 24 Februari 1944.

ABDULLAH TAHIR

**ADAT**, etimologinya bahasa Arab, yang bermakna kebiasaan. Agama Islam mengubah maknanya menjadi kebiasaan zaman pra-Islam, yang diterima oleh Islam. Kedatangan Islam ke Alam Melayu membawa konsep ini dengan makna yang lebih luas dan mendalam sehingga merangkumi keseluruhan cara hidup yang sekarang ditakrif sebagai 'kebudayaan'. Pada masa ini, makna adat diterapkan dalam pelbagai konteks dengan makna yang semakin mengecil – dari kebudayaan seluruhnya, undang-undang adat, seluruh kompleks sebuah upacara sehingga kepada kebiasaan yang terkecil seperti cara menyuap makanan atau cara duduk bertimpuh.

Evolusi konsep adat ini dapat dilihat dalam pelbagai takrif oleh pelbagai masyarakat di Alam Melayu. Bagi masyarakat Melayu, konsep adat seringkali dimaksudkan dengan beberapa tahap makna yang berlainan terapan.

**Konsep Adat** – Antara konsep yang berkait dengan adat termasuklah:

1. Adat sebagai kelakuan dan kebiasaan yang betul seperti menghormati orang yang lebih tua dengan menggunakan istilah panggilan pangkat kelahiran atau kekeluargaannya.

2. Adat dengan makna khusus, seperti 'bayaran mas kahwin' di Negeri Sembilan atau 'belanja hangus' di Melaka Utara, yakni belanja yang diberikan oleh pihak lelaki bagi suatu istiadat perkahwinan yang dilaksanakan oleh pihak perempuan.

3. Adat sebagai prinsip semula jadi alam, misalnya 'adat api membakar', 'adat air membasah', dan 'hidup dikandung adat, mati dikandung tanah'.

4. Adat sebagai hukum dan undang-undang dalam negara dan masyarakat umum, misalnya hukuman yang dikenakan terhadap pelbagai kesalahan dalam masyarakat ataupun undang-undang adat dalam masyarakat Adat Perpatih serta pelbagai hukum kanun lama dari zaman Melaka hingga abad ke-20 ini.

5. Adat sebagai segala perlakuan upacara yang seringkali disebut sebagai adat istiadat. Dalam bentuk ini, adat itu termasuk dalam lingkungan bidang kepercayaan dan perlakuan agama serta juga magis. Berlaku pertindihan bidang antara adat istiadat dengan upacara dalam hal ini. Sekaligus juga menjadikan upacara sebagai sebahagian daripada konsep adat yang lebih luas.


6. Adat dengan erti susunan masyarakat dan segala lembaga kemasyarakatannya, seperti sistem kekeluargaan, sistem politik mahupun sistem ekonomi, seperti pemilikan tanah dan pembahagian harta. Institusi kekeluargaan yang lazim dilaksanakan dalam pelbagai masyarakat adalah adat masyarakat itu. Ada masyarakat yang lazim mengamalkan sistem kekeluargaan matrilokal dan ada yang neolokal. Demikian juga, ada masyarakat yang membahagi harta serta pemilikan secara faraid dan ada yang secara sama rata. Institusi dan organisasi kemasyarakatan sebagai prinsip penyusunan masyarakat merupakan makna teruggul dalam konsep adat di seluruh Alam Melayu.

Bagi pelbagai masyarakat di seluruh Alam Melayu (Nusantara) seperti Iban, Dusun, Dayak, Batak, Toraja dan sebagainya, hingga kini adat masih membawa makna yang amat luas dan serba merangkumi, yakni adat sebagai suatu kebudayaan.

Dalam konsep ini, adat adalah keseluruhan corak hidup atau kebudayaan manusia di alam nyata dan juga menghubungkan manusia dengan alam kosmik yang simbolis dan sejagat. Adat menjadi ciri kehidupan, bukan sahaja manusia dalam

lingkungan alam tabiinya, bahkan di kalangan semua makhluk seperti haiwan dan tumbuhan. Malah ciri kehidupan tersebut ada dalam pergerakan alam tabii itu sendiri, seperti sungai, kejadian semula jadi seperti ribut petir serta segala-gala dalam kosmos.

Pengertian yang amat luas dan mendalam ini tidak lagi berlaku seluruhnya dalam tanggapan masyarakat Melayu kini kerana bidang tanggapan menyeluruh konsep adat yang tradisional itu sudah dipecahkan oleh pelbagai bidang pengertian khusus dan tepat, yang setiap satunya ditanggap pula sebagai terkeluar daripada bidang pengertian adat. Dengan demikian, pengertian adat kini menjadi sempit dan seringkali dipertentangkan pula dengan pengertian khusus pada bidang-bidang lain itu.




Kini adat sering dimaksudkan hanya sebagai adat istiadat atau upacara tradisional dalam tahap upacara peralihan edaran hidup seseorang manusia dan juga dalam pengertian undang-undang adat:

**Adat Sebagai Upacara** – Dalam pengertian ini adat sudah mendapat makna yang amat sempit. Upacara merangkumi segala perbuatan, kegiatan, peralatan, acara dan perlakuan yang teratur dan tersusun berkait dengan makna kesucian atau kekudusan dalam sesuatu kepercayaan. Upacara atau adat istiadat ini termasuklah segala kegiatan kudus dalam setiap peringkat edaran hidup manusia daripada kelahiran, remaja, perkahwinan hingga kematian. Dalam pengertian ini, adat merupakan pengucapan lambang terhadap makna dalaman daripada kehidupan individu dan masyarakatnya. Misalnya, pada saat-saat kelahiran diadakan upacara pengucapan azan untuk anak lelaki atau iqamat untuk anak perempuan selaras dengan ajaran agama. Makna daripada pengucapan ini ialah pengenalan terhadap ketuhanan dari saat kelahirannya di dunia. Demikian pula diadakan kemudiannya upacara cukur jambul ataupun naik buai.

Pelbagai upacara ini sering bukan merupakan ajaran agama tetapi melengkapi ajaran itu. Dengan pengertian ini juga, adat sering dipertentangkan dengan perlakuan Islam sehingga banyak perlakuan adat dikatakan tidak Islam ataupun melanggar akidah Islam. Perlakuan adat di sini sering juga disamakan dengan upacara Hindu dan sekaligus membawa maksud perbuatan bidaah. Misalnya perlakuan-perlakuan adat bersanding, menggunakan nasi kunyit, bersuap-suapan, berarak, mandi sampat, lenggang perut, pelbagai perarakan ketika berkhatan dan beberapa lagi perlakuan pada tahap-tahap edaran hidup.

**Undang-undang Adat** – Dalam bidang ini terdapat pengertian adat yang masih luas tetapi amat khusus sebagai peraturan serta undang-undang yang dilaksanakan bagi melengkapi seluruh sistem perundangan dalam masyarakat dan negara. Namun tidak terdapat suatu usaha mentakrif apakah yang dimaksudkan sebagai undang-undang dalam sistem adat.

Di Indonesia, telah didebatkan takrif undang-undang atau hukum dalam adat oleh para sarjana Belanda dan Indonesia dan pelaksana undang-undang. Ada dua aliran pemikiran tentang pengertian hukum (undang-undang) ini. Pertama, takrif yang diberikan oleh sarjana utama pengajian hukum adat, van Vollenhoven, iaitu hukum adat sebagai segala peraturan yang dipertahankan dengan adanya hukuman atau sanksi. Apakala segala perbuatan itu dikenakan hukuman oleh masyarakat, jadilah peraturan atau adat itu hukum. Tanpa hukuman, peraturan itu hanya kebiasaan. Jadi undang-undang adat ialah segala peraturan yang mempunyai kesan hukuman dan diakui oleh anggota masyarakat.

Pengertian kedua diberikan oleh murid van Vollenhoven, Ter Haar, yang mentakrifkan hukum adat sebagai keadaan penguasa adat menjatuhkan keputusan hukuman ke atas perbuatan si pelanggar adat. Dengan menjatuhkan hukuman itu, peraturan itu menjadi suatu hukum adat. Pengertian ini menekankan kuasa penjawat sistem perundangan yang menjatuhkan hukuman. Jikalau penguasa adat itu tidak menghukum sesuatu perbuatan, peraturan itu bukan undang-undang adat.

Antara kedua-dua pengertian ini, ternyata takrif van Vollenhoven menjadi pegangan ramai ahli hukum. Ini disebabkan akibat hukuman daripada suatu peraturan, kebiasaan ataupun norma masyarakat sudah cukup menjadikan suatu peraturan atau kebiasaan itu suatu undang-undang, meskipun hukuman itu merupakan yang paling ringan atau yang paling berat.

Kedua-dua pengertian adat di atas telah berlaku sejak Zaman Medieval Melayu di Melaka sehingga kini. Manuskrip undang-undang seperti Hukum Kanun Melaka ataupun Undang-undang Laut Melaka, Adat Aceh, Adat Palembang, Undang-undang Dua Belas, Undang-undang Kedah, Undang-undang 99 Perak adalah perkanunan hukum adat dan undang-undang Islam yang dipercayai digunakan dalam pemerintahan negeri pada zamannya. Adat dalam bentuk hukum dan undang-undang lebih rasmi dan berkuatkuasa.

Pada zaman jajahan Belanda di Indonesia dan naungan Inggeris di Tanah Melayu serta Pulau Borneo, undang-undang adat dilaksanakan sebagai sebahagian daripada sistem perundangan yang membezakan orang Eropah daripada bumiputera rantau ini. Setiap kelompok bumiputera serta orang Asia diatur kehidupan mereka melalui undang-undang adat masing-masing. Di Sabah dan Sarawak, setiap kelompok masyarakat bumiputera mempunyai undang-undang adat mereka yang disebut sebagai *customary law* serta ditadbir oleh sistem ketua yang pelbagai bentuk. Di seluruh Indonesia, pemerintah Belanda menubuhkan wilayah-wilayah pelbagai suku bangsa yang dibahagi kepada 19 buah wilayah adat. Setiap wilayah adat merupakan suatu kawasan persamaan adat bagi satu suku bangsa yang sama kebudayaannya. Pentadbiran setiap wilayah adat dilakukan sama ada dengan meletakkan hakim Belanda dengan bantuan penasihat ketua



**Adat cukur jambul:** upacara yang dijalankan selepas kelahiran



**Berendoi:** upacara yang dijalankan untuk bayi yang baru dilahirkan

adat (penghulu) anak negeri ataupun Ketua Anak Negeri itu sendiri yang menjalankan pengadilan pada tahap rendah sahaja. Para pentadbir undang-undang termasuklah keturunan bangsawan ataupun ketua tempatan bagi satu-satu kawasan.

**Kategori Adat** – Dalam masyarakat Melayu kini, pengertian adat sebagai satu bidang yang serba merangkum atau satu kebudayaan masih terdapat di wilayah Melayu Pesisiran Sumatera Timur dan juga di kalangan masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat. Adat di sini ditakrif dalam empat jenis perlakuan antara manusia dengan alam tabii, dan manusia dengan manusia. Empat kategori adat tersebut ialah:

1. Adat nan sabana adat – Hukum tabii alam yang tidak dapat dipinda oleh manusia serta menjadi asas perjalanan proses alam itu sendiri. Hukum alam adalah adat hakiki.

Adat yang sebenar adat juga adalah sebahagian daripada hukum Tuhan yang dipadukan oleh masyarakat dalam adat mereka. Justeru itu, punca kehidupan adat ialah alam – alam terkembang menjadi guru.

2. Adat nan diadatkan – Segala peraturan, lembaga masyarakat dan keputusan hukum yang dimuafakatkan untuk dilaksanakan dalam masyarakat. Maka bahagian adat ini merupakan segala macam bentuk dan susunan masyarakat, lembaga masyarakat, undang-undang dan juga hukum adat dan boleh mengalami perubahan jikalau dimuafakat sedemikian, berasaskan prinsip adat: Jika dicabut mati, jika dianjak layu.

3. Adat nan teradat – Segala peraturan yang sedia berlaku melalui penerimaan masyarakat umum tanpa perlu muafakat yang formal. Peraturan seperti ini adalah norma masyarakat umum seperti kepatuhan terhadap orang tua, cara-cara menggunakan segala macam alatan budaya ataupun segala macam kelakuan yang biasa. Ia dianggap sebagai proses dinamik



Sebahagian daripada peralatan yang digunakan dalam upacara melenggang perut

dalam masyarakat yang sentiasa berubah sendirinya.

4. Adat istiadat – Bahagian adat yang mengatur segala macam upacara dan kegiatan suci yang perlu menerima penghormatan awam. Adat istiadat berlaku kerana diamalkan dan dijaga sebaiknya. Jikalau ditinggalkan, ia akan pupus. Namun ia juga tertakluk pada prinsip perubahan melalui muafakat dan perundingan ataupun kesan pengaruh dari luar. Ini banyak kelihatan dalam peringkat upacara edaran hidup manusia.

Jadi, sistem adat sentiasa tertakluk pada pindaan dan perubahan melalui muafakat dan persetujuan serta amalan terhadapnya. Dengan demikian, kekekalan dan perubahan adalah proses yang berlaku dalam semua ciri kehidupan manusia dan ini menjadi prinsip asas sistem adat.

**Adat Perpatih dan Adat Temenggung** – Di Malaysia, adat terbahagi kepada dua jenis, iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung, yang telah lama terkenal.

Sekali imbas pembahagian ini seolah-olah tanggapan asli masyarakat Melayu di Malaysia. Namun penelitian yang mendalam menunjukkan pembahagian ini lebih merupakan penggolongan oleh pengkaji Inggeris yang membezakan antara peraturan adat di Negeri Sembilan dan Naning, Melaka Utara daripada negeri-negeri lain di Malaysia.

Pembahagian kepada kedua-dua jenis ini tidak terdapat dalam manuskrip undang-undang Melayu tetapi hanya tersebut dalam teromba atau legenda asal usul Adat Perpatih. Dalam teromba ini disebutkan bahawa adat itu bermula di Minangkabau, Sumatera. Dalam tambo (teromba) adat di Minangkabau, keadaan berbahagi dua ini disebutkan sebagai 'laras nan dua' yakni penggolongan dua wilayah Minangkabau kepada dua orang pemerintah: Wilayah Kota Piliang di bawah Datuk Ketumanggungan dan wilayah Bodi Caniago di bawah

Datuk Perpatih nan Sebatang.

Di Malaysia, perbezaan itu diterjemahkan sebagai perbezaan antara Undang-undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Naning daripada Adat Temenggung di negeri-negeri yang lain. Dibandingkan dengan tradisi di Minangkabau, nyatalah perbezaan seperti di Malaysia, tidak pernah ada. Malah naskhah undang-undang adat dan hukum kanun Melayu juga tidak pernah menyebut bahawa undang-undang itu adalah Adat Temenggung. Maka mungkin diandaikan pembahagian Adat Temenggung dan Adat Perpatih di Malaysia ini adalah hasil penggolongan undang-undang adat oleh pengkaji dan pentadbir Inggeris, dan diterima pula sepenuhnya oleh masyarakat Melayu hingga kini.

Di Sabah dan Sarawak, ternyata berlaku pengertian konsep adat yang lebih luas seperti yang disebutkan di kalangan orang Iban. Bukti yang sama kelihatan pada tanggapan bahawa agama tradisional sentiasa disebut sebagai adat lama dan agama baharu terutama Kristian disebut sebagai adat baharu. Di samping itu, pengalaman sejarah di Sarawak pada ketika penyerahan kuasa pemerintahan Brooke kepada pemerintah-an British hingga Sarawak menjadi koloni pada tahun 1946 juga ditanggap oleh penduduknya sebagai perubahan dari-pada adat lama kepada adat baharu.

Pada masa ini, pengertian dan amalan adat telah berubah menurut perkembangan pengetahuan dan ilmu dalam masya-rakat. Semakin berkembang ilmu dan pengetahuan atau aspek kognisi dalam masyarakat, semakin tepat dan khusus pula pengertian adat yang dahulunya adalah keseluruhan cara hidup. Kini, konsep serba lengkap adat itu telah digantikan oleh konsep kebudayaan, dan adat adalah satu bidang dari-pada seluruh kebudayaan Melayu yang serba lengkap dan menyeluruh. Bidang-bidang khusus kebudayaan itu ditanggap pula dengan konsep tertentu seperti ekonomi, agama, politik, kekerabatan atau sebagainya. Maka tinggallah adat itu sebagai suatu warisan budaya zaman lama yang semakin kabur dan sempit pengertiannya dan sering disamakan sebagai warisan kuno dan kolot dalam kebudayaan Melayu yang harus diubah atau ditinggalkan sahaja.

– A.A. Navis 1984. *Alam Terkembang Jadi Guru*. Jakarta: PT Grafiti. • Abdullah Siddik 1975. *Pengantar Undang-Undang Adat Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. • Ter Haar, B. 1948. *Adat Law in Indonesia*. New York: Institute of Pacific Relations. • Wilkinson, R.J. 1971. *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

ZAINAL KLING

**ADITYAVARMAN** (1305 – 1398), raja Melayu yang pertama kali memperkenalkan sistem pemerintahan berkerajaan di Minangkabau. Dia dilahirkan pada tahun 1305 Masihi di Si Guntur dalam daerah Dharmasraya, Minangkabau, dari ke-luarga diraja yang memerintah di Minangkabau. Pada zaman Adityavarman, Dharmasraya yang terletak di Tanah Datar iaitu satu kawasan di hulu Sungai Jambi, adalah sebuah jajahan atau daerah yang terpenting di Minangkabau. Ibunya bernama Puteri Dara Jingga iaitu puteri raja dari Dharmasraya. Ada yang beranggapan bahawa Sri Wishwarupakumara, adik kepada Raja Kertanagara, Majapahit adalah bapa kepada Adityavarman.

Adityavarman adalah sepupu kepada Raja Jayanegara, pemerintah Majapahit pada tahun 1309 sehingga tahun 1328. Ibu Adityavarman adalah kakak kepada ibu Raja Jayanegara. Semasa pemerintahan Raja Jayanegara, Adityavarman telah pergi ke Majapahit. Peristiwa itu dikatakan berlaku pada tahun 1325 semasa Adityavarman berumur 20 tahun. Pemergian Adityavarman itu dipercayai atas dorongan ibu saudaranya, Puteri Dara Petak.

Galakan dan dorongan yang diberi oleh Puteri Dara Petak mungkin kerana muslihat politik. Pada masa itu Raja Jayanegara yang tidak mempunyai anak lelaki, sedang sakit dan puterinya yang bernama Puteri Rajapatni telah mengabdikan diri kepada agama dan tidak mungkin menjadi pengganti pemerintah ke-rajaan Majapahit. Majapahit memerlukan seorang putera raja untuk mengetuai misi yang penting ke negeri China. Misi itu dianggap penting kerana sejak kematian Kublai Khan pada tahun 1294, negeri China telah mula menentang pemerintahan orang-orang Mongol, maka inilah peluang bagi kerajaan Majapahit untuk mendapat persetujuan China supaya tidak menggugat kerajaan Majapahit. Adityavarman telah dipilih mengetuai misi Singasari Majapahit ke negeri China pada tahun 1328 dan berjaya menjalankan diplomasinya.

Sebagai menghormati kejayaan itu, dia dilantik menjadi *werdamantri* atau perdana menteri dan diberi gelaran 'Arya Dewaraja Pu Aditya' sekembalinya ke Majapahit pada tahun 1330. Sekali lagi pada tahun 1332 dia ditugaskan ke negeri China. Sekembalinya dari negeri China keadaan di karaton Majapahit telah berubah. Orang yang paling kuat di istana ke-rajaan Majapahit ialah Patih Gajah Mada. Walaupun pengaruh Adityavarman masih ada, namun kehadirannya di situ tidak lagi diperlukan.

Adityavarman mengambil keputusan pulang ke Minang-kabau pada tahun 1343. Sebagai memperingati kepulangan-nya ke Minangkabau, sebuah patung yang diberi nama Manjusri dibuat dan diletak dalam candi Jinalaya dekat Malang. Satu upacara dilaksanakan di candi itu sebagai tanda perpisahan. Patung itu sebenarnya adalah patung Adityavar-man yang sedang memegang sebuah pedang (patung itu telah dibawa ke Berlin dan dikatakan hilang semasa Perang Dunia Kedua).

Kepulangan Adityavarman itu adalah untuk mengepalai sebuah empayar, dengan dia sebagai maharaja Minangkabau. Adityavarman telah melakukan satu upacara memperingati keturunannya, khusus Raja Visnuvardana, iaitu bapa kepada Raja Kertanagara dengan menditi semula arca dewa Amoga-pasa yang dibawa ke Malayu pada tahun 1286. Arca itu diper-cayai arca Visnuvardana.

Arca dewa Amogapasa itu mempunyai latar belakang se-jarah yang menarik. Inskripsi yang terdapat pada kaki arca itu menyatakan arca itu dibuat pada tahun 1286 Masihi di Jawa. Kemudian dibawa ke Malayu sebagai hadiah perkahwinan daripada Sri Visvarupakumara yang datang dari Jawa untuk berkahwin dengan puteri negeri Malayu. Perkahwinan itu ada hubungannya dengan usaha untuk merapatkan Malayu dengan kerajaan Singasari di Jawa. Ini adalah kerana perkahwinan itu direstui oleh Raja Kertanagara dan Raja Mauliwarna Dewa (raja Malayu).

Pembinaan semula kumpulan arca Amogapasa oleh Adit-yavarman mempunyai makna yang besar daripada aspek hubungan antara Minangkabau dan Majapahit serta keperi-badian Adityavarman itu sendiri. Adityavarman selain berke-turunan diraja, mempunyai pertalian darah dengan pemerin-

tah keturunan Singasari yang memerintah Majapahit dan itulah yang melayaknya memerintah di Minangkabau. Arca Amogapasa itu adalah arca seorang raja yang telah dilambang sebagai seorang dewa Amogapasa.

Berdasarkan kepada hiasan di batu pelapik arca itu, maka jelaslah raja yang didewakan itu seorang raja yang agung yang dianggap sebagai perwintah alam ini iaitu *cakravartin*. Lambang yang dihiaskan ialah seekor kuda, sebuah cakera, seorang permaisuri, sebuah mahkota, seorang menteri, seorang panglima perang dan seekor gajah. Kesemua tujuh perkara atau *saptaratni* itu menandakan kebesaran seorang *cakravartin*.

Kepulangan Adityavarman ke Minangkabau tidak mendapat sambutan sepenuh hati daripada dua pembesar Minangkabau, iaitu Temenggung dan Perpatih yang cuba mempertahan amalan undang-undang adat yang berbeza. Temenggung mempertahankan apa yang dikenali sebagai Adat Temenggung, sementara Perpatih mempertahankan Adat Perpatih. Kehadiran seorang raja yang kuat akan meneguhkan lagi kedudukan Adat Temenggung yang mahukan pemerintahan autokratik, tetapi kepada pemegang Adat Perpatih pemerintahan autokratik itu tidak dapat diterima. Untuk mengatasi perbalahan antara dua pihak dan menenteramkan kedudukan, maka Adityavarman telah mengahwini adik perempuan Perpatih. Tetapi Perpatih masih mempertahan adatnya. Akhirnya, Minangkabau terbahagi kepada dua dari segi adat tetapi kekal sebagai sebuah kerajaan yang bersatu dari segi teori. Adityavarman berkuasa ke atas suku-suku Koto Piliang, yang berpegang kepada Adat Temenggung sementara kuasanya ke atas pengamal Adat Perpatih suku Bodi Chaniago, tidak wujud lagi. Dari segi geografinya memang tidak wujud sempadan yang jelas antara dua kawasan adat itu. Temenggung dan Perpatih telah bersetuju untuk mewujudkan satu pusat pemerintahan bagi Minangkabau, iaitu di Pariangan Padang Panjang yang merupakan kota kembar.

Adityavarman ditabalkan sebagai raja ke atas Koto Piliang. Pertabalan itu adalah mengikut adat istiadat Bhairava dalam agama Buddha. Adityavarman melihat dirinya sebagai inkarnasi daripada dewa Bodhisttva Amogapasa atau Kshetrajna. Pemerintahannya telah menimbulkan kesengsaraan kepada rakyatnya, menyebabkan Perpatih dan Temenggung bersepakat menyingkirkan Adityavarman mengikut adat agama Buddha. Mereka meminta permaisuri Adityavarman menggalak Adityavarman menubuhkan sebuah kota baharu, Pagar Ruyung untuk dijadikan pusat pemerintahan. Walaupun Adityavarman diterima oleh suku-suku dalam Adat Temenggung, tetapi ada pembesar suku-suku itu memandang sepi hak kuasa Adityavarman, menyebabkan kuasanya ke atas rakyat tidak mutlak. Pada amalannya penghulu-penghulu daripada kalangan Koto Piliang (Adat Temenggung) menganggap adat lebih berkuasa daripada raja.

Adityavarman meninggal dunia pada tahun 1398 dan diganti oleh anaknya Ananggavarman. Di Pagar Ruyung dan beberapa tempat lagi terdapat lebih 30 buah inskripsi yang ditulis pada zaman Adityavarman. Apabila inskripsi-inskripsi itu dapat dibaca dan dikaji, maka sejarah Adityavarman dan pemerintahannya dapat dilihat dengan lebih jelas.

– Bernerd Kampers 1959. *Ancient of Indonesian Art*. Netherlands: C.P.J. Van de Peet. • Graaff, H.J. de 1949. *Geschiedenis van Indonesie* (History of Indonesia). N.V. Uitgeverij W. van Hoeve, 's-Gravenhage. • Joustra M. 1923. *Minangkabau, Overzicht van Land, Geschiedenis en Volk* (Minangkabau, A Synopsis of Land, History and People). Martinus Nijhoff 's-Gravenhage. • Pigeaud, Th. 1960. *Java in the 14th Century* (translations of the Nagara-Kertagama by Rakawi). Vol. I–III. The Hague: Martinus Nijhoff. • Schnitger, F.M. 1964. *Forgotten Kingdoms in Sumatra*. Leiden: E.J. Brill.

NIK HASSAN SHUHAIMI

**AJIBAH ABOL, DATUK** (1921–1976), ahli politik dan tokoh pendidikan Sarawak. Penglibatannya dalam politik bermula sejak tahun 1946 sehingga akhir hayatnya.

Ajibah dilahirkan pada 23 September 1921 di Kuching, mendapat pendidikan di Sekolah Permaisuri. Dia menjadi guru di sekolah yang sama setelah tamat persekolahan. Dia bergerak secara aktif dalam pergerakan antipenyerahan pada tahun 1946. Pada 2 April 1947 Ajibah berhenti sebagai guru kerana pemerintah kolonial memaksa semua kakitangan kerajaan meninggalkan kegiatan antipenyerahan. Dia kemudiannya menubuhkan sistem sekolah rakyat yang ditaja oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) dan mengajar di situ, sebelum menubuhkan sebuah tadika yang pertama di Sarawak.

Ajibah salah seorang yang menjalankan kegiatan untuk membangunkan kaum wanita di Sarawak. Pada 16 Mac 1947, dia dilantik sebagai Setiausaha Pertubuhan Kaum Ibu PKMS yang diterajui oleh Lily Eberwaine, wanita kacukan Melayu-Inggeris. Jawatan ini disandang selama 10 tahun sehingga tahun 1957, apabila dia dipilih sebagai Naib Pengerusi Kaum Ibu, dan tiga tahun kemudian dilantik sebagai Pengerusi sehingga akhir hayatnya. Dalam masa yang sama juga dia menjadi Naib Presiden PKMS. Ajibah bersama-sama Lily Eberwaine pernah menjelajah ke seluruh Sarawak memungut cap jari untuk dijadikan bukti menentang penjajahan British dan dihantar kepada gabenor dan kerajaan Britain di London. Ajibah Abol dan Lily Eberwaine berjaya mengumpulkan kaum wanita di Kuching dalam demonstrasi semasa, iaitu semasa upacara perasmian Sarawak sebagai tanah jajahan, semasa lawatan



Datuk Ajibah Abol

Malcolm MacDonald, dan semasa upacara perlantikan gabenor.

Ajibah Abol juga salah seorang pengasas parti Barjasa (Barisan Rakyat Jati Sarawak) dan dilantik sebagai Pengerusi Kaum Ibu dan ahli Majlis Tertinggi parti tersebut pada 2 Januari 1962. Kemudian dia dilantik sebagai ahli Parlimen Malaysia setelah memenangi Pilihan Raya 1963. Oleh kerana bangsa Melayu masih berpecah dua, iaitu antara Panas (Parti Negara Sarawak) dan Barjasa, Ajibah bersama-sama ahli dalam Majlis Tertinggi Barjasa berusaha mengadakan permuafakatan dengan Panas terutamanya setelah Datu Bandar Abang Mustapha meninggal dunia pada tahun 1965. Hasilnya pada tahun 1966 lahirlah Parti Bumiputera dan Ajibah Abol dilantik sebagai Pengerusi Kaum Ibu dan dipilih sebagai Naib Presiden pada 19 Disember 1966.

Pada Pilihan Raya 1970, Ajibah Abol memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Samariang. Pada Pilihan Raya 1974, sekali lagi Ajibah memenangi kerusi tersebut dan dilantik sebagai Menteri Kebajikan sehingga akhir hayatnya. Bagi mengenang jasa dan pengorbanan kepada bangsa dan negara, Ajibah Abol dikurniakan gelaran Dato' pada tahun 1977.

SANIB SAID

**AL-IMAM** (1906 – 1908), majalah bulanan agama Islam tulisan jawi diterbitkan di Singapura pada 23 Julai 1906 dan dicetak oleh Matbaah Melayu Tanjung Pagar, kemudian oleh Al-Imam Printing Company Ltd., Singapura. Penerbitannya diusahakan oleh Syekh Muhammad bin Salim al-Kalali, dibantu oleh beberapa tokoh agama seperti Syekh Mohd. Tahir Jalaluddin al-Azahari, Syed Syekh al-Hadi, dan Haji Abbas bin Mohd. Taha. Majalah ini meneruskan aliran pemikiran Syekh Muhammad Abduh dan majalah *Al-Manar* di Kaherah, Mesir dan banyak membicarakan unsur-unsur baharu berlandaskan Islam.




**Kulit majalah *Al-Imam*, keluaran yang keempat**

Menurut rencana pengarang dalam keluaran pertama, yang ditulis oleh Syekh Muhamad bin Salim al-Kalali, tujuan *Al-Imam* ialah "hendak mengingatkan orang-orang Melayu yang terlupa, membangunkan orang-orang Melayu yang tertidur, menyokong suara orang-orang Melayu yang bijaksana." Matlamat *Al-Imam* tidak sahaja tentang soal-soal keagamaan, tetapi juga soal-soal yang berkaitan dengan bidang-bidang politik, ekonomi, sosial, dan pelajaran yang berkaitan dengan orang Melayu.

Tulisan dan pandangan yang progresif, khusus dalam soal-soal yang berkaitan agama Islam, menyebabkan majalah *Al-Imam* dianggap sebagai pembawa aliran Kaum Muda yang tidak disenangi oleh golongan Kaum Tua. *Al-Imam* terhenti penerbitannya pada 25 Disember 1908.

**ANGKLUNG**, alat muzik tradisional Indonesia yang diperbuat daripada buluh. Permainan angklung telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Sunda di Jawa Barat untuk memeriahkan upacara-upacara seperti menuai, 'turun bumi', dan 'seren taun'. Permainan angklung dalam upacara tersebut adalah untuk menyatakan kesyukuran dan kegembiraan sambil menyanyi dan menari.

Angklung terdiri daripada dua atau tiga buah tabung buluh yang berbeza ukurannya, iaitu yang paling kecil panjangnya ialah 15 cm dan yang paling panjang sehingga satu meter. Semakin besar tabung itu, semakin rendah nada muziknya. Bahagian atas tabung-tabung ini dibentuk irisan menyerong dan disusun berderet-deret pada sebuah rak buluh. Bahagian bawah tabung-tabung ini boleh digerakkan secara digoncang untuk menghasilkan nada muzik. Biasanya nada muzik angklung berbunyi nyaring yang menimbulkan suasana keriangan.


Angklung boleh dimainkan secara berseorangan atau kumpulan, dan kadang-kadang mempunyai puluhan hingga ratusan pemain. Bagi permainan berseorangan, beberapa angklung digantung pada sebuah rak panjang. Seorang pemain perlu cekap dan pantas untuk memainkan beberapa angklung yang digantungkan. Di Bali, susunan angklung digantung pada rak yang bertali lentur dalam kedudukan miring. Pemain akan memukul tabung dengan alat tabuh untuk menghasilkan nada muzik yang dikehendaki.

Pada zaman penjajahan Belanda di Indonesia, seorang guru sekolah menengah Belanda, bernama Daeng Soetigna di Kabupaten Kuningan Jawa Barat memperkenalkan angklung sebagai alat muzik popular. Daeng Soetigna yang berpendidikan Barat itu telah mengubah nada pentatonik yang ada pada angklung tradisional kepada nada diatonik dengan dibantu oleh pembuat angklung yang bernama Bapak Jaya. Daeng Soetigna telah mencipta satu set angklung yang bernama diatonik untuk digunakan di sekolah. Pada angklung tradisional yang mempunyai nada pentatonik, cuma ada nada, da-mi-na-ti-la, tetapi pada angklung yang bernama diatonik nadanya lebih lengkap seperti do-re-me-fa-sol-la-si. Angklung diatonik ini juga dikenali sebagai Angklung Pak Daeng sempena nama penciptanya Daeng Soetigna.

Angklung dapat juga dilengkapi dengan alat-alat muzik pelengkap yang lain. Alat pelengkap yang biasanya digunakan di daerah-daerah Sunda ialah *tamiang* yang diperbuat daripada buluh yang tipis, berukuran garis tengah 2.5 cm hingga 4.5 cm. Tamiang dimainkan secara ditiup (seakan-akan seruling) dan bunyi yang ditimbulkan oleh alat ini adalah



Angklung, sejenis alat muzik tradisional yang diperbuat daripada buluh





semata-mata getaran bibir. Di Minangkabau, alat tiup seperti ini disebut *saluang*. Di samping tamiang, alat pelengkap lain untuk kumpulan angklung ialah *bass* atau buluh gantung. Alat ini dimainkan dengan cara dipukul. Selain alat-alat tradisional yang diperbuat daripada buluh, alat-alat muzik moden juga digunakan oleh kumpulan angklung seperti *cymbal*, cello, bongo, tamborin, marakas, tambas, *triangle* dan *castanets*. Penggunaan alat-alat pelengkap ini disesuaikan dengan lagu yang akan dimainkan, misalnya bongo atau tambas digunakan untuk lagu-lagu berirama langgam Melayu.

**ANUGERAH SASTERA NEGARA**, anugerah yang dikurniakan oleh kerajaan Malaysia kepada sasterawan yang menulis dalam bahasa Melayu dan menurut pendapat panel telah memberikan sumbangan yang cemerlang dalam perkembangan kesusasteraan tanah air melalui ciptaan yang bermutu tinggi. Anugerah Sastera tercetus atas keinginan dan hasrat pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf hadiah kepada status anugerah, yang pemilihan dan pemberiannya sama sekali berlainan dengan cara pemilihan dan pemberian Hadiah Karya Sastera atau Hadiah Sastera Malaysia yang dimulakan pada tahun 1971. Dalam upacara penyampaian Hadiah Karya Sastera tahun 1976, yang berlangsung di Rumah Malaysia, Kuala Lumpur pada 11 November 1977, Perdana Menteri Malaysia Dato' Hussein Onn menyebut tentang hasrat kerajaan hendak meningkatkan taraf dan penghargaan pemerintah terhadap sasterawan tanah air dan dengan demikian meluluskan gagasan Anugerah Sastera. Serentak dengan itu panel Hadiah Karya Sastera dibubarkan. Pada 5 Julai 1979, hasrat tersebut terlaksana apabila Perdana Menteri melantik 10 anggota panel penilai yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Musa Hitam, dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditugaskan menjadi urus setia kepada panel tersebut. Dato' Musa Hitam selaku Pengerusi Panel Anugerah Sastera telah memilih suasana 'Malam Puisi Tanah Air' di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka pada 6 September 1979 untuk mengumumkan penubuhan dan nama-nama anggota Panel Anugerah Sastera Negara, manakala pelancaran penerimaan pencalonan diumumkan dalam suasana Hari Sastera di Taiping pada 21 April 1980 dan tarikh tutup pada 31 Ogos 1980.

Anugerah bererti penghargaan dan penghormatan negara yang diberi dan dinyatakan dalam bentuk:

1. Warkah Penghormatan Negara;
2. Wang tunai sebanyak M$30 000;
3. Kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta;
4. Kemudahan untuk penerbitan karya;
5. Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan.

'Sasterawan' bermaksud penulis yang menghasilkan karya dalam bahasa Melayu seperti novel, cerpen, drama, puisi dan lain-lain, atau karangan mengenai sastera yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan yang dianggap sebagai unsur tambahan kepada darjat sasterawan.



Warkah Penghormatan Negara dikurniakan kepada Sasterawan Negara



Shahnon Ahmad, penerima kedua Anugerah Sastera Negara

Anugerah Sastera Negara dinilai oleh sebuah badan penilai yang anggotanya dilantik oleh Perdana Menteri daripada kalangan cerdik pandai kesusasteraan, kebudayaan, kemasyarakatan, keagamaan dan lain-lain yang mengikuti serta memahami perkembangan dan kemajuan sastera.

Ciptaan yang bermutu tinggi bererti ciptaan sastera dalam bahasa Melayu yang berjaya memadukan ketinggian nilai isi, mutu, dan teknik sebagai hasil seni yang bermanfaat kepada pengalaman, perkembangan intelek, pembentukan kebudayaan kebangsaan, dan kepada ketinggian martabat manusia.

Bagi memilih seorang tokoh yang bakal menerima Anugerah Sastera Negara, beberapa peraturan pencalonan telah digariskan untuk dikemukakan kepada panel melalui urus setia. Peraturan-peraturan itu ialah pencalonan boleh dikemukakan oleh badan atau institusi yang sah dan berdaftar, dan juga orang perseorangan yang berwibawa dalam bidang sastera. Antara beberapa syarat mengemukakan calon termasuklah:

1. Pencalon hendaklah mengemukakan satu nama sahaja;
2. Pencalon hendaklah mengemukakan secara bertulis berdasarkan: (i) Penilaian tentang karya sastera calon tersebut; (ii) Penilaian tentang sumbangan fikiran calon tersebut yang berkaitan dengan dunia sastera; (iii) Penilaian yang saksama tentang kegiatan calon tersebut yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan, jika ada.

Sasterawan yang dicalonkan hendaklah warganegara Malaysia. Sekiranya terdapat anggota panel yang dicalonkan, maka dia hendaklah dibebaskan daripada tugasnya sebagai anggota panel pada tahun dia dicalonkan, kecuali jikalau dia menolak pencalonan itu. Sekiranya ada calon yang terpilih, maka Anugerah Sastera akan disampaikan kepada calon tersebut pada tahun pencalonan, dan dia juga akan diminta membuat Pidato Penerimaan. Calon yang tidak terpilih boleh dicalonkan dan ditimbangkan lagi pada tahun pencalonan berikutnya.

Tokoh-tokoh yang terpilih pertama kali menganggotai Panel Anugerah Sastera Negara terdiri daripada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Haji Hassan Ahmad yang juga menjadi Timbalan Pengerusi, Datuk Haji Abdul Rahman Arshad, Prof. Datuk Ismail Hussein, Prof. Mohd. Taib Osman, Prof. A. Bakar Hamid, Prof. Muhammad Haji Salleh, A. Samad Said, Krishen Jit, Prof. Madya Goh Thean Chye, dan Usman Awang selaku setiausaha.

Pada tahun 1981, Keris Mas (Kamaludin Muhammad) terpilih sebagai penerima pertama anugerah ini. Penerima-penerima lain setakat ini ialah Shahnon Ahmad (1982), Usman Awang (1983), A. Samad Said (1985), Arena Wati (1987), dan Muhammad Hj. Salleh (1991).

Pada tahun 1985, penghargaan dan penghormatan yang diberikan kepada penerima Anugerah Sastera Negara ditambah, iaitu penerbitan beberapa karya terpenting penerima Anugerah, berjumlah tidak kurang daripada 50 000 naskhah, untuk dibeli oleh kerajaan, dan disebarkan dengan luasnya ke sekolah, perpustakaan, jabatan, dan agensi kerajaan. Juga kemudahan untuk dipertimbangkan menjadi Penulis Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka, dan terjemahan karya yang sesuai ke bahasa asing.

MOHD. THANI AHMAD

**ASAS 50** (1950), satu pertubuhan pembaharuan dalam sastera Melayu moden dalam tahun 50-an. Asas 50, singkatan Angkatan Sasterawan '50, ditubuhkan di Singapura pada 6 Ogos 1950 hasil pertemuan kira-kira 20 orang penulis muda di rumah Mohd. Ariff Ahmad (Mas). Satu jawatankuasa sementara bagi merangka perlembagaannya telah dibentuk dan diketuai oleh Mas dengan Hamzah sebagai setiausaha serta ahli jawatankuasa terdiri daripada, antaranya, Rosmera, Jymy Asmara, Masuri S.N., Awam il-Sarkam dan beberapa penulis lain. Mesyuarat yang kemudiannya diadakan pada 30 September 1950 telah melantik yang berikut sebagai pucuk pimpinan: Hamzah (Ketua Satu), Masuri S.N. (Ketua Dua), Mas (Setiausaha), Rosmera (Setiausaha Dua), dan Jymy Asmara (Bendahari). Ahli-ahli Jawatankuasa terdiri daripada Teruna Jaya (Pelajaran), Asraf (Penerangan), Keris Mas (Penapis), Rayuan Sukma (Wanita), Merayu Rawan, dan Jah Lelawati. Selepas pendaftarannya pucuk pimpinan Asas 50 berpindah kepada Keris Mas dan Asraf yang bergilir-gilir memimpin Asas 50 antara tahun 1951 – 1956, dengan dibantu oleh Usman Awang, Awam il-Sarkam dan lain-lain.

Berdasarkan slogan 'seni untuk masyarakat', Asas 50 mempunyai pendirian bahawa sastera harus berfungsi dan tidak terpisah daripada masyarakat. Perjuangan anggota Asas 50 lebih merupakan perjuangan peminat-peminat bahasa dan kesusasteraan Melayu yang berasaskan kesedaran politik,

sosial, dan kesedaran perpaduan kebangsaan untuk mencapai kemerdekaan, yang menjadi jambatan ke arah keadilan masyarakat, kemakmuran rakyat, keamanan, dan perdamaian hidup manusia. Matlamat perjuangan Asas 50, antara lain, adalah untuk memperluas dan mempertingkatkan kesusasteraan dan kebudayaan Melayu, melindungi hak-hak ahli dan pengarang, dan mengadakan pembaharuan dalam sastera dengan tidak membunuh yang lama.

Anggota Asas 50 yang aktif terdiri daripada penulis, wartawan, dan guru-guru Melayu. Walaupun Asas 50 tidak mempunyai kaitan dengan parti politik, anggotanya ikut berjuang dalam politik melalui penulisan untuk menyedarkan masyarakat dan menghidupkan cita-cita kemerdekaan.

Berasaskan slogan 'seni untuk masyarakat', Asas 50 memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu, antaranya, menghimpun persatuan-persatuan bahasa, sastera, dan budaya dalam satu perhimpunan Sasterawan Setanahair yang kemudiannya menganjurkan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Pertama, di Singapura pada 12 – 13 April 1952. Dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kedua, yang diadakan di Seremban pada 28 Disember 1953, Asas 50 turut menyokong usul Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura menjadikan tulisan rumi tulisan rasmi. Asas 50 telah mengemukakan kepada kerajaan 'Memorandum Mengenai Tulisan Rumi untuk Bahasa Melayu' pada bulan Mac 1954.

Asas 50 telah memperjuangkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa umum dan bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah hingga ke pengajian tinggi melalui memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Rendell (1953). Pada 11 Jun 1956, Asas 50 menghantar satu lagi memorandum kepada kerajaan berhubung Penyata Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu 1956, bagi memastikan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan.

Dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, yang berlangsung di Singapura dan Johor Bahru pada 16 – 21 September 1956, Asas 50 mengemukakan memorandum yang penting tentang perjuangan bahasa dan sastera, iaitu penubuhan Balai Pustaka (kini Dewan Bahasa dan Pustaka), penyatuan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia, peranan bahasa Melayu di sekolah-sekolah, dan perkembangan bahasa Melayu dalam bidang sosial, ekonomi, kebudayaan, dan politik.

Anggota Asas 50 memperkembangkan kesusasteraan Melayu dengan menghasilkan cerpen dan sajak, seperti yang dimuatkan, antaranya, dalam *Awan Putih* (1958), *Mekar Dan Segar* (1959), *Gelombang* (1961), *Warna Suasana* (1962), dan *Patah Tumbuh* (1963).

Anggota Asas 50 bukan sahaja mencipta karya, malah turut pula memperkatakan tentang kesusasteraan melalui kritikan sastera dan 'Pidato Sastera' di radio, yang menempatkan Asas 50 sebagai pemula tradisi kritikan sastera yang tegas dan bersistematis.

Semenjak pemimpin utama Asas 50, seperti Keris Mas, Usman Awang, dan Asraf berpindah ke Kuala Lumpur, pimpinan Asas 50 diteruskan oleh tokoh-tokoh seperti Suratman Markasan, Masuri S.N., dan Mas. Tenaga kepimpinan dan jumlah ahlinya tidak besar, namun Asas 50 kini masih dapat melaksanakan pelbagai kegiatan, baik pada peringkat tempatan mahupun serantau, dalam bentuk dialog dan bengkel



**Anggota dan ahli jawatankuasa ASAS 50 bergambar ramai selepas penubuhan, pada Ogos 1950**

sastera, menerbitkan antologi, majalah sastera, dan kegiatan kesusasteraan pada peringkat serantau. Asas 50 Singapura mengusahakan pengumpulan antologi cerpen dan puisi oleh Mas (*Jangan Tak Ada*, 1988), A. Ghani Hamid (*Nona*, 1987), dan Mohamed Latiff Mohamed (*Danau Sukma*, 1988). Suratman Markasan pula menyelenggarakan antologi cerpen dan puisi yang masing-masing berjudul *Temasik* (1987) dan *Tiga Warna Bertemu* (1987). Asas 50 Singapura juga pernah menerbitkan majalah *Sasterawan*. Kegiatan serantau yang dilaksanakan oleh Asas 50 Singapura ialah Pertemuan Sasterawan Nusantara I (1977) dan Pertemuan Sasterawan Nusantara VII (1991).

Asas 50, semenjak ditubuhkan sehingga dilanjutkan oleh Asas 50 di Singapura, telah memperkaya, memperluas, dan mempertingkatkan nilai bahasa dan kesusasteraan Melayu. Asas 50 bukan sahaja dapat menyatukan pengarang Melayu dalam bentuk perkumpulan, tetapi juga dapat memperbaiki dan memelihara kedudukan serta kepentingan penulis dalam masyarakat serta mengeratkan hubungan pengarang-pengarang serantau.

– A.M. Thani (ed.) 1981. *Esei Sastera ASAS 50*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Abdullah Hussain (ed.) 1962. *Memoranda*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. • Keris Mas 1979. *30 Tahun Sekitar Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Suratman Markasan 1984. "Peranan Angkatan Sasterawan 50 dalam Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dan Sastera Melayu di Singapura" dlm. *Bahasa dan Sastera Nusantara: Sejarah dan Masa Depannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 102 – 122. • *Warisan ASAS 50*. 1981. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MOHD. THANI AHMAD

**ASKAR MELAYU** (1933), pasukan yang menjadi tulang belakang Angkatan Tentera Malaysia. Pasukan yang ditubuhkan pada 1 Mac 1933 di Depot Port Dickson, Negeri Sembilan ini memainkan peranan utama dalam usaha menentang gerakan pengganas di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak, juga menghadapi ancaman semasa Konfrontasi Malaysia-Indonesia dan menghadapi kegentingan kekacauan pada tahun 1969. Kecekapan rejimen ini menyebabkannya dipilih menganggotai pasukan keamanan Tentera Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu di Congo (kini Zaire) pada tahun 1960 – 1961, di Iran-Iraq (1989), dan di Namibia (1989).

Secara rasminya desakan penubuhannya dibuat oleh Jeneral Sir John French (1910), Inspektor Jeneral pasukan-pasukan di Seberang Laut. Pada tahun 1912, Jeneral Sir Ian Hamilton pula mengemukakan cadangan yang sama. Pada tahun 1913, Walter Frederick Nutt, ahli tidak rasmi dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan turut menyuarakan hal penubuhan pasukan tentera daripada anak-anak Melayu yang dinamakan Askar Melayu (*Malay Regiment*). Cadangan-cadangan berkenaan menimbulkan kesedaran di kalangan Raja-Raja Melayu.

Pada tahun 1915, Tuanku Muhammad Syah, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan menyuarakan hasrat mengembleng 20 000 pemuda Melayu untuk pertahanan tempatan. Pada tahun 1919, Pejabat Perang sibuk dengan masalah penggantian pasukan Malay States Guides yang dibubarkan dan terdapat kesukaran untuk menghantar satu batalion rejimen British atau rejimen Gurkha ke Tanah Melayu. Oleh sebab itu, Pejabat Perang mencadangkan penubuhan satu batalion Melayu untuk menggantikannya. Malangnya, cadangan penubuhan pasukan tentera ini ditentang oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, Arthur Young (1900–1919). Penubuhan batalion Melayu yang tidak diluluskan oleh kerajaan Inggeris ini digantikan dengan batalion pasukan Burma Rifles, daripada pasukan India yang dihantar ke Tanah Melayu. Bagaimanapun, kehadiran Burma Rifles tidak disenangi oleh orang-orang Melayu kerana tidak wajar mengharapkan tenaga orang luar bagi keperluan pertahanan negara, sedangkan ramai pemuda Melayu tidak mempunyai pekerjaan.

Sultan Iskandar Syah (Sultan Perak) kemudiannya berjaya mendesak Laurence Nunns Guillemard, Gabenor dan Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu menyediakan kertas cadangan penubuhan ini, tetapi ditolak oleh Pejabat Perang dan Pejabat Tanah Jajahan.

Meskipun Majlis Tentera menerima penubuhan Rejimen Askar Melayu pada tahun 1925, namun penubuhan rejimen ini tidak dapat dilaksanakan kerana masalah kewangan yang dihadapi akibat perbelanjaan besar Projek Pertahanan Strategi Singapura. Pesuruhjaya Polis Malaya meminta penubuhan rejimen ini ditangguhkan kerana bimbang tenaga pasukan polis akan terjejas. Setengah-setengah pihak berpendapat sokongan penubuhan rejimen ini lebih bersifat pertimbangan politik daripada pertimbangan ketenteraan.


Pada tahun 1930 Raja Chulan (Raja Di Hilir Perak), ahli tidak rasmi Majlis Perundangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, menyuarakan bahawa masalah kewangan Negeri-Negeri Melayu boleh diatasi dengan penubuhan rejimen Melayu. Enakmen Rejimen Melayu diluluskan pada tahun 1933. Bagi langkah permulaan membentuk pasukan Askar Melayu, pengambilan rekrut untuk Kompeni Percubaan Skuad Pertama diadakan. Seramai 25 orang pemuda Melayu diambil daripada 1000 pemuda yang memohon untuk menjalani latihan di Port Dickson. Rekrut skuad pertama dipilih daripada calon-calon yang diberi sokongan oleh orang-orang tertentu dan pernah menjalani latihan dalam pasukan sukarelawan atau polis. Pelatih skuad pertama ini dikhaskan kepada pemuda Melayu dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Melaka sahaja. Jangka



**Perbarisan Askar Melayu Diraja**



Pasukan Askar Melayu pertama yang ditubuhkan pada tahun 1933



Empat orang pegawai Askar Melayu yang pertama



Pakaian Seragam Askar Melayu 1933 Kiri: Pakaian latihan senjata, mufti, pakaian kawad



Pengisytiharan pengurniaan gelaran 'Diraja' kepada pasukan Askar Melayu oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (1958)

masa latihan ialah enam bulan. Dengan kejayaan kompeni percubaan tersebut, nama *Malay Regiment* atau Rejimen Askar Melayu digunakan dengan rasminya pada Januari 1936.

Pada Januari 1938 pasukan ini telah mengandungi Batalion Pertama, Ibu Pejabat Rejimen dan Sayap Pelatih. Menjelang Perang Dunia Kedua, Depot Rejimen ditubuhkan di Port Dickson dan usaha diambil bagi membuat persiapan perang. Batalion kedua ditubuhkan menjelang pendaratan Jepun. Semasa Perang Dunia Kedua, Askar Melayu mengawal pertahanan pantai Pasir Panjang, Singapura. Dalam peperangan di Singapura, Askar Melayu di bawah pimpinan tentera Inggeris bertahan sehingga British menyerah kalah pada 17 Februari 1942.

Usaha memulihkan Rejimen Askar Melayu bermula sejak penubuhan Unit Perancangan Malaya pada tahun 1943 di India. Menurut rancangan awal, Askar Melayu akan diganti kepada Askar Malaya (*Malayan Regiment*). Di bawah organisasi ini batalion-batalion Cina dan kaum lain akan dibentuk seperti organisasi pasukan tentera kolonial yang lain. Usaha tersebut tidak dilakukan apabila rancangan Southeast Asia Guides dibatalkan akibat kekalahan Jepun lebih awal. Semasa pentadbiran Tentera British, nama Rejimen Askar Melayu dicadangkan menjadi Rejimen Malaya yang terbuka kepada semua penduduk yang tinggal di Tanah Melayu lebih daripada 10 tahun. Dua batalion Melayu dan satu penubuhan batalion orang Cina dicadangkan kerana semangat menentang Malayan Union. Bagaimanapun, cadangan-cadangan ini dibatalkan.

Dalam rancangan Projek Tentera Malaya yang baharu,

pasukan Askar Melayu dibesarkan. Menjelang akhir tahun 1953, tujuh batalion ditubuhkan. Sehubungan ini pada tahun 1933 –1950, pasukan Askar Melayu dari segi organisasinya, merupakan rejimen tentera kolonial. Pada akhir tahun 1950 pasukan Askar Melayu ditingkatkan sebagai rejimen Tentera British. Pada tahun 1948, Majlis Tentera bercadang memberikan pegawai-pegawai Melayu taraf yang sama dengan pegawai-pegawai British dalam pasukan Askar Melayu, tetapi ditentang oleh pegawai-pegawai British sendiri. Ini berkait rapat dengan Perintah Tentera No. 98, Oktober 1948, yang meletakkan pegawai tanpa tauliah dan 'subaltern' kulit putih di bawah perintah pegawai-pegawai Melayu. Perintah ini dengan sengaja tidak dilaksanakan di Tanah Melayu. Isu ketidakadilan status dan ketiadaan peluang latihan timbul bersama isu Tunku Osman Tunku Mohd Jewa dan Ibrahim Ismail. Tunku Osman yang ditauliah dalam rejimen British tidak diiktiraf apabila dia memasuki Askar Melayu pada 31 Januari 1947. Begitu juga dengan Ibrahim Ismail yang menyertai Tentera India. Dato' Onn bin Jaafar bersama-sama dengan Raja Tun Uda berusaha membawa perubahan kepada pasukan Askar Melayu. Perintah Tentera No. 98 dikuatkuasakan pada bulan September 1950.

Bagi mendaulatkan lagi kedudukan Askar Melayu dalam negara yang sudah merdeka, pada 1 Mac 1958 sempena menyambut ulang tahunnya yang ke-25, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan menganugerahkan gelaran 'Diraja' kepada pasukan ini. Bermula pada tarikh itu, pasukan rejimen ini dikenali dengan nama Askar Melayu Diraja. Dari saat ini berkibarlah panji-panji kedaulatan Askar Melayu menaungi keperibadiannya ke arah sebuah pasukan tentera yang tulen menjadi milik negara, bangsa dan Raja-Raja Melayu.

[redacted] – Public Record Office. *War Office. Colonial Office. Records of the Cabinet.* Centre of Military Archives, King's College, London. • India Office Library, London. Imperial War Museum, London. • Surat-surat Persendirian Rhodes House, Oxford.

NADZAN HARON

# B

**BABAS**, denda adat amalan orang Dusun di Sabah untuk menghilangkan rasa marah, benci dan dendam seseorang terhadap orang yang pernah berkelahi dengannya. Amalan ini mewajibkan seseorang memberikan sejenis binatang ternakan kepada orang yang dibencinya. Babas penting bagi orang-orang Dusun/Kadazan kerana perasaan benci yang terpendam di hati sanubari seseorang mungkin mencetuskan sesuatu yang tidak diingini pada masa lain, dan mengganggu kedamaian bukan sahaja antara individu tetapi juga seluruh kampung. Apabila konflik berlaku, masyarakat berada dalam keadaan tidak tenteram. Justeru adalah wajar sekiranya perasaan marah, benci dan dendam dihapuskan demi kedamaian kampung.

Binatang ternakan yang diberikan sebagai babas ialah seekor ayam atau lima ekor kerbau. Bilangannya bergantung pada corak konflik, dan sama ada membabitkan pihak lain. Misalnya, setelah bergaduh dengan A, B mendapati bahawa lawannya itu bercakap benar. Oleh itu B harus memberi A babas seekor ayam. Dalam kes yang lain, sepasang suami isteri telah bercerai sebagai akibat tindakan curang suami. Apabila mereka mengambil keputusan untuk berbalik semula, suami harus memberi isterinya babas seekor kerbau. Babas diberikan juga oleh seorang lelaki kepada anggota keluarga perempuan yang ingin dikahwininya, sekiranya dia membantah perkahwinan itu atas sebab-sebab tertentu.

SHARIFAH ZALEHA SYED HASSAN

**BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU**, peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan atau sebagai alat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan moden seperti fizik, kimia, kejuruteraan, perubatan, ekonomi, undang-undang, kesusasteraan, dan agama. Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu dapat berfungsi sebagai bahasa akademik yang lengkap dengan laras bahasa bagi memperkatakan pelbagai hal baharu dalam aneka bidang ilmu moden. Dalam bidang kejuruteraan, misalnya, bahasa Melayu mempunyai laras bahasa yang khusus untuk menerangkan hal-hal tentang pelbagai aspek bidang kejuruteraan, seperti kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik dan elektronik, kejuruteraan mekanikal, dan kejuruteraan kimia. Begitu juga dalam bidang perubatan; bahasa Melayu sudah mempunyai laras bahasa perubatan untuk memperkatakan bidang anatomi, biokimia, farmakologi, fisiologi, mikrobiologi perubatan, obstetrik dan ginakologi, optalmologi, otorhinolaringologi, parasitologi, patologi,

pediatrik, perubatan psikologi, perubatan kemasyarakatan, dan surgeri dengan tepat.

Dalam bidang-bidang lain juga bahasa Melayu sudah mempunyai perbendaharaan kata, istilah dan cara pengungkapan yang sesuai untuk memperkatakan konsep dan pemikiran yang kompleks dan abstrak. Ringkasnya, bahasa Melayu sudah dapat berperanan setaraf dengan bahasa-bahasa lain di dunia seperti bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Jerman, dan bahasa Jepun dalam memperkatakan pelbagai bidang ilmu moden.

Untuk menjalankan tugasnya sebagai bahasa saluran ilmu pengetahuan, bahasa Melayu telah mengalami proses pembinaan dan pengembangan. Lebih tegas, bahasa Melayu telah mengalami proses *keintelektualan bahasa*. Keintelektualan bahasa bermakna keupayaan menyampaikan buah fikiran dan hujah dengan tepat dan berkesan, dan keupayaan mengungkapkan buah fikiran yang kompleks dan tinggi dengan jelas dan kemas. Keintelektualan bahasa Melayu telah dicapai melalui pengayaan perbendaharaan kata, terutama pembinaan istilah-istilah teknikal dan khusus, pemantapan sistem tatabahasa, dan penyediaan kamus serta bahan-bahan rujukan yang lain. Ciri keintelektualan bahasa yang dicapai oleh bahasa Melayu ini dapat dilihat pada laras-laras ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu moden.

Keintelektualan bahasa Melayu dibantu oleh kewujudan ciri-ciri kesempurnaan bahasa yang sedia ada. Antaranya termasuklah sifat-sifat *kestabilan, kelenturan, kepelbagaian* dan *keindahan*. Sifat kestabilan berkaitan dengan adanya peraturan atau sistem yang mendasari penggunaan bahasa Melayu, misalnya sistem sebutan, sistem imbuhan dan proses pembentukan kata, dan struktur serta pola-pola ayat. Peraturan atau sistem penggunaan pelbagai aspek bahasa ini penting, kerana tanpa peraturan atau sistem ini, kestabilan bahasa tidak mungkin dicapai. Bahasa yang stabil perlu mempunyai peraturan tentang penggunaan struktur dan binaannya dengan jelas supaya senang difahami dan dikuasai oleh pengguna bahasa. Segala peraturan dan sistem ini sudah pun ada pada bahasa Melayu, dan sifat ini telah menjadi asas bagi pemantapan bahasa Melayu.

Selain mempunyai sifat kestabilan, bahasa Melayu juga mempunyai ciri kelenturan. Maksudnya, bahasa Melayu dapat menyesuaikan dan disesuaikan dengan alam sekitar dan pembaharuan-pembaharuan yang berlaku dalam masyarakat penuturnya. Bahasa Melayu kini sudah demikian sempurna sehingga dapat ditutur mengikut perubahan masa dan selera penuturnya tanpa mengorbankan sifat-sifat aslinya. Misalnya, dalam bidang ejaan dan sebutan, bahasa Melayu, yang pada satu ketika dahulu tidak mempunyai beberapa bunyi dan fonem tertentu, melalui pertembungan dengan dunia luar telah meminjam unsur-unsur kebudayaan asing, yang nama dan perkataan juga turut dipinjam dan digunakan.

Perkataan-perkataan dan bunyi-bunyi tertentu yang tidak ada dalam bahasa Melayu telah menjadi sebati dan sebahagian daripada bahasa Melayu, misalnya bunyi-bunyi *f, sy, kh, z, gh*, dan sebagainya, seperti dalam perkataan *fitnah, fonem, syaitan, kesyen, khabar, khusus, zamrud, zakat* dan *ghaib*.

Bahasa Melayu juga sudah mempunyai ciri kepelbagaian. Selaku bahasa yang berfungsi sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu mempunyai berbagai-bagai cara atau gaya penyampaian untuk melahirkan mesej dan kesan yang berlainan. Contohnya, meminta seseorang membuka suis kipas angin kerana hawa di dalam bilik itu panas dapat disampaikan melalui beberapa cara, seperti secara langsung, menggunakan kias ibarat, sindir, dan arahan.

Satu lagi ciri yang ada pada bahasa Melayu ialah ciri kebekesanan. Maksudnya, bahasa Melayu yang sempurna mampu dan berkeupayaan menyampaikan mesej dengan tepat dan berkesan, melalui perkataan, istilah, susunan frasa dan ayat yang lengkap, baik, sesuai dan tepat. Ciri bahasa ilmu seterusnya yang terdapat pada bahasa Melayu ialah ciri *keindahan bahasa*. Bahasa yang digunakan untuk melahirkan perasaan, pendapat dan buah fikiran itu haruslah mempunyai perkataan yang sedap didengar, bertenaga dan menarik, dan dapat menyentuh perasaan hati pembaca dan pendengar. Bahasa yang mengandungi unsur-unsur ini banyak terdapat dalam laras sastera. Namun demikian, bahasa indah ini terdapat juga dalam bidang-bidang lain.

Kemampuan bahasa Melayu untuk memainkan peranannya sebagai bahasa ilmu diperkukuh melalui pembinaan dan pengembangan dalam bidang peristilahan, penghasilan buku teks, kamus, majalah dan bahan-bahan bacaan yang diterbitkan dan tersebar luas untuk kegunaan para pelajar di sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan universiti. Dari segi peristilahan, jumlahnya kini melebihi 600 000, yang meliputi 500 bidang dan subbidang ilmu. Ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dari segi buku teks untuk kegunaan di pusat-pusat pengajian tinggi, DBP dengan bantuan pensyarah-pensyarah di pusat-pusat pengajian tinggi serta pakar pelbagai ilmu di negara ini telah berjaya menerbitkan sejumlah buku teks yang agak banyak juga. Di samping itu terdapat majalah dan buku-buku rujukan untuk pelbagai bidang.

Apabila dilihat pada buku teks, kamus, majalah, istilah dan bahan-bahan bacaan yang diterbitkan dalam bahasa Melayu untuk kegunaan para pelajar di sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi, baik oleh DBP mahupun penerbit-penerbit swasta, dan berpegang pada hakikat bahawa bahasa Melayu sudah pun mempunyai sifat *keintelektualan bahasa* dan *kesempurnaan bahasa*, maka dapatlah disimpulkan bahawa bahasa Melayu sudah pun berjaya menjadi bahasa ilmu.

– Awang Had Salleh 1981 *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. • Hassan Ahmad 1988 *Bahasa, Sastera, Buku, Cetusan Fikiran Hassan Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Nik Safiah Karim 1986 *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, dengan kerjasama Nurin Enterprise.

ABDUL HAMID MAHMOOD

**BANGAU**, ciptaan yang terdapat di bahagian haluan sesebuah perahu nelayan. Bangau perahu hanya terdapat pada perahu-perahu kecil nelayan yang menggunakan dayung dan layar. Contoh perahu-perahu nelayan yang memiliki bangau ialah kolek, perahu bedar, perahu sekoci, perahu kolek kue dan payang. Ciptaan ini dinamakan bangau perahu kerana bentuk ciptaan asalnya menyerupai kepala seekor burung bangau.

Fungsi asas bangau adalah sebagai tempat untuk meletakkan tiang layar apabila perahu berlabuh dan layar tidak digunakan lagi. Selain itu, bangau digunakan juga sebagai tempat meletakkan galah dan dayung supaya perahu tidak tergolek ke dalam air. Pada masa belayar, bangau digunakan sebagai tempat mengikat layar dan apabila perahu berlabuh, bangau



**Ukiran-ukiran halus seperti awan larat, dedaun dan kerawang banyak terdapat pada perahu-perahu nelayan**

digunakan sebagai tempat mengikat sauh. Bangau membantu para nelayan sebagai tempat berpegang, apabila perahu disorong ke darat. Bentuk asas bangau perahu diperbuat daripada sebatang kayu atau sekeping papan yang dilintangkan di haluan perahu. Kayu atau papan yang digunakan mestilah bercabang dan boleh digunakan sebagai penyangkut atau tempat mengikat tali.

Terdapat tiga bahagian bentuk bangau perahu. Bahagian pertama dan terpenting ialah bahagian kepala bangau. Kepala bangau terletak di sebelah kiri haluan perahu. Bahagian kedua bangau perahu dikenali pula sebagai okok atau anak bangau yang diletakkan di sebelah kanan haluan, bertentangan dengan kepala bangau. Fungsi okok, sama ada okok kail atau okok tengah, sama dengan bangau. Bahagian ketiga bangau perahu dikenal sebagai caping, iaitu penyambung di antara bangau perahu dengan badan haluan perahu. Biasanya caping berbentuk tiga segi dan diukir dengan daun-daun beringin yang terdapat di dalam wayang kulit. Walau bagaimanapun, dewasa ini terdapat juga ukiran-ukiran seperti bendera, kalimah Allah dan Muhammad, dan lain-lain.

Pada mulanya, bangau perahu dicipta untuk tujuan asas sahaja, tetapi kemudian diberi ukiran secara meluas untuk memaparkan nilai-nilai estetik, seperti awan larat, bentuk dedaun, kerawang dan lain-lain. Ukiran-ukiran halus pada bangau perahu banyak terdapat pada perahu-perahu nelayan Pantai Timur. Dari segi simbolnya, bentuk kepala burung bangau dipilih kerana burung ini cekap menangkap ikan. Kehidupan burung ini serupalah dengan kehidupan para nelayan; rezeki mereka bergantung pada penangkapan ikan semata-mata. Daripada bentuk kepala bangau, tercipta pula bentuk kepala-kepala burung yang lain.

Mengikut kepercayaan, para nelayan percaya akan wujudnya hantu atau penunggu laut yang akan menganiaya mereka yang kurang berwaspada. Bangau perahu inilah yang menjadi mata perahu, yang sentiasa mengawasi dan mengawal setiap gerak-geri perahu, agar terselamat daripada sebarang bahaya dan malapetaka.

Bangau perahu merupakan simbol semangat yang amat diperlukan juga oleh para nelayan apabila mereka ke laut. Maka kedapatan bangau perahu yang dibentuk mengikut bentuk kepala Raja Bota dan Hanuman yang melambangkan watak-watak perkasa dan gagah berani. Oleh sebab percaya bahawa bangau merupakan semangat perahu, maka pada satu ketika dahulu banyak nelayan yang memuja dan memelihara bangau perahu mereka dengan membuat persembahan, kalungan bunga pada hari-hari tertentu atau sewaktu upacara membasuh perahu.

Seorang bomoh yang pakar dalam bidang ini diundang untuk menjalankan upacara membasuh perahu tersebut. Barang-barang yang diperlukan dalam upacara khas ini ialah mayang pinang, mayang kelapa, bunga melur, dan sesikat pisang lemak manis. Selepas jampi mantera dibaca dan bangau selesai disucikan dan dirahmatkan dengan menggunakan mayang pinang dan mayang kelapa, bunga melur akan dikalungkan ke leher bangau. Pisang lemak manis pula akan dipersembahkan kepada bangau sebagai pemujaan semangatnya. Upacara membasuh perahu ini secara simboliknya menyatakan bahawa bangau perahu itu sesuatu yang suci dan patut dimuliakan.

Beberapa pantang larang perlu dipatuhi oleh para nelayan untuk menjaga agar semangat perahu tidak berasa terhina dan merajuk. Mereka ditegah melangkahi bangau perahu kerana perbuatan ini dipercayai akan mendatangkan kecelakaan dan kemudaratan sewaktu di laut. Pada masa yang sama, semangat bangau perahu yang merajuk akan menyebabkan tersekatnya pintu rezeki. Para nelayan dilarang sama sekali buang air kecil

atau air besar di sekitar kawasan bangau perahu. Perbuatan ini dianggap sebagai satu penghinaan semangat bangau dan para nelayan dipercayai akan terdedah kepada segala bencana dan malapetaka.

NORAZIT SELAT

**BANGSAWAN**, satu bentuk seni pentas dan merupakan teater gaya opera Malaysia dan Indonesia. Bangsawan menggunakan dialog yang pada sikuan-sikuan tertentu, diolah secara lagu atau puisi, dan mengamalkan gaya berlakon yang membawa gaya penonjolan gerak-geri. Kesan keseluruhan daripada teaternya berunsurkan melodrama.

Bangsawan sebagai teater tradisi tidak menggunakan skrip. Dengan berpandukan hanya kepada ringkasan cerita, pelakon-pelakon bangsawan dikehendaki menokok tambah secara spontan atau memperbaiki dialog sambil berlatih atau berlakon. Pengolahan begini memberikan keistimewaan dan kebebasan kepada anak wayang bangsawan, kerana jikalau kurang sambutan pada sesuatu persembahan, mereka dapat meningkatkan mutu pertunjukan pada waktu lain. Sebaliknya, jikalau sambutannya hangat, maka boleh pula mereka memanjangkan pertunjukan. Sesebuah cerita persembahan bangsawan dapat diselesaikan dalam satu malam persembahan atau diteruskan hingga tiga, lima atau tujuh malam untuk menyelesaikan satu cerita yang lengkap. Bertambah banyak malam untuk persembahan sesebuah kisah dalam bangsawan bererti bertambah pula teknik pemanjangan yang digunakan, antaranya penggunaan selingan atau acara sampingan di antara babak dan adegan; lagu tarik untuk sikuan suka dan duka; perlawanan silat dan keris; tarian dalam dan antara cerita; dan lawak jenaka dalam dan antara cerita.

Bangsawan mementingkan sistem set tirai dalam penggunaan latar sesuatu babak. Sistem set tirai dalam bangsawan sangat sesuai dengan corak teaternya yang berbentuk prosinum yang memberikan kesan persembahan seperti bingkai gambar. Persembahan bangsawan menggunakan antara tiga hingga tujuh set tirai pemandangan tertentu. Antaranya, termasuklah tirai kosong, tirai hutan, tirai istana, tirai tepi pantai laut, tirai awan, tirai kampung, dan tirai gua batu. Sistem penggunaan set tirai adalah dengan cara tarik, iaitu diturunnaikkan bagi set latar dengan sokongan set kepingan yang ditolak tarik, serta set kepingan tetap yang selalunya diluluskan pada sayap kiri dan sayap kanan pentas, yang dipanggil sebing dalam sistem set bangsawan.

Bangsawan mempunyai repertoir yang khusus dengan mengutamakan kisah raja-raja zaman silam, sama ada dari dunia atau kayangan. Tumpuan cerita biasanya pada kegemilangan atau kedurjanaan zaman tertentu. Rakyat jelata pula terdiri daripada pahlawan handalan, putera puteri yang cantik, hamba sahaya yang bodoh atau lucu, dan watak jahat yang terdiri daripada golongan jin, raksasa atau manusia. Kostum dalam bangsawan mematuhi corak cerita.

Bangsawan mempunyai gaya berlakon yang sesuai dengan pemilihan repertoir. Keseluruhan persembahan bangsawan sangat bergaya, iaitu penggayaan gerak-geri dan unsur pandangan yang hebat, umpamanya gerak-geri sengaja dilebih-lebihkan, sementara kostum, set tirai, dan set prop dilukis dengan indah. Dialog diolah supaya jelas menunjukkan perbezaan kedudukan antara golongan raja dengan golongan rakyat.



**Bangsawan: Teater gaya opera di Malaysia dan Indonesia yang mengutamakan k raja-raja dan alam kayangan**

Bangsawan berkembang setelah jatuhnya kumpulan wayang berbahasa Hindi di Pulau Pinang pada sekitar tahun 1870-an. Mohammad Pusi, hartawan dari Pulau Pinang telah menubuhkan kumpulan wayangnya yang sendiri bernama Pushi Indera Bangsawan of Penang. Kumpulannya memulakan tradisi persembahan bangsawan untuk tujuan komersial. Bangsawan ini mula membuat persembahan pertamanya pada sekitar awal tahun 1880-an dengan menggunakan bahasa Melayu. Setelah itu beberapa kumpulan telah dibentuk yang membawa lalu wujud satu era pertunjukan bangsawan, yang bukan sahaja popular di Malaysia tetapi juga di Indonesia. Pada sekitar tahun 1920-an, nama bangsawan mula ditukar oleh beberapa kumpulan kepada nama opera, seperti Grand Opera dan Indera Bangsawan Opera. Perkataan 'opera' yang menggantikan 'bangsawan' itu mungkin hasil daripada meluasnya pendidikan bahasa dan budaya Inggeris di kalangan masyarakat setempat.

Bangsawan hanya mengalami persaingan dalam industri hiburan apabila muncul industri perfileman pada sekitar tahun 1930-an, kerana banyak tokoh bangsawan setempat yang menjadi pelakon filem. Peperangan Dunia Kedua pada awal tahun 1940-an dan Zaman Darurat pada tahun-tahun 1950-an turut meneenggelamkan industri bangsawan. Walau bagaimanapun bangsawan sebagai satu bentuk teater Melayu sudah bertapak dan terbentuk secara khusus dalam budaya Melayu. Bahkan pengaruh persembahan ala-bangsawan sangat ketara dalam industri perfileman pada zaman awal kegiatannya.

Kini bangsawan terus hidup melalui Kumpulan Bintang Timur di bawah kelolaan Rahman B. di Wilayah Persekutuan. Pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan membantu menghidupkan semula teater bangsawan melalui penyertaan kumpulan pertubuhan seni pentas di negeri-negeri seperti Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Pahang, dan Sarawak. Kegiatan kumpulan-kumpulan tersebut dibawa ke

dalam satu penyertaan tahunan yang disebut Manifestasi Bangsawan sejak tahun 1987 anjuran kementerian tersebut.

– Rahmah Bujang 1975. *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Rahmah Bujang 1989. *Seni Persembahan Bangsawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

RAHMAH BUJANG

**BARIP** (1946 – 1949), organisasi berunsur politik yang wujud di Brunei dan mempunyai cawangannya di Sabah. Barip ialah singkatan bagi Barisan Pemuda Society Sabah (Borneo Utara), yang ditubuhkan pada tahun 1946.

Barip ditubuhkan dengan tujuan untuk membaiki keadaan hidup masyarakat bumiputera yang lama tertindas oleh bangsa asing, menyatukan anak negeri di rantau Borneo British, dan bekerjasama dengan pertubuhan lain yang wujud, baik di Brunei mahupun di Sabah dan di Sarawak. Barip Brunei dipelopori oleh H.M. Salleh selaku ketua umum, dan P.M. Yusof sebagai naib ketua umum.

Cawangan Barip yang dibentuk di Sabah ialah Barip Papar, Tuaran, Jesselton (Kota Kinabalu), dan Labuan. Barip Labuan diketuai oleh Pangeran Ahmad, dan dibantu oleh Soeharto, iaitu seorang pemimpin masyarakat Indonesia di Labuan. Barip Jesselton dipimpin oleh Mandor Mohd. Sharif. Barip mendapat sokongan daripada pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Sabah (PKMS).

Kebanyakan ahli Barip terdiri daripada kerani kerajaan dan swasta, guru-guru Melayu, penghulu, dan peniaga kecil. Bendera merah putih Barip mencontoh gerakan kebangsaan kemerdekaan Indonesia. Ahli-ahli Barip dengan terang-terang dan terbuka menyatakan perjuangan mereka menyokong gerakan kemerdekaan Indonesia, dan sanjungan mereka terhadap pemimpin Indonesia. Kerajaan British pula mengambil tindakan secara halus untuk melemahkan Barip dengan memindahkan pemimpin yang terdiri daripada pegawai kerajaan, atau menaikkan pangkat mereka. Tindakan ini melemahkan Barip, dan akhirnya menjelang tahun 1949 Barip pun terkubur.

– Sabihah Osman 1986. "Perkembangan Politik Sabah", dlm. Hairi Abdullah dan rakan-rakan. *Sabah, Perubahan dalam Pembangunan*. Yayasan Sabah: Universiti Kebangsaan Malaysia. • *Dua Pergerakan Tetapi Satu Tujuan*. Fail Peribadi Datuk Hj. Zakaria Gunn. • CO 537/474 Political Intelligence Report Sept. 1949.

SABIHAH OSMAN

**BATIK**, seni tradisional Melayu dalam menghias corak kain dan bahan lain dengan motif hiasan dan bahan pewarna khusus. Batik dihasilkan daripada teknik mencorakkan tekstil melalui proses penerapan lilin dan pencelupan benang. Batik bererti juga kain mori yang diberi ragam hias dan diproses secara tradisional sebagai kain sarung oleh suku-suku bangsa di Indonesia dan di Malaysia.

Istilah umum yang digunakan ialah kain batik. Perkataan 'batik' berasal daripada bahasa Jawa, iaitu 'ambatik' yang bermaksud kain yang bercorakkan titik-titik kecil. Kemahiran serta kemampuan orang-orang Jawa menghasilkan batik yang bermutu tinggi sejak zaman tradisi lagi adalah faktor utama istilah batik menjadi istilah yang bersifat sarwajagat.

Perkembangan batik di Alam Melayu bermula sejak zaman kerajaan Srivijaya. Contoh terawal penciptaan batik asas setempat menggunakan kain pelangi atau bhadana tanpa menggunakan lilin. Teknik ikat dan celup ini menghasilkan tekstil serian batik yang indah.

**Proses dan Teknik** – Proses membatik menggunakan bahan celupan yang ditiru daripada teknik bhadana India, dan kain pelangi sutera Cina. Bagaimanapun, pembatik Melayu mengolah proses ini sehingga terciptanya teknik yang tersendiri. Proses penggunaan kayu atau sarang bunga adalah proses awal dalam batik Melayu. Pada keseluruhannya proses membatik menggunakan blok sahaja. Setiap motif atau corak yang berlainan menggunakan blok dan warna yang berasingan. Proses ini dimulai dengan mencelupkan kain dalam warna kuning atau putih dan selepas itu diterap dengan lilin pertama serta dicelup dengan warna gelap sedikit. Kemudian kain itu diterap kali kedua dan dicelup dengan warna yang lebih gelap. Demikianlah dan seterusnya hingga selesai. Apabila kain direbus dalam air yang mengandungi abu soda, warna yang berlainan sebagai hasil daripada penutupan blok-blok akan kelihatan.

Proses membatik yang paling tradisional ialah menconteng dengan canting. Canting digunakan sebagai alat untuk menerapkan campuran lilin panas pada kain yang hendak dicorakkan. Canting diperbuat daripada tembaga dan mempunyai saluran kecil di bahagian hujungnya untuk memudahkan proses menconteng. Pewarna disapu pada kain setelah menconteng kesemua motif. Tempat-tempat warna itu ditutup dengan lilin sebelum kain dicelup dalam warna latar belakang, dan kemudian direbus. Proses ini memakan masa dan memerlukan kepakaran pembatik. Proses dan teknik membatik bergabai-bagai, antaranya:


1. Batik Cap – Menggunakan dua jenis blok yang diperbuat daripada blok logam yang berukir, iaitu blok sarang memutih dan blok sarang penutup. Kain-kain yang siap dilakar dengan menggunakan blok sarang memutih diwarnai, dan ditutup dengan blok sarang penutup itu dan kemudian dicelup serta direbus. Campuran lilin akan cair dan corak motif kain akan kelihatan dengan warna latar belakangnya. Batik ini dikenal juga sebagai batik blok.

2. Batik Tulis – Menggunakan canting, sebagai alat bagi menerapkan campuran lilin pada kain yang hendak dicorakkan. Oleh sebab proses menerapkan campuran lilin seolah-olah proses menulis, maka batik jenis ini dikenal sebagai batik tulis. Proses menyiapkan sehelai batik tulis memerlukan masa yang agak lama. Batik tulis disebut sebagai batik asli, kerana seluruh tekniknya melibatkan teknik tradisional.


3. Batik Pelangi – Dihasilkan dengan teknik batik dan teknik ikat. Sebahagian daripada permukaan sehelai kain, misalnya, dicorakkan dengan teknik batik, dan pada sebahagian yang lain lagi dicorakkan dengan teknik batik ikat. Pada kebiasaannya, batik jenis ini bukan dihasilkan untuk tujuan pasaran tetapi semata-mata untuk memenuhi cita rasa estetika pembuat batik pelangi itu sendiri.

4. Batik Stensil – Menggunakan pemidang-pemidang yang seolah-olah bertindak sebagai stensil. Setiap motif yang









a. Proses mencelup kain dalam perusahaan batik
b. Proses mengecap batik
c. Sejenis motif batik eksklusif
d. Sejenis batik

terhasil memerlukan warna yang pekat untuk lebih terpapar pada permukaan, dan tidak ke dalam serat-serat kain. Kemudian, bahagian motif yang tersedia ini ditutup dengan campuran lilin dengan menggunakan blok sarang penutup, sebelum dicelup dan direbus. Batik stensil memperlihatkan kejelasan warna latar belakang pada kedua-dua bahagian permukaan kain, sedangkan warna motif hanya jelas pada sesuatu bahagian permukaan, iaitu pada bahagian yang telah diberi warna secara langsung.

5. Batik Cetak Luah – Menggunakan teknik batik dan teknik cetak luah. Pada dasarnya, batik jenis ini memperlihatkan corak retak seribu dalam warna putih atau keputih-putihan dengan berlatarkan sesuatu warna tertentu. Corak retak seribu ini terhasil dengan hanya menggunakan teknik batik, memperlihatkan sesuatu warna yang tertentu dan pada kebiasaannya berlatarbelakangkan warna putih kain.

6. Batik Eksklusif – Menggunakan kerja-kerja tangan dan hanya dapat dilakukan oleh mereka yang benar-benar mahir melukis. Penyediaan lakaran-lakaran motif dibuat dengan menggunakan canting. Setelah siap, lakaran-lakaran ini diwarnai dan disempurnakan sebagai hasil lukisan. Kemudian, bahagian-bahagian yang telah sempurna dilukis ditutup pula dengan campuran lilin dan seluruh kain dicelup bagi mendapatkan warna latar belakang. Kain tersebut seterusnya direbus untuk menanggalkan campuran lilin yang menutup lukisan-lukisan yang telah disediakan itu. Motif batik eksklusif dihadkan penggunaannya dan batik jenis ini adalah untuk baju kebaya atau fesyen lain, bukan untuk kain sarung.

**Ragam Hias** – Motif batik bukan sahaja memaparkan keindahan tetapi juga mempunyai tujuan tertentu. Antara corak-corak kain batik sarung ialah pokok, lasam, tangga mas, sinar mas, terang bulan, belah ketupat, jalur Malaysia, serong, retak seribu, Solo, ayam den lapeh, bintang sore, musang berjanggut, siku keluang, dan kijang berjuang.

Pada peringkat penggunaan blok kayu, reka corak batik begitu sederhana tetapi memperlihatkan variasi motif yang terdiri daripada bentuk titik, bulatan dan garis untuk membentuk susunan anting-anting atau bunga mala, bunga bintang, dan bunga bebaling. Unsur alam tumbuhan diilhamkan

daripada bentuk bunga, putik, kelainan daun, ranting atau pucuk yang disusun tunggal, menjalar datar atau bertabur. Kain batik sarung corak lasam, tangga mas, sinar mas, dan belah ketupat memperlihatkan variasi susunan motif.

Dalam perkembangan hari ini, penggunaan corak batik tidak terhad pada kain batik sarung atau batik lepas tetapi dipelbagaikan kegunaannya, iaitu sebagai kemeja, gaun wanita, sarung bantal, alas meja, hiasan dinding, beg dan lain-lain. Cara pembuatannya mengalami perubahan juga, iaitu daripada cara tradisional bertulis tangan kepada teknik mencetak moden. Motifnya lebih sarwajagat terutama dari segi pemilihan warna dan jenis kain.

ABDULLAH JUMAIN ABU SAMAH

**BATU BERSURAT**, warisan sejarah dan budaya yang penting dalam tamadun Melayu-Islam di Nusantara. Penemuan batu-batu bersurat ini membuktikan kewujudan bahasa dan tulisan Melayu Kuno sebelum munculnya tulisan jawi dengan kedatangan pengaruh Islam.

Batu-batu bersurat membantu ahli sejarah memberikan tarikh era-era tertentu dalam persejarahan. Misalnya, monumen-monumen (termasuk batu nisan) yang dijumpai di sepanjang laluan perdagangan Arab di kepulauan Melayu sehingga ke negeri China, menunjukkan tempat-tempat yang awal dilawati atau didiami oleh keluarga pedagang Arab serta ulama Arab-Parsi.

**Batu-batu Bersurat di Nusantara** – Dua buah batu bersurat sebelum abad ke-11 ditemu di Wilayah Phan-rang, Selatan Champa. Kawasan ini suatu ketika dahulu pernah dimiliki oleh orang-orang Cham, iaitu satu masyarakat kuno berbangsa Malayo-Polynesia yang kebanyakannya beragama Islam; mengamalkan sistem saka dan mempunyai hubungan rapat dari segi etnologi, bahasa, kebudayaan serta sejarah dengan orang-orang Melayu di Nusantara. Monumen pertama ialah sebuah batu nisan dengan tulisan arab bentuk kufi bertarikh 1039 Masihi. Batu bersurat yang kedua ialah tanda bertulis dengan ungkapan perundangan berkaitan dengan pembayaran cukai, hutang dan sebagainya.

Di Brunei Darussalam, sebuah batu nisan yang terukir dengan nama dan tarikh kematian ditemukan di kawasan perkuburan berhampiran Jalan Residensi, di Bandar Seri Begawan. Batu nisan ini kepunyaan seorang wanita yang bernama Makhdarah (Rogayah) yang meninggal dunia pada tahun 440 Hijrah (1048). Siapakah wanita itu dan apakah pentingnya kepada sejarah Brunei masih belum dapat dipastikan.

Batu-batu bersurat, khususnya batu nisan yang berusia tua di daerah Aceh, kebanyakannya ditemu di Lhoksuemawe, letaknya tapak kerajaan Samudera/Pasai. Antara makam yang tertua makam Malik al-Salih (Raja Pasai), makam Malik al-Thahir (1326), makam Maulana Abdullah ibnu Muhammad ibnu Abdul Kadir di Kota Karang (1407), makam Maulana Abdul Rahman al-Parsi di Kompleks Teuku di Iboih (1413), makam Yaakub di Perkuburan Blang Peuria (1428), makam Ratu Nahrisyah, Puteri Pasai, Kampung Meunasah Minye Tujuh, Aceh Utara (1428), dan makam Naina Hisamuddin bin Naina Amin di Kompleks Teuku di Iboih. Inskripsi-inskripsi yang terukir pada batu nisan tersebut terdiri daripada tiga jenis bentuk yang berlainan. Nisan di makam Malik al-Salih meng-



Makam Sultan Malik al-Salih, antara makam yang tertua di Nusantara

gunakan batu nisan Aceh (Batu Aceh) yang bertaburan di sepanjang jalan raya dari Banda Aceh ke pantai Tanjung Batu. Batu ini terdiri daripada jenis batu yang dikenal oleh masyarakat setempat sebagai Batu Meurassa. Batu jenis ini biasanya berwarna kelabu serta sedikit kemerah-merahan.

Makam Sultan Malik al-Zahir (Thahir) yang terletak di sisi makam Malik al-Salih yang mangkat pada tahun 1326 pula tidak menggunakan jenis batu nisan Aceh, sebaliknya menggunakan batu granit atau batu pejal. Batu jenis ini amat keras dan sukar diukir. Mungkin inilah sebabnya nisan tersebut tidak banyak mengandungi ukiran atau berkerawang seperti kebanyakan batu nisan Aceh. Batu nisan Ratu al-Ala binti Sultan Malik al-Zahir (Thahir) pula mempunyai dua bentuk tulisan, iaitu huruf Jawa kuno bertarikh 14 Zulhijjah sanah 791 dan huruf Arab bertarikh 14 Zulhijjah 781. Tarikh yang tidak sama pada dua batu nisan tersebut mungkin kesilapan tukang pahat. Tarikh sebenar antara kedua-dua ini tidak dapat dipastikan. Bentuk batu nisan Ratu al-Ala ini hampir sama dengan bentuk batu nisan pada makam orang Islam zaman Kerajaan Majapahit di Trowulan.

Walaupun tulisan arab mula diterima oleh penduduk setempat dan diukir pada batu-batu nisan, tetapi di tempat-tempat pengaruh Islam kurang diberi penekanan, batu-batu nisan masih diukir dengan tulisan sanskrit atau kawi secara berleluasa, seperti yang dijumpai di Sumatera dan Jawa Tengah serta Utara.

Di Sumatera, batu-batu bersurat berusia tua ditemukan di Barus, Tapanuli Utara. Batu nisan Siti Tuhar Amisuri yang dijumpai di Barus dianggap paling tua usianya daripada sebarang bukti epigrafi yang bertarikh yang pernah dijumpai di Sumatera. Bagaimanapun makam ini masih menjadi tanda tanya. Sebuah lagi makam berusia tua yang dijumpai di Barus ialah makam Syekh Rukunuddin Imam Khatib. Inskripsi pada nisannya telah dapat dibaca dan bertarikh tahun 1400 Masihi. Penemuan batu-batu nisan ini membuktikan bahawa agama Islam sudah dianut dan sampai di Barus pada abad ke-13 atau lebih awal.

Batu nisan yang paling tua di Jawa ialah batu nisan Fatimah binti Maimun bertarikh 419 Hijrah (1082) yang terletak di Leran dekat Gresik, Surabaya. Satu lagi tanda adanya permukiman Islam di Pulau Jawa pada abad ke-14 ialah penemuan batu-batu nisan yang bertarikh 1349 Masihi di Desa Troloyo (Trowulan) dekat Surabaya. Ini membuktikan bahawa pada zaman pemerintahan Kerajaan Majapahit yang berpusat di Trowulan itu sudah ada kelompok orang Islam yang hidup bercampur gaul dengan masyarakat di sekelilingnya, yang masih beragama Hindu-Buddha ataupun penganut kepercayaan animisme. Nama-nama yang terukir pada batu-batu nisan yang ditemukan di Nusantara menunjukkan bahawa mereka bukanlah terdiri daripada penduduk setempat. Oleh itu, sebelum akhir abad ke-13, penduduk setempat belum memeluk agama Islam secara beramai-ramai. Jikalau tidak, tentulah banyak terdapat batu nisan penduduk setempat yang bertulisan kufi.

Batu nisan pertama yang mempunyai tarikh, bertulis ayat al-Quran dan puisi berunsur sufi ialah batu nisan Makam Sultan Malik al-Salih, yang mangkat pada tahun 1297.

Di daerah-daerah tempat agama Islam mula meninggalkan kesan ke atas penduduk setempat, tulisan-tulisannya adalah dalam bentuk campuran bahasa Sanskrit atau Kawi atau Jawi dan Arab. Batu Bersurat Terengganu bertarikh 702 Hijrah (1303) adalah contoh terbaik daripada golongan ini. Batu ini serupa dengan batu bersurat yang ditemukan di Wilayah Phanrang. Berdasarkan persamaan ini, khususnya jenis tulisan, asal usul Champa dapat dikesan pada Batu Bersurat Terengganu. Batu ini ditulis dalam bahasa Melayu (tulisan jawi-arab) dan mengandungi satu jadual pendek yang terdiri daripada sepuluh undang-undang Melayu/Jawa setempat dan bahasa yang digunakan adalah istilah Jawa dan sanskrit.

Di kepulauan Melayu, satu campuran tulisan arab dan kawi ditemukan pada sebuah batu nisan di Pangkalan Kempas. Tulisan jawinya bertarikh 872 Hijrah (1467/1468) dan ditulis dengan ejaan perkataan tarikh Hijrah, iaitu tarikh pemerintahan Sultan Mansur Syah. Kandungan tulisannya serupa dengan yang terdapat pada batu Aceh, iaitu terdiri daripada nama, tarikh kematian, dan satu cogan kata berunsur agama.

Tulisan jawi-arab yang diukirkan pada batu-batu bersurat, bukan sahaja merupakan hasil seni yang amat menarik malahan sekaligus melambangkan ketinggian daya kreatif masyarakat Melayu pada zaman lampau. Tulisan pada batu bersurat merupakan rakaman terawal bahasa Melayu yang mencakup aspek perundang-undangan, bahasa, puisi, dan sufisme.

– Fatimi, S.Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Lt. • Hooker, M.B. 1978. *A Concise Legal History of South-East Asia*. Oxford: The Clarendon Press. • Jones, Russel 1971. *The Encyclopaedia of Islam*, s.v. "Indonesia". Jil. III, (Edisi Baru). Leiden: E.J. Brill. • Othman Mohd. Yatim 1988. *Batu Aceh: Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. • S.M. Naquib al-Attas 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Stutterheim, W.F. 1936. A Malay Shair in Old – Sumatran Characters of 1380 A.D. Acta Orientalis. Jil. XIV.

OTHMAN MOHD. YATIM

**BERPUAR**, istiadat menghalau semangat jahat yang diamalkan oleh petani-petani di Negeri Sembilan pada zaman dahulu. Pada masa ini istiadat ini tidak diamalkan lagi kerana bercanggah dengan agama Islam.

Berpuar bermaksud peperangan olok-olok untuk menghalau semangat jahat ke laut kerana mengancam tanaman padi petani. Peperangan olok-olok ini dilakonkan oleh para petani dengan bantuan seorang pawang. Berpuar dikenal juga sebagai istiadat bersengketa, iaitu perkelahian antara unsur baik dengan unsur jahat.

Puar ialah sejenis pokok yang tumbuh di lereng bukit. Berpuar merujuk kepada perbuatan simbolik melembing antara satu dengan yang lain, dengan menggunakan batang-batang puar. Kadangkala mereka membaling benda lain seperti batu, kayu dan lain-lain juga.

Istiadat berpuar yang diadakan tiga tahun sekali memakan masa selama tujuh hari. Masyarakat Melayu percaya bahawa tanaman yang tidak menjadi atau yang diserang oleh musuh seperti babi, tikus, atau serangga disebabkan oleh pengaruh semangat jahat.

Peranan pawang amat penting dalam istiadat berpuar ini. Sebagai persediaan, pawang memerlukan dahan-dahan pokok puar, selain batang keladi, daun sedingin, daun sambau, daun puding putih, daun puding merah, daun beribu padi, daun tampang besi, dan daun sebalik angin. Peralatan lain yang diperlukan ialah tepung tawar, kemenyan, ancak-ancak, canang, tombak benderang, ular-ular, tunggul, dan meruai (bendera).

Hari pertama istiadat ini dikenal sebagai hari melepaskan puar. Pada hari tersebut, orang-orang kampung dengan diketuai oleh pawang, pergi ke hulu sungai yang mengairi sawah di kampung itu untuk mencari sebatang pokok ara yang sesuai. Di bawah pokok ini, segala ramuan dan alat yang diperlukan disusun untuk istiadat berpuar. Istiadat berpuar bermula sebaik-baik sahaja pawang dan pengikut selesai mengerjakan sembahyang sunat.

Pawang mengambil empat dahan pokok puar dan mencampakkannya ke 'empat penjuru dunia'. Gong dipalu. Pawang dan orang-orangnya kemudian berarak balik menghalangi sawah sambil menjeritkan "hua! hua! hua!" untuk menakutkan dan mengusir semangat jahat yang ada ke laut. Mereka yang berarak dilarang berjalan mengikut batas sawah kerana perbuatan ini dianggap sebagai perbuatan biadap terhadap pawang.

Pada hari keempat istiadat ini, pawang akan mengarahkan orang-orang kampung mendirikan beberapa pelantar buluh yang dikenal juga sebagai jamuan, di beberapa tempat di persekitaran sungai yang mengairi sawah di kampung itu. Rombongan pawang yang datang dari hulu sungai dimulakan oleh anak-anak dayung yang membawa bendera dan gong kecil, diikuti oleh pawang yang diiringi dua orang pengapit yang merenjis-renjiskan air tepung tawar sewaktu berarak dengan menggunakan sehelai daun sepulih. Orang-orang kampung yang lain mengikut pawang tersebut dari belakang.

Rombongan ini disambut dengan tepak sirih. Setelah pawang duduk, istiadat berpuar dimulakan. Ahli-ahli rombongannya akan tampil ke hadapan jamuan berpasang-pasangan dan saling merejamkan dahan-dahan puar dan batang-batang keladi. Kadang-kadang mereka membalingkan batu juga. Tujuan peperangan olok-olok ini ialah untuk menunjukkan keberanian mereka dan untuk menakutkan

makhluk jahat yang merosakkan tanaman agar lari jauh ke laut. Peperangan olok-olok ini dilakukan di setiap jamuan yang didirikan. Sekiranya berlaku sebarang pergaduhan kecil sewaktu istiadat berpuar ini berlangsung, pawang akan mendenda mereka yang bersalah, dengan meminta maaf dan menyembahkan tepak sirih kepada pawang.

Istiadat ini diikuti oleh satu istiadat berpantang, selama tidak kurang daripada tiga hari, tetapi tidak melebihi tujuh hari. Pada masa ini, masyarakat setempat bukan sahaja dilarang mengalirkan darah binatang, tetapi dilarang juga mematahkan dahan-dahan kayu hidup.

Sebaik-baik sahaja masa berpantang ini tamat, orang-orang kampung dikehendaki mengorbankan dua ekor kerbau. Seekor daripada kerbau itu mestilah kerbau balar yang akan disembelih di kawasan hulu sungai, tempat istiadat berpuar dimulakan. Daging kerbau itu kemudian ditanam sebagai persembahan kepada makhluk halus yang jahat. Seekor kerbau lagi dikorbankan di sebelah hilir sungai – di tempat terakhir istiadat berpuar itu diadakan. Istiadat ini dikenali juga sebagai istiadat mati puar. Daging kerbau ini dibahagi-bahagikan ke setiap tuan rumah yang ada di kampung itu. Sebagai tanda terima kasih, setiap tuan rumah tersebut menghadiahkan segantang padi dan sesumpit emping kepada pawang apabila tiba musim menuai.

Pada musim menyemai, pawang meminta setiap mereka yang bersawah membawa secupak benih padi ke hulu sungai, tempat istiadat berpuar mula-mula diadakan. Padi benih itu akan dijampi dan diasapkemenyankan untuk menghalau sebarang semangat jahat yang ada. Para pesawah membawa benih padi ini pulang dan mencampurkannya dengan benih padi yang lain untuk disemaikan di tapak semaian.

Sekiranya tikus menyerang pokok-pokok padi, sekali lagi pesawah yang terlibat terpaksa bersama-sama dengan pawang pergi ke hulu sungai. Kali ini mereka akan membawa lengkuas sebanyak yang mungkin untuk dijampi dan diasapkemenyankan oleh pawang. Lengkuas ini dibawa pulang untuk ditumbuk dan ditaburkan di sekitar kawasan sawah untuk tujuan mengusir tikus-tikus yang menyerang pokok-pokok padi.

NORAZIT SELAT

**BINTANG RADIO** (1956 – 1969), pertandingan nyanyian tahunan yang popular di kalangan pendengar Radio Malaysia, sebelum adanya siaran televisyen. Pertandingan ini diperkenalkan pada tahun 1956 dan ditamatkan pada tahun 1969. Tujuannya ialah untuk mencungkil dan memupuk bakat baharu dalam bidang seni suara. Usaha ini menggalakkan lebih banyak penyanyi setempat memperbaiki mutu seni suara untuk rakaman piring hitam atau persembahan di kelab-kelab malam.

Setiap tahun, lebih daripada 1500 orang peserta mencuba bakat dalam pertandingan ini. Pada awalnya pertandingan Bintang Radio hanya memilih johan tanpa membahagikannya kepada beberapa kategori. Bagaimanapun, pada tahun 1958, dua kategori diperkenalkan, iaitu jenis asli dan langgam yang memberikan peluang kepada penyanyi untuk menonjolkan bakat serta memperbaikinya. Penyanyi juga dimestikan menyanyikan kedua-dua bahagian, iaitu asli dan langgam. Johan Bintang Radio Lelaki 1956 yang pertama ialah A. R. Sinwan (Pulau Pinang) manakala wanitanya ialah Zailan




**Bintang Radio: Satu usaha mencungkil bakat baharu dalam bidang seni suara**

Kamaruddin (Seremban).

Pada tahun 1961, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, memberikan sumbangan berupa dua hadiah istimewa, iaitu oskar yang berupa 'Patung Penyanyi' untuk penyanyi terbaik dalam kedua-dua kategori, selain piala rebutan. Pada tahun 1965, pertandingan lagu seriosa dan lawak jenaka diadakan buat pertama kalinya. Dondang sayang dipertandingkan pada tahun 1966 dan keroncong pada tahun 1967.

Pertandingan Bintang Radio berjaya mencungkil bakat-bakat baharu. Ada antara mereka yang berjaya dalam bidang seni suara sehingga kini. Bakat-bakat baharu yang muncul sebagai hasil daripada Bintang Radio, antaranya ialah M.Bakri (1957), Enah Yon (1957), Rahim Omar (1958), A. Dayang (1961), Fazidah Joned (1962), Mustapha Yon (1962), M. Ismail (1963), M.Y. Maznah (1963), Rafeah Buang (1964), Nik Hasni (1964), Maheran Hamid (1965), S. Ahmad (1966), M. Ibrahim (1967), Sarbanun Maricar (1967), A. J. Ajmain (1968), dan Habibah Yaakob (1968).

**BORIA**, seni pentas yang popular di Pulau Pinang. Pada masa dahulu, boria adalah sebuah pantomim dalam perayaan Muharam yang diraikan oleh golongan Syiah Islam sempena merakamkan takziah atas peristiwa Perang Karbala di Timur Tengah. Pantomim takziah yang terdapat di Pulau Pinang pada masa itu banyak dipengaruhi oleh acara perayaan Durgapuja dari India yang dibawa oleh askar India Islam Syiah.

Askar-askar India, yang tidak begitu mendalami soal-soal agama itu telah menonjolkan unsur-unsur sekular daripada perayaan Muharam itu sehingga unsur keagamaannya tenggelam. Malah antara pantomim takziah Karbala dengan ritual Hinduistik Durgapuja telah bercampur-baur perwatakannya. Ini adalah kerana sejak awal abad ke-19, sudah terdapat watak-watak pantomim takziah yang ditiru daripada ritual Hindu. Ertinya, pantomim takziah atau boria pada peringkat awal kegiatannya, walaupun berhubung rapat dengan perayaan Muharam dalam takwim Islam, tetapi sudah bertukar dan bersifat sekular-popular sebagai akibat pengaruh kepercayaan Hindu.

Kemudian bentuk boria ini diperkembang oleh keturunan Jawi Peranakan (perkahwinan campur pendatang India



Tukang karang memegang prop tangan berpakaian berbeza daripada sailor

dengan wanita setempat). Mereka telah mengolah pantomim takziah hingga cin-cin dan nama watak diberi unsur pewarnaan setempat, iaitu diubah atau ditambah dengan watak-watak burung atau haiwan. Harimau adalah binatang yang popular dalam senarai watak pantomim takziah Jawi Peranakan itu. Watak-watak lain ialah pengemis, orang Cina, orang Eropah dan sebagainya. Menjelang tahun-tahun 1870-an, kumpulan-kumpulan yang bersaingan seperti kumpulan bendera merah menentang kumpulan bendera putih diharamkan oleh pemerintah kolonial pada masa itu, berikutan Rusuhan 1867 yang tercetus di Pulau Pinang. Kumpulan-kumpulan boria yang selama ini bersaing sebagai kumpulan boria bendera merah menentang kumpulan boria bendera putih, turut terbabit. Pengharaman itu menamatkan kegiatan boria antara kumpulan. Kumpulan-kumpulan boria selepas itu hanya boleh terus bergiat dalam kawasan mereka sendiri.

Apabila persembahan boria mengalami perubahan sebagai akibat persaingan antara kumpulan kawasan kepada dalam kawasan kumpulan, corak persembahan boria disusun semula repertoirnya. Boria dipersembahkan dalam bentuk *burlesque*, iaitu bercampur dialog ejekan, cemuhan melalui pantun secara halus hingga kepada lemparan kata-kata kias atau terus-terang secara kasar. Peranan watak masih digunakan tetapi kemudian peranan ini berubah kepada ajuk watak wanita, lelaki, dan ahli-ahli terkemuka dalam masyarakat kumpulan itu sahaja. Perubahan ini, pada peringkat permulaannya bertujuan memelihara keamanan dengan pemerintah. Bentuk boria yang ada pada masa ini merupakan perkembangan yang wajar dan sesuai dengan keadaan semasa, baik pada pakaian, tempo lagu, pantun, dan sketsanya.

Boria mempunyai dua bahagian permainan, iaitu sketsa komik dan sikuan lagu tari. Kedua-dua bahagian itu dijalinkan dengan satu tema pembicaraan.

Sketsa komik melakonkan sesuatu masalah yang menjadi tumpuan persembahan boria itu. Sketsa komik boria lebih mementingkan lakonan kata dan dilakonkan oleh antara empat hingga enam pelakon lelaki yang melakonkan watak wanita atau orang kampung. Tokoh ketua dalam sketsa tersebut biasanya adalah watak penghulu, pegawai atau bapa saudara kepada watak-watak lain. Watak ketua ditakrifkan sebagai watak yang mempunyai kelokohan dan berhak menegur watak-watak lain dalam cerita.

Bahagian kedua ialah persembahan boria lagu tari, iaitu menyanyi sambil menari dalam satu kumpulan korus tentang masalah yang telah dilakonkan oleh sketsa komik. Tarian dan nyanyian korus dimainkan oleh antara 10 hingga 12 anak boria yang bergelar *sailor* dengan bimbingan seorang ketua yang membawakan lagu nyanyian. Ketua ini digelar tukang karang atau dalam masyarakat boria lebih dikenal sebagai *tekong*.

Tukang karang berdiri di bahagian tengah sebelah hadapan pentas. Di tangannya terdapat prop tangan daripada sebatang kayu lurus seperti tongkat. Tukang karang biasanya berpakaian seluar pantalon warna gelap seperti hitam atau biru tua, dipadankan dengan kemeja warna cerah satu warna sahaja. Di bahagian pinggang, terlilit bengkung berwarna garang, dan pakaian ini semua dilengkapkan dengan sehelai baju luar atau jaket.

Para sailor berdiri di belakang tukang karang dalam dua baris sejajar, dengan lima atau enam sailor setiap baris. Para sailor berpakaian seragam berseluar pantalon warna gelap atau putih, berkemeja yang sesuai warna serinya. Sebembah bahagian tari dan nyanyian korus dalam boria bermula apabila pancaragam memainkan lagu irama rancak ala-Barat seperti rumba dan ca-ca. Yang pentingnya rentak dan irama muzik itu boleh dipadankan dengan lagu yang menggunakan rangkap yang bersifat rangkap catur larik. Sesuai dengan irama rancak, kugiran digunakan untuk mengiringi persembahan nyanyian.

Tukang karang menyanyikan satu rangkap ke satu rangkap yang lain, sementara lagunya itu diselang-selikan oleh sailor dengan sambutan serangkap lagu korus yang mengandungi empat baris lagu. Jumlah rangkap tukang karang terdiri antara 12 hingga 20 rangkap untuk satu-satu lagu. Rangkap terakhir adalah rumusan keseluruhan lagu, serta ucapan meminta maaf atas segala kesilapan atau sindiran yang mungkin ada dalam lagunya itu. Bagaimanapun dalam rangkap itu juga tukang karang akan mengiakan segala sindiran yang telah dilagukannya pada rangkap-rangkap sebelumnya sekali lagi.

Penutup persembahan ialah lagu terakhir dan apabila selesai, sailor dan tukang karang akan membongkok kepada penonton sebagai tanda hormat sebelum meninggalkan pentas.

– Rahmah Bujang. 1987. *Boria: A Form of Malay Theatre*. Singapura: ISEAS.
– Rahmah Bujang. 1989. "The Boria of Penang: From Ritual to Popular Performance". dim. *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid 1. hlm. 98-114.


RAHMAH BUJANG

**BOROBUDUR**, candi terbesar di Indonesia, dibina di kaki Gunung Menoreh yang terletak di wilayah Desa Bumisegoro, dekat Kota Magelang, Jawa Timur.

Borobudur yang bererti 'Himpunan Kuil-kuil di atas Bukit' atau 'Himpunan Kebajikan dalam 10 Tingkatan Boddhisattva' mula dibina sekitar tahun 800 Masihi oleh kerajaan Sailendra, yang memerintah Jawa Tengah dari pertengahan abad kelapan hingga 830 Masihi. Kekuasaan wangsa itu lenyap pada pertengahan abad kesembilan Masihi. Seabad kemudian kegiatan politik dan budaya berpindah dari Jawa Tengah ke Jawa Timur.

Pembinaan candi ini bertujuan untuk memuliakan seorang raja yang mangkat dan bersatu kembali dengan dewa, iaitu asal keturunan raja. Bentuk candi Borobudur mewakili ciri khas bangunan yang dipersuntukkan bagi pemujaan roh nenek





Candi terbesar di Indonesia yang dibina untuk memuliakan raja yang mangkat dan bersatu kembali dengan dewa.

moyang. Susunan candi itu diperjelas lagi dengan reka bias yang menggambarkan pandangan hidup agama Buddha.

Sejarah pembinaan candi Borobudur masih belum diketahui. Bagaimanapun, sejarah awal penemuan candi ini bermula pada pertengahan abad ke-14 Masihi, apabila tersebarnya berita tentang kewujudan bangunan suci agama Buddha aliran Wajradhara yang bernama Budur. Budur yang disebut dalam kitab *Negarakartagama*, hasil karya Mpu Prapanca pada tahun 1365 itu ialah candi Borobudur. Dalam kitab *Babad Tanah Jawi* (1709), ada disebut Bukit Borobudur sebagai tempat pelarian Ki Mas Dana yang memberontak kepada Raja Amangkurat III dari Kerajaan Kartasura. Dalam kitab *Babad Mataram* (1757), tercatat kisah putera mahkota kesultanan Jogyakarta, Pangeran Mancanagara, mengalami nasib buruk di Borobudur. Sejak dibina pada tahun 800 hingga tahun 1700, keterangan tentang candi Borobudur amat sedikit.

Sewaktu pemerintahan Inggeris di Indonesia antara tahun 1811 – 1815, Gabenor Jeneral Sir Thomas Stamford Raffles memerintahkan Cornelius mengkaji Borobudur, berdasarkan laporan rakyat. Selama dua bulan Cornelius dibantu oleh 200 orang rakyat berjaya menemukan candi Borobudur yang diselubungi hutan yang tebal. Pada masa kekuasaan Belanda, Residen Kedu yang bernama Hartman (1834), mengusahakan pembersihan candi ini secara menyeluruh.

Reka bias candi Borobudur itu dilukis pertama kalinya oleh Schaefer pada tahun 1845. Pada tahun 1849, F.C.Wilsen, menghasilkan 476 lembar gambar reka bias Borobudur. Kemudian, pada tahun 1873, Leemans menerbitkan monograf berdasarkan huraian Brumund dan gambar daripada Wilsen.

Restorasi pertama dilakukan pada tahun 1907, yang dipimpin oleh seorang juruterа Belanda, Van Erp. Pada tahun 1972, restorasi mula dilakukan dan selesai seluruhnya pada tahun 1988. Salah seorang ahli arkeologi Indonesia dalam restorasi candi Borobudur yang mengambil masa terpanjang itu ialah Dr.R.Soekmono.

Dasar candi Borobudur berbentuk persegi empat yang panjangnya 123 meter dan tingginya 42 meter. Batu-batu yang digunakan berjumlah kira-kira 55.000 meter padu. Jumlah reka

hiasnya yang sepanjang 1500 meter itu tidak dapat dipastikan. Panjang reka hias yang timbul pada kanan dan kiri empat selasar candi ialah 2500 meter dan pada kaki 400 meter. Sedangkan luas reka hias timbul yang mengandung erti bersendirian ialah 1900 meter persegi. Jumlah patung Buddha seluruhnya ialah 504 buah. Jumlah dagoba dan torana, masing-masing 324 buah dan 1472 buah.

Bahagian bawah mewah dengan reka hias, seperti karangan bunga, biji-bijian, daun-daun, yang kesemuanya itu mendedahkan keindahan dan kemegahan kepercayaan Mahayana Sailendra. Adapun bahagian bawah yang penuh dengan aneka ragam hiasan boleh digolongkan kepada empat kelompok reka hias, iaitu (i) susunan sistematik gapura, torana, dagoba yang ritmit dan perulangan sistem itu dari atas ke bawah; (ii) kutamara atau pagar langkan dengan reka hias motif seperti torana, gapura, jalawadra (cucuran air), lingkungan karangan bunga; (iii) reka hias timbul yang melukiskan manusia daripada yang paling rendah hingga kepada yang paling tinggi dan kehidupan masyarakat yang sederhana sehingga ke alam baka, syurga dan neraka. Berbagai-bagai jenis manusia, penghuni syurga, manusia setengah dewa, gandharwa, naga atau tokoh lainnya dalam mitologi India; (iv) motif reka hias yang beragam, seperti bunga teratai, kala (kepala dahsyat dengan lidah menjulur keluar), kala makara, gana (orang kerdil), dagoba (bentuk genta dengan bulatan tegak di tengah), mutiara, kala berikal, jalawadra (pintu air, cucuran air).

Reka hias timbul pada dinding kutamara menceritakan *Jataka* dan *Awadana*, iaitu cerita riwayat Buddha pada zaman yang lalu yang menampakkan diri sebagai *Bodhisatwa* kerana perbuatan baiknya. Buddha wujud juga sebagai haiwan tertentu seperti kera. Cerita ini diambil daripada kitab Sanskrit *Jatakamala*. Cerita riwayat hidup Buddha terdapat pada 120 lukisan cerita yang diambil daripada kitab *Lalitawisastra*.

Candi Borobudur yang berbentuk stupa terdiri daripada tiga bahagian yang melambangkan tiga peringkat konsep kerohanian agama Buddha, iaitu Kamadhatu atau Kamawacara, Rupadhatu atau Rupawacara, dan Arupadhatu atau Arupawacara. Kamadhatu ialah daerah keinginan nafsu, daerah antara gelap dengan terang kerana 'kama' sama dengan raga atau mara. Hal yang didedahkan ialah kehidupan sehari-hari, muzik dan tarian, pelanggaran dan zina, pertengkaran dan pembunuhan, penyeksaan di neraka dan kenikmatan di syurga. Rupadhatu, daerah daripada bentuk-bentuk yang nampak jelas, yang dibahagi kepada empat tingkat atau petak untuk meditasi (dhyana). Daerah ini disebut dunia cahaya. Lapisan tertinggi ialah Arupadhatu, iaitu daerah daripada yang tidak berbentuk atau yang tidak nampak, dunia tanpa bentuk atau tanpa rupa yang merupakan syurga Brahma. Arupadhatu ialah penjejakan ke nirwana, iaitu suatu alam yang tidak dapat dilukiskan, kebebasan dan ketenangan sejati. Lapisan tiga susun ini mendedahkan mitologi puitik bagi muka bumi, udara dan langit.

Kaelan, Mendut, Pawon 1959. *Barabudur: Petundjuk Djandi*. Jogjakarta: Djawatan Kebudayaan, Dep.P.P. dan K. Tjabang Bagian Bahasa. • Soekmono 1973. *Satu Abad Usaha Penyelamatan Candi Borobudur*. Yogyakarta: Penerbitan Yayasan Kanisius.

JUDISTIRA K. GARNA

**BUKIT CINA**, kawasan yang pernah menjadi perkampungan rombongan Puteri Hang Li Po yang diutus oleh Maharaja Cina pada zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka, terletak di tengah-tengah bandar Melaka.

Bukit Cina adalah salah sebuah bukit dalam kompleks bukit-bukit yang terdapat berdekatan dengannya. Kompleks Bukit Cina mengandungi lima buah bukit, iaitu Bukit Tempurung, Bukit Cina, Bukit Tinggi, Bukit Tengah, dan Bukit Gedung. Setiap bukit dalam kompleks Bukit Cina ini mengandungi sekurang-kurangnya satu kesan sejarah.

Meskipun terdapat lima buah bukit dalam kompleks Bukit Cina, hanya Bukit Cina sahaja yang mula-mula disebut dalam sejarah negeri Melaka. *Sejarah Melayu* menceritakan bahawa Maharaja Cina yang ingin merapatkan perhubungannya dengan empayar Melaka menghantar anaknya, Puteri Hang Li Po dengan 500 orang dayang ke Melaka untuk dikahwinkan dengan Sultan Mansur Syah (1457–1477). Baginda memilih salah sebuah bukit yang ada berhampiran dengan Bukit Melaka (kini Bukit St. Paul) bagi kediaman isterinya, Hang Li Po, dan dayang-dayangnya. Di kaki bukit ini terdapat sebuah perigi untuk kegunaan isterinya, yang dinamai Perigi Raja atau Perigi Hang Li Po. Sejak peristiwa itu, bukit berkenaan dikenali dengan nama Bukit Cina.

Bukit Cina menjadi sasaran hampir semua penyerang Kota Melaka, sebagai lokasi strategik untuk menaklukkan Kota Melaka daripada Portugis. Misalnya pada tahun 1528–1564, Sultan Alauddin Riayat Syah II, dan para pengikutnya menggunakan Bukit Cina sebagai lokasi strategik untuk menyerang pertahanan Portugis di Bukit St. Paul. Johor, Aceh, Jepara, dan Belanda menggunakan bukit ini untuk melancarkan serangan ke atas Kota Melaka.

Pada pertengahan abad ke-17, Bukit Cina seluas 26 hektar dibeli oleh Li Kup @ Kapitan Li Wei King, dan diserahkan kepada Tokong Hoon Teng untuk dijadikan tempat pengebumian orang-orang Cina. Inilah permulaannya Bukit Cina menjadi tanah perkuburan orang-orang Cina di Kota Melaka.

Selepas dibenarkan menjadi tanah perkuburan orang-orang Cina, hanya sekali sahaja kompleks Bukit Cina menjadi sasaran serangan. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1784 apabila Raja Haji menyerang orang-orang Belanda di Kota Melaka. Raja Haji sendiri mendarat di Teluk Ketapang, menawan Bukit Senjuang, Bukit Cina, dan kemudian membedil Kota Melaka. Dikatakan sejumlah 240 orang askar Raja Haji ditempatkan di Bukit Cina semasa peperangan tersebut. Selepas peristiwa itu, Bukit Cina ditinggalkan, dan lama-kelamaan keseluruhan kompleks Bukit Cina itu dipenuhi kubur Cina.

Bukit Tengah tidak mengandungi sebarang kesan sejarah, tetapi Bukit Gedung mengandungi kubur-kubur Islam. Di kemuncak Bukit Gedung terdapat sebuah keramat yang dikenal dengan nama Keramat Panjang, yang dipercayai kubur seorang guru agama. Kubur-kubur Islam yang berhampiran dengannya dikatakan kepunyaan askar-askar Aceh yang gugur semasa peperangan Aceh-Portugis pada tahun 1628–1629, dan askar-askar Raja Haji yang terkorban semasa menyerang Melaka pada tahun 1784.

Kini, banyak peninggalan sejarah di kompleks Bukit Cina yang telah hilang. Tidak ada suatu blok batu pun daripada kesan-kesan sejarah lampau yang dapat ditemukan di Bukit Tinggi ataupun di Bukit Cina. Besar kemungkinannya bahawa

semua batu daripada kesan-kesan sejarah tersebut digunakan dalam pembinaan kubur-kubur yang terdapat di dalam kompleks tersebut.

– Abu Hassan Sham 1977. *Beberapa Aspek dari Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. • Pintado, Manuel J. 1980. *A Stroll Through Ancient Malacca*. Melaka: Loh Printing Press (M) Sdn. Bhd. • Shellabear, W.G. 1967. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. • Winstedt, R.O. 1935. "A History of Malaya" dlm. *JMBRAS*. 13:1, hlm.

OTHMAN MOHD. YATIM

**BUNGA MAS DAN PERAK**, sejenis hantaran yang dikirimkan oleh raja-raja Melayu di utara Semenanjung seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, dan Patani kepada kerajaan Siam pada zaman silam. Pengiriman ini dilakukan tiga tahun sekali.

Bunga ini berbentuk seakan-akan sebatang pohon bunga yang berdahan bertingkat-tingkat, diperbuat daripada emas dan perak yang bermutu. Daun-daunnya diperbuat daripada kepingan emas dan perak yang ditempa nipis seperti daun inai, dan panjangnya kira-kira 2.5 cm. Pohon yang menirus ke atas ini berdahan empat. Setiap dahan mempunyai tiga ranting, yang diselitkan dengan sehelai daun di pangkalnya dan empat helai lagi diletakkan di setiap ranting. Di hujung ranting diletakkan kuntum-kuntum bunga yang tiap-tiap satunya berkelopak empat. Biasanya di puncaknya diletakkan lambang seekor burung merbuk. Batang pohon itu diperbuat daripada kayu cengal bersalut emas dan kepingan perak yang ditempa nipis.

Pohon yang tingginya tidak kurang daripada 1.8 meter, termasuk tapaknya, asalnya mempunyai nilai yang berbeza antara satu negeri dengan negeri lain, bergantung kepada kemewahan dan jumlah penduduk negerinya. Bunga mas dari negeri Kedah bernilai $5000, sementara dari Patani bernilai $1000.

Perbelanjaan untuk membuat bunga mas dan perak sebahagiannya didapat daripada sistem cukai banci di Terengganu atau hasil repai di Kedah yang dikenakan ke atas penduduk negeri. Di Terengganu, setiap orang dewasa dimestikan membayar $1 setiap tahun. Di Kedah pula, hasil repai yang dikenakan ke atas penduduk negeri, iaitu orang Melayu/Siam sebanyak 56 sen seorang, orang Cina (peniaga) sebanyak $2.25 sen seorang dan orang Cina (pekerja) sebanyak 62 sen seorang.



Bunga mas ditempa oleh tukang emas terkenal di bawah pengawasan sultan

Bunga mas dan perak ini ditempa oleh tukang emas setempat yang terkenal dan memakan masa selama enam bulan. Di Kelantan, tukang mas yang membuat bunga mas pada tahun 1839 ialah Che Ismail (Kampung Atap Paloh), Che Yaacob (Kampung Kubang Pasu), Haji Nik Ismail (Kampung Langgar), Tukang Minah (Kampung Lorong Che Kadir), dan Tukang Dollah (Kampung Kubang Pasu). Bunga mas ini dibuat di surau Balai Besar di bawah pengawasan sultan sendiri.

Bunga mas ini dibawa ke Bangkok dengan sebuah kapal. Rombongan Kelantan ke Bangkok pada tahun 1840-an, diketuai oleh Nik Mohamed bin Nik Besar yang berasal dari Kampung Atas Banggol. Kapal yang membawa rombongan ini diberi nama Perahu Bunga Mas. Rombongan bunga mas sama ada dari Kelantan, Terengganu, ataupun Kedah terlebih dahulu singgah di Ligor (Nakornsithammarat). Dari sana rombongan ini diiringi oleh Pembesar Ligor hinggalah ke Bangkok.

Bersama-sama dengan bunga mas dan perak disertakan juga empat bilah lembing dengan tengkuk hulunya bersalut emas, sebilah keris yang bertatah, sebiji ketor, satu celepa, satu semberap (bekas sirih), dan dua bentuk cincin.

Sebagai balasannya, Raja Siam menghadiahkan barang-barang yang mewah yang lebih kurang senilai dengan bunga mas dan perak, termasuk beras dan garam kepada rombongan raja-raja Melayu tersebut.

Sejarah penghantaran bunga mas dan perak kepada kerajaan Siam telah wujud sejak abad ke-14 lagi, tetapi menjadi adat istiadat yang mantap hanya pada abad ke-17. *Hikayat Merong Mahawangsa* mencatatkan bahawa Kedah merupakan negeri Melayu yang terawal menghantar bunga mas dan perak kepada Raja Siam, yang kebetulan kekanda baginda sendiri, sebagai hadiah kerana memperolehi anak sulung. Sejak itu, bunga mas dihantar oleh Raja Kedah setiap kali kekandanya memperoleh anak. Sebagai balasannya, Raja Siam memberikan hadiah yang mahal-mahal kepada Raja Kedah, di samping berikrar akan mempertahankan Kedah daripada ancaman dari luar.

Mengikut sumber sejarah lisan, negeri Kelantan mula menghantar bunga mas dan perak kepada Siam pada masa pemerintahan Sultan Muhammad II, sebagai mengenang jasa baik Raja Siam kerana mengiktiraf baginda sebagai Raja Kelantan. Terengganu pula mula menghantar bunga mas kepada Siam semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah (1784–1789) sebagai membalas hadiah yang diberikan oleh Raja Siam kepada Terengganu setelah Terengganu membantu Siam mengalahkan Ligor.

Kerajaan Melayu pada awalnya juga menghantar bunga mas dan perak kepada Siam atas dasar persahabatan. Keadaan ini berbeza dengan kerajaan Melayu Patani. Pada awalnya Patani sebagaimana juga dengan negeri-negeri Melayu utara lain, menghantar bunga mas dan perak kepada Siam berasaskan persahabatan. Apabila Patani dikalahkan oleh Siam pada tahun 1785, Patani dipaksa menghantar ufti juga dalam bentuk bunga mas dan perak setiap tahun sebagai tanda taat setia kepada Siam.

NIK ANUAR NIK MAHMUD

**BUSTANUL KATIBIN**, kitab bahasa yang mengandungi pelajaran tentang ejaan jawi dan tatabahasa bahasa Melayu, dengan penyesuaian dan penerapan daripada sistem tatabahasa bahasa Arab. Kitab yang pada mulanya dihasilkan dalam bentuk cap batu di Pulau Penyengat ini telah dikarang oleh Raja Ali Haji (1809–1870) pada 20 Syaaban 1273 H bersamaan 15 April 1857.

Nama lengkap kitab ini ialah *Bustanul-Katibina Lis Subyanil-Mutaalamin*, yang terjemahannya secara harafiah dalam bahasa Melayu berbunyi *Kitab Perkebunan Jurutulis bagi Kanak-kanak yang Hendak Menuntut Belajar Akan Dia*.

*Bustanul Katibin* mengandungi 70 halaman, memuatkan *mukadimah* (pendahuluan), 31 fasal yang terbahagi kepada 10 fasal tentang kaedah ejaan jawi, 4 fasal tentang pembahagian kelas kata dan 17 fasal tentang analisis ayat, dan bahagian *khatimah* (penutup). Dapat juga dikatakan bahawa kitab ini mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian pertama memuatkan huraian tentang sistem penulisan bahasa Melayu (ejaan jawi), dan bahagian kedua merupakan usaha penerapan tatabahasa bahasa Arab ke dalam sistem bahasa Melayu. Mukadimah yang termuat juga menjelaskan bahawa kitab ini tidak menampilkan secara khusus analisis tatabahasa bahasa Melayu tetapi lebih mengemukakan sebuah buku pelajaran tentang bahasa Melayu dengan cara menerapkan dan menyesuaikannya daripada sistem tatabahasa bahasa Arab. Oleh itu, huraian yang diberikan oleh pengarangnya adalah dengan memindahkan secara langsung bentuk kata dan ayat bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab, kemudian diperkelaskan sesuai dengan kata dan kaedah tatabahasa bahasa Arab. Contohnya, kata partikel *yang* dipadankan dengan kata *aladi* dalam bahasa Arab, lalu dijeniskan sebagai *isim mausul* ( إسم موصول ), iaitu kata benda penghubung, justeru memang demikian dijeniskan dalam tatabahasa bahasa Arab.

Dalam fasal yang memuatkan huraian tentang kaedah ejaan jawi, antara lain, dikemukakan jenis-jenis huruf Arab yang terdapat, yang tidak terdapat, dan yang diberi nilai baharu dalam bahasa Melayu (fasal 1), cara pemakaian huruf *alif* (fasal 5) dan huruf-huruf yang lain (fasal 7), serta prinsip bahawa pemakaian dan perangkaian huruf-huruf yang berkaitan menghasilkan kata yang berbunyi (fasal 9). Setiap kaedah diberikan huraian yang jelas bersama contoh-contohnya, dan arahan yang diakhiri dengan 'kiaskan olehmu pada barang yang lainnya pada yang semacam itu'.

Dalam kitab bahasa ini, Raja Ali Haji membahagikan kelas kata dalam bahasa Melayu kepada tiga jenis, iaitu *isim* ' إسم ' (kata nama), *fi'il* ' فعل ' (kata kerja), dan *harf* ' حرف ' (partikel).

Terdapat dua jenis isim, iaitu *isim nakirah* (= nama am) dan *isim ma'rifah* (= nama khas). *Isim nakirah* ialah 'nama yang melengkapi jenisnya dan yang melengkapi pada macamnya yang tiada tertentu kepada seseorang' (kira-kira bermaksud kata nama yang tidak takrif atau tidak tentu, seperti *orang, binatang, kanak-kanak*). *Isim ma'rifah* ialah 'nama yang diketahui', iaitu kata nama tertentu, seperti *orang itu, kanak-kanak ini*. Dalam kitab ini, Raja Ali Haji membahagikan *isim ma'rifah* kepada lima jenis, iaitu (i) *isim dhamir* ' إسم ضمير ' 'nama yang tersembunyi' yang bermaksud kata ganti nama, seperti *saya, aku, kamu, engkau, mereka*, dan *kita*; (ii) *isim 'alam* ' إسم علم ' 'nama yang diketahui' yang bermaksud nama diri (orang), tempat, dan sebagainya, seperti *Ahmad, Ali* dan *Johor*; (iii) *isim isyarat* ' إسم إشارة ' ertinya 'tiada ditentukan akan dia, tapi diisyaratkan' yang bermaksud kata penunjuk, seperti *ini, itu, di sini, di sita*; (iv) *isim mausul* ' إسم موصول ' ertinya pada bahasa Melayu 'nama yang' yang bermaksud kata penghubung, seperti *yang* (*perempuan*), *yang* (*muda*); (v) *isim idhafah* ' إسم إضافة ' 'pada yang bersandar pada sesuatu nama', mungkin bermaksud kata nama yang ditambah sebagai kepunyaan (posesif), seperti *anak Si Ahmad*, dan iaitik *anakku, anaknya*.

Kelas kata *fi'il* pula diberikan huraian dalam fasal 13 sebagai 'yang dinamai perbuatan', iaitu kata kerja yang boleh daripada jenis *fi'il lazim* ' فعل لازم ' (kata kerja intransitif) atau jenis *fi'il muta'addi* ' فعل متعدي ' (kata kerja transitif). Seterusnya, jenis kata *fi'il* juga terbahagi kepada tiga, iaitu (i) *fi'il madhi* ' فعل ماضي ', sebagai 'perbuatan yang telah lalu', yang ditandai oleh kata *telah*; (ii) *fi'il mudhari'* ' فعل مضارع ', iaitu 'perbuatan yang lagi akan datang' yang ditandai oleh kata *lagi akan*; dan (iii) *fi'il amr* ' فعل أمر ' iaitu 'menuntut perbuatan, yakni menyuruh berbuat' atau kata kerja arahan (imperatif).

Selain jenis kata kerja (fi'il) yang telah terhurai terdapat juga beberapa fi'il yang lain, seperti *fi'il nakis* ' فعل ناقص ' yang bermaksud fi'il kurang, iaitu 'tiada sempurna ia, melainkan ada khabarnya', seperti *adalah, bermalam-malam, jadilah, sebari-harian*; *fi'il mukarabah*, ' فعل مقاربة ' iaitu fi'il yang membawa maksud 'berhampir-hampiran', contohnya, *mudah-mudahan*; *fi'il qulub* ' فعل قلوب ', iaitu *fi'il hati* yang termasuk *fi'il syak* ' فعل شك ' dan *fi'il yakin* ' فعل يقين ', contohnya *sangka, kira-kira, ketahui*.

Kelas kata *harf* ' حرف ' (partikel) yang terhurai dalam Fasal 1–10 dan 14 dalam kitab ini, diperjelas oleh Raja Ali Haji sebagai 'yang ada baginya makna iaitu memberi faedah pada perkataan masing-masing dengan maknanya dan gunanya'. Sebagai satu jenis kata *harf*, dibicarakan bentuk *jarr*, iaitu partikel yang berfungsi sebagai kasus genetif dalam bahasa Arab, yang sebenarnya tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Juga dibicarakan bentuk kata hart daripada jenis *hia* ' ها ', iaitu jenis 'memberi faedah pada maknanya dan perkataan', seperti yang terdapat dalam unsur yang dinamai *huruf munada* ' حروف منادي ' (partikel seru), seperti pada contoh *sesungguhnya, bahawasanya*.

– Harimurti Kridalaksana 1983. "Bustanul Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa–Sumbangan Raja Ali Haji dalam Ilmu Bahasa Melayu". Kertas Kerja Hari Sastera 1983. 10–12 Disember. • Raja Masittah Raja Ariffin 1990. "Raja Ali Haji 1809–1970". *Dewan Bahasa* 34:1 hlm. 73–79. • Teuku Iskandar 1964. "Raja Ali Haji: Tokoh Dari Pusat Kebudayaan Johor-Riau". *Dewan Bahasa* 8:12 hlm. 533–40. • U.U. Hamidy 1973. *Bahasa Melayu Riau*. Pekan Baru: Badan Pembina Kesenian Propinsi Riau.

FARID M. ONN

# C

**CERITA WAYANG**, cerita yang dipersembahkan dalam pertunjukan wayang kulit, dikenal juga sebagai lakon wayang; bersumberkan epik yang terkenal di India, iaitu *Ramayana* dan *Mahabharata*.

Melalui kepintaran dalang, lahirlah cerita dan lakon yang renggang hubungannya dengan sumber asalnya. Cerita-cerita ini dapat diklasifikasikan kepada beberapa bahagian, misalnya (1) lakon pokok yang masih mengikuti *Ramayana* dan *Mahabharata*, atau cerita-cerita gubahan pujangga Jawa seperti *Arjuna Wiwaha* dan *Bharatayuddha*; (2) lakon carangan, yang mengambil unsur-unsur pokok daripada cerita *Ramayana* atau *Mahabharata* tetapi telah diberi bentuk baharu; (3) lakon sempalan, yang hanya mengambil tokoh-tokoh penting daripada cerita-cerita klasik di atas, tetapi isinya merupakan hasil gubahan dalang mengikut selera dan citarasanya sendiri.

Dalam pengumpulan cerita-cerita wayang yang dibuat oleh Mangku Negara VII, terdapat 179 lakon yang terbahagi kepada tujuh cerita tentang dewa dan raksasa, 25 cerita tentang kisah-kisah Rama, Sita, dan Rawana, dan 147 cerita siklus Pandawa. Dalam daftar yang dibuat oleh J.L. Moens terdapat 100 lakon yang mengambil tokoh Bima sebagai watak utamanya, 50 lakon mengambil anak Bima, iaitu Gatotkaca sebagai wiranya, dan 240 lakon yang mengemukakan watak Semar, Nalagareng, Petruk atau Bagung sebagai pendukung watak utamanya.

Cerita-cerita wayang yang bersumberkan *Mahabharata* atau *Ramayana* bukan sahaja terdapat dalam khazanah kesusasteraan Jawa, tetapi juga dalam khazanah kesusasteraan Melayu. Perbezaan antara kedua-duanya terletak pada media penyampaiannya: wayang Jawa disampaikan dalam bahasa Jawa; wayang Melayu disampaikan dalam bahasa Melayu.

Antara ratusan cerita wayang dalam bahasa Jawa, terdapat judul-judul daripada kelompok *Mahabharata* seperti berikut: 'Ngruna-ngaruni', 'Watugunung', 'Lahirnya Palasara', 'Nakula Rabi', 'Pejahipun Gatotkaca', 'Pejahipun Dursasana', 'Wahyu Purbasejati', 'Wahyu Jatiwesesa', 'Semar Maneges' dan lain-lain. Daripada kelompok *Ramayana* terdapat pula judul-judul 'Tambak Prabu Rama', 'Rama Nyabrang Samodra', 'Pejahipun Prabu Dasamuka', 'Rama Nitis', 'Pejahipun Inderajit', 'Prabu Rama Obong', 'Wibisana Tetap Jumeneng Ratu', 'Rama Nitik', dan judul-judul lain.

Lakon carangan, sempalan atau ranting biasanya berubah kerana tergantung kepada selera dalang. Lakon jenis ini disesuaikan dengan keserasian, irama dan suasana yang dihadapi oleh dalang. Nama-nama cerita banyak diubah untuk disesuaikan dengan suasana penonton hingga lahirlah jumlah

cerita yang amat banyak. Misalnya, daripada cerita Bima lahir, antaranya, 'Bima Paksa', 'Bima Sakti', 'Dewa Ruci', 'Wahyu Kelajati', 'Sasaji Rajasurya' dan sebagainya.

Dalang mencampuradukkan kisah-kisah atau tokoh-tokoh dalam *Mahabharata* dengan yang terdapat dalam *Ramayana*. Contohnya, dalam lakon 'Rama Nitis', dikatakan bahawa Rama menitis ke Kresna, dan Laksamana menitis ke Arjuna. Padahal kedua-dua tokoh tersebut, iaitu Rama dan Laksamana tidak terdapat dalam *Mahabharata*. Dalam lakon 'Rama Nitik', dikatakan terdapat pertemuan antara Rama, Kresna, dan Arjuna. Kemudian Arjuna terpikat kepada isteri Rama, iaitu Sita, hingga Arjuna dikatakan jatuh sakit.

Alur cerita, peristiwa, dan para pelaku dalam *Mahabharata* atau *Ramayana* terlalu kompleks. Para dalang mengutip peristiwa secara longgar, bahkan ada yang hanya mengutip satu peristiwa, misalnya tentang kelahiran atau kematian tokoh, lalu digubah menjadi sebuah lakon atau cerita tersendiri. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan timbulnya cerita atau lakon wayang yang besar jumlahnya.

**Cerita Wayang Melayu** – Cerita wayang dalam khazanah kesusasteraan Melayu amat sedikit jumlahnya jika dibandingkan dengan cerita wayang yang ada dalam kesusasteraan Jawa. Misalnya, daripada kelompok *Mahabharata* hanya terdapat 20 cerita, antaranya *Hikayat Pandawa*, *Hikayat Pandawa Lima*, *Hikayat Pandawa Panca Kelima*, *Hikayat Pandawa Jaya*, *Hikayat Darmawangsa*, *Hikayat Angkawijaya*, *Hikayat Pandawa Lebur*, *Hikayat Maharaja Garebak Jagat*, *Wayang Pandu*, *Hikayat Gelaran Pandu Turunan Pandawa*, *Hikayat Arjuna Mangunjaya*, *Wayang Arjuna*, *Hikayat Palarasa*, *Lakon Jaka Sukara*, dan *Hikayat Agung Sakti*.

*Hikayat Maharaja Garebak Jagat*, *Lakon Jaka Sukara*, dan *Hikayat Agung Sakti* tidak terdapat persamaannya dengan sebarang nama dalam *Mahabharata*, dan cerita-cerita tersebut dianggap sebagai cerita-cerita carangan yang jauh menyimpang daripada cerita pokok dalam *Mahabharata*. Bahkan *Hikayat Arjuna Mangunjaya* pula, dari segi isi dan peristiwanya, telah jauh menyimpang dan dapat dianggap sebagai cerita carangan sahaja. Tiga cerita tentang kisah Purubaya Sakti, Maharaja Baladewa, dan Marakarma juga merupakan kisah-kisah carangan yang telah dicipta oleh dalang mengikut selera dan situasi setempat, serta banyak tambahannya, dan berbeza daripada sumber asalnya.

Cerita wayang yang bersumberkan *Ramayana* dalam kesusasteraan Melayu, dalam bentuk tulisan hanya ada sebuah, iaitu *Hikayat Seri Rama*. Tetapi dalam bentuk lisan terdapat beberapa cerita yang masih dipertunjukkan oleh para dalang di Kelantan, Kedah, dan Johor. Di samping itu, para dalang di tempat-tempat tersebut memainkan cerita-cerita yang bersumberkan *Mahabharata* dan cerita-cerita Panji. Kebanyakan cerita itu ada yang hanya mengambil nama-nama wataknya sahaja, sedangkan tumpuan isinya banyak yang disesuaikan dengan keadaan setempat. Cerita-cerita yang demikian hanya tergolong ke dalam cerita-cerita carangan.

Pada umumnya cerita wayang bercerita tentang manusia dan tindak-tanduknya; tentang seluruh aspek, baik rohani, peribadi, sosial, mahupun nilai-nilai budaya serta hubungan di antara alam dan Tuhan. Meskipun tidak semua yang dipaparkan dalam kebanyakan cerita wayang menjurus ke arah nilai-nilai yang positif, namun pada dasarnya bercerita tentang kesempurnaan yang tinggi, yakni berkisar pada raja yang ideal, sateria yang ideal, dan rakyat yang ideal.

– Maobirman 1960. *Wayang Purwa, The Shadow Play of Indonesia*. The Hague: Van Deventer-Maasstinchting. • Sastroamidjojo, A. Seno 1964. *Renungan Tentang Pertunjukan Wayang Kulit*. Jakarta: Kinta. • Soedarsono 1974. *Beberapa Catatan Tentang Seni Pertunjukan Wayang Indonesia*. Yogyakarta: Konservatori Tari Indonesia. • Jones, Gavin W. 1978. *Wayang, Asalusul, Filsafat dan Masadepannya*. Jakarta: Gunung Agung. • Sri Mulyono 1979. *Wayang dan Karakter Manusia*. Jakarta: Gunung Agung.

ABDUL RAHMAN KAEH

# D

**DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGARA MALAYSIA**, kurniaan daripada kerajaan Malaysia sebagai penghargaan terhadap khidmat cemerlang seseorang yang dianggap di luar daripada bentuk ganjaran yang biasa. Pengurniaan tersebut merupakan kenaikan taraf seseorang daripada yang bertaraf biasa ke taraf yang lebih tinggi dari segi protokol kerajaan.

Penerima kurniaan ini terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat. Pemilihan pengurniaan ini bukan sahaja bergantung kepada perkhidmatan yang cemerlang, tetapi kepada kedudukan jawatan, sumbangan kepada masyarakat dan telah mengharumkan nama negara. Pengurniaan bintang kepada warganegara asing dinyatakan sebagai 'Kehormat'.

Pengurniaan gelaran yang pertama tercatat dalam buku *Sejarah Melayu* pada zaman kerajaan Temasik. Pengurniaan tersebut berlaku apabila Raja Kecil Muda, iaitu adik kandung kepada Raja Kecil Besar yang menjadi pemerintah di Temasik, dilantik sebagai bendahara dengan gelaran Tun Perpatih Pemuka Berjajar. Inilah kali pertama gelaran 'Tun' mula diperkenalkan. Kedudukan bendahara adalah satu tangga darjat selepas raja dan bakal raja. Di samping bendahara, gelaran Tun dikurniakan kepada orang-orang besar lain. Misalnya, penghulu bendahara yang diberi gelaran Tun Jana Bunga Dendang, manakala ketua hulubalang digelar Tun Tempurung Gemerentak.

Perlantikan jawatan tertinggi dengan gelaran tertentu pada zaman kerajaan Melayu lama hanya berlaku di kalangan istana sahaja. Sesuatu jawatan serta pengurniaan gelaran yang diberikan itu diperturunkan kepada waris-waris yang terkemudian. Sistem pengurniaan ini kemudian diperluaskan kepada golongan bawahan yang menunjukkan bakat kepimpinan dan keperwiraan seperti Hang Tuah yang dikurniai gelaran Tun oleh Sultan Melaka. Kedudukan Hang Tuah dinaikkan tarafnya daripada orang kebanyakan kepada yang setaraf dengan golongan istana.

Selain itu, terdapat pelbagai bentuk pengurniaan yang dianugerahkan oleh raja kepada orang-orang yang telah memberikan jasa dan khidmat yang cemerlang. Pengurniaan 'sirih dari puan sultan' dan pemberian persalinan merupakan satu penghormatan. Pakaian yang diberikan itu merupakan pakaian yang rasmi untuk orang yang dikurniai sahaja. Hang Tuah umpamanya, diberi persalinan dan gelaran laksamana oleh Sultan Mansur Syah, setelah membunuh orang Jawa yang mengamuk. Pengurniaan kehormatan keperwiraan yang paling tinggi boleh diterima oleh seseorang itu ialah persalinan pakaian daripada tubuh badan raja. Hang Tuah dianugerahi segala pakaian yang dipakai oleh sultan setelah dapat



**D.M.N. – Darjah kebesaran yang dikurniakan kepada putera-putera raja negara luar dan orang-orang yang amat ternama**

membunuh Hang Kasturi yang derhaka.

Sistem memberi penganugerahan masih kekal pada zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu, yang memperkenalkan pengurniaan bintang-bintang kehormatan mengikut cara Barat.

Pengurniaan bintang-bintang kebesaran Malaysia yang pertama diadakan ialah sempena menyambut ulang tahun kemerdekaan yang pertama pada 31 Ogos 1958, di Dewan Tuanku Abdul Rahman.

Pada tahun 1961, pengurniaan darjah kebesaran dibuat sempena menyambut Hari Keputeraan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semenjak itu beberapa pengurniaan bintang kebesaran yang baharu telah diwujudkan.

Pemilihan untuk anugerah darjah-darjah kebesaran dilakukan dengan mencadangkan nama orang-orang yang difikirkan patut diberi pengurniaan kerana jasa baktinya kepada negara. Nama calon-calon itu akan ditapis mengikut saluran tertentu dan akan diperakukan oleh Jawatankuasa Tetap Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan, dan Bahagian Istiadat, Jabatan Perdana Menteri menjadi urus setia. Nama calon-calon yang telah diperakukan oleh jawatankuasa ini akan diangkat sembah ke bawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk limpah perkenan.

Seseorang yang telah dianugerahkan dengan darjah kebesaran, bintang dan pingat hendaklah sentiasa memelihara penghormatan itu. Pengurniaan darjah kebesaran dan bintang akan menjadikan seseorang itu memiliki taraf sosial yang tinggi dalam masyarakat umum. Setiap penerima anugerah adalah dikehendaki menjaga perilaku bersesuaian dengan taraf kedudukannya. Sekiranya terdapat orang yang dianugerahi darjah itu melanggar peraturan yang ditetapkan, kurniaan yang diberikan mungkin boleh ditarik balik.

Anugerah yang tertinggi sekali dan yang paling kanan dalam senarai keutamaan anugerah Persekutuan ialah Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.). Bintang kehormat ini dikurniakan kepada sesiapa sahaja yang telah menunjukkan keberanian luar biasa atau telah melakukan sesuatu dengan gagah berani serta penuh pengorbanan. Penerima bintang ini akan mendapat elaun sebanyak $200 sebulan dan jikalau dikurniakan selepas meninggal dunia, warisnya akan menerima $20 000 sekali sahaja.



**S.M.N. – Darjah kebesaran yang dikurniakan di atas kecemerlangan jasa kepada negara, membawa gelaran 'Tun' dan isterinya 'Toh Puan'**



**P.M.N – Anugerah yang membawa gelaran 'Tan Sri' dan isterinya 'Puan Sri'**


Darjah kebesaran yang tinggi dari segi tarafnya dikenali sebagai Darjah Kerabat yang dikurniakan hanya kepada kerabat diraja, ketua-ketua negara dan orang kenamaan. Ia terbahagi kepada dua peringkat, iaitu:

1. Darjah Yang Maha Utama Kerabat Diraja Malaysia (D.K.M.) – Darjah kebesaran yang mempunyai satu pangkat sahaja dan bilangan ahli terhad seramai 10 orang. Darjah kebesaran ini dikurniakan kepada setiap Baginda Raja yang ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong.


2. Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) – Darjah kebesaran yang dikurniakan kepada putera-putera raja negara luar, ketua-ketua negara atau orang-orang yang amat ternama. Bilangan ahli-ahlinya terhad kepada 30 orang.

Darjah kebesaran jenis yang kedua ialah Darjah-Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara yang tergolong dalam Darjah Keperwiraan yang terbahagi kepada beberapa pangkat, iaitu:

1. Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) – Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Pertama dikurniakan kepada orang yang memberikan jasa yang cemerlang kepada negara kerana memikul tanggungjawab yang penting serta mempunyai pengaruh yang tertinggi, sesuai dengan taraf kedudukan mereka. Darjah ini membawa gelaran 'Tun' dan



K.M.N. – Dikurniakan kepada seseorang yang berjawatan tinggi dan telah menunjukkan kecemerlangan dalam tugas-tugasnya



A.M.N. – Dikurniakan kepada seseorang yang berjasa lebih daripada tugas biasanya

isterinya 'Toh Puan'. Darjah ini boleh dikurniakan kepada pemimpin luar negeri, yang dikurniakan secara kehormat sahaja. Had bilangan ahli yang boleh dikurniai dengan darjah kebesaran ini tidak termasuk pengurniaan kepada warganegara asing hanya 25 orang.

2. Panglima Mangku Negara (P.M.N.) – Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Kedua yang membawa gelaran 'Tan Sri' dan isterinya 'Puan Sri'. Penerima anugerah ini terdiri daripada mereka yang bertaraf tinggi dan ternama kerana perkhidmatan yang cemerlang kepada negara. Jumlah bilangan ahli dihadkan kepada 75 orang dan bilangan ini tidak termasuk warganegara asing yang menerimanya sebagai anugerah kehormat.

3. Johan Mangku Negara (J.M.N.) – Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Ketiga dikurniakan kepada seseorang yang bertaraf tinggi dan telah berjasa kepada negara. Jumlah kurniaan dihadkan kepada 700 orang, dan bilangan ini tidak termasuk warganegara asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat.

4. Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) – Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Keempat dikurniakan kepada seseorang yang berjawatan tinggi dan telah menunjukkan



J.M.N. – Dikurniakan kepada seseorang yang bertaraf tinggi dan telah berjasa kepada negara

kecemerlangan di dalam tugas-tugasnya. Bilangan penerima tidak dihadkan.

5. Ahli Mangku Negara (A.M.N.) – Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Kelima dikurniakan kepada seseorang yang berjasa lebih daripada tugas biasanya. Bilangan penerimanya tidak dihadkan.

6. Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.) – Pingat bagi Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara sebagai menghargai perkhidmatan yang taat dan setia serta telah menunjukkan perkhidmatan yang baik.

Darjah kebesaran jenis yang ketiga dikenali sebagai Darjah-Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia yang tergolong dalam Darjah Keperwiraan, iaitu:

1. Seri Setia Mahkota (S.S.M.) – Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Pangkat Pertama mempunyai persamaan dari segi kelayakan dengan kategori orang yang dianugerahi Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.). Darjah kebesaran ini juga yang membawa gelaran 'Tun' dan isterinya 'Toh Puan'. Bilangan penerima dihadkan sebanyak 25 orang, tidak termasuk warganegara asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat.

2. Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) – Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Pangkat Kedua membawa gelaran 'Tan Sri' dan isterinya 'Puan Sri'. Darjah kebesaran ini dikurniakan kepada mereka yang bertaraf tinggi dan berpengaruh dengan jawatannya. Keanggotaan dalam darjah ini terhad kepada 250 orang, tidak termasuk anugerah kehormat yang dikurniakan kepada warganegara asing.

3. Johan Setia Mahkota (J.S.M.) – Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Pangkat Ketiga dianugerahkan kepada seseorang yang bertaraf tinggi, dan berjasa kepada negara. Jumlah yang dianugerahi terhad kepada 600 orang, tidak termasuk warganegara asing yang dikurniai sebagai anugerah kehormat.

Darjah kebesaran jenis keempat dikenali sebagai Darjah-Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja yang dikurniakan kepada mereka yang telah memberi sumbangan cemerlang kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Darjah kebesaran ini mengandungi tiga pangkat, iaitu:

1. Panglima Setia Diraja (P.S.D) – Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja Pangkat Pertama yang membawa

gelaran 'Datuk' dan isteri penyandang bergelar 'Datin'. Jumlah anugerah ini terhad kepada 70 orang, tidak termasuk warganegara asing yang dikurniai sebagai anugerah kehormat. Warganegara asing yang menerima kurnia ini tidak boleh memakai gelaran 'Datuk'.

2. Johan Setia Diraja (J.S.D) – Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja Pangkat Kedua dan dikurniakan kepada mereka yang bertaraf tinggi.

3. Bentara Setia Diraja (B.S.D) – Pingat kepada Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja, dan dikurniakan kepada yang memberi pekhidmatan taat dan setia.

Darjah kebesaran jenis kelima yang mempunyai satu pangkat dikenali sebagai Darjah Bakti (D.B.). Darjah ini dikurniakan kepada rakyat Malaysia sahaja yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam kemajuan seni, sains dan kemanusiaan. Mereka yang layak dikurniakan dengan darjah ini hendaklah masyhur namanya di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Anugerah ini dihadkan kepada 10 orang dan penerimanya akan mempunyai taraf kedudukan yang tinggi di dalam protokol kerajaan.

Bintang-bintang kegagahan yang kedua tingginya telah diwujudkan bagi menghargai semangat keberanian. Bintang-bintang ini boleh dikurniakan selepas seseorang itu meninggal. Ada tiga jenis bintang di dalam kumpulan ini iaitu:

1. Panglima Gagah Berani (P.B.G) – Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luar biasa dalam menghadapi musuh.

2. Jasa Perkasa Persekutuan (J.P.P) – Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luar biasa di luar medan peperangan.

3. Pingat Tentera Udara (P.T.U.) – Pingat ini dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia kerana keperwiraan atau taat setia yang teristimewa ketika menjalankan kewajipan penerbangan dalam masa operasi ataupun tidak.

Di samping darjah dan pingat yang tergolong dalam darjah kebesaran, terdapat penguraian pingat khas yang dikenal sebagai Pingat Perkhidmatan Lama dan Kelakuan Terpuji. Pingat khas ini ialah:

1. Pingat Kebaktian (P.K) – Pingat ini dikurniakan untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji anggota Pasukan Tentera Sukarela dan Pasukan Perkhidmatan Beruniform.

2. Pingat Khidmat Berbakti (P.K.B) – Pingat ini dikurniakan kerana khidmat-khidmat am anggota Angkatan Tentera dan semua Pasukan Perkhidmatan Beruniform.

3. Pingat Perkhidmatan Am (P.P.A) – Pingat ini dikurniakan untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat dalam menjalankan tugas operasi bagi anggota tetap Angkatan Tentera Persekutuan dan semua Pasukan Perkhidmatan Beruniform.

4. Kepujian Perutusan Keberanian (K.P.K) – Lambang ini dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera dan Pasukan Polis yang telah menunjukkan atau melakukan sesuatu yang dianggap gagah berani tetapi tindakan itu tidaklah sebegitu tinggi untuk membolehkan mereka dikurniai dengan pingat-pingat keberanian.

5. Pingat Perkhidmatan Setia (P.P.S) – Pingat ini dikurniakan juga untuk menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji bagi anggota tetap Angkatan Tentera dan semua Pasukan Perkhidmatan Beruniform.

6. Pingat Perkhidmatan Malaysia (P.P.M) – Pingat ini khusus untuk mereka yang telah banyak memberikan khidmat cemerlang dalam usaha menubuhkan Persekutuan Malaysia hingga 31 Ogos 1965.

MOHD. KASSIM HJ. ALI

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)** (1956), badan pembinaan dan pengembangan bahasa, kesusasteraan, dan penerbitan dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1959, DBP berubah tarafnya daripada jabatan kerajaan kepada badan berkanun apabila Parlimen meluluskan *Akta Dewan Bahasa dan Pustaka*. Pemberian autonomi kepada badan ini memboleh-kannya menggubal dasar tentang pelaksanaan matlamat yang ditetapkan dalam akta tersebut.

Matlamat DBP yang termaktub dalam *Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959* ialah untuk memperkembang dan memperkaya bahasa kebangsaan, memperkembang bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan, menerbitkan atau membantu dalam pencetakan atau penerbitan buku, risalah, majalah, dan bentuk kesusasteraan yang lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa lain, membakukan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah teknik yang sesuai serta menyusun dan menerbitkan kamus dalam bahasa kebangsaan.

Matlamat ini bertujuan memajukan bahasa Melayu dengan membina dan mengembangkan korpusnya, iaitu dengan memperluas perbendaharaan kata dan istilahnya, membakukan ejaan dan tatabahasanya, kodifikasi korpus melalui perkamusan dan buku serta dibantu melalui penulisan, dan kegiatan ilmu dan sastera, penerbitan dan penggunaan yang luas.

**DBP Dulu dan Kini** – Sejarah penubuhan DBP bermula sewaktu negara sedang membuat persiapan untuk menyambut kemerdekaan. Dalam Perlembagaan yang dirangkakan untuk Negara Persekutuan Tanah Melayu dimeteraikan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu menjelang 10 tahun selepas merdeka. Sebagai langkah persiapan untuk menjamin supaya bahasa Melayu akan mencapai taraf kemajuan dan perkembangan yang sesuai dengan kemajuan politik, ilmu pengetahuan dan kemasyarakatan untuk menggantikan tempat bahasa Inggeris dalam jangka masa itu, maka ditubuhkan sebuah jabatan di bawah Kementerian Pelajaran (kini Kementerian Pendidikan) dengan nama Balai Pustaka, berpejabat di Johor Bahru.

Dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga (1956), nama Balai Pustaka ditukarkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka; pengarah pertamanya, Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz (1956 – 1957), di samping dua orang pegawai yang dipinjamkan daripada Jabatan Karang-Mengarang Kementerian Pelajaran. Pada tahun 1957, DBP berpindah ke Kuala Lumpur, bertempat di sebuah bangunan bekas wad hospital di Jalan Young (kini Jalan Cenderawasih).

Pada tahun 1962, DBP berpindah ke bangunan baharu di Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur, yang merupakan detik sejarah penting, bukan sahaja bagi kemajuan DBP, tetapi juga bagi kegiatan dan keteguhan kedudukan bahasa Melayu dalam pemupukan kebangsaan negara.

DBP ditadbir oleh Tun Syed Nasir Ismail (Pengarah, 1957



Kakitangan DBP bersama-sama pengarah pertamanya, Ungku Abdul Aziz



Bangunan lama DBP yang terletak di Jalan Young (kini Jalan Cenderawasih) Kuala Lumpur



Dewan Bahasa dan Pustaka hari ini

– 1968), Datuk Ali Haji Ahmad (Pengarah, 1969 – 1970), Datuk Haji Sujak Rahiman (Ketua Pengarah, 1971 – 1976), Datuk Haji Hassan Ahmad (Ketua Pengarah, 1976 – 1988), dan Dato' Haji Jumaat bin Dato' Haji Mohd. Noor (Ketua Pengarah, mulai 1988).

Pada hari ini, DBP dikelolakan oleh Lembaga Pengelola yang ahli-ahlinya dilantik oleh Menteri Pendidikan. Pentadbiran harian DBP dijalankan oleh ketua eksekutif yang bergelar Ketua Pengarah. DBP mempunyai kakitangan seramai lebih kurang 1000 orang, dua buah cawangannya di Sabah dan Sarawak, kilang percetakan dan stor buku di Ulu Kelang, Selangor Darul Ehsan. Organisasi DBP mengandungi Pejabat Ketua Pengarah, Jabatan Bahasa, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, Jabatan Penerbitan, Jabatan Pentadbiran dan Operasi, Bahagian Perniagaan, dan Bahagian Percetakan. Perpustakaan DBP bersifat khusus, iaitu penumpuan kepada pembinaan koleksi dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu.

**Pembinaan dan Pengembangan Bahasa** – Dari tahun 1960 hingga tahun 1966, DBP terlibat dalam usaha membina sikap positif rakyat terhadap dasar kerajaan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara selepas kemerdekaan. Untuk tujuan ini, DBP melancarkan gerakan massa di seluruh negara yang melibatkan rakyat semua kaum dalam kempen 'Minggu Bahasa' dan 'Bulan

Bahasa' dengan kegiatan-kegiatan perhimpunan ikrar bahasa, peraduan mengarang, berbalas pantun dalam bahasa kebangsaan dan sebagainya. Gerakan bahasa kebangsaan yang luar biasa ini diketuai oleh Pengarah DBP, Tun Syed Nasir Ismail, yang kemudiannya digelar sebagai 'panglima bahasa'.

Apabila Parlimen meluluskan *Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/1967*, DBP menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap usaha membina korpus bahasa, dan memperkaya penggunaannya melalui kegiatan penulisan sastera dan penerbitan buku dalam berbagai-bagai bidang. Tugas ini dimulai sejak tahun 1956.

**Korpus Bahasa** – Pembinaan korpus bahasa yang berasaskan penyelidikan ilmiah melibatkan pembinaan istilah baharu, pembakuan ejaan dan tatabahasa, dan kodifikasi korpus melalui penyusunan dan penerbitan kamus, penumusan pedoman laras dan gaya bahasa, serta perancangan pembinaan dan pengembangan bahasa secara menyeluruh. Sehingga kini, DBP telah menghasilkan sebahagian besar pembakuan aspek bahasa dengan terbitnya buku-buku pedoman bahasa Melayu; antaranya, *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia* (1981, 1988), *Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (Pedoman 1986, Daftar 1988), *Tatabahasa Dewan* (1987, 1989), dan *Sebutan Baku Bahasa Melayu* (Pedoman 1988, Daftar 1991). DBP juga sedang mengusahakan projek penyusunan sejarah bahasa Melayu.

Bagi kegiatan pembinaan istilah, DBP mengadakan jawatankuasa istilah dalam berbagai-bagai bidang ilmu dan profesion. Dalam tahun-tahun 1960-an, kaedah dan prinsip penciptaan istilah mulai diselaraskan dalam bentuk pedoman yang bertulis. Pedoman ini mengalami beberapa perubahan dan perkembangan berdasarkan pengalaman praktis dan masalah baharu yang timbul dari semasa ke semasa, terutama selepas tahun 1970, apabila keperluan istilah pengajian tinggi bertambah mendesak hasil kemajuan dasar pendidikan kebangsaan yang memperluas penggunaan bahasa kebangsaan sebagai pengantar di peringkat universiti. Perkembangan ini mencapai kemuncaknya dengan tertubuhnya Universiti Kebangsaan Malaysia (1970) yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai pengantarnya yang utama.

DBP terus-menerus berusaha melaksanakan peningkatan penguasaan dan penggunaan serta pengembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pendidikan, dan bahasa budaya tinggi kepada semua sektor pengguna bahasa Melayu. Ini dilakukan melalui pelbagai kegiatan penggalakan, pengawasan, dan khidmat nasihat serta penyebaran maklumat bahasa baku melalui media, dan cara berkomunikasi.

Selaras dengan kemajuan teknologi pengkomputeran, DBP memulakan projek pengkomputeran istilah pada tahun 1983. Pangkalan Data Linguistik Bahasa Melayu (1985 – 2000) dibina bertujuan untuk menubuhkan sebuah pusat dokumentasi bahasa Melayu yang ulung dan terbesar di negara ini.

Kini, keperluan istilah yang cukup dalam hampir semua bidang ilmu dapat dibentuk oleh DBP untuk kegunaan di peringkat sekolah menengah, pengajian tinggi, sektor kerajaan, dan sektor swasta.

**Kerjasama Kebahasaan Serantau** – DBP memainkan peranan utama dalam usaha mengarah kepada kerjasama kebahasaan serantau. Kerjasama ini bermula dalam bidang penyatuan ejaan rumi bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia pada tahun 1959 (Ejaan Melindo). Pada tahun 1970, Malaysia dan Indonesia mencapai persetujuan bekerjasama dalam bidang kebahasaan apabila tertubuhnya Majlis Bahasa Indonesia Malaysia (MBIM). Dua hasil penting daripada kerjasama ini ialah terbentuknya *Pedoman Umum Pembentukan Istilah*, dan *Pedoman Umum Ejaan*, yang digunakan bersama di Malaysia dan Indonesia. DBP menjadi urus setia Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia (JKTBM) yang ditubuhkan oleh kerajaan dalam tahun 1972 untuk bekerjasama dengan pihak Indonesia melalui MBIM. Ketua Pengarah DBP, selain menjadi pengerusi JKTBM, juga menjadi pengerusi bersama MBIM, yang mengadakan sidangnya dua kali setahun secara bergilir-gilir tempat, di Malaysia dan Indonesia.

Dengan terbentuknya *Pedoman Umum Pembentukan Istilah*, dan *Pedoman Umum Ejaan* yang digunakan bersama di Indonesia, dan Malaysia, masalah pembakuan istilah dan ejaan bahasa Melayu bukan sahaja dapat diselesaikan dan diselaraskan di peringkat kebangsaan (di Malaysia), tetapi lebih penting lagi di peringkat serantau. Pada tahun 1972, *Sistem Ejaan Rumi Baharu* yang digubal bersama-sama pihak Indonesia melalui MBIM diterima oleh kerajaan Malaysia, dan dirasmikan penggunaannya dalam tahun 1975. Dalam tahun 1986, MBIM diperluas dengan penyertaan Negara Brunei Darussalam, dan diganti namanya menjadi Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM).

Selain itu, DBP melancarkan satu siri 'Taklimat Bahasa' di seluruh negara untuk menjelaskan dan mendidik rakyat tentang sistem ejaan baharu ini. Dalam tahun 1988, DBP melancarkan program 'sebutan baku', di samping mengeluarkan berbagai-bagai risalah dan buku kecil tentang tatabahasa baku.

**Pembinaan dan Pengembangan Sastera** – Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab membina dan mengembangkan sastera kebangsaan, DBP bergiat cergas dalam bidang penyelidikan dan kesusasteraan. Semenjak tahun-tahun 1950-an, DBP menganjurkan peraduan menulis novel dan cerpen, mengadakan seminar, dan bengkel penulisan sastera kreatif, memberikan hadiah sastera, dan memberi kemudahan menampung karya-karya sastera penulis bakat baharu dalam majalah *Dewan Sastera*, dan menerbitkan novel, antologi cerpen dan sajak.

DBP menjadi urus setia bagi program penggalakan sastera negara yang bertanggungjawab membina dan mengembangkan sastera kebangsaan, iaitu Hadiah Sastera Malaysia, dan Anugerah Sastera Negara. DBP juga bekerjasama dengan sektor swasta, organisasi kerajaan, dan persatuan penulis menganjurkan hadiah-hadiah sastera, dan mengadakan kegiatan-kegiatan pengembangan sastera.

Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur merupakan salah satu kegiatan sastera DBP peringkat antarabangsa. Banyak penyair terkenal dunia yang datang mengambil bahagian dalam acara dua tahun sekali ini. DBP juga turut bekerjasama mengadakan Pertemuan Sasterawan Nusantara yang bertujuan untuk bertukar-tukar pengalaman dan fikiran bagi kepentingan penulisan dan perkembangan intelektual.

Selain menggalakkan penulisan dan bakat sastera, DBP juga menjalankan kegiatan penyelidikan dan kajian sastera lama, sastera semasa dan sastera rakyat. Antaranya, menyediakan kerusi karyawan tamu. Di Perpustakaan DBP terkumpul bahan sastera semasa, dan koleksi sastera rakyat (termasuk dalam bentuk pita rakaman) yang terbesar di Malaysia. DBP

turut mendokumentasikan hasil pemikiran masyarakat Iban dan Kadazan dengan cara menyerapkan nilai-nilai positif daripada sastera daerah melalui kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan. Usaha ini dilakukan oleh DBP Cawangan Sabah dan Sarawak.

**Penerbitan** – DBP menjadi penerbit yang ulung dalam penghasilan dan penerbitan bukan sahaja buku bahasa dan sastera yang bermutu tetapi juga buku teks dan ilmu pengetahuan peringkat sekolah, buku ilmiah bagi pengajian tinggi dan buku ilmu pengetahuan umum untuk masyarakat, buku bahasa dan korpus bahasa (seperti kamus, daftar istilah, ejaan dan buku tatabahasa), dan majalah atau jurnal (*Jurnal Dewan Bahasa, Dewan Sastera, Dewan Masyarakat, Dewan Pelajar, Dewan Siswa, Pelita Bahasa, Malay Literature*, dan *Kanun*).

Semenjak ditubuhkan, DBP telah menerbitkan lebih daripada 3000 judul buku. Lebih kurang 400 buah judul buku pengajian tinggi, karya asli dan karya terjemahan, diterbitkan oleh DBP setiap tahun. Kebanyakan buku pengajian tingginya diterbitkan secara subsidi. Penerbitan buku terjemahan karya agung, pengajian tinggi dan ilmu sains dan teknologi mendapat perhatian DBP. DBP juga mengusahakan penyusunan dan penerbitan ensiklopedia; yang sudah terbit ialah *Ensiklopedia Perintis* dan *Ensiklopedia Sains* (yang kemudiannya dikemaskini menjadi *Ensiklopedia Pelajar*, 1990); kini, sedang diusahakan 'Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu'.

Selain itu, DBP mengadakan skim galakan penerbitan seperti Skim Nadi (bagi program penerbitan buku terjemahan untuk keperluan pengajian tinggi), Dermacipta Dewan (bagi penulisan karya asli) dan lain-lain.

HASSAN AHMAD

**DIALEK MELAYU DI SEMENANJUNG DAN LUAR SEMENANJUNG**, dibahagikan kepada tiga, iaitu dialek Melayu berdasarkan seketika atau masa, dialek Melayu berdasarkan masyarakat atau sosial, dan dialek Melayu berdasarkan daerah atau geografi.

**Dialek Seketika Melayu** – Bahasa Melayu yang berpusat di Semenanjung Tanah Melayu hingga ke Sumatera telah mengalami sejarah yang panjang. Sejarahnya bermula pada awal abad keempat Masihi di Vietnam, kemudian pada awal abad ketujuh di Pulau Jawa, dan akhir abad ketujuh di Sumatera Selatan. Selepas itu, perkembangannya dikesan di tempat-tempat lain seperti di Pagar Ruyung (Sumatera Barat), Muara Takus (Riau), Samudera-Pasai (Aceh), Ligor (Thai), dan Terengganu (Malaysia).

Antara dialek seketika Melayu yang terkenal ialah bahasa Melayu Klasik yang digunakan pada abad ke-14 hingga ke-19. Bahasa ini mencapai kegemilangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, dan zaman Kerajaan Johor-Riau. Pada zaman inilah banyak dihasilkan karya sastera Melayu. Dialek ini juga yang menjadi bahasa baku dalam pemerintahan negara yang berpusat di istana, dan hubungan dengan dunia luar. Dialek ini mempunyai taraf dan mutu yang tinggi, dan mengandungi laras bahasa yang banyak untuk berbagai-bagai bidang ilmu seperti undang-undang, perubatan, sejarah, agama, dan seni sastera. Antara hasil karya pada zaman ini ialah buku *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Sebutannya tidak jauh berbeza dengan sebutan dialek Johor-Riau.

Satu ciri yang khusus bagi dialek Johor-Riau ialah penggunaan vokal tengah pada akhir kata sebelum kesenyapan, seperti [sayə], [diə], [mərekə], [pərcayə], dan [bahasə]. Keduanya, hilangnya sebutan /r/ sebelum kesenyapan bagi kata yang tidak berimbuhan /an/: Contohnya perkataan [pasar] disebut [pasa] dan [pijar] disebut [pija]. Tetapi /r/ akan diwujudkan semula apabila kata itu berakhirkan imbuhan /an/, menjadi [pasaran] dan [kepijaran] iaitu sama seperti dalam bahasa Melayu baku.

**Dialek Sosial Melayu** – Masyarakat Melayu terbahagi kepada dua golongan, iaitu raja dan rakyat jelata. Golongan-golongan ini mempunyai bahasanya yang tersendiri yang khusus digunakan di kalangan mereka. Bahasa di kalangan golongan raja disebut bahasa diraja, bahasa istana, bahasa (kaum) bangsawan, dan bahasa dalam. Perbendaharaan kata yang khusus digunakan di kalangan mereka, terutama bagi raja, seperti *beradu, santap, gering, cemar duli, murka, istana, siram, titah, beta, mengadap*, dan seumpamanya. Selain itu, terdapat ayat atau rangkai kata khusus yang terbeku dalam penggunaannya seperti 'Patik menjunjung kasih tuanku', 'Ampun tuanku beribu-ribu ampun', dan 'Daulat tuanku'.

Golongan rakyat mempunyai bahasa atau dialek yang dikenali dengan nama bahasa orang kebanyakan atau bahasa Melayu biasa. Bahasa inilah yang digunakan pada setiap hari di kalangan masyarakat Melayu dalam perhubungan, pentadbiran, pendidikan, dll. Perbendaharaan katanya menggunakan kata-kata biasa yang berlainan daripada bahasa istana seperti *tidur, makan, sakit, datang, marah, rumah, mandi, kata, saya, berjumpa*, dll. Ayat dan rangkai kata digunakan dalam bentuk biasa, tetapi berbeza sedikit antara yang formal dengan yang tidak formal, antara bahasa lisan dengan bahasa tulisan. Di situlah wujudnya bahasa halus yang digunakan dalam suasana yang rasmi atau dengan orang yang dihormati, manakala bahasa kasar digunakan dalam suasana yang tidak formal serta kepada teman yang akrab dan setaraf.

Dalam berinteraksi dan bertegur sapa antara berbagai-bagai kelas dan peringkat masyarakat, terdapat penggunaan perbendaharaan kata yang berbeza. Di antara orang yang setaraf dan akrab, mereka saling menggunakan kata 'aku' dan 'engkau'. Di antara orang yang tidak setaraf atau tidak akrab berlaku keadaan yang tidak seimbang. Di situ timbul bentuk yang formal.*Kata 'saya' digunakan sebagai kata ganti orang pertama, sedangkan 'tuan', 'epcik' atau gelaran yang disandang, digunakan untuk menyapa orang yang dilawan bercakap atau orang kedua. Di antara raja dengan rakyat, kata ganti diri 'beta' digunakan untuk diri baginda, dan 'rakyat beta' atau gelaran yang disandang oleh rakyat baginda, untuk orang kedua. Bagi rakyat, mereka menggunakan 'patik' bagi membahasakan dirinya, dan 'tuanku' bagi menyapa rajanya.

**Dialek Geografi Melayu** – Walaupun bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, dan Singapura, serta dapat difahami oleh kira-kira 200 000 000 orang, tetapi jumlah penutur aslinya tidak sebanyak itu, iaitu kira-kira 40 000 000, dan kawasannya agak sempit.

Peratusan kawasan yang didiami dan jumlah penutur asli bahasa Melayu ialah; Semenanjung Malaysia (kira-kira 50

peratus), selatan negara Thai (kira-kira 5 peratus), Singapura (kira-kira 15 peratus penduduknya), Sarawak (kira-kira 18 peratus penduduknya), Sabah (kira-kira 6 peratus penduduknya), Negara Brunei Darussalam (kira-kira 60 peratus penduduknya), Sumatera (lebih 50 peratus penduduknya), Kalimantan, dan selatan Myanmar (kira-kira 100 000 orang).

Perbezaan di antara satu dialek dengan dialek yang lain adalah dari segi fonologi, morfologi, sintaksis, kosa kata, semantik, dan ungkapan. Perbezaan yang ketara adalah dari segi fonologi dan kosa kata. Berdasarkan kriterium ini, terdapat berbagai-bagai dialek penutur asli bahasa Melayu dari Patani (selatan Thai) hingga ke Pulau Belitung (selatan Sumatera), dari Tamiang (Aceh), hingga ke Sabah, dan Kalimantan.

Perbezaan fonologi yang ketara dan banyak kepelbagaiannya adalah dalam penggunaan fonem. Dalam dialek Kelantan umpamanya terdapat 15 fonem vokal dan 20 fonem konsonan. Sedangkan dalam bahasa Melayu baku terdapat enam vokal dan 25 konsonan.

Dalam dialek Brunei terdapat tiga fonem vokal dan 18 fonem konsonan. Dalam bahasa Melayu Langkat, iaitu dialek Melayu di Sumatera Utara, terdapat enam vokal dan 17 konsonan, dan bahasa Melayu Riau Kuantan mempunyai enam vokal dan 16 konsonan, serta empat vokal rangkap. Dalam bahasa Melayu Belitung, Sumatera Selatan pula terdapat enam vokal dan 19 konsonan. Dialek Brunei mempunyai jumlah vokal yang paling sedikit, iaitu tiga, sedangkan dialek Melayu Kelantan yang terbanyak, iaitu 15 vokal. Bagi dialek-dialek lain biasanya enam, iaitu seperti dalam bahasa Melayu baku. Dari segi konsonan, bahasa Melayu Riau dialek Kuantan mempunyai jumlah konsonan yang terkecil, iaitu 16 sahaja. Dialek Melayu Langkat mempunyai 17 konsonan. Dialek-dialek yang lain mengandungi antara 18 hingga 20. Bahasa Melayu baku mempunyai 25 konsonan, iaitu jumlah yang besar kerana meminjam kata-kata asing. Dengan itu, konsonan baharu terpaksa dipinjam, seperti fonem /f/, /z/, /ʃ/, dan /v/. Perbezaan wujud dalam penggunaan konsonan dan vokal sebelum kesenyapan pada suku kata akhir, seperti -a; -al, -as, -ang, -r, dan diftong.

Perbezaan morfologi adalah dari segi penggunaan imbuhan meN, peN, ber-, -kan, -i, di-, dan yang lain-lain. Dalam bahasa Melayu baku awalan [mə] digunakan. Contohnya: hilang; me + hilang ≈ menghilang.

Dalam dialek Belitung keadaannya menjadi seperti berikut: /ilang/ menjadi [ngilang]. Dalam dialek Melayu Kuantan di Riau: /makan/ menjadi [mamakan] (memakan). Dalam dialek Serasan (Sumatera): /bjiok/ menjadi [mambujok] (membujuk). Dalam dialek Kampar (Sumatera): /dapek/ menjadi [mandapeʔ] (mendapat). Dialek Johor pula keadaannya seperti bahasa Melayu baku. Contohnya: /pakai/ menjadi [məmakai] (memakai).

Dari segi sintaksis terdapat beberapa perbezaan. Contohnya, dialek Kampar: [Datuoʔ Kasim diambioʔlah galah bacupan] (Diambillah galah bercabang oleh Datuk Kasim). Contoh dialek Serasan: [Awak nak nakot-nakot] (Saya hendak menakut-nakuti). Contoh dialek Johor: [Awaʔ naʔ ke mana] (Kamu hendak ke mana?)

Perbezaan kosa kata berlaku disebabkan oleh keadaan tempat, seperti terpisah oleh banjaran gunung, sungai, laut, dan keadaan tempat yang terpencil seperti pulau. Tiap-tiap dialek yang terpisah itu mengalami perkembangan sejarah mereka masing-masing. Hal ini berlaku bukan sahaja di antara dialek-dialek yang terpisah jauh, tetapi juga yang dekat. Perbezaan dari segi kosa kata ialah dari segi perbezaan sebutan, proses metatesis, perbezaan konsep, pengaruh kata asing, dan perbezaan kata. Contohnya perkataan /lidah/ terdapat beberapa perbezaan sebutan, seperti [lida], [dilah], [dilaʔ], [dilaəʔ].

Perbezaan konsep juga berlaku bagi beberapa perkataan yang sama-sama digunakan dalam rumpun bangsa dan bahasa yang sama tetapi berlainan dialek. Umpamanya perkataan /kaki/ bagi bahasa Melayu baku maksudnya bahagian tubuh badan dari pangkal paha hingga ke hujung jari kaki. Tetapi di Sumatera terdapat perkataan tungkai atau tungkak (bahasa Jawa) bererti tumit, iaitu sebahagian daripada kaki, dan bukan keseluruhannya. Di Busut Tinggi, Bengkulu, /keting/ ialah kaki, sedangkan dalam bahasa Melayu baku bererti bahagian belakang buku lali.

Pengaruh bahasa asing juga memberi perbezaan perkataan. Contohnya perkataan /pitih/ yang digunakan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, manakala di Sumatera masih digunakan perkataan /pitis/. Kedua-dua perkataan /pitih/ dan /pitis/ berasal daripada kata Melayu klasik iaitu /pitis/. Tetapi, bahasa Melayu baku menggunakan perkataan /wang/, dan di Indonesia digunakan /uang/, selain perkataan /duit/ untuk pengertian wang. Selain itu, terdapat penggunaan kata yang memang berbeza seperti 'hungga' (Kelantan), dan 'lari' (Johor). Perbezaan dari segi semantik seperti perkataan 'selalu', dalam bahasa Melayu baku dan di Johor yang bermakna 'sering' atau 'acap', tetapi dalam dialek Kelantan kata tersebut bermakna 'terus' atau 'langsung'.

– Abdul Hamid Mahmood 1985. "Dialek Kelantan Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Malaysia" dlm. Nik Safiah Karim dan Wan A. Kadir Yusof (ed.). *Kelantan dalam Perspektif Sosio-Budaya*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. • Amat Juhari Moain 1989. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Ismail Hussein 1973. "Malay Dialects in the Malay Peninsula" dlm. *Nusantara*. Bil. 3. Januari. • Kailani Hasan 1985. *Struktur Bahasa Melayu Riau dalam Cerita Rakyat*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.

AMAT JUHARI MOAIN

# E

**EJAAN DAN TULISAN JAWI**, ialah ejaan dan tulisan yang digunakan oleh orang Melayu sejak mereka memeluk agama Islam. Tulisan ini menggunakan huruf Arab. Orang Arab memanggil orang Melayu sebagai orang Jawah ( جاوه ) atau Jawi ( جاوي ), disebabkan pada zaman dahulu daerah Asia Tenggara ini terkenal dengan nama Javadwipa. Bahan bertulisan jawi yang tertua bertarikh 1303 Masihi (702 Hijrah) yang berupa sebuah batu bersurat atau prasasti. Bahan tulisan tangan atau manuskrip yang tertua ialah naskhah 'Aqa'id al-Nasafi' bertarikh 1590 Masihi (998 Hijrah).

Ejaan jawi dipengaruhi oleh dua unsur, iaitu Arab dan Melayu.

Unsur Arab mengalami dua tahap perkembangan. Pada tahap pertama, ejaannya menggunakan tanda-tanda baris sebagaimana yang ada dalam tulisan masyaf kitab suci al-Qur'an. Contohnya seperti: جِكَ بَكِ مَكَ لَكِ اَكَم بَلَم dan دُوَ

Penggunaan baris ini adalah untuk mendapatkan bunyi yang betul, tetapi mengambil masa yang lama untuk menuliskannya kerana terlalu banyak diakritik yang digunakan. Maka, muncul tahap kedua, iaitu barisnya dihilangkan sebagaimana yang terdapat pada tulisan Arab gondol (tanpa baris). Contohnya seperti: جک بک مک لک اکم بلم dan دو

Bentuk ejaan ini terlalu sukar untuk dibaca oleh orang yang baharu belajar atau orang yang kurang berpengalaman dalam tulisan jawi. Hasil daripada ini maka lahir ejaan jawi berunsur Melayu. Ejaan jawi yang berunsur Melayu ini merupakan ejaan yang menggunakan huruf saksi atau huruf vokal: ا، و، ي

Ejaan jawi unsur Melayu mengalami dua tahap perkembangan. Pada tahap pertama, huruf saksi dibubuh pada suku kata pertama sahaja. Contohnya seperti:

| | | | |
|---|---|---|---|
| تلغ | (telinga) | باگ | (bagi) |
| مات | (mati) | بوم | (bumi) |
| برهال | (berhala) | ايسق | (esok) |
| كام | (kamu) | لاگ | (lagi) |

Ejaan bentuk ini walaupun berunsur Melayu, tetapi ada kelemahannya. Banyak kata yang menjadi taksa kerana wujud keadaan yang homograf. بوم boleh berbunyi 'bumi' dan 'bom'. لاگ boleh jadi 'lagi', 'lagu' atau 'laga'. ايسق boleh berbunyi 'esok' dan juga 'esak'. Oleh sebab berlaku kekeliruan, maka lahirlah ejaan unsur Melayu tahap kedua, iaitu huruf

saksi atau vokal dibubuh pada suku kata kedua selain yang dibubuh pada suku kata pertama. Contohnya seperti:

| | |
|---|---|
| lagi | لاكي |
| lagu | لاكو |
| laga | لاك/لاكا |

Walaupun ejaan jawi telah mengalami empat tahap perkembangan, namun penggunaannya tidak bertahap sedemikian. Perkataan agama misalnya dieja sebagai اكاما pada prasasti Terengganu (1303), اكم pada 'Aqa'id al-Nasafi (1590), اوكام dalam majalah *Pengasuh* (1960), dan اكام dalam akhbar *Utusan Melayu* (1990). Dalam buku William Marsden, *A Dictionary and Grammar of the Malayan Language* (1812), dan buku R.J. Wilkinson, *Kamus Jawi-Melayu-Inggeris* (1903), terdapat ejaan yang bercampur-campur. Bagaimanapun, ejaan jawi banyak dipengaruhi ejaan unsur Arab tahap kedua dan ejaan unsur Melayu tahap pertama. Hal yang sama berlaku pada 'kitab-kitab kuning', iaitu kitab-kitab agama berbahasa Melayu klasik. Pada tahun 1930-an, Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman dari Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor (P.Bm.P.B.D.) dan Za'ba dari Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, telah menyusun sistem ejaan jawi secara berasingan.

**Sistem Ejaan Jawi P.Bm.P.B.D.** – Sistem ini disusun oleh Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman dalam bentuk risalah dengan judul *Panduan bagi Hejaan P.Bm.P.B. Diraja* yang mengandungi 25 halaman, dan diterbitkan pada tahun 1937 dengan menggunakan huruf jawi. Sistem ejaan ini dibuat secara ringkas walaupun menyeluruh. Dasar utamanya ialah pengejaan mengikut bagaimana satu-satu suku kata itu dibunyikan, dengan memberi penekanan kepada penggunaan huruf-huruf saksi ( ا، و، ي ). Namun, akibat penyelarasan dan pengaruh daripada sistem ejaan sebelumnya, ada ketikanya huruf-huruf saksi tidak digunakan sepenuhnya. Sungguhpun demikian, ejaan kata-kata yang menggunakan imbuhan atau kata penambah diberikan peraturannya dengan agak terperinci seperti -lah, -kan, -nya, dan -i. Selain itu, dihuraikan juga ejaan-ejaan lama, tua, baharu, Arab, kemelayuan dan ganjil. Antara kaedah ejaan P.Bm.P.B.D ialah pemindahan huruf alif ke belakang apabila wujud imbuhan pada kata dasar yang berkenaan. Contohnya:

| | | | |
|---|---|---|---|
| جاي | (jaya) | كجيان | (kejayaan) |
| ماكن | (makan) | مكانن | (makanan) |

Pada contoh pertama, alif dipindahkan dari sebelum 'ya' ke selepas 'ya'. Pada contoh kedua, alif dipindahkan dari sebelum 'kaf' ke selepas 'kaf'.

Selain itu, terdapat perbezaan ejaan P.Bm.P.B.D dengan ejaan Za'ba. Contoh:

| Ejaan P.Bm.P.B.D. | | Ejaan Za'ba | |
|---|---|---|---|
| هيجان | (hejaan) | ايجان | (ejaan) |

Dalam panduan ejaan P.Bm.P.B.D. terdapat peraturan ejaan kata berbandung (gabungan kata), dan kata-kata Inggeris. Sistem ejaan P.Bm.P.B.D. digunakan dalam surat rasmi kerajaan Johor, dan buku *Katan Melayu* (kamus) yang diterbitkan oleh badan bahasa ini.

**Sistem Ejaan Za'ba** – Mula diterbitkan pada tahun 1938 dalam buku berjudul *Daftar Ejaan Melayu (Jawi-Rumi)*. Sistem ejaan ini hampir sama dengan sistem ejaan P.Bm.P.B.D. dengan beberapa perbezaan. Sistem ejaan Za'ba diterapkan langsung dalam daftar ejaan dan digunakan oleh guru-guru yang menuntut di MPSI. Oleh itu, penggunaannya cukup luas, meliputi Malaysia, Singapura dan Brunei, kerana di tempat-tempat itu ada diajarkan bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi. Sistem ejaan Za'ba bertahan lama dan digunakan oleh akhbar *Utusan Melayu* sehingga kini. Sistem ejaan inilah yang diolah semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk melahirkan Sistem Ejaan Jawi yang Disempurnakan.

*Pedoman Ejaan Jawi Za'ba* juga ada dimasukkan ke dalam buku karangan Za'ba berjudul *Pelita Bahasa Melayu I*.

**Sistem Ejaan Jawi yang Disempurnakan (SEJYD)** – Rangka dasar SEJYD mula dibentangkan dalam Konvensyen Kebangsaan Tulisan Jawi yang diadakan di Terengganu pada tahun 1984. Pada tahun 1986 terbitlah *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*. Berdasarkan pedoman ini maka terbit buku *Daftar Ejaan Rumi-Jawi*, pada tahun 1988.

Ejaan kata dasar SEJYD adalah sama dengan sistem ejaan Za'ba. Setiap kata dieja mengikut bagaimana kata dibunyikan dengan menggunakan tiga huruf saksi (vokal): ا، و، ي

| | | | |
|---|---|---|---|
| (daging) | داكيڠ | (budi) | بودي |
| (buruk) | بوروق | (kaku) | كاكو |
| (bilik) | بيليق | (sila) | سيلا |

Jikalau terdapat imbuhan, ejaan kata dasarnya pada umumnya dikekalkan. Contohnya:

| | |
|---|---|
| (ditinggalkan) | دتيڠكلكن |
| (bertemakan) | برتماكن |
| (termakan) | ترماكن |
| (teringatkan) | ترايڠتكن |

Namun bagi akhiran /-an/ terdapat sedikit perbezaan dengan sistem ejaan Za'ba. Contohnya:

| | Za'ba | SEJYD |
|---|---|---|
| (pendidikan) | فندبديقن | فندبديقن |

Begitu juga dengan penggunaan /k/ untuk hentian glotis pada akhir kata sebelum kesenyapan. Dalam SEJYD digunakan huruf / ق / bagi kata-kata Melayu, dan / ك / bagi kata-kata asing. Contohnya:

| | | | |
|---|---|---|---|
| (subjek) | سوبيك | (budak) | بودق |
| (objek) | اوبيك | (bilik) | بيليق |
| (politik) | فوليتيك | (baik) | بايق |
| (intelek) | اينتيلك | (duduk) | دودوق |

Dalam sistem SEJYD, dibezakan ejaan bagi kata-kata yang berlainan sebutan, sedangkan dalam sistem ejaan Za'ba,

kedua-duanya disamakan sahaja. Contohnya:

| Rumi | Za'ba | SEJYD |
|---|---|---|
| (cangkung) | جڠكوڠ | جاڠكوڠ |
| (cengkung) | جڠكوڠ | جڠكوڠ |
| (cengkih) | جڠكيه | جڠكيه |
| (cangkih) | جڠكيه | جاڠكيه |

Bagi kata ulang, SEJYD menggunakan angka dua apabila kata itu diulang keseluruhan, kalau tidak maka digunakan sempang. Contohnya:

(buku-buku) بوكو٢ (gula-gula) كولا٢

(bergula-gula) برکولا-کولا (kebiru-biruan) کبيرو-بيروان

Selain itu, terdapat beberapa peraturan ejaan bagi kata-kata istilah asing terutama daripada kata-kata Inggeris, kata singkatan, dan seumpamanya yang tidak digarap secara khusus dalam sistem ejaan Za'ba.

**Sistem Ejaan Dian** – Muncul pada tahun 1970 apabila terbitnya majalah *Dian* yang bertulisan jawi. Sistem ejaan ini berdasarkan fonetik. Walaupun sistem ini mempunyai beberapa ciri yang baik, namun sistem ini terhenti penggunaannya dengan terhentinya penerbitan majalah *Dian* yang menggunakan tulisan jawi tersebut.

– Amat Juhari Moain (akan terbit). *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • *Dian*. Bilangan 57. 1973. • *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan 1986*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Mohd. Said Sulaiman 1937. *Panduan bagi Hejaan P.Bm.P.B.Dnsa*. Singapura: Matba'ah al-Ahmadiyah. • Za'ba 1938. *Daftar Ejaan Melayu, Jawi-Rumi*. Singapura: Printers Ltd.

AMAT JUHARI MOAIN

**EJAAN DAN TULISAN RUMI**, salah satu tulisan bahasa Melayu, yang berasal daripada huruf Latin (roman), dan mempunyai sejarah lebih daripada 450 tahun. Huruf Latin yang mula-mula digunakan untuk menuliskan bahasa Melayu ditemui dalam senarai pelayaran Figaletta dari Itali pada tahun 1522. Bermula dalam abad ke-16 itu, bahasa Melayu terus ditulis dengan huruf roman oleh pedagang, pengembara dan penjelajah dari Eropah ke Nusantara. Penggunaan huruf roman untuk menuliskan kata-kata Melayu itu dapat dilihat dalam catatan dan tulisan yang dihasilkan dalam tempoh sehingga akhir abad ke-17.

Kedatangan bangsa Belanda ke Timur dalam abad ke-17 membawa tulisan dengan huruf roman yang menjadi asas bagi sistem ejaan rumi bahasa Indonesia. Manakala orang Inggeris yang memberi perhatian kepada bahasa Melayu semenjak awal abad ke-17 hingga akhir abad ke-19 pula telah mengasaskan beberapa kaedah ejaan rumi bagi bahasa Melayu di Tanah Melayu. Antara sistem ejaan rumi yang disusun oleh orang Inggeris sebelum abad ke-20 termasuklah ejaan rumi Thomas Bowrey (1701), ejaan rumi J. Howison (1800), ejaan rumi William Marsden (1812), ejaan rumi Negeri-Negeri Selat (1878), ejaan rumi Swettenham (1881), dan ejaan rumi Maxwell (1882), yang kesemuanya berpedomankan kaedah transliterasi huruf jawi kepada rumi.

Perancangan sistem ejaan rumi bagi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia bermula pada awal abad ke-20. Perancangan ini adalah dalam hubungannya dengan perancangan bahasa di kedua-dua negara tersebut pada amnya berikutan dengan perubahan yang liberal dalam dasar pemerintahan penjajah Inggeris dan Belanda pada penghujung abad ke-19. Sistem sekolah rendah atau sekolah dasar menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan, untuk tujuan ini, bahasa Melayu perlu dimajukan. Langkah yang pertama bermula dengan penyusunan satu sistem ejaan rumi yang seragam dan lebih mudah untuk menggantikan tulisan jawi yang tidak dapat menggambarkan sistem bunyi bahasa Melayu yang sebenar bagi mereka yang tidak dapat memahaminya.

Perancangan ejaan rumi yang pertama di Tanah Melayu bermula pada tahun 1902 apabila kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu menubuhkan sebuah jawatankuasa ejaan yang diketuai oleh R.J. Wilkinson. Sistem ejaan yang dikenali sebagai 'Ejaan Wilkinson' itu dirumuskan dengan nama *Romanised Malay Spelling* dan diterbitkan pada bulan Oktober 1904 dalam bentuk sebuah laporan dan senarai perkataan yang dieja menurut kaedah yang diperakukan oleh jawatankuasa tersebut.

Ejaan Wilkinson digunakan secara rasmi di semua sekolah umum di Tanah Melayu. Ejaan ini sama dan seragam dengan ejaan yang digunakan dalam semua kamus dan penerbitan karangan Wilkinson sendiri yang dihasilkan dari tahun 1901 hingga akhir tahun 1940-an, antaranya *Kamus Jawi-Melayu-Inggeris* (1903).

Perkembangan dan pemantapan sistem ejaan rumi turut berlaku seiring dengan perkembangan bahasa Melayu dalam pendidikan, terutamanya apabila Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC), kini Institut Pendidikan Sultan Idris (IPSI), turut memperkembangkannya. Beberapa buah buku bahasa dalam tulisan rumi dan tentang tulisan rumi yang memperluas penggunaan sistem 'ejaan sekolah' yang berasaskan ejaan Wilkinson telah disusun dan diterbitkan oleh beberapa orang tokoh bahasa dan pendidik di SITC; antaranya (i) *Mithal Huruf Rumi bagi Darjah 1* (1920), (ii) *Kitab Loghat Melayu* susunan R.O. Winstedt dan Ibrahim Dato' Muda Linggi (1921), (iii) *Kitab Pelita Mengarang (Rumi)* susunan O.T. Dussek dan Mohd. Hashim (1923), dan (iv) *Kitab Kumpulan Nama Melayu* susunan Ibrahim Dato' Muda Linggi (1924).

Sistem ejaan rumi yang terkenal selepas ejaan Wilkinson ialah 'Sistem Ejaan Rumi Za'ba' yang dihasilkan daripada SITC juga. Sistem ejaan rumi Za'ba disusun dan diperkemas dalam beberapa tahun dan termuat dalam beberapa buah buku pedoman bahasa terbitan Pejabat Karang Mengarang SITC, terutamanya dalam (i) *Ilmu Bahasa Melayu Penggal I* (1926), (ii) *Pelita Bahasa Melayu Penggal I* (1941), dan (iii) *Daftar Ejaan Melayu (Jawi-Rumi)* (1949), dengan judul 'Petua-Petua Ejaan Rumi', yang kesemuanya dikarang oleh Za'ba. Sistem ejaan Za'ba digunakan sebagai 'ejaan sekolah' yang sebenar dan sebagai ejaan rasmi kerajaan sehingga digantikan dengan Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia yang dirasmikan penggunaannya pada 16 Ogos 1972.

Selain sistem ejaan Za'ba, sebelum tahun 1967, terdapat beberapa kaedah ejaan rumi yang lain yang digunakan di Tanah Melayu dan Singapura. Dalam zaman pendudukan Jepun tahun 1942 – 1945, terdapat penggunaan 'Ejaan *Fajar Asia*', iaitu ejaan rumi yang digunakan dalam majalah *Fajar*




**Perlukaran cenderamata setelah persetujuan tentang satu sistem ejaan baharu untuk kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dicapai pada 27 Jun 1967**

*Asia* yang diterbitkan di Singapura. Ejaan ini berbeza sedikit daripada ejaan Wilkinson dan ejaan Za'ba di Tanah Melayu serta ejaan van Ophuijsen di Indonesia. Ejaan *Fajar Asia* ini kemudiannya dianuti oleh Asas 50 yang menjadikannya ejaan rasmi mereka.

Selain itu, terdapat juga sejenis ejaan yang dikatakan 'ejaan bebas', iaitu ejaan yang tiada sistem tertentu, yang menyatukan atau mengandung ciri-ciri ejaan daripada sistem-sistem yang ada, termasuk daripada sistem ejaan di Indonesia. Ejaan bebas digunakan dengan agak meluas dalam urusan bukan rasmi dan dalam beberapa penerbitan akhbar, majalah dan buku.

Sebelum berlangsungnya Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang pertama di Singapura (1952) dan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kedua di Seremban (1954), sudah wujud keinginan untuk menyatukan ejaan rumi bahasa Melayu dengan ejaan Latin bahasa Indonesia yang perlu dirumuskan secara fonemik. Tujuannya ialah untuk memperbaiki sistem ejaan Za'ba dan menyatukannya dengan ejaan bahasa Indonesia. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga di Johor Bahru (1956) telah membahaskan masalah pembaikan ejaan rumi dan gagasan penyatuannya dengan bahasa Indonesia. Rumusan Kongres ini mencadangkan sistem ejaan rumi baharu yang terkenal dengan nama 'Ejaan Kongres'.

Ejaan Kongres mengandungi beberapa persamaan dengan ejaan *Fajar Asia* yang berlainan daripada ejaan Za'ba. Antaranya ialah pelambangan sistem keharmonian vokal dan penulisan bentuk-bentuk terikat tanpa menggunakan tanda sempang yang didapati selaras dengan sistem ejaan Soewandi yang sedang dalam penggunaan di Indonesia.

Pada tahun 1956, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menubuhkan sebuah Jawatankuasa Ejaan yang diberi tugas mengkaji, mencadangkan rumusan dan cara pelaksanaan suatu sistem Ejaan Kebangsaan Rumi yang tetap. Perkara ini dilakukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ditubuhkan dengan serta-merta (1956) sebagai salah satu hasil daripada rumusan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga. Jawatankuasa inilah, dengan pengemasannya dari semasa ke semasa, yang bertugas meneroka usaha kerjasama kebahasaan dalam bidang penyatuan ejaan rumi bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia dari tahun 1957 hingga tahun 1972 apabila terlaksanaya penggunaan ejaan rumi bersama bagi kedua-dua bahasa tersebut.

Selepas Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, terdapat satu kaedah ejaan yang digunakan di kalangan akademik, iaitu kaedah 'Ejaan Rumi PBMUM'. Sistem ini hampir menyamai ejaan *Fajar Asia* dan ejaan Soewandi. Kaedah ejaan rumi PBMUM ialah sistem ejaan yang digunakan dalam penerbitan jurnal *Bahasa* yang diterbitkan oleh Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya bermula pada tahun 1957.

Selepas Kongres Ketiga ini juga, usaha memperbaiki ejaan rumi di Tanah Melayu berlaku dalam hubungannya dengan usaha penyempurnaan ejaan Latin di Indonesia. Langkah-langkah di Tanah Melayu bertujuan untuk membaiki sistem ejaan Za'ba (1949) dan sekaligus menghindarkan penggunaan pelbagai ejaan seperti ejaan Wilkinson (1901 – 1940-an), ejaan *Fajar Asia* (1943), ejaan PBMUM (1957), dan bermacam-macam 'ejaan bebas' yang lain. Usaha-usaha di Republik Indonesia pula bertujuan untuk membaiki sistem ejaan van Ophuijsen (1901) dan ejaan Soewandi atau ejaan Republik (1947).

Penyatuan ejaan rumi di Tanah Melayu dengan ejaan Latin di Indonesia sebagaimana yang dicadangkan oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga terlaksana apabila kedua-dua kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan pemerintah Republik Indonesia mengadakan perjanjian persahabat-

an pada 17 April 1959. Ekoran daripada perjanjian tersebut telah menghasilkan sistem ejaan bersama yang dikenali dengan nama 'Ejaan Melindo' (singkatan daripada 'bahasa Melayu' dan 'bahasa Indonesia'). Gagasan ejaan Melindo termeterai dalam Dokumen Pengumuman Bersama antara Jawatankuasa Ejaan Rumi Baharu Persekutuan Tanah Melayu dengan Panitia Pelaksanaan Kerdjasama Bahasa Melaju-Indonesia pada 7 Disember 1957. Dokumen itu juga menyebut bahawa pengumuman ejaan Melindo akan dibuat serentak di Persekutuan Tanah Melayu dan Republik Indonesia selewat-lewatnya pada 31 Januari 1962.

Sistem ejaan Melindo mengandung maklumat tentang fonem, vokal, diftong dan konsonan serta perlambangannya, kaedah penulisan dan penyebutan abjad, penggunaan tanda sempang, penulisan kata ulang dan penggunaan angka dua, penggunaan huruf besar, penulisan kata depan, penulisan kata ganti singkat, penulisan partikel, dan penggunaan tanda baca.

Tetapi ejaan Melindo tidak dilaksanakan pada tahun 1962 sebagaimana yang dipersetujui kerana belum mendapat pengesahan daripada pihak pemerintah Republik Indonesia. Kemudian, perhubungan diplomatik antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Republik Indonesia terjejas dan menghalang semua bentuk kerjasama dua hala dalam beberapa tahun. Selepas perhubungan diplomatik dipulihkan pada tahun 1965, perkembangan dalam bidang bahasa dan budaya pun turut berlaku lagi, dan kegiatan untuk melaksanakan penyataan ejaan disambung semula.

Perkembangan di Malaysia selanjutnya berlaku pada tahun 1966 apabila kerajaan Malaysia menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bahasa/Ejaan yang baharu diketuai oleh Syed Nasir bin Ismail. Tugas jawatankuasa baharu ini, antara lain, untuk melaksanakan persetujuan tentang kerjasama bahasa dalam jangka panjang, dan meneruskan usaha Jawatankuasa Ejaan yang telah mencapai keputusan penyamaan ejaan dengan pihak Indonesia.

Satu pertemuan ringkas diadakan di DBP Kuala Lumpur, antara jawatankuasa tersebut dengan Missi Militer Republik Indonesia (KOTI-KOLAGA) yang diketuai oleh Kolonel Wahju Sukatjo pada 7 September 1966. Antara persetujuan yang dicapai ialah tentang aspek ejaan, iaitu kedua-dua belah pihak mengesyorkan kepada kerajaan masing-masing supaya dilaksanakan penggunaan ejaan Melindo yang dipersetujui pada tahun 1959 itu dengan segera.

Untuk tujuan itu, kedua-dua belah pihak mengkaji semula rumusan ejaan Melindo. Di Indonesia, Panitia Edjaan Bahasa Indonesia Lembaga Bahasa dan Kesusastraan yang dibentuk pada 7 Mei 1966 yang diketuai oleh Anton M. Moeliono menolak konsep ejaan Melindo tersebut. Ejaan Melindo tidak dapat diterima dan tidak dilaksanakan kerana dikatakan tidak praktis dan tidak ekonomis. Cadangan untuk menggunakan grafem baharu <ŋ> bagi /ŋ/ dan <ĝ> bagi <ĥ> ditolak kerana dikatakan boleh menyukarkan penulisan, penaipan dan percetakan. Dua grafem baharu yang tidak praktis ini mengatasi kebaikan yang diperlihatkan oleh pemilihan <c> bagi /c/ dan <j> bagi /j/. Sebagai gantinya, panitia tersebut menyusun suatu konsep ejaan yang baharu yang dilakukan setelah mempertimbangkan hasil yang tercapai oleh Panitia Pembaharuan Edjaan Bahasa Indonesia (1956) dan rumusan ejaan Melindo (1959) serta karangan dan ulasan yang terbit di Indonesia sejak tahun 1950.

Pada awal September 1966, konsep ejaan baharu itu dikemukakan kepada Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia. Panitia yang menyusun konsep baharu itu kemudiannya ditetapkan menjadi Panitia Edjaan Bahasa Indonesia Departemen Pendidikan dan Kebudajaan, dan dilantik oleh Pemerintah Indonesia menjadi Team Ahli Bahasa KOTI yang akan mewakili Indonesia dalam rundingan selanjutnya dengan pihak Malaysia.

Selepas itu, pada 20 – 25 September 1966, pertemuan diadakan pula di Jakarta di antara tiga orang anggota Jawatankuasa Bahasa/Ejaan Malaysia yang diketuai oleh Syed Nasir bin Ismail dengan pihak Indonesia. Keputusan yang dicapai ialah persetujuan kedua-dua belah pihak hendak mengkaji semula dan memperbaiki ejaan Melindo. Untuk tujuan itu, konsep ejaan baharu bahasa Indonesia yang dikemukakan oleh Panitia Edjaan Bahasa Indonesia dibawa pulang ke Malaysia dan dikaji dengan teliti oleh Jawatankuasa Ejaan Malaysia, dan hasilnya dijadikan dasar bagi rumusan sistem ejaan bersama yang disepakati pada tahun berikutnya.

Sementara itu, Simposium Bahasa dan Kesusastraan Indonesia pada bulan Oktober 1966 menerima dengan baik konsep ejaan baharu bahasa Indonesia yang disusun oleh Panitia Edjaan Bahasa Indonesia (1966).

Kerajaan Malaysia melantik Jawatankuasa Bahasa/Ejaan Bahasa Melayu yang dipengerusikan oleh Syed Nasir bin Ismail untuk mengadakan perundingan dengan pihak Indonesia yang diwakili oleh Team Ahli Bahasa KOTI yang diketuai oleh Nj. S.W. Rudjati Muljadi. Setelah mengadakan perundingan beberapa hari di DBP, Kuala Lumpur, persetujuan dicapai tentang satu sistem ejaan baharu bersama yang ilmiah dan praktis serta sesuai untuk kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Laporan lengkap persidangan itu ditandatangani oleh ketua-ketua perwakilan bagi pihak negara masing-masing pada 27 Jun 1967. Perjanjian ejaan baharu bersama tersebut tersimpan selama lima tahun sebelum dapat dilaksanakan.

Seminar Bahasa Indonesia pada 26 – 28 Oktober 1968 pula mengusulkan agar ejaan baharu bahasa Indonesia tahun 1966 segera dirasmikan sebagai ejaan baku dengan tidak mencabut kerasmian ejaan Soewandi tahun 1947 sekurang-kurangnya selama tempoh lima tahun yang berikutnya, serta menyeru semua pihak seperti wartawan, penulis, dan lain-lain untuk turut melaksanakannya. Pelbagai ketetapan dan usul lain yang dikemukakan daripada beberapa diskusi, simposium dan seminar yang dilangsungkan dalam tempoh tahun 1967 sampai 1972 pada keseluruhannya menyokong konsep ejaan baharu bahasa Indonesia tahun 1966. Seminar Bahasa Indonesia pada 2–3 Mac 1972 menyenaraikan alasan-alasan yang munasabah berkaitan dengan alternatif bagi pemilihan grafem <ch> atau <c> bagi fonem /c/ Indonesia.

Di Malaysia pula, keinginan untuk menyeragamkan ejaan rumi selepas tahun 1967 diperlihatkan dengan dua sistem ejaan. Pertama, Ejaan Cadangan (1970) yang disusun oleh DBP dan kedua ialah Ejaan Universiti Malaya (1971). Kedua-duanya mengemukakan beberapa pembaikan terhadap ejaan Za'ba, tetapi penyebarannya amat terbatas.

Pada 23 Mei 1972 barulah termeterai Kenyataan Bersama antara Malaysia dengan Republik Indonesia dalam bidang kebudayaan dan bahasa. Kenyataan Bersama itu mengandungi, antara lain, persetujuan untuk melaksanakan perjanjian pada 27 Jun 1967 tentang ejaan baharu atau ejaan yang disempurna-



Pengisytiharan Sistem Ejaan Baharu Bahasa Malaysia dilakukan pada 16 Ogos 1972

kan, dan persetujuan untuk merasmikan pelaksanaan ejaan tersebut melalui pengumuman oleh menteri masing-masing negara pada waktu yang sama.

Sebagai ekoran daripada Kenyataan Bersama tersebut, pada bulan Mei 1972, Menteri Pelajaran Malaysia menubuhkan Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia (JKTBM), yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah DBP, iaitu Dato' Haji Sujak bin Rahiman, dan ditugaskan mewakili Malaysia dalam rundingan dengan pihak Indonesia untuk melaksanakan persetujuan tentang ejaan bersama itu. Di Indonesia, pada waktu yang sama, dibentuk Panitia Kerjasama Kebahasaan Indonesia-Malaysia (PKKIM) yang dipimpin oleh Ketua Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia iaitu Prof. Amran Halim. Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, yang diberi tugas meneruskan rundingan dan kerjasama dengan JKTBM.

Akhirnya, sistem ejaan baharu tersebut dapat diisytiharkan secara rasmi serentak di kedua-dua buah negara pada 16 Ogos 1972. Di Malaysia, risalah Sistem Ejaan Baharu Bahasa Malaysia diterbitkan dan diedarkan kepada sektor awam dan orang ramai. Kerajaan memberi tempoh lima tahun kepada pengguna bahasa untuk menukarkan ejaan lama kepada sistem ejaan baharu ini. Pada tahun 1975, Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) yang ditubuhkan pada tahun 1972 meluluskan Pedoman Umum Ejaan. Pedoman ini diterbitkan oleh DBP di Malaysia dengan judul *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia* yang dilancarkan pada 30 Ogos 1975, di Indonesia diterbitkan oleh Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Jakarta, dengan judul *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Indonesia yang Disempurnakan*. Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim) menggantikan MBIM pada tahun 1985, membaiki pedoman ejaan tersebut dalam edisi kedua pada tahun 1987. Di Malaysia, pengejaan kata-kata umum disenaraikan dalam buku *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia* yang diterbitkan pada tahun 1981 (edisi kedua tahun 1988). Sistem ejaan rumi inilah yang digunakan secara rasmi di Malaysia hingga kini.

■■■ – Asmah Haji Omar 1967. "Towards the Unification of Bahasa Melayu and Bahasa Indonesia. An account of efforts to standardise the spelling systems of Malay in Malaysia and Indonesia" dlm. *Tenggara*, No. 1, hlm. 112 – 115. • "Ejaan Bahasa Indonesia Sejarah Singkat" dlm. *Bahasa dan Kesusasteraan* (stensilan). Seri Chusus No. 9/1972. Djakarta: Lembaga Bahasa Nasional. • *Memoranda* 1962. Kuala Lumpur: Oxford University Press. • Quejoe, David H. de 1969. *A Preliminary Study of Malay/Indonesian Orthography*. Special Report Series. Center for Southeast Asian Studies, Northern Illinois University. • *Rumusan Jawatankuasa Bahasa/Ejaan Malaysia Mengenai Penjatuhan Ejaan Melayu-Indonesia* (stensilan) 1967. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ISMAIL DAHAMAN

# G

**GHAZAL**, satu bentuk persembahan nyanyian lagu-lagu Melayu yang bertemakan kasih sayang, berasal daripada tradisi muzik Arab yang wujud sejak zaman jahiliah. Dalam bahasa Arab, ghazal bermaksud 'lagu dan puisi kasih'.

Pada awal abad kelapan Masihi, sewaktu pemerintahan Khalifah Umaiyah, persembahan ghazal berkembang dengan pesatnya dan tersebar ke Mesir, Turki, Parsi, dan Syria. Di Timur Tengah, ghazal merupakan nyanyian syair cinta dan kasih sayang yang dipersembahkan dalam pesta-pesta keramaian untuk menghiburkan hati. Sejajar dengan perkembangan Islam, ghazal diperkenalkan juga ke India dan ke Tanah Melayu. Di India, ghazal dikenal dengan nama Ghazal Urdu.

Di Malaysia, ghazal mempunyai dua pengertian, iaitu sebagai 'sejenis puisi Melayu lama yang dipengaruhi oleh Arab-Parsi', dan 'sejenis persembahan muzik Melayu'. Dalam konteks persembahan muzik, terdapat dua jenis persembahan ghazal, iaitu ghazal party (perkataan 'party' merujuk kumpulan muzik) yang terdapat di utara Malaysia, dan ghazal Melayu yang terdapat di Johor. Ghazal party merupakan kumpulan muzik yang memainkan lagu-lagu berirama padang pasir, khususnya lagu-lagu Arab dari Mesir. Ghazal Melayu Johor, yang lebih terkenal, merupakan persembahan nyanyian yang muziknya banyak dipengaruhi oleh irama Parsi dan India Utara.

Ghazal Johor mula berkembang di istana Riau-Lingga pada awal abad ke-19. Sebagai muzik istana, ghazal dipersembahkan dalam majlis-majlis keramaian diraja dan juga dalam pesta istana. Oleh sebab adanya hubungan yang erat antara golongan bangsawan Johor dengan golongan bangsawan Riau-Lingga, ghazal diperkenalkan juga ke istana Johor. Pedagang-pedagang India dan Parsi yang berulang-alik ke Johor memperkenalkan bentuk-bentuk muzik mereka, iaitu muzik Hindustan dan Parsi, yang kemudian diserapkan ke dalam persembahan ghazal.

Pada peringkat awal, ghazal Johor dipelopori oleh tokoh seperti Datuk Mohd. Salleh bin Perang (Datuk Bentara Luar), dan Haji Musa bin Yusof atau dikenal dengan panggilan Pak Lomak. Pada masa itu, persembahan ghazal dinamakan 'gamat' yang bermaksud riuh-rendah dan keadaan bersuka ria. Oleh sebab perkataan ini membawa konotasi negatif seperti tidak teratur dan tersusun, pertukaran berlaku, iaitu ditukar kepada 'ghazal' yang mencerminkan muzik kasih sayang yang murni.

Persembahan ghazal diiringi dengan alat-alat muzik seperti harmonium, tabla, biola, gambus, gitar, tamborin, dan marakas. Seni kata lagu-lagu ini terdiri daripada pantun Melayu, sama ada pantun dua kerat, pantun empat kerat ataupun pantun berkait. Tema pantun mencerminkan perasaan cinta



**Gambus, salah satu alat muzik yang penting dalam persembahan ghazal**

seperti cinta akan keindahan alam atau tempat (misalnya lagu 'Tanjung Puteri'), kisah cinta yang malang (lagu 'Embun Jantan' dan 'Bukit Melati'), dan perasaan kasih sayang (lagu 'Embun Menitik' dan 'Pasir Gudang'). Selain itu, terdapat pantun ghazal yang bertemakan perasaan pilu, seperti meratapi kehidupan anak dagang, pantun budi, nasihat dan sebagainya.

Untuk menyanyikan sesebuah lagu ghazal, seseorang penyanyi itu harus mengikuti kaedah tertentu, iaitu:

1. Masuk Lagu – Penyanyi mestilah 'masuk lagu', iaitu mula menyanyikan lagu pada masa yang sesuai. Biasanya, persembahan dimulakan dengan muzik instrumental untuk beberapa ketika dan diikuti nyanyian lagu oleh penyanyi. Masuk lagu yang sesuai bukan hanya perlu dilakukan oleh penyanyi pada permulaan sesebuah lagu, tetapi juga pada permulaan tiap-tiap frasa dalam sesebuah rangkap lagu.

2. Patah Lagu – Lagu-lagu ghazal mesti dinyanyikan mengikut rentak irama atau gaya yang sesuai yang disebut sebagai 'patah lagu'. Terdapat beberapa gaya lagu seperti gaya Parsi, Hindustan, dan Arab. Dalam menyanyikan patah lagu ini, seseorang penyanyi harus dapat merenek lagu dan juga mengalunkan lagu. 'Merenek' bermaksud bunga-bunga lagu (*cadence*) yang boleh dinyanyikan oleh penyanyi untuk menyedapkan irama. Dalam mengalunkan lagu, penyanyi menambah buoga-bunga lagu pada akhir nyanyian atau pada suku kata akhir tiap-tiap frasa lagu.

3. Mati Lagu atau Hujung Lagu – Seseorang penyanyi itu harus belajar tentang cara-cara mengakhiri atau mematikan lagu pada akhir tiap-tiap frasa, dan juga pada penghujung lagu. Sesebuah lagu ghazal itu tidak boleh ditamatkan secara mendadak tetapi memerlukan irama yang lemah lembut bagi mematikannya.

Ghazal merupakan satu bentuk persembahan muzik Melayu yang popular dan mempunyai pelbagai fungsi dalam masyarakat Melayu: sebagai alat hiburan, meraikan tahap-tahap hidup manusia seperti dalam upacara berkhatan dan perkahwinan, dan sebagai saluran untuk melahirkan emosi dan idea.

**Bibl** – Abdullah Mohamed Datuk 1971 "The Ghazal: In Arabic Literature and in Malay Music" dlm. *Malaysia in History*. Jilid XIV, Bil. 1, Oktober, hlm. 24-31 • Jasbi Mohd. Sam 1978 "Ghazal: Satu Tinjauan Sepintas Lalu". Latihan Ilmiah, IBKKM, Universiti Kebangsaan Malaysia. • Rohaya Ahmad 1986 "Ghazal Melayu Johor: Satu Kajian Dalam Konteks Kebudayaan". Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

KU ZAM ZAM KU IDRIS

**GUA CHA**, dituduki oleh masyarakat Hoabinhian kira-kira 10 000 tahun dahulu, terletak di tebing utara Sungai Nenggiri di pedalaman Ulu Kelantan, kira-kira 16 kilometer ke hilir Kampung Kuala Betis.


Masyarakat Hoabinhian kemungkinannya terdiri daripada moyang masyarakat Orang Asli atau penutur bahasa Austro-Asiatik sekarang. Bentuk fizikal masyarakat tersebut berdasarkan rangka yang ditemukan dalam kerja penggalian, adalah antara masyarakat Mongoloid di Asia Tenggara, dan Australoid di Australia, dan Papua New Guinea, yang dikatakan oleh ahli antropologi fizikal sebagai penduduk Clinal (meliputi Orang Asli).

Gua Cha mula mendapat perhatian arkeologis pada awal tahun 1930-an, apabila H.D. Noone membuat penggalian di dalam gua itu. Bagaimanapun, kajian yang lebih menarik dijalankan oleh G. de G. Sieveking pada tahun 1954, dan pada tahun 1979, tapak itu dikaji semula oleh Adi Haji Taha. Sieveking menggali empat petak besar di dalam dan di luar gua tersebut. Pada lapisan bawah, dia menemukan artifak batu, rangka manusia, dan sisa-sisa makanan yang terdiri daripada longgokan tulang anak babi, yang keseluruhannya digolongkan sebagai kompleks kebudayaan Hoabinhian.

Hoabinhian ialah tahap kebudayaan yang tersebar luas di daratan Asia Tenggara, dan di timur laut Sumatera. Masyarakat ini tidak mempunyai kepandaian bercucuk tanam. Mereka bergantung kepada aktiviti mengumpulkan tumbuhan liar, dan memburu haiwan untuk sara hidup sehari-hari.

Selepas pendudukan masyarakat Hoabinhian, Sieveking mendapati Gua Cha tidak didiami selama lebih kurang 2000 tahun berdasarkan ketandusan artifak pada lapisan atas Hoabinhian. Selepas itu, Sieveking mendapati Gua Cha sekali lagi dihuni oleh masyarakat yang menghasilkan artifak yang berlainan sekali daripada artifak yang terdapat di lapisan bawahan, yang terdiri daripada tembikar, alat-alat batu yang halus buatannya, alat perhiasan batu, dan rangka manusia yang ditanam secara membujur, iaitu ciri-ciri masyarakat Neolitik atau Zaman Batu Baru di Tanah Melayu. Masyarakat ini menampakkan keupayaan dan pencapaian teknologi yang tinggi, berbanding dengan masyarakat sebelumnya dari segi penghasilan tembikar yang pelbagai bentuk dan ragam hias. Besar kemungkinannya masyarakat tersebut menggunakan roda pemutar dalam penghasilan tembikar tersebut. Ciri utama tembikar Gua Cha ialah pinggan dan mangkuk berkaki.

Masyarakat Hoabinhian di Gua Cha menghasilkan alat-alat batu yang dibuat secara halus dan terperinci dengan dirapih pada sebahagian atau seluruh permukaan batu-batu sungai yang diperolehi di kawasan tersebut. Bersama-sama dengan alat-alat Hoabinhian ini juga ditemui banyak tulang binatang terutama babi, dan haiwan liar termasuk seladang. Berdasarkan pentarikhan karbon 14, masyarakat Hoabinhian dipercayai menapak di Gua Cha sejak kira-kira 10 000 tahun yang silam sehingga lebih kurang 3000 tahun yang lalu. Tanah-tanih dan endapan di Gua Cha didapati terdiri daripada aluvium, dan tidak daripada bahan organik seperti yang dikatakan oleh Sieveking. Ini menunjukkan bahawa gua ini sentiasa dilimpahi banjir pada peringkat awal kejadiannya, yakni ketika paras gua itu dua meter di bawah paras sekarang. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat Hoabinhian di Gua Cha sudah bercucuk tanam. Mereka juga tidak mempunyai hubungan dengan masyarakat di pesisiran pantai kerana ketiadaan siput laut seperti yang dijumpai pada tahap Neolitik. Di



Rangka manusia yang dijumpai di Gua Cha





Petak-petak yang telah digali oleh arkeologis di Gua Cha

samping itu, terdapat rangka manusia yang ditanam dalam keadaan merengkok, dan kepala salah satu mayat tersebut diletakkan di atas 'bantal' batu. Bahagian badan mayat ditutup dengan menggunakan batu atau 'tufa', dan terdapat kesan *haematit* yang disemah pada batu-batu tersebut.

Pada lapisan atas lapisan Hoabinhian terdapat satu lapisan tandus yang tidak begitu jelas. Lapisan ini disusuli oleh Neolitik. Berdasarkan pentarikhan karbon 14, Neolitik di Gua Cha wujud lebih kurang 3000 tahun yang lalu. Artifak hanya terdiri daripada tembikar sahaja yang banyak terdapat pada kedalaman 30 – 40 cm dari permukaan tanah di bahagian timur gua tersebut, dan pada kedalaman 50 – 60 cm di bahagian baratnya. Beras terbakar dijumpai dalam jumlah yang banyak, di lapisan 30 cm dari permukaan tanah dalam petak III yang digali oleh Sieveking, dan memberi tarikh 1000 tahun yang silam.

Bukti-bukti dari Gua Cha, dan gua-gua lain di negara ini tidak mempunyai kaitan langsung dengan masyarakat Melayu yang menduduki negara ini. Bukti-bukti prasejarah dari Gua Cha mempunyai kaitan yang lebih rapat dengan prasejarah Orang Asli keseluruhannya. Hoabinhian wujud di Thai, Cambodia, dan Vietnam, dan di timur laut Sumatera. Tembikar dan alat-alat batu Neolitik di Gua Cha, walaupun berbeza dari segi bentuk, adalah dipercayai mempunyai asas dari selatan Thai kira-kira 1000 SM.

Bahagian pedalaman Tanah Melayu termasuk di sekitar Gua Cha didiami oleh masyarakat orang Asli, iaitu Semang/Negrito di utara Gua Cha, dan Senoi (Temiar) yang tinggal di Kampung Kuala Betis. Orang Asli bertutur dalam bahasa yang digolongkan sebagai Mon dan Khmer (Myanmar/Cambodia), dan bahasa-bahasa yang ada kaitan dengannya, iaitu Austro-Asiatik (termasuk Vietnam) yang pernah digunakan oleh masyarakat di merata Tanah Besar Asia. Penggunaan bahasa ini terhapus atau terserap ke dalam bahasa Thai dan Melayu. Masyarakat Melayu (Austronesia), dan masyarakat yang wujud di sini sekarang dipercayai datang kira-kira 2000 – 3000 tahun yang lalu dari Indonesia, kepulauan Borneo, dan Sumatera.

Tinggalan manusia Neolitik berbeza sedikit daripada manusia Hoabinhian, tetapi dipercayai terdiri daripada kumpulan yang sama. Perbezaannya hanya akibat daripada perubahan corak hidup dan pencapaian teknologinya. Masyarakat Hoabinhian di Tanah Melayu dipercayai menggunakan atau mengambil teknik-teknik perladangan, dan pembikinan tembikar daripada masyarakat di selatan Thai, dan moyang Senoi mewarisi aktiviti tersebut dengan mengubah kebudayaan kebendaan mereka. Masyarakat Orang Asli tidak lagi menggunakan tembikar, tetapi kenapa dan sejak bila, belum dapat diketahui dengan jelas. Sebaliknya masyarakat Semang masih mengamalkan aktiviti memburu, dan mengumpulkan makanan sebagai sumber ekonomi, dan bentuk fizikal mereka tetap berbeza daripada kumpulan Senoi.

ADI HJ. TAHA

# H

**HADIAH BAHASA**, satu bentuk penghargaan tahunan yang diberikan kepada penulis karya ilmiah dalam bahasa Melayu di Malaysia. Konsep Hadiah Bahasa ditimbulkan dalam kepesatan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Karya ilmiah yang layak dicalonkan untuk hadiah ini adalah dalam bentuk buku yang telah terbit. Bidang yang digarap meliputi segala bidang ilmiah, baik sains jati mahupun sains kemanusiaan dan kemasyarakatan.

Penganjur hadiah ini ialah Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) dan Public Bank Berhad, gabungan badan profesional yang memperjuangkan bahasa Melayu dengan institusi kewangan yang banyak menyumbang dalam hal-hal kebudayaan. Urusan penyelenggaraan hadiah ini dilaksanakan oleh sekretariat yang dianggotai oleh wakil-wakil majlis PLM dan eksekutif Public Bank Berhad. Kerja penilaian dibuat secara bertahap. Pada tahap pertama, karya-karya ilmiah yang terbit dalam tahun sebelum tahun hadiah dikurniakan dibaca dan dinilai oleh pembaca yang dilantik oleh sekretariat menurut bidang tertentu. Karya-karya yang dicadangkan oleh pembaca tahap pertama akan dibaca dan dinilai pula oleh pembaca kedua. Karya-karya yang dicadangkan pada tahap kedua ini akan dikemukakan kepada panel hakim untuk dibaca dan dinilai, dan seterusnya untuk dicadangkan bagi pengurniaan hadiah. Panel hakim dipengerusikan oleh penaung PLM, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Panel hakim terdiri daripada ahli-ahli bahasa, ahli-ahli ilmu




Antara buku yang pernah terpilih memenangi Hadiah Bahasa PLM – Public Bank

# I

**IBAN**, suku bangsa di Sarawak, dikenal juga sebagai Dayak Laut. Suku bangsa ini dipercayai berasal dari Lembah Kupang, Kalimantan, Indonesia, kini bertumpu di Bahagian Kedua dan Bahagian Ketiga negeri Sarawak.

Penghijrahan Iban ke Sarawak berlaku sedikit demi sedikit dan bermula dalam abad ke-16, disebabkan oleh pertambahan penduduk, tanah yang kurang subur dan perkelahian sesama sendiri. Orang Iban memasuki Sarawak melalui Sungai Kapuas. Sebahagian daripada mereka menuju ke Lubuk Antu, manakala sebahagian lagi pergi ke muara Sungai Buntak ke Engkili. Orang Iban yang menetap di kawasan Lubuk Antu menamakan kawasan di sekitar Sungai Batang Lupar sebagai Batang Ai yang bererti 'sungai'. Oleh sebab sungai itu penting bagi sesebuah penempatan Iban, beberapa kelompok lain daripada suku bangsa tersebut telah menetap di kawasan-kawasan di sekeliling Sungai Lemanak, Undup dan Skrang di Bahagian Kedua Sarawak. Menurut bancian penduduk tahun 1980, orang Iban kini berjumlah 396 280 orang, iaitu 31 peratus penduduk Sarawak.



Pahlawan dan gadis Iban

Sewaktu pemerintahan Brooke, orang Iban yang terkenal dengan keberanian mereka, telah dijadikan pasukan pejuang Inggeris. Pemodenan masyarakat Iban bermula dalam tahun-tahun 1940-an dan 1950-an apabila pemimpin-pemimpin mereka diserapkan dalam sistem birokrasi moden. Anak-anak mereka diberi pendidikan di sekolah-sekolah mubaligh dan mereka sendiri didedahkan kepada ekonomi dagangan. Orang Iban telah mengalami perubahan dari segi orientasi nilai dan agama sebagai akibat kegiatan para mubaligh Islam dan Kristian yang bermula sejak seratus tahun dahulu. Kini, walaupun banyak orang Iban yang masih menganut agama tradisional mereka, ada juga yang telah memeluk agama Islam dan Kristian.

**Organisasi Sosial Masyarakat** – Masyarakat Iban didirikan atas tiga unit sosial yang asas, iaitu bilik, rumah panjang dan *bansa*. Setiap orang Iban adalah anggota sebuah bilik yang merupakan satu unit dalam sebuah rumah panjang. Sebuah rumah panjang pula merupakan sebahagian daripada kelompok rumah panjang yang terdapat dalam satu kawasan hutan yang lazimnya merupakan kawasan tadahan sungai. Orang-orang Iban yang menganggotai rumah-rumah panjang ini bukan sahaja mempunyai hubungan darah dan hubungan perkahwinan antara satu dengan yang lain, malah bersatu padu mempertahankan wilayah dan menjaga kepentingan mereka, khususnya kepentingan ekonomi.

Dalam masyarakat Iban, perkataan 'bilik' bukan sahaja bermakna ruang, tetapi merujuk kelompok keluarga yang memiliki ruang tersebut. Sebuah bilik mempunyai empat bahagian. Pertama ialah ruang untuk keluarga berkenaan memasak, makan dan tidur. Kedua, ruang yang disebut sebagai *sadai* adalah untuk keluarga berkenaan menyimpan hak miliknya seperti beras, alat-alat pertanian, benih padi, serta tangkal dan azimat. Ketiga, ialah *ruai*, iaitu tempat ahli-ahli keluarga menjalankan kerja rumah, mengadakan upacara resam dan melayan tetamu; dan keempat, *tanju*, iaitu bahagian yang tidak berbumbung, untuk ahli-ahli keluarga mengeringkan padi dan menjalankan upacara resam.

Sebagai sebuah unit sosial, bilik lazimnya terdiri daripada sepasang suami isteri, anak-anak yang belum berkahwin, dan ibu bapa sebelah suami atau isteri. Dalam masyarakat Iban, seseorang individu menjadi ahli sebuah bilik sahaja. Ada empat cara seseorang mendapat keahlian dalam sebuah bilik. Pertama, dia dilahirkan dalam keluarga berkenaan; kedua, dia diterima oleh keluarga bilik berkenaan sebagai anak angkat; ketiga, dia berkahwin dengan ahli bilik berkenaan; dan keempat, dia dijemput menyertai sebuah bilik atas sebab-sebab tertentu, seperti kematian suami atau isteri.

Bilik sebagai satu unit sosial memiliki tanah dan harta bendanya sendiri. Bilik juga mempunyai *umai*nya (ladang) sendiri. Ahli-ahli bilik berganding bahu mengerjakan ladang tersebut. Lelaki Iban hanya mengendalikan kerja-kerja berat di peringkat awal dan akhir penanaman. Di peringkat awal, mereka menebang, menebas dan membakar kawasan hutan yang ingin dijadikan umai dan membantu kaum wanita menanam. Pada musim menuai pula, mereka membantu kaum perempuan memikul hasil pertanian ke rumah panjang. Kerja harian di ladang seperti menanam, mencabut rumput, membaja dan sebagainya dilakukan oleh kaum wanita dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas. Selain bekerja di ladang, mereka membuat kerja-kerja rumah, menenun kain,



Bahagian ruai, tempat anggota keluarga menjalankan kerja rumah



Bakul tengkorak digantung di pintu masuk ke rumah panjang



Tengkorak yang menjadi kebanggaan kaum Iban digantung di bahagian ruai rumah panjang



Penduduk rumah panjang mempamerkan hasil kraftangan mereka



Persembahan Ngajat menyambut kedatangan tetamu

menganyam, dan sebagainya.

Pada masa lapang, lelaki Iban pergi ke hutan berburu dan mengumpul rotan serta getah perca untuk dijual. Ada antara mereka yang menggunakan masa lapang untuk *bejalai*, iaitu keluar kampung ke kawasan atau negeri lain untuk berdagang dan mencari harta. Pada zaman pramoden, sewaktu menunggu ladang mereka mengeluarkan hasil, orang Iban menggunakan masa lapang untuk *ngayau*. Hasil bejalai dan ngayau penting untuk menambah kekayaan sesebuah bilik, di samping meningkatkan martabatnya.

Orang Iban mengutamakan ketaatan kepada biliknya, kemudian barulah kepada rumah panjangnya. Rumah panjang dibina di tebing sungai atas tiang yang tingginya antara tiga hingga enam meter. Puratanya, sebuah rumah panjang mempunyai 14 unit bilik atau pintu dan panjangnya antara 18 hingga 45 meter. Rumah panjang dibina apabila beberapa orang saudara-mara bersetuju untuk tinggal dalam satu kediaman yang sama. Sebenarnya seseorang Iban bebas memilih rumah panjang yang ingin dianggotainya dan bebas pula meninggalkannya. Namun begitu, ini tidak bererti seseorang ahli rumah panjang boleh berbuat apa-apa sahaja yang disukainya. Apabila seseorang Iban menjadi ahli sebuah rumah panjang, dia mesti mematuhi beberapa peraturan demi menjamin keutuhan dan perpaduan rumah panjang tersebut. Selain itu, dia juga bertanggungjawab mengambil bahagian dalam beberapa kegiatan yang diadakan secara berkelompok seperti mengadakan upacara keagamaan dari semasa ke semasa, menjaga tanah perkuburan ahli-ahli rumah panjang dan mengawasi *pulau*, iaitu kawasan hutan yang dianggap sebagai milik bersama kelompok berkenaan. Di kalangan orang Iban, hanya ahli-ahli bilik yang bekerjasama dalam bidang ekonomi. Keluarga-keluarga dalam sebuah rumah panjang mungkin membantu sesama sendiri mengerjakan ladang tetapi bantuan ini bukanlah satu kewajipan.

Unit sosial yang ketiga dalam masyarakat Iban ialah bansa. Bansa ialah sekelompok beberapa rumah panjang di tebing-tebing sungai di Sarawak. Pembentukan bansa ini berkait rapat dengan pengeksploitasian hutan belantara oleh orang-orang Iban. Menurut adat Iban, keluarga yang mula-mula membuka sesuatu kawasan hutan berhak terhadap kawasan tersebut. Lazimnya, sekumpulan orang Iban memugar kawasan rendah di tepi bukit, khususnya kawasan di sekeliling sebatang sungai. Kemudian setiap keluarga dalam kumpulan perintis itu memilih kawasan masing-masing untuk dijadikan ladang. Setiap tahun, keluarga ini meluaskan ladangnya dengan hutan di sebelah atas ladangnya sehingga ke puncak bukit. Apabila seluruh kawasan di sekeliling sebuah sungai telah dibuka dan dikerjakan, semua anggota rumah panjang tersebut berpindah ke sungai lain pula untuk memulakan proses yang sama. Walaupun telah menetap di kawasan lain, anggota-anggota rumah panjang tersebut tetap menganggap tanah di kawasan sungai yang ditinggalkan itu sebagai milik mereka. Dengan cara inilah keluarga-keluarga Iban menjadi pemilik sesebuah wilayah atau kawasan di Sarawak. Lama-kelamaan dalam kawasan itu terbentuk beberapa rumah panjang yang mempunyai kaitan kekerabatan dan kepentingan antara satu dengan yang lain. Dalam kelompok rumah panjang yang mengaku mereka 'bersaudara' ini, tidak wujud struktur kepimpinan yang nyata tetapi ada kalanya muncul seorang ketua yang berwibawa dan berjaya membangkitkan sentimen kebangsaan orang Iban di sesuatu kawasan untuk bersatu

padu menentang musuh. Dalam sejarah Sarawak, sentimen kebangsaan Iban ini pernah tertanam di kalangan orang Iban di kawasan-kawasan Saribas, Ulu Ai dan Sebuyan.

**Sistem Kepemimpinan** – Masyarakat Iban tidak mempunyai hierarki pemimpin seperti orang Melayu, Jawa, dan Melanau. Dalam masyarakat komuniti rumah panjang yang juga merupakan sebuah kampung, terdapat dua jawatan pemimpin, iaitu 'tuai rumah' dan 'tuai burung'. Tugas tuai rumah ialah memastikan pelaksanaan undang-undang adat dan menyelesaikan pertikaian anak-anak buahnya. Tuai rumah tidak mempunyai kuasa untuk menundukkan orang lain atau menerima ufti, meskipun pada masa ini ia diktirafi oleh kerajaan sebagai jurucakap rumah panjangnya. Orang kampung tidak perlu juga menghormatinya lebih daripada orang lain. Apa jua sanjungan serta penghormatan yang diberikan oleh orang kampung kepadanya semata-mata kerana kebolehan atau ketokohan tuai rumah itu sendiri. Misalnya, seorang tuai rumah dihormati kerana bijak berceakap atau berani mengepalai peperangan.

Kepemimpinan tuai burung pula penting demi menjamin keharmonian rohaniah ahli-ahli kampung kerana orang Iban amat percaya kepada kuasa ghaib dan bergantung pada alam semula jadi. Tegasnya, tuai burung adalah ketua upacara resam dalam masyarakat Iban dan tugas asasnya ialah mencari alamat-alamat yang baik untuk rumah panjangnya dengan mentafsir perilaku burung. Bantuan serta kepemimpinan tuai burung amat penting sewaktu orang Iban ingin menanam padi, membuat rumah panjang, dan sebagainya.

Di kalangan orang Iban, jawatan penghulu merupakan sesuatu yang agak baharu. Jawatan tersebut diperkenalkan oleh penjajah Inggeris sempena penyusunan semula sistem pentadbiran dan kehakiman di peringkat daerah. Dalam keadaan sekarang, kuasa penghulu mengatasi kuasa tuai rumah. Sekiranya berlaku kesalahan yang serius dalam masyarakat Iban dan hukuman dendanya melibatkan sejumlah wang, maka masalah itu dihadapkan kepada penghulu. Penghulu menerima gaji daripada kerajaan dan tempoh pelantikannya ialah selama lima tahun. Peranan utama penghulu ialah mengawal dan mengekalkan perhubungan yang baik antara anggota-anggota rumah panjang dengan pihak berkuasa.

**Sistem Kepercayaan** – Walaupun sekarang banyak orang Iban yang telah memeluk agama Islam atau Kristian dan mengurus kehidupan sehari-hari mereka berpandukan ajaran-ajaran agama tersebut, tetapi masih terdapat orang Iban yang mematuhi kepercayaan animistik yang diwarisi oleh mereka. Mereka ini disebut *libau*.

Dalam kosmologi orang Iban, terdapat dunia halimunan yang dihuni oleh makhluk halus yang disebut *petara* atau *antu*. Petara ini dianggap makhluk ghaib yang mempunyai kuasa membuat hujan, ribut, banjir, dan sebagainya. Petara ini terdiri daripada beberapa jenis seperti *bunsa ribut, petara pucuk kayu*, dan *petara tengah tanah*. Tiga petara yang terpenting dalam sistem kepercayaan orang Iban ialah *Selampandai* (pencipta manusia), *Pulang Gana*, dan *Simpulang Gana* yang menjadi tumpuan dalam kultus.

Mengikut mitologi Iban, singalang burung memberitahu seorang Iban yang bernama Surung Gunting tentang penanaman padi dan betapa pentingnya manusia memperolehi nasihat serta tunjuk ajar daripada makhluk halus dalam hal itu. Orang Iban sering menyeru singalang burung dalam jampi mereka dan upacara-upacara yang diadakan sempena pemotongan kepala.

Selain mempercayai wujudnya alam ghaib dan alam manusia, orang Iban percaya juga tentang dualisme jasad dan roh yang ada pada semua makhluk termasuk manusia. Sehubungan ini, orang Iban percaya bahawa setiap benda di dunia ini mempunyai semangat, iaitu kuasa atau daya penggerak yang menghidupkannya. Selain itu, orang Iban mempercayai mimpi sebagai satu-satunya cara manusia berkomunikasi dengan alam ghaib. Sewaktu bermimpi, semangat bertindak sebagai perantara manusia dengan makhluk ghaib yang menjadi sumber petunjuk dan ilham kepada manusia. Justeru itu, orang Iban memandang berat akan pengalaman mimpi manusia kerana kesannya terhadap kehidupan seharian anggota-anggota masyarakat. Dalam budaya orang Iban, adakalanya disebabkan mimpi, perkahwinan terpaksa dibatalkan dan rumah panjang ditinggalkan. Melalui mimpi juga, orang Iban mendapat ilham mencipta motif-motif tertentu untuk anyaman, pantun, *pengap* (puisi yang dinyanyikan dalam perayaan gawai), *sampi*, dan cerita-cerita rakyat.

Orang Iban menganggap bahawa padi mempunyai semangat, yang bukan sahaja mempunyai ciri-ciri manusia, tetapi perlu dijaga dengan baik. Justeru itu, pada setiap tahap penanaman padi, orang Iban membuat korban untuk disajikan kepada Pulang Gana, penjaga tanah dan kesuburan. Begitu juga dalam upacara perubatan suku bangsa Iban. Upacara tersebut dijalankan oleh *manang* (bomoh Iban). Tugas manang sewaktu mengubati pesakit ialah mencari semangat pesakit yang telah meninggalkan jasad tuannya atau sesat atau diperangkap oleh makhluk ghaib yang jahat. Upacara resam yang diadakan sempena kematian bertumpu juga pada masalah dan keadaan semangat seseorang. Ini disebabkan orang Iban percaya bahawa roh atau semangat adalah sesuatu yang berkekalan. Apabila manusia mati, rohnya terus wujud di *sebayan* (dunia yang satu lagi). Kepercayaan ini menghasilkan pelbagai pantang larang serta upacara yang perlu dipatuhi oleh anggota masyarakat sewaktu dan selepas kematian, seperti mengadakan *baiya* untuk membekalkan yang mati dengan keperluan seperti makanan, senjata, dan peralatan memasak; menyalakan api di hadapan rumah keluarga si mati selepas pengebumian, dan membuat *gawai lumbung* setahun selepas kematian.

**Adat dan Kewajipan Moral** – Adat, pada orang Iban, adalah tingkah laku yang wajar dan yang perlu dipatuhi oleh ahli masyarakat demi menjamin kebajikan rohaniah dan sosial masyarakat berkenaan. Orang Iban juga percaya bahawa adat diperturunkan oleh petara-petara. Oleh itu sesiapa yang melanggar adat resam masyarakatnya dianggap tidak menghormati para petara. Orang itu pasti menerima hukuman sekiranya dia tidak mengambil sebarang tindakan segera seperti memberikan ganti rugi. Ganti rugi ini boleh jadi dalam bentuk benda ataupun upacara resam yang bertujuan memulihkan keharmonian antara dunia manusia dengan alam ghaib. Yang baik bagi orang Iban termasuklah tingkah laku yang menunjukkan seseorang itu berani, rajin, gagah, dan masyhur, sementara tingkah laku yang buruk ialah segala yang menonjolkan kemalasan, haloba, dan sikap mementingkan diri sendiri.

**Perkahwinan dan Kekerabatan** – Cara seseorang Iban mengenal pasti keturunan serta hubungan kekerabatannya dengan anggota masyarakat yang lain berkait rapat dengan institusi bilik. Mengikut adat Iban, seseorang individu dapat menyusur-galur keturunannya melalui ibu atau bapanya, bukan melalui kedua-duanya sekali. Sama ada dia menganggotai nasab ibu atau bapanya, bergantung pada kedudukan ibu bapanya dalam bilik dia dilahirkan. Sekiranya bilik tersebut kepunyaan bapanya dan ibunya adalah orang semenda, maka individu berkenaan dianggap sebagai menganggotai nasab bapanya.

Sebagai anggota bilik, individu itu mempunyai hak yang sama untuk berkongsi menggunakan dan mewarisi tanah dan harta lain kepunyaan bilik berkenaan dengan anggota-anggota bilik yang lain. Orang Iban menggunakan istilah *kaban* untuk merujuk kepada saudara-mara. Jenis perkahwinan yang diutamakan oleh orang Iban ialah endogami. Anggota-anggota bilik digalakkan berkahwin dengan sepupu yang tinggal di bilik lain. Meskipun demikian, ada juga yang berkahwin di luar rumah panjangnya atau bansanya.

**Sistem Ekonomi** – Sistem ekonomi tradisional orang Iban berasaskan penanaman padi huma. Untuk memastikan bahawa ladang mereka mengeluarkan hasil yang lumayan, orang Iban berpandukan tiga buruj yang dikenal sebagai bintang banyak, bintang tiga dan bintang tangkung peradah. Lazimnya kegiatan-kegiatan pertanian dijalankan dalam jangka masa 11 bulan mulai bulan Jun setiap tahun. Pada zaman pramoden, sekiranya padi mereka tidak menjadi, orang Iban akan berpindah ke kawasan lain untuk membuka ladang baharu. Sekarang, pertanian pindah-randah itu tidak boleh diamalkan lagi. Apabila menyedari bahawa mereka tidak dapat lagi bergantung hidup pada padi semata-mata, banyak orang Iban yang menanam tanaman kontan seperti lada, kacang tanah, dan sayur-sayuran.

Pada masa ini, ada orang Iban yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan sebagai pekedai, pemborong getah sekerap, dan pemilik kilang padi. Mereka yang bejalai bekerja sebagai buruh kasar dengan syarikat balak di Sabah dan dengan syarikat minyak di Miri dan di Brunei Darussalam, sementara orang Iban yang mempunyai pendidikan dan tinggal di kawasan bandar bekerja makan gaji di sektor awam dan di sektor swasta.

**Perkembangan Semasa** – Perubahan-perubahan sosioekonomi yang dialami oleh mereka dalam masa 50 tahun kebelakangan ini, antara lain, telah merapatkan hubungan orang Iban dengan kelompok-kelompok etnik lain di Malaysia. Mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, misalnya, telah berinteraksi dengan pegawai-pegawai pertanian, petani dan pemborong Cina, mubaligh-mubaligh Islam dan Kristian, polis hutan, askar, pegawai kastam, dan orang-orang Indonesia serta Brunei.

Orang Iban yang tinggal dan bekerja di bandar bukan sahaja telah didedahkan, malah telah menyesuaikan diri dengan unsur-unsur kebudayaan bandar, Melayu, Cina dan Barat. Proses mengintegrasikan orang Iban ke dalam sistem sosial Malaysia bermula semenjak Sarawak memasuki Malaysia dalam tahun 1963. Proses ini masih berterusan dan berlaku, antara lain dengan adanya peluang serta kemudahan pelajaran kepada orang Iban di sekolah-sekolah di Sarawak serta di Semenanjung, penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara, peluang-peluang pekerjaan di luar Sarawak, dan penglibatan dalam pentadbiran Malaysia di peringkat negeri dan persekutuan.

Dalam bidang politik, di Sarawak telah muncul beberapa parti politik yang mendapat sokongan orang Iban. Sebelum pembentukan Malaysia, dua buah parti politik yang berjaya memupuk kesedaran politik di kalangan orang Iban ialah Sarawak National Party (1961) dan Parti Pesaka Anak Dayak (1962). Kedua-dua parti Iban ini bertanggungjawab ke atas kemasukan Sarawak ke dalam Malaysia dalam tahun 1963, dan menghasilkan pemimpin-pemimpin Iban yang berkaliber, antaranya seperti Tun Stephen Kalong Ningkan, Ketua Menteri Sarawak yang pertama, dan Temenggung Jugah Anak Barieng, Menteri Persekutuan Bagi Hal-Ehwal Sarawak. Perkembangan-perkembangan semasa dalam arena politik di Sarawak telah menghasilkan dua parti politik lagi yang turut memperjuangkan kepentingan orang Iban, iaitu Parti Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

– Freeman, J.D. 1970. *Report on the Iban*. London: The Athlone Press. • Jensen, E. 1974. *The Iban and Their Religion*. London: Clarendon Press. • Kedit, P.M. 1980. *Modernization Among the Iban of Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • King, V.T. 1982. "Ethnicity in Borneo: An Anthropological Problem" dim. *Southeast Asian Journal of Social Science*. 10.1, hlm. 23-24.

SHARIFAH ZALEHA SYED HASSAN

# K

**KERIS**, sejenis senjata pendek yang digunakan di Kepulauan Melayu dengan meluas pada zaman dahulu dan dikategorikan sebagai senjata tikam. Pada suatu ketika, keris merupakan sebahagian daripada pelengkap pakaian lelaki Melayu. Lelaki Jawa dahulu kala pula berpendapat bahawa keris (curiga) adalah satu daripada lima perkara penting dalam kehidupannya, selain wisma (rumah), wanita (isteri), kukila (burung), dan turongga (kuda).

Orang Melayu dahulu percaya bahawa keris mempunyai kuasa sakti dan luar biasa, seperti menjadikan tuan punya keris kebal. Oleh sebab keistimewaannya itu, keris digunakan oleh bomoh untuk mengubati orang sakit.

Para pengkaji berpendapat bahawa keris tercipta pada zaman Majapahit, dan kemudian penggunaannya tersebar ke seluruh Nusantara. Ada juga yang mengatakan bahawa keris pasopati yang terdapat di Jawa merupakan bentuk keris yang asal. Ini diperkuat dengan bukti terdapatnya patung Bima, seorang Pandawa yang menggenggam sebilah keris di sebuah kuil tua di Sukuh, Jawa. Patung ini dianggarkan bertarikh lebih kurang tahun 1364. Pasopati, dalam bahasa Sanskrit, bermakna Siva, iaitu dewa agama Hindu.

Masyarakat Jawa pula percaya bahawa keris telah diperkenalkan oleh Sakutram, seorang putera Jawa-Hindu yang dilahirkan bersama keris pasopati. Setengah-setengah pendapat pula mengatakan keris telah diperkenalkan oleh Raden Inu Kartapati, Raja Janggla pada awal abad ke-14.



**Keris patani ini juga dikenali sebagai keris pekaka**




Keris, sebahagian pelengkap pakaian lelaki Melayu



Keris dan sarungnya

Bahagian Sarung – Sarung keris terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu sampir, batang, dan buntut. Ketiga-tiganya dibuat berasingan dan kadangkala daripada bahan-bahan yang berasingan.

Sampir ialah bahagian teratas sarung yang dalam bahasa Jawa disebut *warangka*. Terdapat berjenis-jenis sampir, dan biasanya jenis keris dapat juga dikenal melalui bentuk sampirnya. Sampir dibuat daripada jenis kayu keras dan berira seperti kayu kemuning ataupun daripada gading. Pada bahagian sampir ini terdapat bahagian mulut yang dapat memuatkan bahagian ganja keris. Kecantikan sampir diperoleh daripada ira kayu atau kilat gading yang semula jadi. Kesemua sampir keris, kecuali sampir keris bali, tidak diukir.



Hulu keris bentuk jawa demam

Batang sarung keris adalah cantuman dua keping kayu yang telah ditebuk dan dibuat alur di tengah-tengahnya untuk memuatkan mata keris. Bentuknya panjang lurus dan tirus sedikit pada bahagian hujungnya, diperbuat sama ada daripada kayu, iaitu kayu sena atau kayu kemuning ataupun daripada gading. Pada pangkal batang sarung keris dibuat sepasang lidah untuk menyambungkannya dengan sampir. Cantuman ini bersama cantuman batang sarung diperkukuh lagi dengan getah jabung. Biasanya bahagian batang sarung dipasang simpai rotan atau simpai logam untuk menguatkannya lagi.


Bahagian buntut sarung diperbuat daripada kayu, tulang, tanduk, gading, ataupun logam. Terdapat empat bentuk buntut, iaitu bulat tempurung, bujur sirih, bujur sangkar, dan mata kapak.

**Jenis-jenis Keris** – Berdasarkan bentuk hulu, sarung atau matanya, keris boleh diklasifikasikan kepada lapan jenis yang utama:

1. Keris semenanjung – Keris ini terdapat di Semenanjung dan dikenal juga sebagai keris utara. Hulunya berbentuk jawa demam dan sampir sarungnya besar dan lebar, berbentuk bujur sangkar ataupun segi empat. Batangnya lebar dan buntutnya berbentuk bujur sangkar.

2. Keris jawa – Terdapat berbagai-bagai jenis keris jawa. Keris ini mudah dikenal melalui hulu dan sampirnya. Hulu keris ini biasanya diperbuat daripada kayu. Ada yang berbentuk bengkok seperti hulu pistol dan ada yang berbentuk jawa demam. Di bawah pendongkok keris jawa, dipasang sebentuk cincin yang dikenal sebagai selut.

Terdapat pelbagai bentuk sampir keris jawa. Ada yang berbentuk jalur bulat dan bertanduk dan ada yang berbentuk buah pinggang. Batang sarungnya tirus dan bahagian buntut-



nya berbentuk bulat.

3. Keris sumatera – Salah satu keris sumatera yang terkenal ialah keris bahari atau keris panjang. Terdapat dua jenis mata keris panjang. Mata keris panjang yang lurus dan tirus dikenal sebagai keris anjur dan mata keris yang berluk dikenal sebagai keris ranti. Keris yang panjang matanya sederhana dikenal sebagai keris alang atau keris anak alang. Keris yang pendek matanya pula dikenal sebagai keris pandak atau keris pendek.

Keris sumatera atau keris panjang ini digunakan juga di negeri-negeri yang mengamalkan Adat Perpatih untuk menyalang. Keris yang digunakan untuk tujuan ini dikenal sebagai keris penyalang.

Hulu keris jenis sumatera berbentuk bengkok dan diperbuat daripada kayu atau tanduk. Terdapat juga hulu yang menyerupai jawa demam.

Sampirnya berbentuk bujur bulat dan kedua-dua hujungnya dibuat tinggi dan tajam. Batang keris pula panjang dan tirus dan disimpai dengan rotan atau logam. Buntutnya berbentuk bujur sirih.

4. Keris patani – Keris yang berasal dari Patani dikenal juga sebagai keris pekakak atau keris pekaka kerana hulunya daripada kayu, tanduk atau perak berbentuk kepala burung pekakak. Kepala pekakak yang besar dan hidungnya yang panjang kadangkala lebih merupakan imej watak laksamana dalam wayang kulit Jawa. Mata keris ini lebih panjang daripada mata keris biasa. Keris pekakak yang paling panjang mempunyai 31 luk.

5. Keris bali, lombok dan madura – Pengaruh peradaban Hindu yang amat kuat di Bali, Lombok, dan Madura menyebabkan hulu keris daripada kayu atau gading sering dihiasi imej dewa-dewa Hindu.

Hulu keris madura biasanya diperbuat daripada gading yang dihias dengan ukiran bunga. Keris jenis ini tidak memakai pendongkok dan hanya dilengkapi dengan sebentuk cincin logam tebal yang berhias permata.

Sarung keris jenis ini berbeza-beza cara pembuatannya. Ada yang dibuat daripada dua belah kayu yang dicantumkan, dan ada yang dibuat dengan mencantumkan bahagian sampir dan batang yang berasingan. Adakalanya pula, bahagian sampir dan batang diperbuat daripada bahan-bahan yang berlainan. Contohnya, ada sarung keris yang sampirnya diperbuat daripada gading dan batangnya daripada kayu berwarna hitam.

Mata keris jenis ini berwarna kehitam-hitaman dan pamornya pula bercorak putih kelabu.

6. Keris bugis – Keris bugis boleh dikenali melalui bentuk hulu, sampir, dan buntut sarungnya. Hulu keris ini berbentuk jawa demam tetapi dibuat dalam bentuk yang mudah. Sampir keris ini hampir serupa dengan sampir keris semenanjung, tetapi lebih bulat dan tajam. Bahagian buntutnya yang berbentuk mata kapak diperbuat daripada kayu atau gading.

7. Keris sundang atau keris suluk – Mata keris ini panjang – ada yang lurus dan ada yang berluk. Yang lurus matanya dikenal juga sebagai keris raja laut, dan sekiranya berluk, dikenal mengikut luknya dengan nama-nama berikut: (i) Tiga luk: keris suluk balingkung, (ii) Lima luk: keris apit liang, (iii) Tujuh luk: keris jenoya, (iv) Sembilan luk – 21 luk: keris rantai, dan (v) Lebih 21 luk: keris andus.

Mata keris ini tebal dan lebar, menyebabkannya lebih berat daripada keris-keris lain. Bahagian tuntung keris pula berbentuk bulat dan tumpul. Keris ini lebih sesuai digunakan untuk menetak dan mengibas daripada menikam. Satu sifat istimewa keris ini ialah sigi yang dipasang pada bahagian pangkal matanya supaya mata keris tidak berpusing daripada hulunya. Di Negara Brunei Darussalam, sigi ini dikenal sebagai *kakai-kakai*. Hulu keris ini yang diperbuat daripada gading atau kayu dibentuk bulat supaya mudah digenggam. Di hujung hulunya pula dibuat buku melintang supaya keris tidak terlucut daripada genggaman. Bahagian hulu keris ini disalut dengan logam atau dihiasi dengan susunan simpai tali atau dawai logam.

Sarung keris ini lebih besar daripada sarung keris-keris lain. Biasanya bahagian sarung ini diperbuat daripada kayu dan disalut dengan simpai logam.

8. Keris majapahit dan keris picit – Dua jenis keris yang terawal dan tertua. Keris majapahit istimewa kerana matanya dibuat sekaligus dengan hulunya. Hulu keris ini berbentuk dewa yang sedang membongkok dan meletakkan kedua-dua belah tapak tangannya pada lutut. Mata dewa ini terletak selari dengan muka mata keris.

Keris picit pula mempunyai mata yang nipis tetapi lebar. Istilah keris picit timbul kerana keris ini dibentuk dengan











Pandai besi sedang menempa sebilah keris, dia juga boleh membuat sarung keris



Keris yang lengkap dengan sarungnya

tangan. Pada matanya, terdapat kesan-kesan picit kedua-dua belah ibu jari yang berselang-seli.

**Cara Membuat Keris** – Di Malaysia, tukang keris dikenal sebagai pandai besi dan di Indonesia pula mereka dikenal sebagai *empu*. Untuk menyiapkan sebilah keris, terdapat tiga kerja yang berasingan, iaitu kerja-kerja membuat mata, hulu, dan sarung. Mata keris biasanya diperbuat daripada beberapa jenis besi. Besi-besi yang telah dipilih dibakar di dalam sebuah dapur yang disebut *musan*. Untuk menghasilkan keris berpamor, pandai besi mencampurkan nikel sedikit kepada campuran besi tersebut. Setelah cukup merah, campuran besi ini diketuk dan besi yang pejal ini kemudian dicampurkan dengan besi waja dan dibakar sekali lagi sehingga besi waja sebati dengan besi yang asal. Apabila cukup panas, besi itu akan dibentuk menjadi mata keris yang dikehendaki.

**Perlambangan Keris** – Keris telah menjadi simbol budaya orang Melayu di Nusantara zaman-berzaman. Keris adalah senjata yang dipakai dan dibawa ke mana-mana oleh semua lapisan masyarakat, daripada golongan rakyat hingga golongan bangsawan dan raja. Semakin tinggi status seseorang itu semakin baik dan tinggi nilai keris yang dipakainya.

Pada masa dahulu, cara memakai keris membawa makna yang tertentu. Bagi orang Jawa, keris yang dipakai di sebelah kiri adalah keris pemberian bapa mentuanya; yang dipakai di sebelah kanan merupakan haknya sendiri manakala yang diselitkan di belakang pula adalah keris pusaka keluarganya. Apabila dia hendak berjumpa dengan Bupati atau Penghulu, dia hanya dibenarkan memakai sebilah keris di sebelah kanan. Di Malaysia, orang Melayu memakai keris yang dihadiahkan di sebelah kanan.

Cara hulu keris dipakai memberikan makna tertentu juga. Sebagai lambang perdamaian, hulu keris hendaklah dipakai mengarah ke dalam. Hulu keris yang menghala keluar membawa makna mencari pertentangan. Sewaktu menghadap raja, hulu keris mesti ditutup dengan kain samping.

Pada zaman dahulu, keris merupakan simbol lelaki Melayu. Apabila Raffles mengharamkan pemakaian keris di Singapura pada tahun 1822, banyak lelaki Melayu yang bersungut: tanpa keris mereka bukannya lelaki. Bagi orang Bugis pula, keris itu ibarat satu daripada tulang rusuknya. Tanpa keris, seseorang itu belum dapat dianggap lelaki.

Dalam sistem politik tradisional, keris digunakan juga sebagai lambang perlantikan dan perletakan jawatan. Seseorang yang dianugerah sesuatu jawatan, dikurnia sebilah keris perlantikan, dan sekiranya dia mahu meletakkan jawatan, dia hanya perlu memulangkan keris tersebut kepada pihak yang menganiakannya.

Pada hari ini, keris masih digunakan dalam upacara tertentu, misalnya dipakai oleh pengantin lelaki dalam majlis persandingan. Namun demikian, bagi raja-raja Melayu, keris adalah sebahagian daripada alat kebesaran kerajaan mereka. Perlantikan seseorang raja tidak sah tanpa alat kebesaran yang cukup. Keris inilah yang mendaulatkan pemerintahan raja tersebut. Bagi Kerajaan Perak, salah satu daripada alat kebesaran dirajanya ialah Keris Taming Sari.

Sewaktu pertabalan Yang di-Pertuan Agong, dua bilah keris, iaitu Keris Panjang Diraja dan Keris Pendek Diraja memainkan peranan yang penting. Keris Panjang Diraja dikenal juga sebagai keris kerajaan. Sarung dan hulunya diperbuat daripada emas dan matanya pula ditempa daripada sebelah mata keris yang diperoleh dari tiap-tiap negeri Melayu. Keris Pendek Diraja diperbuat daripada gading bertatahkan emas dan di atasnya terlekat lambang Persekutuan Tanah Melayu.

■■■ – Frey, E. 1986. *The Kris: Mystic Weapon of the Malay World*. Singapura: Oxford University Press. • Gardner, G.B. 1936. *Keris and Other Malay Weapons*. Singapura: Progressive Publishing Co. • Hill, A.H. 1956. "The Keris and Other Malay Weapons" dlm. *JMBRAS*. 29: 4. • Shahrum b. Yub 1967. *Keris dan Senjata-Senjata Pendek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Wooley, G.C. 1938. "The Origin of the Malay Keris". *JMBRAS*. 16:2.

NORAZIT SELAT

# L

**LADA** (*piper nigrum*), sejenis rempah ratus keluaran gugusan pulau-pulau Melayu sejak beberapa kurun yang lalu. Kawasan yang terpenting ialah pulau Bantam, Jawa, Aceh, Maluku, Ambon, Banda, selatan Borneo, Kedah, dan Perak. Negeri-negeri lain di Semenanjung dan Sarawak hanya penting selepas kedatangan penjajah Inggeris, apabila mereka menggalakkan orang-orang Cina menanam lada.

Terdapat dua jenis lada yang diminati, iaitu lada putih dan lada hitam. Orang-orang setempat menanam lada secara sewenang-wenang dalam bentuk kebun-kebun kecil. Walaupun demikian, hasilnya sangat menggalakkan kerana kesuburan tanah yang sesuai. Lada menjadi bahan dagangan antara-bangsa di kalangan saudagar dari pulau-pulau Melayu, India, China, Jepun, Arab, dan Parsi. Saudagar-saudagar pulau Bantam menggunakan lada untuk ditukarkan dengan beras dari Jawa, Makasar, dan kawasan pesisir di barat, serta tenggara Sumatera.

Lada biasanya dibeli ataupun ditukar di pelabuhan Melaka, dan dibawa oleh saudagar-saudagar India, Arab, dan Parsi ke Gujerat di barat India terus ke pelabuhan di Laut Merah. Orang-orang Cina menukarkan barang dagangan mereka di Melaka, dan menjadikan lada sebagai salah satu barang dagangan yang penting yang boleh dijual di Jepun.



**Lada menjadi bahan rebutan antara pedagang Barat**



Memetik lada

Pada abad ke-16, Aceh menjadi lebih penting sebagai sebuah kuasa dan pelabuhan, kerana peningkatan permintaan ke atas lada yang pada masa itu mula menjadi idaman saudagar-saudagar dari Eropah. Aceh mula menjadi pencabar kepada kuasa Portugis di Melaka.

Pada awal abad ke-17, lada menjadi bahan rebutan antara Belanda dan Inggeris yang ingin mendapatkan lada dengan tidak melalui orang tengah. Oleh sebab itu kawasan pengeluar lada yang terpenting seperti Bantam menjadi rebutan mereka. Syarikat-Syarikat Hindia Timur Inggeris dan Belanda berlumba-lumba untuk mendirikan loji di Bantam, Ambon dan sebagainya, bagi memastikan monopoli ke atas perdagangan dari tempat-tempat ini. Hal ini menyebabkan berlakunya pertelingkahan dan pembunuhan, seperti pembunuhan di Ambon pada tahun 1623. Dalam persaingan awal ini kuasa Belanda berjaya mendahului kuasa Inggeris. Mereka berupaya juga merampas kuasa daripada Aceh, dan memonopoli perdagangan lada di Sumatera (1650-an), serta menjadikan tanaman lada sebahagian daripada tanaman paksaan Belanda di Jawa.

Di Semenanjung, negeri Kedah dikatakan pernah mengeluarkan jenis lada yang terbaik pada pertengahan abad ke-16, dan mengekspornya ke India dan ke Laut Merah. Perak pernah juga disebut sebagai negeri pengeluar pada masa itu. Bagaimanapun, negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Singapura, Johor, Selangor, dan Sarawak hanya menjadi penting selepas kedatangan Inggeris yang menggalakkan petani-petani Cina menanamnya dengan cara sistem kangcu. Peranan petani-petani Melayu pada zaman penjajahan Inggeris sangat minimum, kerana mereka hanya digalakkan untuk menanam padi dan bahan-bahan makanan lain untuk sara diri.

Pada akhir abad ke-19, apabila Inggeris menggalakkan imigran dari Indonesia datang ke Selangor dan ke Perak, terdapat sebilangan kecil daripada mereka yang mencuba menanam lada, tetapi tidak segiat penanaman padi.

Tanaman lada tidak bertahan lama di Semenanjung kerana pada akhir abad ke-19 harga lada turun. Petani-petani menukar pertanian mereka kepada getah yang jauh lebih menguntungkan. Di Jawa, Belanda membatalkannya sebagai tanaman paksaan mereka. Tanaman lada sebenarnya sejenis tanaman yang menggersangkan tanah. Petani-petani selalu meninggalkan bekas ladang lada, dan membuka kawasan yang baharu. Ini mengakibatkan pertumbuhan lalang dan semak-samun.

– Burkill, I.H. 1966. *A Dictionary of the Economic Product of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture and Co-operatives. • Hall, D.G.E. 1981. *A History of South-East Asia*. London: Macmillan Educational Ltd. • Jackson, J.C. 1976. *Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Sadka, E. 1968. *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. • Tregonning, K.G. 1958. *Under Chartered Company Rule*. Singapore: University of Malaya Press.

BADRIYAH HJ. SALLEH

# M

**MAHABHARATA**, epik karangan Vyasa, terkenal pada mulanya di India. *Mahabharata* asal mengandungi 24 000 seloka, tetapi pada tahap yang kemudian, telah ditambah hingga menjadi 100 000 seloka. Masa yang diambil menyiapkan cerita ini 800 tahun. Memandangkan masa yang begitu panjang dan jumlah seloka yang amat banyak, maka latar masa dalam penceritaannya menjadi panjang pula, dimulai dengan penceritaan secara terperinci tentang asal usul keturunan Korawa dan Pandawa, hubungan mereka, kehidupan sewaktu kecil hinggalah mereka dewasa, konflik-konflik yang timbul antara kedua-duanya, dan berakhir dengan peperangan. Cerita dan peristiwa terjadi di beberapa tempat, dan jangkauan latar tempatnya juga luas, bukan sahaja di dunia manusia, bahkan sampai di dunia dewa. Penceritaan yang begitu panjang tentang satu-satu peristiwa tidak terasa membosankan kerana pengarangnya pintar mengawal kesinambungan cerita yang diselangselikan dengan unsur-unsur dan penyelesaian yang dapat memuaskan hati pembaca.

Sejarah terjadinya epik ini bermula di bahagian utara India, di dataran Madyadesa yang terhampar luas mulai dari kaki Banjaran Himalaya hingga menyusur ke tepi-tepi Sungai Gangga dan anak-anak Sungai Jamuna serta Serayu. Kota Hastinapura atau Kota Gajah terletak di antara Sungai Gangga dan Sungai Jamuna. Di sinilah terjadinya pertentangan yang berpanjangan antara dua keluarga bersepupu, Pandawa dan Korawa, yang berakhir dengan kematian semua kerabat Korawa di medan peperangan Kuruksyetra.

Pada mulanya Kota Hastinapura diperintah oleh Santanu daripada keturunan Kuru. Daripada isteri tuanya, Dewi Gangga, dia mendapat seorang putera yang diberi nama Bhisma. Daripada isteri mudanya, Setyawati, dia mendapat dua orang putera, Citranggada dan Wicitrawirya. Sebelum Setyawati berkahwin dengan Santanu, dewi ini telah mempunyai putera hasil perkahwinannya dengan seorang brahmana, Parasava. Puteranya dinamakan Vyasa.

Setelah Santanu meninggal, Citranggada menggantikan ayahnya. Dia meninggal dunia tanpa meninggalkan keturunan. Saudaranya, Wicitrawirya, mengalami hal yang sama. Janda mereka, Ambika dan Ambalika, berkahwin pula dengan Vyasa, seorang pertapa yang rupanya menakutkan. Ketika Ambika dimesrai oleh Vyasa, dia menutup matanya. Kerana itu, dia mendapat anak yang buta matanya. Begitu pula dengan Ambalika, yang menjadi pucat apabila didekati oleh Vyasa. Akibatnya, dia mendapat anak yang pucat (balau) rupanya.

Putera Ambika diberi nama Dretarasytra, dan putera Ambalika diberi nama Pandu. Oleh sebab kedua-dua mereka masih kecil, maka pemerintahan negeri Hastinapura diambil

alih oleh Bhisma.

Ketika kedua-duanya dewasa, Dretarasytra berkahwin dengan Dewi Gandari dan mendapat 100 orang putera, yang tua bernama Duryodana, diikuti oleh Dusyasyana, Citraksa, dan Citraksi. Umumnya mereka dikenali sebagai Korawa. Pandu berkahwin dengan Dewi Kunti lalu mendapat tiga orang putera: Yudistira, Arjuna, dan Bima. Pandu berkahwin lagi dengan Madri dan memperoleh dua orang putera, Nakula dan Sahadewa. Kelima-lima putera Pandu ini dikenali sebagai Pandawa.

Suatu hal yang luar biasa terjadi kepada keluarga Pandawa, iaitu Dewi Kunti mempunyai kuasa yang dapat memilih salah seorang daripada dewa-dewa untuk menjadi bapa kepada anak-anaknya. Dalam hubungan ini, Dewa Darma (Dewa Keadilan) menjadi ayah Yudistira, Dewa Bayu (Dewa Angin) menjadi ayah Bima, dan Dewa Indera (Dewa Langit) menjadi ayah Arjuna.

Pada mulanya Pandawa dan Korawa hidup di Hastinapura di bawah jagaan Bhisma. Mereka mendapat pendidikan yang sama daripada para guru yang sama pula. Antara guru mereka ialah Drona. Budi pekerti Pandawa lebih tinggi dan dalam segala hal Pandawa lebih unggul daripada Korawa sehingga menyebabkan Korawa berperasaan dengki dan iri hati. Mereka tidak berhenti-henti mencari jalan untuk memusnahkan Pandawa lalu timbullah perselisihan dan permusuhan yang seru sehingga penentuannya dalam perang besar di Kuruksyetra. Perang berakhir dengan kemenangan pada pihak Pandawa.

Etimologi kata 'mahabharata' terpecah kepada dua, *maha* (besar) dan *bharata* (bangsa bharata), yang dapat diertikan sebagai 'bangsa bharata yang besar'. Sebetulnya kita disogokkan dua pengertian besar di sini – permusuhan dan peperangan yang besar yang membawa pengajaran kepada manusia, khususnya orang-orang Hindu. Penganut agama Hindu menganggap epik ini sebagai *Kitab Veda Kelima*. Banyak hal yang menyentuh hati nurani manusia, khususnya cerita dalam episod Bagawadgita dan Syakuntala.

Dari segi sastera, epik ini memiliki sifat-sifat dramatis. Pergolakan watak-wataknya menampilkan sifat manusia yang berdarah daging di samping memperlihatkan konflik antara aksi dan reaksi mereka yang terlibat, yang kadangkala cukup menginsafkan kita. Dasar moral yang melatari perkembangan cerita, terutama konflik antara nafsu baik dan buruk dapat menjadi petunjuk kepada manusia seluruhnya. Epik ini dianggap menyediakan pola kehidupan bagi beratus-ratus juta manusia yang mendiami negeri-negeri yang terbentang dari lembah Kashmir hingga ke Pulau Bali. Oleh sebab tersangat popular, *Mahabharata* terdapat dalam berbagai-bagai bahasa, antaranya: bahasa Nepal, Mithili, Bengali, Devanagari, Telegu, Malayalam, Grantha, Kashmir, dan Jawa Kuno.

Epik India ini tersebar jauh hingga ke kepulauan Nusantara. Di daerah ini mengalami terjemahan, saduran, tokok tambah sehingga terjadi perbezaan dengan *Mahabharata* yang asal.

Di Jawa, terdapat banyak versi cerita *Mahabharata*, yang selalu dijadikan bahan pertunjukan wayang dan dikenali sebagai lakon wayang purwa. Kata 'purwa' ini dianggap sama dengan kata 'parwa' dalam bahasa Sanskrit, yang bererti bahagian (bab). Dalam pembahagian cerita *Mahabharata* terdapat parwa-parwa yang dikenali sebagai Adiparwa, Sabaparwa, Wanaparwa, Wirataparwa dan seterusnya.

Pada zaman pemerintahan Raja Airlangga, banyak parwa yang diterjemahkan ke dalam bentuk puisi (kakawin) dalam bahasa Jawa Kuno. Kemudian, pada zaman Raja Jayabaya, Mpu Sedah dan Mpu Panulah telah menggubah cerita *Bharatayuddha* berdasarkan sebahagian *Mahabharata*, yang selanjutnya digubah semula oleh Jasadipura I dan Pakubuana III ke dalam bahasa Jawa Baru.

Sebahagian daripada hasil sastera Melayu diwarnai oleh sastera epik India ini. *Hikayat Pandawa Lima*, *Hikayat Pandawa Jaya*, *Hikayat Pandawa Panca Kelima* ialah saduran daripada *Mahabharata*. Walau bagaimanapun, hikayat-hikayat tersebut masuk ke Alam Melayu melalui karya-karya Jawa dan tidak dikarang terus oleh pengarang-pengarang Melayu. A. Teeuw, ketika membandingkan *Hikayat Sang Boma* dengan *Bhomakawya*, menyimpulkan bahawa *Mahabharata* masuk ke dalam khazanah sastera Melayu melalui dalang dan berpendapat *Hikayat Sang Boma* sebagai suatu penghikayatan wayang Jawa. Sarkar pula menyatakan *Kakawin Gatotkacasraya* menjadi sumber kepada penulisan hikayat-hikayat Melayu yang ada hubungannya dengan *Mahabharata*, sedangkan R.O. Winstedt mengemukakan pendapat yang senada bunyinya, yakni *Hikayat Perang Pandawa Jaya* dan *Hikayat Sang Boma* berasal daripada karya-karya dalam bahasa Kawi.

Sebagai sebuah cerita pahlawan, tokoh sateria yang diwakili oleh pihak Pandawa dalam cerita *Mahabharata* ini bukan sahaja dapat dijadikan sebagai manusia idaman, bahkan mereka ialah pencari perdamaian yang wajar, berjalan atas dasar kebaikan dan keadilan. Ditinjau dari sudut mana pun, cerita ini banyak membawa pengajaran yang sejagat dan dianggap sebuah hasil ciptaan yang abadi sifatnya.

– Nyoman S Pendit 1980 *Mahabharata: Sebuah Perang Dahsyat di Medan Kuruksyetra*. Jakarta. Penerbit Bharata Karya Aksara. • Zoetmulder, P.J. 1983. *Kalangwan* (terjemahan Dick Hartoko, S.J.). Jakarta: Penerbit Djambatan. • M. Saleh 1986. *Mahabharata*. Jakarta: Balai Pustaka. • Poerbatjaraka dan Tardjan Hadidjaja (tanpa tahun). *Kepustakaan Djawa*. Jakarta. Penerbit Djambatan.

ABDUL RAHMAN KAEH

**MAHKAMAH ANAK NEGERI**, mahkamah bawahan di Sabah dan Sarawak yang mempunyai bidang kuasa ke atas perkara yang berkaitan dengan adat, yang melibatkan penduduk peribumi atau anak negeri. Kes-kes yang diadili di mahkamah ini berkaitan dengan soal-soal agama, pewarisan, perkahwinan, dan kesalahan seksual.

Mahkamah Anak Negeri ditubuhkan dalam dekad terakhir abad ke-19, sewaktu pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Sabah, dan sewaktu pemerintahan James Brooke di Sarawak. Penubuhannya merupakan sebahagian daripada usaha Inggeris untuk memodenkan sistem pentadbiran dan undang-undang kedua-dua buah negeri tersebut. Dalam usaha itu, Inggeris cuba mengekalkan amalan tempatan, di samping memperkenalkan sesuatu yang baharu. Institusi undang-undang peribumi yang sedia ada ialah perhimpunan kampung. Perhimpunan ini, yang dipengerusikan oleh orang tua-tua, diadakan dari semasa ke semasa untuk menyelesaikan masalah serta pertikaian di kalangan ahli-ahli komuniti dalam sesuatu kawasan.

Sebelum kedatangan Inggeris, perhimpunan kampung



Bangunan Mahkamah Anak Negeri di Sandakan

diwujudkan hanya apabila ada keperluan, tetapi kemudiannya Inggeris memastikan setiap daerah mempunyai institusi pengadilan tetap dalam bentuk Mahkamah Anak Negeri. Selain itu, orang tua diserapkan ke dalam pentadbiran daerah, dan diberi gelaran Ketua Anak Negeri. Mereka juga dilantik sebagai hakim Mahkamah Anak Negeri.

Mahkamah Anak Negeri mulai aktif di Sabah dan Sarawak pada tahun 1930-an, dan perundangan yang mengesahkan penubuhannya ialah Ordinan Mahkamah Anak Negeri yang digubal oleh kerajaan masing-masing. Apabila kedua-dua buah negeri memasuki Malaysia pada tahun 1963, Mahkamah Anak Negeri menjadi sebahagian daripada sistem kehakiman negara. Dari segi bidang kuasa, mahkamah ini diklasifikasikan sebagai mahkamah bawahan, sementara undang-undang adat yang dilaksanakannya ditentukan oleh Dewan Undangan Negeri.

Di Sarawak terdapat tiga jenis Mahkamah Anak Negeri, iaitu Mahkamah Ketua Kampung, Mahkamah Ketua Anak Negeri dan Mahkamah Anak Negeri Daerah. Sabah tidak membuat pembahagian mahkamah adat seperti Sarawak. Di Sabah hanya terdapat Mahkamah Anak Negeri yang ditubuhkan di setiap daerah. Kakitangan Mahkamah Anak Negeri, terutamanya mereka yang memegang jawatan sebagai Ketua Anak Negeri dan Ketua Daerah, dianggap sebagai pegawai-pegawai kerajaan yang tergolong dalam kategori pegawai tadbir rendah. Selain menjalankan tugas kehakiman di Mahkamah Anak Negeri, mereka juga membantu pegawai daerah menguruskan pentadbiran untlang-undang adat.

Tidak semua Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak mempunyai bangunan pejabat dan mahkamahnya sendiri. Di kawasan bandar, perbicaraan diadakan di satu ruang khas dalam pejabat pegawai daerah, tetapi di kawasan pedalaman, mahkamah bersidang di balai raya kampung, atau di rumah ketua kampung. Di kawasan bandar, Mahkamah Anak Negeri bersidang pada hari-hari tertentu sahaja, biasanya dua hari dalam seminggu. Kes-kes yang dihadapkan di mahkamah tersebut tidak dibezakan kepada kes jenayah atau sivil seperti undang-undang Barat. Antara kes-kes yang sering dibicarakan ialah mungkir janji untuk berkahwin, gagal menjelaskan berian, melarikan isteri orang, berzina, merosakkan tanaman jiran, memukul, mencaci dan menghina, mencuri binatang ternakan, menyakiti binatang ternakan, tidak menghirau perintah ketua kampung, tidak melaksanakan sogit, dan sebagainya.

Cara konflik diselesaikan di Mahkamah Anak Negeri memperlihatkan gabungan tatacara undang-undang moden dan tradisional. Seperti mahkamah-mahkamah lain di Malaysia, pihak yang ingin mendakwa perlu membuat aduan secara rasmi kepada mahkamah. Kebanyakan kes diselesaikan dalam masa dua atau tiga minggu, kecuali kes yang rumit. Pihak yang berbalah tidak dibenarkan mengguna peguam untuk mewakili mereka sewaktu perbicaraan. Walaupun undang-undang menetapkan supaya tiga orang ahli mahkamah bertindak sebagai panel hakim pada setiap kali perbicaraan diadakan, ini tidak menghalang ahli yang lain menghadiri dan mengambil bahagian dalam perbicaraan tersebut sebagai pemerhati dan penasihat kepada panel hakim.

Mahkamah biasanya mendengar dua kes atau lebih setiap kali bersidang. Seperti mahkamah moden, perbicaraan bermula dengan Ketua Anak Negeri yang dilantik sebagai hakim utama pada hari itu memeriksa pihak yang mendakwa tentang punca konflik, dan mendapatkan keterangan saksi-saksi pihak mendakwa. Kemudian pihak yang didakwa pula diminta membela diri. Sebaik sahaja sesi soal siasat bagi satu kes selesai, panel hakim mendengar kes yang lain pula.

Apabila kes-kes untuk hari itu telah didengar, panel hakim bersama-sama ahli-ahli mahkamah lain akan mengadakan perbincangan atau muafakat di sebuah kamar yang lain. Sesi perbincangan ini dipengerusikan oleh ketua daerah atau ketua panel hakim, bertujuan untuk mendapatkan pandangan ahli-ahli mahkamah tentang semua kes yang dibicarakan pada hari itu, dan bentuk hukuman terhadap pesalah.

Mahkamah Anak Negeri mengenakan dua jenis hukuman, iaitu denda adat dan denda kerajaan. Denda adat ialah ganti rugi kepada orang atau orang-orang yang menerima padah akibat tindakan pesalah, sementara denda kerajaan ialah denda wang ataupun penjara. Menurut adat, keputusan mahkamah seharusnya keputusan majoriti. Sekiranya terdapat

perbezaan pandangan antara ahli-ahli mahkamah, maka pengerusi akan meminta mereka mengundi. Saranan tentang jenis dan bentuk hukuman yang mendapat undi terbanyak diterima sebagai keputusan mahkamah.

Di Sabah, seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Anak Negeri boleh membuat rayuan kepada pegawai daerah, dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan Mahkamah Anak Negeri yang dipengerusikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi.

– Wu Min Aun 1983. *An Introduction to the Malaysian Legal System.* • Mohamed Suffian 1988. *An Introduction the Legal System of Malaysia.* • Lee Hun Hoe 1956. *Cases on Native Customary Law.* • Sharifah Zaleha Syed Hassan 1989. "Perubahan dan Kesinambungan Tradisi Undang-undang Adat di Sabah: Satu Tinjauan Sosio-Budaya". Kertas kerja Simposium Antarabangsa Tamadun Melayu II.

SHARIFAH ZALEHA SYED HASSAN

**MAKTAB MELAYU KUALA KANGSAR** (1905), sekolah menengah berasrama pertama untuk pelajar-pelajar Melayu. Nama asalnya Malay College Kuala Kangsar (MCKK). Sultan Idris Murshidul A'zam Syah (1887–1916) merupakan penggerak utama dalam penubuhan maktab ini.

Dengan bantuan R.J. Wilkinson, yang pada waktu itu menjadi Nazir Sekolah Persekutuan, satu rancangan dibuat bagi menubuhkan sebuah sekolah berasrama khusus untuk anak-anak Melayu, di Kuala Kangsar, Perak. Akhirnya sebuah sekolah dibuka pada tahun 1905 di satu kawasan seluas 30–40 ekar yang terletak kira-kira satu kilometer dari bandar diraja Kuala Kangsar, dan dinamakan Maktab Melayu.

Pada tahun pertama persekolahannya, jumlah pelajar yang mendaftarkan diri ialah seramai 59 orang. Bangunannya hanya beratap nipah, dan asrama pelajarnya terletak di beberapa tempat yang berasingan di Kuala Kangsar. Menjelang tahun 1909 Maktab Melayu berjaya menyiapkan bangunan konkritnya. Menjelang akhir tahun pertamanya, jumlah pelajar maktab ini meningkat menjadi 79 orang dengan 54 orang pelajar yang tinggal di asrama. Antara pelajarnya yang pertama termasuklah Almarhum DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama. Pada tahun 1911 jumlah pelajarnya terus meningkat menjadi 139.

Guru besar yang pertama dilantik mentadbirkan Maktab Melayu Kuala Kangsar ialah W. Hargreaves (1905–1918), yang sebelumnya bertugas di Penang Free School. Dua orang guru lagi yang bertugas mengajar di Maktab Melayu pada peringkat awal ialah F.A. Vanrennan dan C.W. Rowland.

Memandangkan lepasan Maktab Melayu merupakan satu-satunya lepasan sekolah tinggi yang dikeluarkan pada waktu itu, sebahagian besar lepasannya dilantik menjadi pegawai tadbir Melayu. Bagi melengkapkan lagi lulusannya, mulai tahun 1910 Maktab Melayu menyediakan satu kursus khas bagi melatih pegawai untuk perkhidmatan pentadbiran. Pada tahun 1920 kursus ini diperluas kepada pelajar-pelajar maktab yang lebih awal yang tidak berkesempatan mengikutinya sebelumnya. Kursus ini dijalankan selama setahun. Sebagai usaha bagi menyediakan peluang pendidikan yang lebih menyeluruh, kemasukan ke maktab ini juga dibuka kepada mereka yang datang dari Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Guru besar yang memainkan peranan penting dalam perkembangan Maktab Melayu selepas Hargreaves, ialah C. Bazell (1923–1938). Semasa pentadbiran Bazell, Maktab Melayu



Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak



Pelajar MCKK kelas pertama (1906) bersama-sama guru besar, W. Hargreaves

muncul sebagai sebuah sekolah yang mempunyai infrastruktur yang terbaik di Perak. Pada waktu itu maktab ini mempunyai dua orang guru yang berkebolehan, iaitu Ahmad Jalaudin (1919–1938), dan Mahmud Jantan (1927–1937). Cikgu Ahmad mengasaskan pergerakan pengakap di maktab ini, dan menghidupkan semula pasukan kadet sehingga mampu mengadakan perbarisan ketika menyambut lawatan Residen General Sir Lawrence Guillemard pada tahun 1920.

Ketika Perang Dunia Kedua, Maktab Melayu terpaksa ditutup. Bangunannya dididuduki oleh tentera Jepun selama lima bulan pada tahun 1943. Pada tahun 1944 maktab ini dijadikan sekolah Jepun dan padang permainannya dijadikan kebun sayur. Pada tahun-tahun akhir pendudukan Jepun, sekolah ini ditukarkan menjadi hospital. Selepas Perang Dunia Kedua dan awal tahun 1950-an jumlah pelajar di Maktab Melayu masih lagi terhad di sekitar lingkungan 200 orang. Jumlahnya hanya meningkat kepada 650 orang menjelang pertengahan tahun 1950-an.

Pada peringkat awal, kemasukan ke Maktab Melayu dikhaskan kepada mereka yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Tetapi dasar ini kemudiannya berubah apabila kemasukannya dibuka kepada segenap lapisan masyarakat yang mempunyai kemampuan pelajaran yang cemerlang. Maktab ini berjaya melahirkan ramai lulusan yang memegang jawatan tinggi dalam pemerintahan dan kerajaan. Antara mereka termasuklah sebahagian besar raja-raja Melayu, menteri Kabinet termasuk bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak, duta besar, dan pegawai tinggi kerajaan.

MOHD. REDZUAN OTHMAN

**MALAYAN UNION** (1945–1948), kesatuan negeri-negeri Melayu berserta Melaka dan Pulau Pinang yang dibentuk oleh kerajaan British pada 1 April 1945. Sebuah sistem pentadbiran dan perlembagaan baharu diperkenalkan menggantikan sistem pentadbiran sebelum perang yang berkeadaan berpecah belah. Idea menyatukan negeri-negeri Melayu telah lama dikemukakan, tetapi tidak dapat dilaksanakan pada masa lalu kerana tidak mendapat sokongan daripada raja-raja Melayu.

Pada zaman pendudukan Jepun (1942–1945), Edward Gent, Penolong Setiausaha Rendah Tetap di Pejabat Tanah Jajahan ditugaskan mengkaji semula dasar Britain yang bakal dilaksanakan di Tanah Melayu. Dia dibantu oleh Unit Perancangan Tanah Melayu yang dibentuk pada bulan Jun 1943. Pegawai-pegawai di Pejabat Tanah Jajahan sedar bahawa negeri-negeri Melayu merupakan wilayah naungan yang sangat bernilai dan sumber ekonomi yang penting bagi Britain. Kehilangan wilayah ini menyebabkan Britain menghadapi kesukaran untuk mendapat bahan-bahan mentah, terutamanya bijih timah dan getah. Tambahan pula, Britain akan kehilangan beberapa tanah jajahannya seperti India dan Burma. Memandangkan perkembangan ini Britain berazam untuk mengambil kembali wilayahnya di Asia Tenggara. Satu dasar baharu diperlukan untuk mempercepat pemulihan dan pembangunan semula ekonomi Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua tamat.

Pejabat Tanah Jajahan membuat kajian yang mendalam dan mengambil masa yang panjang bagi menggubal satu dasar baharu untuk Tanah Melayu dan Borneo. Pada awal bulan Januari 1944, Setiausaha Tanah Jajahan mengemukakan satu cadangan tentang dasar Britain untuk Tanah Melayu bagi dibahaskan oleh jawatankuasa kabinet Tanah Melayu dan Borneo. Butir-butir cadangan ini kemudiannya diumumkan pada bulan Oktober 1945. Kertas putih diterbitkan pada tahun berikutnya. Antara matlamat dasar baharu ini adalah untuk mewujudkan sebuah sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan serta sesuai dengan kepentingan keselamatan. Dinyatakan juga bahawa dasar ini berhasrat untuk memupuk perkembangan ke arah taraf berkerajaan sendiri di Tanah Melayu. Semua penduduk daripada pelbagai kaum akan mempunyai kedudukan dan hak yang sama. Satu cadangan kewarganegaraan baharu dikemukakan yang membolehkan mereka menjadi warganegara Malayan Union dengan syarat-syarat yang longgar. Bagaimanapun, peningkatan penyertaan kaum bukan Melayu dalam pemerintahan akan tertakluk kepada pengakuan yang khusus mengenai kepentingan politik, ekonomi, dan sosial bangsa Melayu.

Dalam cadangan perlembagaan baharu itu, difikirkan bahawa pada peringkat yang awal Singapura harus diasingkan daripada Malayan Union memandangkan sifat-sifatnya yang berlainan daripada wilayah yang lain, terutama dari segi

jumlah penduduk Cina yang besar, dan kepentingan pangkalan tentera lautnya bagi operasi angkatan tentera British di Timur Jauh. Wilayah yang lain seperti Melaka dan Pulau Pinang disatukan dengan negeri-negeri Melayu yang lain di bawah kerajaan Malayan Union yang berpusat di Kuala Lumpur. Union ini akan diperintah oleh seorang Gabenor, dengan bantuan sebuah Majlis Kerja dan Majlis Perundangan. Seorang Gabenor-Jeneral akan dilantik untuk menyelaraskan dasar-dasar kerajaan Union dan Singapura. Dia juga akan mempunyai kuasa kawalan ke atas kerajaan-kerajaan tempatan di Tanah Melayu, dan wilayah-wilayah British di Borneo.

Pejabat Tanah Jajahan British berpendapat bahawa raja-raja Melayu tidak akan bersetuju dengan cadangan perlembagaan Malayan Union kerana mereka mempunyai minda kenegerian dan mengutamakan dasar disentralisasi, serta akan menolak rancangan pemberian kewarganegaraan kepada orang-orang Cina. Masalah ini akan diatasi dengan meminta para sultan memindahkan kuasa kehakiman mereka kepada kerajaan Ratu Inggeris melalui satu peraturan perjanjian baharu. Dengan cara ini perlembagaan Malayan Union dapat dilaksanakan melalui 'Arahan dalam Majlis' (*Order-in-Council*). Britain juga tidak perlu bergantung kepada persetujuan raja-raja Melayu apabila mahu membuat undang-undang atau perubahan-perubahan perlembagaan pada masa yang akan datang.

Pejabat Tanah Jajahan memutuskan akan menghantar Sir Harold MacMichael (sebagai wakil Ratu Inggeris) ke Tanah Melayu untuk mendapatkan tandatangan persetujuan raja-raja Melayu bagi memindahkan kedaulatan dan hak mereka ke atas negeri masing-masing kepada kerajaan British. Dengan ini negeri-negeri Melayu akan menjadi tanah jajahan British, dan tertakluk kepada Akta Jurisdiksi Luar Britain.

MacMichael diberi mandat untuk menjelaskan kepada raja-raja Melayu bahawa walaupun terdapat apa sahaja rintangan, British akan tetap melaksanakan rancangan Malayan Union. Dia juga diberi kuasa untuk menyelidik perlakuan raja-raja Melayu pada masa pendudukan Jepun. Setiausaha Tanah Jajahan dan pegawai-pegawainya tidak lagi ragu-ragu bahawa mereka terpaksa menekan atau memaksa raja-raja Melayu sebagai langkah terakhir bagi mencapai cita-cita Malayan Union. Jikalau mereka tidak menunjukkan kerelaan untuk bekerjasama, mereka akan diturunkan daripada takhta, dan digantikan dengan calon-calon pewaris takhta yang lain. Pihak berkuasa tentera British diberi ingatan supaya tidak mengiktiraf atau berpura-pura tidak mengiktiraf raja-raja Melayu sehinggalah ketibaan MacMichael ke Tanah Melayu. Raja-raja Melayu mungkin akan diiktiraf jikalau mereka bekerjasama untuk melaksanakan dasar yang ditetapkan. Sekiranya langkah ini juga gagal, Britain akan merampas seluruh negeri berkenaan. Dengan bersenjatakan mandat ini, MacMicheal dengan mudah mendapat tandatangan persetujuan daripada mereka.

Rancangan Malayan Union ini bagi bangsa Melayu adalah sebagai satu letupan gunung berapi. Rancangan ini menimbulkan kekhuatiran bangsa Melayu mengenai untung nasib masa hadapan mereka di tanah air sendiri. Kebimbangan mereka tertumpu kepada tiga perkara, iaitu penghapusan konsep Melayu untuk negeri-negeri Melayu, pemindahan jurisdiksi dan kekuasaan raja-raja Melayu kepada Ratu Inggeris, dan cadangan kewarganegaraan yang membuka peluang dan memberikan taraf yang sama kepada kaum-kaum lain.

Selepas pengumuman kertas putih, akhbar-akhbar Melayu mengecam hebat rancangan Malayan Union. *Utusan Melayu* keluaran 24 Januari 1946 menganggap Malayan Union menurunkan raja-raja Melayu daripada takhta ke taraf hamba dalam birokrasi mahkota. *Majlis* pula menganggap taraf orang-orang Melayu diturunkan lebih kurang sama dengan *Red Indian* di Amerika Utara dan orang-orang asli di Australia. Sebagai reaksi kepada rancangan Malayan Union, orang-orang Melayu menghidupkan kembali persatuan-persatuan Melayu yang pernah wujud sebelum perang.

Pada 3 Januari 1946, Dato' Onn bin Jaafar menubuhkan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor untuk memperjuangkan dan mempertahankan hak-hak dan kedudukan istimewa bangsa Melayu. Kemudian Dato' Onn bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan Melayu menubuhkan Pertubuhan




**Perhimpunan menentang Malayan Union dilancarkan di seluruh Semenanjung (1946)**

Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) untuk menggagalkan rancangan Malayan Union.

Pada mulanya pemimpin-pemimpin Melayu mengecam raja-raja Melayu kerana bersetuju memindahkan kuasa dan kedaulatan mereka kepada kerajaan British. Sehubungan dengan ini, Sultan Kedah menjelaskan bahawa baginda diberi kata dua untuk menandatangani perjanjian baharu, dan andainya baginda tidak berbuat demikian baginda akan diturunkan daripada takhta. Pembesar-pembesar negeri juga dipaksa menasihati sultan supaya menerima dasar Britain. Penjelasan ini merapatkan kembali hubungan antara sultan dengan rakyat.

Pada masa pertabalan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union yang pertama, raja-raja Melayu memuluakannya, dan bangsa Melayu berkabung selama tujuh hari sebagai bantahan dan lambang kematian bangsanya.

Perjuangan bangsa Melayu mendapat simpati daripada bekas-bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Antara mereka termasuklah R.O. Winstedt, Frank Swettenham, George Maxwell, dan Cecil Clementi. R.O. Winstedt melemparkan kecaman yang keras terhadap dasar Britain dan juga kaedah yang digunakan bagi melaksanakan dasar ini. Baginya dasar Malayan Union membawa erti penghapusan bangsa Melayu dalam kehidupan politik di negeri mereka sendiri. Clementi pula sangat khuatir agar pemberian hak-hak politik kepada orang-orang Cina dan India akan merosakkan perhubungan persahabatan Melayu-British. Orang-orang Melayu mungkin akan mengambil tindakan menentang dengan cara kekerasan, dan mendapatkan bantuan daripada nasionalis di Indonesia. Pandangan-pandangan ini mempengaruhi Edward Gent dan M. MacDonald, Gabenor-Jeneral Britain di Asia Tenggara. Mereka mulai sedar bahawa Britain perlu bertolak ansur dengan tuntutan pemimpin Melayu yang bersikap sederhana sebagaimana yang diwakili oleh UMNO. Jikalau tidak golongan ini akan kehilangan pengaruh, dan akan digantikan oleh golongan kiri, terutama kepimpinan dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang mempunyai pertalian dengan gerakan nasionalisme Indonesia dan komunis. Dalam keadaan demikian, Britain mengambil keputusan mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin UMNO, dan raja-raja Melayu untuk merangkakan satu perlembagaan baharu untuk Tanah Melayu yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu dibentuk menggantikan Malayan Union. Dasar Persekutuan ialah memulangkan kembali kedaulatan dalaman raja-raja Melayu, mengakui kedudukan istimewa bangsa Melayu, dan memperketat syarat-syarat untuk kaum-kaum bukan Melayu menjadi warganegara.

– Dokumen-dokumen dalam siri CO 865/14, CO 825/42, CO 273/675, CO 273/676 dan CAB 98/41, (PRO, Kew Gardens). • Allen, J. 1967. *The Malayan Union*. New Haven. • Stockwell, A.J. 1979. *British Policy and Malay Politics During Malayan Union Experiments 1942-1948*. MBRAS Monograph. • Lau A.K. 1988. "The Colonial Office and the Emergence of the Malayan Union Policy" dim. Smith, R.B. dan Stockwell, A.J. *British Policy and the Transfer of Power in Asia: Documentary Perspectives*. London: University of London Press.

OONG HAK CHING

**MELAYU**, nama khas bagi satu kelompok suku bangsa di sekitar Kepulauan Melayu ataupun nama am bagi pelbagai kelompok serumpun bahasa di kalangan kelompok Bahasa Melayu-Polinesia (Austronesia). Sebagai nama khas, kelompok suku bangsa ini mendiami wilayah-wilayah Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, selatan Thai, pesisir timur pulau Sumatera, pesisir pulau Borneo dan wilayah-wilayah lain Kepulauan Melayu (Nusantara) serta kawasan penghijrahan mereka di seluruh dunia. Mereka ialah penutur teras bahasa Melayu. Sebagai kelompok am, bangsa Melayu terdiri daripada pelbagai suku bangsa yang juga menjadi penutur bahasa Melayu dan penutur bahasa-bahasa rumpun Melayu. Mereka terdiri daripada semua suku bangsa di seluruh Alam Melayu – dari Filipina hingga ke Irian, Sumatera dan Cambodia. Dalam pengertian yang lebih luas, Melayu merangkumi semua penutur bahasa Melayu dalam kelompok Bahasa Melayu-Polinesia.

Di Malaysia, Melayu ditakrif dengan makna yang khusus serta tertentu bagi kelompok masyarakat yang berbahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan beragama Islam. Takrif yang bersifat tata kelakuan ini terdapat dalam Perlembagaan Malaysia dan digunakan khusus bagi maksud tafsiran undang-undang Malaysia.

Dari segi kandungan, ternyata bahawa identiti Melayu di Malaysia adalah dinamik. Anggota masyarakat Melayu di Malaysia terdiri daripada semua kelompok penghuni Kepulauan Melayu yang telah berhijrah ke Tanah Melayu sejak ratusan tahun terdahulu seperti Aceh, Minangkabau, Mandailing, Bengkulu, Rawa, Palembang, Lampung, Jawa, Sunda, Bugis, Banjar, Sulu, Bajau, dan Melanau. Walaupun pada asasnya setiap kelompok akan mengekalkan identiti asal mereka dalam kelompok kecil di kawasan penempatan masing-masing, namun pada tahap yang lebih luas di luar batasan kelompok perkampungan sendiri, identiti Melayu digunakan secara subjektif, iaitu sebagai identiti peribadi.

Di samping itu, terdapat kesan perjalanan sejarah yang menjadikan nama Melayu sebagai identiti kelompok beragama Islam, berbeza dengan kelompok yang masih lagi beragama tradisi (animisme). Oleh sebab sejarah kedatangan Islam di Kepulauan Melayu adalah hasil daripada gerakan pengembangan dan dakwah suku bangsa Melayu yang lebih awal menerima kedatangan agama Islam, maka identiti Islam itu juga bersamaan dengan nama Melayu. Dalam keadaan inilah ciri Islam itu kekal sebagai ciri kemelayuan bagi kelompok Melayu di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Perkembangan terakhir masa kini menunjukkan telah berlaku pemisahan konsepsi antara konsep etnik 'Melayu' dengan konsep agama 'Islam'. 'Masuk Melayu' kini masih dianggap sebagai 'masuk Islam' tetapi 'masuk Islam' tidak semestinya merupakan 'masuk Melayu'.

**Taburan** – Sebagai sebuah kelompok khusus, suku bangsa Melayu dianggarkan berjumlah kira-kira 16 juta orang terdiri daripada lapan juta di Malaysia, empat juta di Indonesia, dua juta di Thailand, 100 000 di Myanmar Selatan, 50 000 di Sri Lanka, 200 000 di Afrika Selatan, 130 000 di Suriname, 600 000 di Singapura, 160 000 di Negara Brunei Darussalam dan selebihnya di beberapa wilayah lain di dunia.

Daripada pengelompokan yang lebih am dan luas, suku bangsa dalam rumpun Melayu di seluruh Asia Tenggara berjumlah sekitar 200 juta manusia, satu bilangan yang relatif besar bagi kelompok penutur satu bahasa.

**Takrif** – 1. Linguistik: Dari segi linguistik, Melayu ialah sekumpulan penutur bahasa yang terdapat di seluruh Kepulauan Asia Tenggara sehingga ke Pulau Guam dan Taiwan di utara, Selatan Vietnam dan Cambodia di daratan Asia, Pulau Malagasy di Lautan Hindi dan Irian di sebelah timur. Kawasan bahasa ini dikenali sebagai kawasan bahasa Melayu (atau Barat Pasifik) dan digabungkan dengan seluruh penutur bahasa di Lautan Pasifik untuk menjadi kumpulan bahasa dunia yang dikenal sebagai Kelompok Melayu-Polinesia (sekarang disebut juga dengan makna yang agak salah sebagai Austronesia-kawasan selatan).

2. Etnologi: Dari segi etnologi, Melayu bermakna kelompok masyarakat yang mengamalkan sistem kemasyarakatan dwisisi (*bilateral*) dan kegenerasian yang termasuk juga golongan Eskimo serta pelbagai masyarakat di Lautan Pasifik. Golongan ini tergolong dalam kelompok bangsa Mongoloid, termasuk semua suku bangsa di benua Asia, Eskimo, kelompok India-Amerika, dan beberapa kelompok di Lautan Pasifik. Bangsa Mongoloid dicirikan oleh sifat umum tubuh badan yang sederhana tinggi (sedikit rendah daripada bangsa Kaukasoid dan lebih tinggi daripada beberapa kelompok Negroid), berkulit antara kekuningan hingga coklat (hitam manis), berambut lurus hingga berombak, berwajah kebulatan, berkepala agak leper dan berhidung agak kembang. Bangsa ini berbeza daripada bangsa Kaukasoid yang terdapat di Eropah, Asia Barat, Utara India, dan Amerika. Mereka juga berbeza daripada bangsa Negroid yang terdapat di Afrika dan Lautan Pasifik.

Tidak dapat dinyatakan dengan pasti waktu sebenar nama 'Melayu' itu kekal menjadi nama kelompok ini. Tradisi sejarah suku bangsa Melayu dipercayai berasal dari selatan Sumatera pada zaman kerajaan Srivijaya (600 – 1300) dan mencapai penegasan makna pada zaman Melaka (1400 – 1699) dengan terdapatnya tulisan sejarah tentang bentuk pemerintahan dan pentadbiran kerajaan Melayu. Dalam pada itu, kewujudan suku bangsa dan bahasanya telah lama dibuktikan oleh pelbagai batu bersurat di Jambi, Palembang, Minangkabau, dan Aceh yang menggunakan bahasa Melayu dalam tulisan kawi, yang berasal daripada tulisan palawa dari abad keempat hingga ketujuh Masihi.

**Penghijrahan** – 1. Prasejarah: Bangsa Melayu, dalam erti linguistik sejarahan dan etnologi, dikatakan telah lama melakukan penghijrahan dalam perjalanan mereka mendiami Kepulauan Melayu (Nusantara) dan Lautan Pasifik. Sejak zaman prasejarah lagi, kelompok yang berasal dari selatan China telah berpindah ke kawasan Vietnam dan Cambodia dan juga ke Taiwan menuju ke Kepulauan Melayu serta Lautan Pasifik. Arah perjalanan yang beransur-ansur mengikuti jalan laut itu membawa mereka ke Filipina, ke Kyushu di utara dan Guam serta pulau di timur hingga ke Kepulauan Mikronesia, Melanesia dan akhirnya Polinesia. Ke selatan, mereka menempuh pulau Borneo, Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa dan Nusa Tenggara serta ke pulau Malagasy.

(i) Bukti Linguistik: Penghijrahan pada zaman prasejarah dapat dilihat daripada bukti kajian linguistik sejarahan dan arkeologi. Para ahli linguistik perbandingan mendapati beberapa tahap perhubungan berlaku antara bahasa-bahasa di seluruh Lautan Pasifik, termasuk Kepulauan Melayu, Malagasy dan bahasa Cham di Vietnam. Berasaskan tahap perhubungan inilah digolongkan sekalian bahasa itu ke dalam tiga kelompok:

- Kelompok utara: Terdiri daripada bahasa-bahasa Formosa, Filipina, Palau, Marianas, Sulawesi Utara, beberapa bahasa Borneo, pulau di sekitar Sumatera dan Malagasy.
- Kelompok barat: Terdiri daripada bahasa-bahasa Sumatera, Jawa, Bali, Borneo Selatan, Semenanjung Tanah Melayu, Cham, dan beberapa kelompok kecil di daratan Tenggara Asia.
- Kelompok timur: Terdiri daripada bahasa-bahasa dari Sumbawa ke Timor dan utara Irian.

Bahasa-bahasa kepulauan Melanesia, Polinesia dan Mikronesia, kecuali bahasa-bahasa Palauan dan Chamoro, terdiri daripada satu kelompok bahasa kuno Austronesia. Bersama-sama dengan bahasa kuno Melayu, kedua-duanya membentuk sebuah bahasa kuno Melayu-Polinesia. Kelompok kuno Polinesia dijangkakan berasal dari Asia Tenggara dan berhijrah ke Polinesia melalui jalan utara di Formosa. Sekumpulan lagi mengalih ke selatan menuju ke Irian dan terus ke timur dan Melanesia. Kira-kira pada tahun 1500 SM, kelompok Melayu-Polinesia telah tersebar luas di seluruh Nusantara, Filipina, Formosa dan kemudian di Melanesia.

(ii) Bukti Arkeologi: Terdapat tiga kajian asas arkeologi yang mengaitkan pelbagai kelompok di Kepulauan Melayu antara satu sama lain:

Pertama, kebudayaan batu menunjukkan hubungan yang meluas antara pelbagai kelompok di Asia Tenggara dan juga di Pasifik. Daripada bukti yang terdapat di kalangan penduduk asli, Formosa yang berbahasa Austronesia dan mengekalkan pelbagai ciri kuno itu, hubungan antara selatan China dengan para penduduk Pasifik bermula sejak Zaman Paleolik (Batu Lama).

Kedua, kajian nekara atau gendang gangsa menunjukkan bahawa zaman yang dinamakan sebagai Dong-son ini berlaku pada abad dua hingga abad pertama SM. Nekara ini menggambarkan suatu evolusi kebudayaan di kawasan kebudayaan Asia Tenggara dalam tempoh yang amat panjang yang mengaitkan pelbagai kelompok antara satu sama lain.

Ketiga, berasaskan kajian perkaitan antara tiga jenis tradisi membuat tembikar – tradisi Sa-Huynh-Kalanay, tradisi Bau-Malayu, dan tradisi Novaliches – terdapat dua jalan penghijrahan yang diikuti kelompok-kelompok Melayu-Polinesia:

- Melalui pesisir daratan Asia ke Vietnam dan seterusnya ke Semenanjung Tanah Melayu, mereka bergerak ke Borneo, Palawan dan Visayan, Indonesia dan akhirnya ke Irian. Penghijrah awal di kalangan Sa-Huynh-Kalanay mungkin terus pula ke Melanesia sejauh New Caledonia dan Fiji. Kelompok ini juga telah berada di Selat Melaka pada tahun 500 SM dan menyisir pantai India sehingga sampai ke Malagasy.
- Desakan kuat dari utara China, menolak pendokong tradisi Bau-Malayu untuk bergerak ke Formosa, selatan Jepun dan kemudian ke Filipina, Borneo, Sumatera dan ke utara arah ke Semenanjung Tanah Melayu, Thailand, Cambodia, dan Vietnam. Mereka berada di Palawan kira-kira pada tahun 200 SM, Santubong pada tahun 500 SM dan Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1000 SM.

2. Penjajahan Eropah: Penjajahan Eropah di seluruh dunia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 di wilayah kebudayaan Melayu di Asia Tenggara telah mencetuskan pelbagai jenis penentangan terhadap perkembangan kuasa, serta takluk mereka hingga berlaku pembuangan pelbagai suku bangsa

Melayu ke Sri Lanka, Seychelles, Afrika Selatan, dan Amerika Tengah. Hingga kini terdapat kira-kira 150 000 orang berketurunan Melayu di wilayah-wilayah ini. Sekumpulan kecil mereka dibawa ke Pulau Kokos dan wilayah barat Australia sebagai pekerja ataupun yang mengembara ke sana untuk bekerja sebagai penyelam mutiara. Kini terdapat kira-kira 10 000 orang Melayu di wilayah ini.

3. Zaman Moden: Pada zaman moden, terdapat orang perseorangan yang mengikuti jalan perkapalan serta pengembaraan sehingga sampai ke Eropah dan Amerika Syarikat dan menetap di sana. Penghijrahan orang Melayu berlaku pada masa ini untuk meningkatkan pendidikan dan mencari sumber ekonomi. Malah faktor tersebut menyebabkan mereka yang berhijrah ke negara lain berusaha mendapatkan status warganegara ataupun penduduk tetap di pelbagai negara itu. Kini terdapat keturunan Melayu di Britain dan Amerika Utara dan beberapa negara lain di Eropah.


**Penubuhan Kerajaan Melayu** – Proses perkembangan tahap kebudayaan Melayu daripada perkampungan kecil dan terbatas di pelbagai kawasan Alam Melayu pada zaman purba (prasejarah) telah muncul pelbagai pusat kota dan bandar bagi kerajaan dan empayar pada zaman kuno (sejarah). Ahli sejarah menyatakan bahawa kerajaan-kerajaan kuno di Campa (abad ketiga – ke-14) adalah kerajaan Melayu di benua Asia. Kemudian muncul pula Langkasuka (abad keenam – ketujuh) di Segenting Kra serta Kedah Lama dan Srivijaya (abad ketujuh – ke-12) di Palembang serta Majapahit (abad ke-10 – ke-14) yang diwarisi pula oleh Temasik (Singapura), dan kemudian Melaka (abad ke-15 – ke-17) yang menandakan dengan tegas kewujudan kerajaan-kerajaan Melayu sebagai unit geopolitik wilayah Alam Melayu. Kerajaan-kerajaan ini memberi bentuk dan isi kepada sistem 'kerajaan' yang merupakan sistem pemerintahan Alam Melayu hingga kini. Inilah asas tamadun Melayu yang memberi identiti Melayu kepada wilayah rantau ini sebagai Alam Melayu sekarang.

**Kesatuan Budaya Rumpun Melayu** – Kesatuan konsepsi budaya suku bangsa Melayu amat bergantung pada kesamaan ciri budaya di kalangan anggota serumpun. Beberapa ciri utama seperti bahasa, konsepsi alam, tinggalan arkeologi, dan ciri-ciri adat menjadi asas terpenting dalam kesatuan itu. Di Malaysia, kesatuan di kalangan kelompok-kelompok dalam suku bangsa Melayu itu sendiri diperteguh oleh ciri agama Islam yang menjadi takrif Melayu dalam sistem perundangan. Ciri agama Islam ini menjadi identiti Melayu yang memisahkannya daripada kelompok-kelompok lain rumpun Melayu yang kini masih lagi beragama tradisi atau yang beragama Kristian.

Dengan demikian, perlu muncul suatu konsepsi lain bagi merangkumi kelompok-kelompok serumpun tetapi berbeza dari segi ciri kebudayaan yang luas dibandingkan dengan kelompok-kelompok mendatang dari wilayah kebudayaan lain seperti China, India, Arab mahupun Eropah. Konsepsi kesatuan yang lebih besar itu, kini muncul sebagai 'bumiputera' ataupun 'peribumi' dan berbeza daripada kelompok lain yang 'bukan bumiputera'.

Kelompok-kelompok rumpun Melayu yang beragama tradisi itu mempunyai kaitan yang akrab dengan kelompok Islam dari segi ciri bahasa bahkan juga pada pelbagai konsepsi asasi dalam kebudayaan. Di kalangan kelompok seperti Iban dan Jakun (Melayu Asli), misalnya, persamaan bahasa cukup erat hingga mungkin disebut sebagai perbezaan dialek. Namun begitu, perkembangan bahasa dan kebudayaan ke arah aliran sendiri telah memisahkan ciri-ciri leksikon ke tahap perkembangan bahasa serumpun dan bukan lagi sekadar dialek.

Konsep adat yang luas turut merangkumi setiap aspek kehidupan bagi setiap kelompok suku bangsa di Alam Melayu. Di kalangan kelompok seperti Iban atau Jakun, adat masih memberikan suatu keseluruhan kehidupan termasuk hubungan antara manusia dengan alam tabii, alam kosmos, manusia dengan manusia dan kelakuan peribadi individu. Dengan demikian, adat bukan sahaja sebuah istilah serba




Kawasan Melayu Polinesia

merangkum tentang kebudayaan, bahkan merupakan suatu kaedah dalam menggolongkan pelbagai persamaan ciri budaya bagi pelbagai kelompok serumpun bahkan juga pembeza kepada pelbagai ciri yang berlainan.

Pada tahap asas kepercayaan, terdapat konsep seperti semangat bagi memerikan intisari tenaga atau kuasa yang menghidupkan pelbagai benda hidup dari manusia kepada haiwan dan tumbuhan. Semangat menjadi konsep inti tentang 'hidup'nya sesuatu di alam tabii. Oleh itu, ia mesti dijaga dan dibela sebaik-baiknya. Di sekitar konsep semangatlah berlakunya pelbagai upacara yang membela, memuja dan memuji untuk mendapat hasil yang lumayan daripada tanah dan laut.

Dalam perkembangan terakhir, terdapat pula kemasukan pelbagai unsur baharu lain seperti agama, yang juga diperikan sebagai 'adat baharu' yang mendorong perpisahan daripada perpaduan kebudayaan antara kelompok. Adat baharu ini memisahkan mereka daripada golongan suku bangsa Melayu yang mentakrif diri mereka dengan identiti Islam. Demikian pula terdapat suatu proses kembali kepada kelompok budaya bagi beberapa kelompok Islam yang dahulu lebih mudah disebut sebagai Melayu sahaja. Malah masing-masing kelompok kini lebih cenderung berpegang kepada identiti budaya asal.

– Blust, R.A. (disedut dan diterjemah oleh J.T. Collins) 1986. *Penyiasatan Silsilah Bahasa di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. • Dyen, I. 1965. *A Lexicostatistical Classification of the Austronesian Languages*. Baltimore: Waverly Press, Inc. • Linton, R. 1955. *The Three of Culture*. New York: Vintage Books. • Mohd. Aris Hj. Osman 1983. *Perkembangan Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. • Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain 1988. *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Murdock, G.P. 1949. *Social Structure*. New York: The Free Press. • Wan Hashim Wan Teh 1991. "Rumpun Melayu di Luar Nusantara" dlm. *Rumpun*. Bil.3 hlm. 1-65.

ZAINAL KLING

## MOHD. SAID BIN HAJI SULAIMAN, MEJAR DATO' HAJI (1876-1955)

, tokoh persuratan Melayu Johor. Mohd. Said lahir di Teluk Belanga, Singapura. Dia mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Teluk Belanga. Dia meneruskan pendidikannya dalam bahasa Inggeris setelah tamat Darjah 4 Sekolah Melayu, iaitu di Sekolah Inggeris Raffles dan di Sekolah Anglo-Chinese di Singapura hingga ke Darjah 7.

Selepas menamatkan persekolahannya, dia bertugas sebagai kerani di sebuah badan swasta British and Foreign Bible Society di Singapura. Dia dituguskan menulis rencana dan menyimpan buku-buku yang dicetak dalam bahasa Inggeris. Di sering dihadiahi buku oleh majikannya. Pengalaman ini telah menimbulkan minatnya untuk menceburkan diri dalam dunia penulisan.

Dalam tahun 1898, Mohd Said memasuki perkhidmatan Kerajaan Johor sebagai juruwang di Pejabat Perbendaharaan, dan kemudian ditukar ke Pejabat Pos Besar, mula-mula sebagai Penolong Ketua Pejabat Pos (1902), kemudian Ketua Pejabat Pos (1910). Pada tahun yang sama dia dilantik oleh Sultan Ibrahim sebagai Setiausaha Sulit baginda, sehingga dia meninggal dunia waktu berusia 79 tahun.

Mohd. Said pernah bergerak cergas dalam Angkatan Timbalan Setia Negeri Johor (JMF) dan turut memberi sumbangan terhadap kemajuan JMF, antaranya mereka bentuk panji-panji, dan untuk seketika menjadi Bendahari



**Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman**

JMF. Atas sumbangan itu dia telah dilantik ke pangkat 'Mejar'.

Dalam bidang persuratan Melayu, Mohd. Said mula mengasah bakat semasa bertugas di Pejabat Pos Besar, iaitu dengan menghasilkan dua buah karya bercorak sejarah, *Hikayat Queen Victoria* dan *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*. Dia juga menulis makalah-makalah untuk jurnal *Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, majalah terbitannya sendiri, *Pelangi* yang diterbitkan pada tahun 1926, dan hanya terbit setahun sahaja dan penerbitan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor (P.Bm.P.B.D.) atau Pakatan.

Sumbangannya dalam persuratan Melayu terdiri daripada 16 buah buku meliputi bidang perkamusan, nahu dan penggunaan bahasa, ejaan, daftar kata, pengetahuan am, kisah-kisah lawatan ke luar negeri, adat istiadat dan sejarah.

Karya-karyanya yang terkenal yang diusahakan untuk P.Bm.P.B.D. ialah: *Buku Katan* (1936), sebuah buku perkamusan awal; *Jalan Bahasa Melayu* (1937); *Panduan Hejaan* (1937) dan beberapa daftar kata dalam siri 'Gugus Katan', misalnya *Gugus Katan Sanskrit-Melayu* (1938) dan *Gugus Katan Inggeris-Melayu* (1939). Sebahagian besar daripada buku-buku ini diterbitkan dalam jurnal *Peredar*.

Mohd. Said hidup sezaman dengan beberapa tokoh persuratan Melayu lain, misalnya Za'ba, Syed Syekh al-Hadi, Ahmad bin Haji Muhammad Rashid Talu dan Abdul Rahim Kajai. Dia juga menulis dalam lima bidang, iaitu bahasa, sastera, sejarah, agama dan karya-karya umum. Antara karyanya ialah: *Pemimpin bagi Mentadbir Belanja dan Menyimpan Wang* (1924), *Tawarikh dan Manusia* (1935), *Syair Alam dan Bangsa Melayu* (1935), *Begita Dia* (Cerpen, 1939), *Pohon Agama Islam* (4 penggal, 1946), *Penamaan Bagi Nabi Muhammad s.a.w.* (1950), dan *Riwayat Johore Military Force* (1952).

Atas sumbangan Mohd. Said dalam bidang persuratan Melayu, amnya, dan persuratan Melayu Johor, khasnya, dia dianugerahi Bintang Kebesaran Seri Mahkota Johor, Seri Paduka Mahkota Johor dan 'Kerabat Diraja' (D.K.), yang merupakan penghormatan tertinggi daripada DYMM Sultan Ibrahim.

– Md. Zain Idros 1973. "Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Penulis Johor di Pelbagai Bidang" dlm. *Jurnal Persatuan Penulis Johor* 3. • Monshi bin Abdullah 1982/83. "Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Tokoh Persuratan Johor". Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. • Nik Safiah Karim 1984. "Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Satu Pengenalan" dlm. *Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.

NIK SAFIAH KARIM

**MORFOLOGI BAHASA MELAYU**, terbahagi kepada dua; bentuk tunggal dan bentuk terbitan.

**Bentuk Tunggal** – Kata yang belum menerima sebarang proses penerbitan, misalnya; *rumah, tulis, cantik,* dan *oleh.* Bentuk-bentuk tunggal ini boleh digunakan sebagai perkataan secara langsung dengan tidak payah diterbitkan. Bentuk-bentuk tunggal ini dapat dihuraikan menurut struktur suku katanya, sama ada terdiri daripada satu, dua, tiga, atau empat suku kata. Struktur kata tunggal satu suku kata tidak banyak, misalnya, *lap, lah, pun,* dan *pin.* Struktur kata tunggal dua suku kata ialah *du-a, pa-gi, kam-pung, tak-ta.* Struktur kata tunggal tiga suku kata pula dapat dilihat dalam contoh-contoh seperti *tem-pu-rung, pe-rang-kap* dan *te-rom-pah.* Bentuk tunggal empat suku kata ialah *ke-lu-ar-ga* dan *sen-ti-a-sa.* Struktur suku kata tersebut dapat pula dilihat binaannya dari segi komposisi vokal (V) dan konsonan (K) yang membentuknya. Struktur suku kata dalam bahasa Melayu terdiri daripada empat pola: V (*i-tu*), KV (*ka-ta*), VK (*an-tan*), dan KVK (*kam-pung*). Lazimnya, struktur suku kata bahasa Melayu itu mudah sahaja, tetapi sejak bahasa Melayu mula menerima istilah-istilah asing, terutama istilah Inggeris, maka konsonan rangkap mula masuk ke dalam bahasa Melayu, dan wujudlah struktur seperti, KKV (*pro*-ses), KVKK (*im-port*), KKKV (*skru*), dan KKVKK (kom-*pleks*).

**Bentuk Terbitan** – Bentuk perkataan terbitan dihasilkan melalui tiga proses, iaitu: pengimbuhan, penggandaan, dan pemajmukan.

Pengimbuhan – Proses ini menerbitkan perkataan dengan mencantumkan *imbuhan* kepada bentuk *dasar. Dasar* ialah bentuk yang menerima imbuhan. *Imbuhan* ialah bentuk yang dicantumkan kepada bentuk dasar, yang mengandungi makna atau fungsi nahu. Misalnya, dalam perkataan terbitan *mempercepat,* terdapat tiga unsur; *cepat* (sebuah kata), *mem-* dan *per-* (dua buah imbuhan). Dalam bentuk *cepat-cepatlah* terdapat *cepat* (dasar), bentuk gandaan *cepat,* dan *-lah* (partikel). Setiap satu unsur yang disebut ini mempunyai makna, seperti *cepat* 'lekas', atau fungsi gramatis tertentu, seperti; *per-*'membentuk kata kerja transitif', *mem-* 'menunjukkan perbuatan aktif', *-lah* 'silaan/arahan' dan gandaan *cepat* 'penegasan'. Ada dua lapisan proses pengimbuhan yang berlaku. Pada lapisan pertama, *per-* dicantumkan kepada *cepat* menerbitkan *percepat.* Dalam perkataan *percepat* itu, *cepat* ialah dasar, dan *per-* ialah imbuhan. Kemudian *mem-* dicantumkan kepada *percepat* menghasilkan *mempercepat,* dan dalam kata terbitan *mempercepat* itu, *percepat* ialah dasar, dan *mem-* ialah imbuhan.

Suatu keistimewaan morfem imbuhan bahasa Melayu ialah setiap imbuhan itu boleh mempunyai banyak bentuk dan fungsi. Imbuhan *meN-* boleh berlaku dalam salah satu bentuk berikut; *me-, mem-, men-, meng-, meny-* dan *menge-.* Perubahan ini berlaku dengan sistematis dan dipanggil morfofonologi. Setiap imbuhan juga boleh membawa banyak fungsi gramatis; meN-membawa fungsi 'aktif', 'menunjukkan keadaan', dan 'melakukan perbuatan bagi diri sendiri'. Dalam pada itu, ada imbuhan yang hampir-hampir sama bentuk, misalnya; *per-, peN-,* dan *pe-.* Ketiga-tiganya adalah berlainan.

Imbuhan diberi nama menurut kedudukannya berhubungan bentuk dasar: *awalan* terdapat di awal dasar, misalnya *pen* + jual; *akhiran* terletak di akhir dasar, misalnya lukis + *an; apitan* terletak serentak di awal dan di akhir dasar, atau sekaligus mengapit dasar, misalnya *ke* + satu + *an;* dan *sisipan* disisip ke dalam bentuk dasar, lazimnya selepas konsonan pertama, misalnya g + *em* + ilang.

1. Imbuhan Kata Nama – Ada tujuh imbuhan kata nama, iaitu: peN-, pe-, ke-, -an, peN-...-an, per-...-an, dan ke-...-an. Imbuhan kata nama ini menerbitkan kata nama konkrit, abstrak, dan proses. Di samping itu terdapat juga imbuhan usang yang tidak lagi produktif, seperti per- dalam *perburu, pertapa;* yang telah diganti oleh *pemburu* dan *petapa.*

Awalan *peN-* boleh menerbitkan kata nama pelaku, abstrak dan sifat, misalnya: *penguyuh* (peN + kuyuh), pemalas (peN + malas), *penyakit* (peN + sakit), dan *penyara* (peN + sara); awalan *pe-* menerbitkan kata nama yang dikenai oleh perbuatan, misalnya: *pelatih* (pe + latih), *pesakit* (pe + sakit), pesara (pe + sara); awalan *ke-* menerbitkan kata nama konkrit, misalnya: *kekasih* (ke + kasih), ketara (ke + tara); dan akhiran *-an* juga dapat menerbitkan kata nama konkrit dan abstrak, misalnya *makanan* (makan + an), *lapisan* (lapis + an), *jangkitan* (jangkit + an). Apitan *peN-...-an* menerbitkan kata nama perbuatan atau proses, misalnya: *pensuxastaan* (peN + swasta + an), *penghakiman* (peN + hakim + an), *pencurian* (peN + curi + an), *penglihatan* (peN + lihat + an), *pelarian* (peN + lari + an); apitan *per-...-an* pula menerbitkan kata nama akibat, misalnya: *persuratan* (per + surat + an), *peraturan* (per + atur + an), *pertuanan* (per + tuan + an), perubatan (per + ubat + an); dan, apitan *ke-...-an* menerbitkan kata nama abstrak, misalnya: *kesatuan* (ke + satu + an), *kehidupan* (ke + hidup + an), *kehakiman* (ke + hakim + an) dan *kelihatan* (ke + lihat + an).

Ada beberapa imbuhan kata nama yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit, tetapi imbuhan itu tidak produktif lagi, misalnya: *-man* (seni + *man,* budi + *man*); *-wan* (cendekia + *wan,* budaya + *wan*); dan *-wati* (seni + *wati,* peraga + *wati*).

2. Imbuhan Kata Kerja – Ada dua jenis menurut fungsi gramatisnya, iaitu: imbuhan transitif, yang menghasilkan kata kerja transitif; dan imbuhan ragam, yang menunjukkan ragam kata kerja tersebut.

(i) Imbuhan Transitif – Ada tiga imbuhan yang menerbitkan kata kerja transitif, iaitu: *per-, -kan,* dan *-i.* Imbuhan *per-* juga boleh bergabung dengan *-kan* atau *-i* serentak. Kejadian ini menerbitkan pertindihan fungsi. Perbezaan juga terdapat pada fungsi gramatis imbuhan tersebut. Imbuhan *per-* memberi maksud sesuatu yang dikenai oleh perbuatan transitif yang diterbitkan, misalnya *perdua* (per + dua) 'dijadikan dua' dan *perhebat* (per + hebat) 'dijadikan lebih hebat'. Akhiran *-kan* memberi maksud 'menyebabkan menjadi' atau 'untuk', misalnya *besarkan* (besar + kan) 'disebabkan menjadi besar' dan *letakkan* (letak + kan) 'ditempatkan'. Akhiran *-i* pula menerbitkan kata kerja yang membawa erti membuat sesuatu yang dilakukan kepada atau dikenai oleh perbuatan, misalnya, *sirami* (siram + i) 'siram pada' dan *anugerahi* (anugerah + i) 'beri kepada'.

(ii) Imbuhan Ragam – Kata kerja transitif, sama ada yang sedia transitif atau yang diterbitkan, akan menerima imbuhan ragam untuk menunjukkan ragam aktif atau pasif. Imbuhan *meN-,* dan *di-,* pada dasarnya akan menunjukkan ragam. Misalnya, *membawa* (me + bawa), *mempercepat* (me + per + cepat), *membesarkan* (me +

besarkan), dan *mengangerahi* (me+anugerahi); menunjukkan perbuatan aktif. Kata kerja *dibawa* (di+bawa), *dipercepat* (di+percepat), *dibesarkan* (di+besarkan) dan *dianugerahi* (di+anugerahi) pula menunjukkan perbuatan pasif.

Imbuhan *ter-* menunjukkan maksud tak sengaja, misalnya: *terbawa* (ter+bawa), *terpercepat* (ter+percepat) *terbesarkan* (ter+besarkan), dan *teranugerahi* (ter+ anugerahi). Ragamnya boleh jadi aktif atau pasif bergantung kepada struktur ayatnya.

Awalan *meN-*, *ter-* dan *ber-* juga mempunyai fungsi gramatis lain. Awalan *meN-* juga boleh berlaku dengan kata dasar lain untuk menunjukkan perbuatan refleksif, atau perbuatan bagi diri sendiri, misalnya *menangis* (meN+tangis), *menyanyi* (meN+nyanyi); menunjukkan keadaan, *melaut* (meN+laut) dan *menguning* (meN+kuning). Awalan *ter-* pula boleh berlaku dengan kata dasar tertentu untuk membawa fungsi tak sengaja, misalnya: *terjatuh* (ter+jatuh), *termakan* (ter+makan), keadaan tersedia, *terbuka* (ter+buka), *terdiam* (ter+diam), dan kemampuan, misalnya: *terlawan* (ter+lawan), *terperanjat* (ter+peranjat).

Satu lagi awalan ragam ialah *ber-*. Fungsi gramatis *ber-* menunjukkan perbuatan refleksif atau bagi diri sendiri. Perbuatan refleksif ini dapat pula menunjukkan lima fungsi gramatis, iaitu: perbuatan bagi diri sendiri misalnya: *berdiri* (ber+diri), *berlenggang* (ber+lenggang), *berjalan* (ber+jalan); menghasilkan, misalnya: *berpeluh* (ber+ peluh), *berbuah* (ber+buah); menggunakan, misalnya: *berkesut* (ber+kasut), *bertali leher* (ber+tali leher); melakukan perbuatan yang berulang, misalnya: *bercakap-cakap* (ber+cakap-cakap), *berlari-lari* (ber+lari-lari); dan menunjukkan perbuatan berbalas, misalnya *berpeluk-peluk* (ber+peluk-peluk), *bertikam-tikam* (ber+tikam-tikam).

3. Imbuhan Kata Sifat – Ada tiga imbuhan iaitu: *-an*, *ter-* dan *ke-...-an*. Akhiran, awalan dan apitan ini menerbitkan kata sifat yang menerangkan kata nama: *-an*, misalnya: *tumpangan* (tumpang+an) 'penginapan', *tahunan* (tahanan+an) 'tahanan', *bulanan* (bulan+an) 'sebulan sekali', *ter-* menunjukkan bandingan, misalnya *terbesar* (ter+besar) 'lebih besar', dan *terbanyak* (ter+banyak) 'lebih banyak'; dan *ke-...-an* menerbitkan *kenamaan* (ke-...-an+nama) 'orang kenamaan', *kebesaran* (ke-...-an+besar) 'kebesaran'.

4. Imbuhan Sisipan – Sisipan yang terdapat dalam bahasa Melayu merupakan imbuhan lama yang tidak produktif lagi. Sisipan itu sudah sebati dengan bentuk dasar. Namun demikian, unsur sisipan itu masih boleh dikenali, iaitu *-em-*, *-el-*, *-en-* dan *-er-*. Misalnya, *gemilang* (g+em+ilang), *telapak* (t+el+apak), *senentiasa* (sen+en+tiasa), *gerigi* (g+er+igi). Sisipan membawa fungsi nahu yang menunjukkan penegasan atau jumlah yang banyak.

5. Imbuhan Pinjaman – Ada beberapa imbuhan yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit yang digunakan dalam bahasa Melayu untuk menerbitkan kata sifat, misalnya: *ekabahasa* (eka+bahasa), *dwitahunan* (dwi+tahunan), dan *prasejarah* (pra+sejarah). Ada juga unsur-unsur bahasa Arab dan Inggeris yang seolah-olah dipinjam, tetapi sebenarnya wujud sebagai sebahagian daripada kata-kata yang dipinjam tersebut.

Penggandaan – Proses penerbitan kata yang mengulang bentuk kata dasar, sama ada sebagai *gandaan seluruh*, atau *gandaan separa*. Ulangan bunyi secara berentak juga digolongkan ke dalam jenis kata gandaan dan dipanggil *gandaan berentak*.

Gandaan seluruh, menerbitkan bentuk yang seluruh dasarnya digandakan, misalnya: *kari-kari, hijau-hijau, cepat-cepat, persoalan-persoalan,* dan *keganasan-keganasan*. Gandaan seluruh itu melibatkan seluruh dasar, sama ada dasar itu terdiri daripada bentuk tunggal atau terbitan. Gandaan separa mengulang suku kata pertama bentuk dasar yang terlibat, dan selalunya vokal dalam suku kata tersebut akan bertukar menjadi *e*, misalnya, *laki* menjadi *lelaki, tupai* menjadi *tetupai, langit* menjadi *lelangit* dll.

Gandaan rentak mengandungi perubahan bunyi dalam bentuk gandaan yang terhasil. Ada dua jenis perubahan. Pertama, salah satu daripada suku kata bentuk dasar akan berubah, misalnya, *bukit* menjadi *bukit-bukau, lauk* menjadi *lauk-pauk, herot* menjadi *herot-perot*, dan *lintang* menjadi *lintang-pukang*. Kedua, bunyi vokal dalam kata dasar berubah, misalnya, *gunung* menjadi *gunung-ganang* dan *luruh* menjadi *luruh-larah*.

Penggandaan boleh berlaku kepada kata nama, kata kerja dan kata sifat. Kata tugas boleh digandakan tetapi kejadian seperti itu agak terhad, misalnya, *aduh* menjadi *aduh-aduh* (kata seru), dan *amat* menjadi *amat-amat* (kata penguat). Penggandaan kata nama membawa beberapa fungsi gramatis, iaitu: menunjukkan banyak, misalnya, *murid-murid* 'ramai murid', *budak-budak* 'ramai budak'; menunjukkan bilangan yang berbagai-bagai, misalnya: *sayur-mayur* 'banyak jenis sayur', *lauk-pauk* 'banyak jenis lauk', *kuih-muih* 'banyak jenis kuih'; benda yang lebih kecil dari menyerupai kata dasar, misalnya: *tetupai* 'penahan galang yang menyerupai tupai', *lelangit* 'bahagian bumbung rongga mulut yang menyerupai langit', *patung-patung* 'mainan kanak-kanak yang menyerupai patung'; menunjukkan sesuatu keadaan yang dinyatakan oleh bentuk dasar, misalnya, *gunung-ganang* keadaan yang bergunung; dan menamakan sejumlah binatang, misalnya: *kupu-kupu, anai-anai, kura-kura,* dan *rama-rama*.

Penggandaan kata kerja pula membawa beberapa fungsi gramatis, iaitu: perbuatan yang ditegaskan, misalnya, *membaca-baca* 'membaca dengan berkali-kali', *memaki-maki* 'memarahi berkali-kali'; perbuatan yang berulang-ulang, misalnya, *memukul-mukul* 'memukul banyak kali', *melompat-lompat* 'melompat banyak kali'; menunjukkan perbuatan yang berbalas, misalnya, *bersalam-salam*, 'saling bersalaman'; *bercinta-cinta* 'saling mencintai', dan, melakukan sesuatu perbuatan, misalnya *bersiar-siar* 'berjalan-jalan' dan *bercakap-cakap* 'berbual-bual'.

Penggandaan kata sifat juga membawa fungsi yang menunjukkan keadaan yang bersangkutan atau meluas, misalnya, *hitam-hitam* 'keadaan yang hitam', *sakit-sakit* 'keadaan kesakitan yang merata-rata', *tinggi-tinggi* 'keadaan yang tinggi'.

Pemajmukan – Penggabungan dua atau lebih kata menjadi satu perkataan baharu, dan digunakan sebagai sebuah perkataan. Lazimnya setiap kata di dalam sebuah kata majmuk ditulis berasingan, melainkan sejumlah kecil perkataan tertentu. Dua jenis struktur kata majmuk yang lazim ialah: *kata + penerang*, misalnya, *baju batin, rumah pangsa, kapal terbang*, dan *Penolong Kanan Hal Ehwal Murid*, dan struktur *kata kerja*

# N

**NOBAT**, satu bentuk muzik tradisional Melayu yang tergolong dalam tradisi istana dan merupakan salah satu daripada alat kebesaran raja-raja Melayu.

Pada masa ini, nobat menjadi simbol kedaulatan raja di Kedah, Perak, dan Selangor. Nobat juga pernah wujud di istana Terengganu. Dalam teks sastera Melayu lama seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja Pasai*, upacara menabalkan raja dikenal sebagai upacara 'penobatan', iaitu pertabalan dengan menggunakan *tabl* atau gendang nobat. Dalam *Sejarah Melayu*, nobat dirasmikan sebagai alat kebesaran raja-raja pada zaman Sultan Muhammad Syah, raja Melaka yang pertama memeluk Islam. Baginda mengisytiharkan adat istiadat yang berkait dengan penggunaan nobat sebagai alat kebesaran raja Melayu.

Orkestra nobat berasal dari Timur Tengah, dan menjadi popular pada zaman Khalifah Abbasiah pada abad kesembilan. Nobat berkembang dan menjadi lambang status raja-raja Islam di Parsi, Syria, utara Afrika, dan Sepanyol. Pada masa itu, nobat dikenali sebagai *naubah* yang bermaksud giliran bagi sekumpulan pemuzik mengadakan persembahan di istana. Kemudian perkataan itu digunakan dengan maksud persembahan oleh *band* askar raja pada masa-masa tertentu, khususnya untuk menandakan masuknya waktu-waktu sembahyang, dan juga untuk meraikan tetamu raja. Orkestra ini juga terkenal dengan nama *Naqqarakhana*.



Tongkat Semambu yang dikenali sebagai Mahaguru merupakan alat penting dan menjadi penghulu kepada alat-alat muzik nobat Kedah



**Pemuzik nobat dipilih daripada keturunan Orang Kalau secara warisan**

Alat-alat muzik yang digunakan dalam naubah terdiri daripada gendang *tabl*, gendang *dabdab* (bentuk kendi), tamborin, serunai, nafiri, dan simbal. Pada abad ke-13, terdapat dua bentuk persembahan nobat, iaitu:

1. Bentuk instrumental yang dikenali sebagai bentuk *crassation*, terdiri daripada komposisi lagu-lagu mac. Persembahannya dimulakan dengan lagu pengenalan dan diikuti dengan rentak-rentak lagu yang diberi nama *qaul, ghazal, tarana, frudasht*, dan *mustazad*.
2. Bentuk kombinasi nyanyian sajak diiringi dengan muzik yang tergolong dalam bentuk *cantata*. Persembahan ini khusus untuk menghiburkan raja dan meraikan tetamunya.

Apabila Islam berkembang ke Kepulauan Melayu pada abad ke-13, nobat diperkenalkan ke istana Pasai oleh Syekh Ismail, mubaligh Makkah yang mengislamkan Malik al-Saleh. Dia membawa satu set ensembel nobat yang diberi nama Ibrahim Khalil yang digunakan sewaktu pertabalan Malik al-Saleh. Dari sini, nobat dibawa masuk ke istana raja-raja Melayu di Melaka, Kedah, Perak, Terengganu, dan Brunei.

Di Tanah Melayu, nobat mendapat pewarnaan tempatan, dan digunakan untuk menyokong institusi beraja Melayu yang diasaskan pada konsep 'devaraja' Hindu. Berdasarkan konsep ini, seseorang raja itu dianggap suci dan mempunyai daulat, iaitu kuasa untuk memerintah yang disahkan oleh Tuhan. Sebagai alat kebesaran raja, nobat juga dianggap berdaulat dan digunakan untuk mengiringi semua upacara istana seperti pertabalan, perkahwinan, dan kemangkatan. Nobat juga dimainkan sebagai tanda penghormatan bagi upacara agama Islam seperti menandakan masuk waktu sembahyang, bulan puasa, dan hari raya. Oleh sebab statusnya yang berdaulat, nobat diberi penghormatan yang tinggi dan mulia sebagaimana yang diberikan kepada seseorang raja.

Walaupun bilangannya berbeza, setiap orkestra nobat Melayu mempunyai alat-alat asas seperti serunai, nafiri, gendang, gong, dan *nehara*. Nobat Kedah mempunyai enam alat yang terdiri daripada sebiji gendang nehara, dua biji gendang nobat, sebuah serunai, sebuah nafiri, dan sebiji gong. Sebatang tongkat semambu yang dikenali sebagai mahaguru merupakan alat yang penting dan menjadi penghulu kepada alat-alat muzik Nobat Kedah. Alat-alat muzik yang sama digunakan juga dalam Nobat Perak, kecuali gong. Orkestra nobat mempersembahkan repertoir lagu-lagu instrumental yang diberi nama mengikut fungsi upacara istana, seperti lagu 'Nobat Tabal' yang dimainkan untuk upacara pertabalan, dan lagu 'Raja Berangkat' untuk mengiringi perarakan raja. Ada juga lagu-lagu lain yang namanya tidak mencerminkan fungsi upacara, tetapi boleh dimainkan untuk upacara tertentu. Misalnya, lagu-lagu 'Rama-Rama Terbang Tinggi', 'Kumbang Si Kumali', 'Alih-Alih Panjang' dan sebagainya, yang dimainkan untuk upacara mengarak pengantin diraja.

Sebagai milik raja yang berdaulat, alat-alat muzik nobat dipercayai mempunyai semangat dan beberapa keistimewaan. Bahan ini disimpan di tempat khas, dan pantang larang tertentu dikenakan dalam penggunaannya. Di Kedah, alat-alat nobat disimpan di Balai Nobat yang diletak di bawah pengawasan Pejabat Sultan Kedah.

Orang-orang Melayu mempunyai pelbagai kepercayaan tentang alat-alat nobat. Misalnya, mereka mempercayai nehara mempunyai kuasa magis untuk memberitahu tentang malapetaka yang akan menimpa keluarga raja. Ia akan berbunyi dengan sendiri ataupun mengeluarkan peluh sekiranya akan berlaku kemangkatan raja. Terdapat juga pantang larang tertentu tentang alat-alat nobat seperti tidak boleh dimainkan atau dipegang tanpa kebenaran raja.

Muzik atau lagu nobat dikenali dengan nama 'man', iaitu singkatan daripada perkataan mantera. Apabila dipersembahkan dalam upacara istana seperti pertabalan, muzik atau lagu ini dapat menguatkan semangat raja dan menjadikan baginda raja yang berdaulat untuk memerintah. Pemuzik-pemuzik nobat dipilih daripada keturunan Orang Kalau, iaitu mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan raja. Pada zaman dahulu, Orang Kalau mendapat ampun kurnia daripada raja. Sekarang, mereka dibayar gaji dan menjadi pemuzik nobat secara warisan.

– Harun bin Mat Isa 1976. "Satu Kajian Terhadap Nobat Diraja Kedah Di Balai Nobat Kedah". Latihan Ilmiah. IBKKM, Universiti Kebangsaan Malaysia. • Hutsma, M. Th., *et al.* 1987. *E.J. Brill's First Encyclopaedia of Islam 1913–1936*. Leiden: E.J. Brill. • Noor Zaimi Sabar 1986. "Orkestra Nobat Diraja Perak: Satu Kajian Etnomuzikologi". Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

# P

**PAKATAN BAHASA MELAYU PERSURATAN BUKU DIRAJA JOHOR (P.Bm.P.B.D.)**, badan persuratan yang pertama ditubuhkan di Semenanjung Tanah Melayu bertujuan untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan persuratan Melayu. Nama asalnya Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa (P.Bm.P.B.), ditubuhkan pada tahun 1888. Pengasasnya ialah Dato' Abdul Rahman bin Andak (Dato' Seri Amar Diraja Johor). Antara kegiatan utama P.Bm.P.B. ini ialah menganjurkan perbincangan-perbincangan dan penubuhan sebuah perpustakaan sebagai pusat sumber bahasa (Melayu dan Inggeris).

Kegiatan persatuan ini menjadi lembab sedikit pada akhir abad ke-19 tetapi telah dihidupkan kembali oleh Dato' Abdul Rahman pada 3 Januari 1904. Bagaimanapun, persatuan ini bergerak cergas pada 7 April 1934 apabila diterajui oleh tokoh-tokoh seperti Dato' Abdullah bin Abdul Rahman sebagai yang dipertua, Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Sulaiman dan Dato' Awang bin Omar sebagai naib-naib yang dipertua dan Mejar Musa bin Yusof sebagai setiausaha.

Pada 14 April 1935, persatuan ini diberi gelaran 'Diraja' oleh Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar. Ini diikuti dengan pertukaran nama kepada Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor, iaitu terjemahan kepada ungkapan Inggeris *The Royal Society of Malay Literature of Johore.*

Melihat dari segi keanggotaannya, P.Bm.P.B.D. mencapai kemuncak dalam tahun-tahun 1930-an dan 1940-an, iaitu lebih 200 orang dari Johor dan luar Johor menganggotainya. Antaranya ialah Abdul Rahim Kajai (Singapura), Ahmad Nawawi (Perak), dan Jaafar Lompok (Kelantan). Tokoh-tokoh lain yang pernah aktif dalam pertubuhan ini ialah Za'ba, Dato' Onn Jaafar dan Ibu Zain.

Sehingga kedatangan Jepun ke Tanah Melayu pada tahun 1942, P.Bm.P.B.D. telah mengadakan berbagai-bagai kegiatan kebahasaan, termasuk penghasilan buku tentang bahasa, sejarah, riwayat perjalanan, dan kamus, serta menganjurkan ceramah dan perjumpaan. Kegiatan-kegiatan ini terhenti dengan pendudukan Jepun. Walaupun usaha-usaha untuk menghidupkan persatuan dibuat pada tahun-tahun 1950-an, namun kerancakannya telah hilang. Dengan wujudnya persatuan-persatuan lain dan dengan tertubuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka khusus untuk merancangkan kegiatan-kegiatan kebahasaan pada peringkat negara, kegiatan, minat dan keanggotaan P.Bm.P.B.D. terus malap.

Terdapat tiga kegiatan yang dijalankan oleh P.Bm.P.B.D. (1) penghasilan buku, (2) pembentukan istilah, dan (3) pengendalian majlis ceramah dan perbincangan. Pada peringkat awal penubuhan persatuan ini, kegiatan-kegiatannya

bersifat mengasuh ahli-ahli dalam bidang bahasa, selaras dengan konsep 'belajar-mengajar'. Kegiatan menghasilkan buku hanya bermula dalam tahun-tahun 1930-an, hasil usaha Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Sulaiman. Tujuan utama penerbitan buku adalah untuk menyebarkan maklumat tentang berbagai-bagai aspek bahasa dan persuratan Melayu, serta mengisi kekosongan yang benar-benar dirasai pada ketika itu. Buku-buku yang dihasilkan merupakan buku dalam siri jurnal *Peredar* serta beberapa buah buku lain. Dari segi penjenisannya, buku-buku yang dihasilkan dapat digolongkan kepada dua jenis: (1) buku-buku tentang bahasa, (2) buku-buku tentang hal lain.

Sebanyak 15 buah buku tentang bahasa telah dihasilkan antara tahun 1936–47, dan kebanyakannya dicetak oleh Ahmadiah Press. Bidang yang diliputi ialah perkamusan, tatabahasa dan penggunaan bahasa, ejaan dan penyediaan daftar kata (gugus katan).

Usaha dalam bidang perkamusan merupakan usaha yang pertama dilakukan, melalui penerbitan *Buku Katan* (1936). Buku ini, hasil usaha Dato' Haji Mohd. Said bin Sulaiman dengan bantuan beberapa orang ahli jawatankuasa, mengandungi lebih 100 000 patah perkataan yang disusun mengikut abjad jawi.

Dalam bidang tatabahasa, antara buku-buku yang dihasilkan ialah *Jalan Bahasa Melayu* (1937), *Penolokh dan Penambah* (1939), dan *Manual of Malay Language and Grammar* (1947). Selain itu terdapat penerbitan yang menggunakan ungkapan 'gugus katan', bermaksud senarai perkataan asing yang telah masuk ke dalam bahasa Melayu dengan huraian maknanya. Antara buku-buku yang terhasil ialah *Gugus Katan Sanskrit-Melayu* (1938), *Gugus Katan Inggeris-Melayu* (1939), *Gugus Katan Jawa-Melayu* (1939), dan *Gugus Katan Arab-Melayu* (1939). Tentang ejaan pula, dua buah buku telah dihasilkan, iaitu *Panduan Hejaan* (1937) dan *Buku Ketetapan Hejaan Melayu* (1941).

P.Bm.P.B.D. juga menangani bidang peristilahan, melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang terdiri daripada para guru, pegawai kerajaan, ahli bahasa dan orang perseorangan. Sumbangannya dapat dilihat dalam bidang pentadbiran moden. Mengikut Za'ba, antara istilah-istilah yang digubal termasuklah *setiausaha, pejabat, kerja raya, warta, jurucakap, jadual waktu* dan *timbalan*.

– Ab. Hamid Hassan 1969. "Peranan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor (1888–1958) dalam Perkembangan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu". Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. • Monshi bin Abdullah 1982/83. "Mejar Dato' Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Tokoh Persuratan Johor". Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. • Nik Safiah Karim 1984. "Sumbangan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu" dlm. *Kumpulan Pengajian Melayu*. Bil. 1. Siri Monograf Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

NIK SAFIAH KARIM

**PATAH TUMBUH**, kumpulan cerpen yang dihasilkan oleh Keris Mas dengan pengenalan oleh Syed Husin Ali, diterbitkan oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur pada tahun 1962, mengandungi 20 cerpen yang pernah tersiar dalam majalah *Kencana, Saluh Malaya, Mastika, Dewan Bahasa* dan akhbar mingguan *Utusan Zaman* dan *Utusan Pemuda*, dari tahun 1946 hingga tahun 1960.

*Patah Tumbuh* menyerlahkan konsep atau slogan 'Seni Untuk Masyarakat', iaitu dasar penulisan Asas 50 yang dianuti oleh pengarangnya sendiri. Cerpen-cerpen dalam kumpulan ini mengemukakan tema percintaan, perkahwinan, kemiskinan, dan penindasan. Persoalan ini terdapat dalam 'Wasiat Orang Bangsawan' (*Saluh Malaya*, Jun 1946), 'Darah dan Air Mata' (*Kencana*, Okt. 1947), 'Keinsafan di Malam Sunyi' (*Utusan Zaman*, 22 Feb.1948), 'Berhari Raya ke Kubur Nenek' (*Mastika*, Ogos 1948), 'Bukan Kerana Dia' (*Mastika*, Dis. 1948), dan 'Cerita Sepanjang Jalan' (*Mastika*, Jan – Mac. 1950). Tema yang mempersoalkan tentang kepincangan masyarakat yang disebabkan oleh kejahilan, darurat, dan penjajahan terdapat pada cerpen-cerpen 'Keras Hati' (*Mastika*, Ogos 1951), 'Banyak Anak' (*Mastika*, Jan. 1952), 'Bilik Belakang' (*Mastika*, Julai 1952), 'Kejadian di dalam Estet' (*Mastika*, Apr. 1950). 'Gila Anak Jantan' (*Mastika*, Jan. 1952), 'Kedai Sederet di Kampung Kami' (*Mastika*, Jan. 1956), 'Runtuh' (*Dewan Bahasa*, Ogos 1960), dan 'Salah Pimpin' (*Utusan Pemuda*, 6 Ogos 1960). Tema nasionalisme yang memusatkan secara khusus kepada persoalan-persoalan kemerdekaan, dan ketegasan anak Melayu dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, tergambar melalui cerpen-cerpen 'Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan' (*Mastika*, Feb. 1956), 'Menjelang Merdeka' (*Dewan Bahasa*, Okt. 1957), dan 'Mereka Tidak Mengerti' (*Dewan Bahasa*, Okt.1959).

Kebanyakan cerpen dalam kumpulan ini membawa pembaharuan, atau penyimpangan daripada konvensi, seperti dalam 'Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan' dan 'Kedai




**Dua edisi kumpulan cerpen *Patah Tumbuh***

Sederet di Kampung Kami'. Ciri lain yang menarik ialah kebolehan pengarang bercerita menggunakan sudut pandangan yang objektif, contohnya dalam 'Mereka Tidak Mengerti', 'Runtuh', dan 'Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan'.

Cerpen-cerpen dalam *Patah Tumbuh* memperlihatkan dua tahap perkembangan penulisan cerpen. Cerpen-cerpen Keris Mas yang awal, antara tahun 1946 – 1955, mengekalkan gaya penceritaan lama, menggunakan dialog yang agak panjang, bahasa berbunga, nada didaktisme, dan gerakan yang perlahan. Cerpen-cerpen tahun 1956 – 1962 pula memperlihatkan ciri kematangan. Watak-wataknya lebih kompleks dan hidup. Bahasanya bersifat kemelayuan. *Patah Tumbuh* telah dicetak ulang beberapa kali dan terpilih untuk menjadi teks kajian sastera pada peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.

■■■ – *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1981*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Keris Mas 1963. *Patah Tumbuh*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. • *Wajah: Biografi Penulis* 1988. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

HASHIM AWANG

**PELITA BAHASA MELAYU**, buku nahu dan latihan penggunaan bahasa, diterbitkan dalam tiga penggal, karangan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). Penggal I (*PBM I*) diterbitkan pada tahun 1940, Penggal II (*PBMII*) pada tahun 1946 dan Penggal III (*PBMIII*) pada tahun 1949. Semuanya diterbitkan oleh Pejabat Karang-Mengarang, Jabatan Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu. Ketiga-tiga penggal itu telah dicetak semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada tahun 1962.

*PBMI* diterbitkan lebih awal dalam tulisan jawi, yang membicarakan nahu Melayu. Naskhah ini diterbitkan oleh Pejabat Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, (No. 9 The Malay School Series). Cetakan pertama muncul pada tahun 1934.

Dalam menyediakan buku *PBM* ini, Za'ba telah menyatakan pengaruh C.O. Blagden, O.T. Dussek, Mohd. Hashim bin Haji Talib, dan R.O. Winstedt terhadapnya, semasa dia bertugas di School of Oriental and African Studies, London. Blagden telah memberi banyak ulasan terhadap naskhah asalnya, iaitu *Pelita Mengarang*. Winstedt pula telah membaca dan memberi ulasan kepada naskhah tulisan tangannya.

Buku ini terbahagi kepada dua bahagian: pertama, saraf dan nahu Melayu, dan kedua ilmu mengarang dalam bahasa Melayu. Bahagian pertama mengandungi huraian mengenai bunyi, ejaan dan imbuhan dan ayat dalam bahasa Melayu. Bahagian kedua mengandungi perihal mengarang dan latihan-latihan yang berkaitan. Buku ini dikarang untuk pelajar dan 'penyiasat' bahasa Melayu.

11 bab yang mula-mula dalam *PBM I* itu dikarang antara tahun 1934 – 1936, iaitu diringkaskan daripada kitab "Nahu Melayu" dan diselesaikan pada tahun 1940. Buku ini mengatur kaedah nahu Melayu dengan keadaan yang lebih lengkap. Aturan rangkanya banyak ditiru daripada aturan nahu Inggeris dan sedikit-sedikit nahu Arab. Tetapi isi yang memenuhkan rangka itu semuanya dipadankan dengan pembawaan tabiat sejati bahasa Melayu dan dengan kaedah-kaedahnya yang khas tersendiri daripada bahasa-bahasa lain. Buku ini ditujukan kepada pelajar bahasa Melayu pada peringkat Darjah 1, di sekolah Melayu.

*PBMI* dicetak semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebanyak lima kali dan dihentikan selepas 1965. Buku ini mengandungi 26 bab. Bab 1 dan 2 membincangkan vokal dan konsonan dalam bahasa Melayu. Bab 3 dan 4 membincangkan huruf dan ejaan jawi, dan bab 5 dan 6 fasal ejaan rumi. Bab 7 hingga 11 membincangkan golongan kata: nama, perbuatan, sifat, sendi dan seruan. Bab 12 dan 13 membincangkan fasal imbuhan dan fungsi serta makna imbuhan tersebut. Bab 14 hingga 16 menghuraikan kaedah rangkai kata dan ayat, serta pembinaan ayat tunggal dan majmuk.

Sejak terbitnya pada tahun 1940 hingga ke tahun 1960-an, *PBMI* sangat berpengaruh sebagai nahu pedagogi ulung bahasa Melayu. *Tatabahasa Dewan I* (*TBDI*) dalam pendahuluannya telah menyatakan bahawa *TBDI* banyak memanfaatkan *PBMI*. *PBMI* menghuraikan nahu Melayu dengan mudah tetapi ringkas dan lengkap. Oleh sebab *PBMI* lebih padat isinya, lengkap dengan latihan-latihan, maka buku tersebut sangat luas digunakan oleh sekolah-sekolah Melayu dan maktab perguruan pada masa itu. Kemudahan huraiannya, dan kesesuaian latihannya, ketuntasan liputannya merupakan aspek-aspeknya yang menonjol, menyebabkan buku tersebut menjadi sangat popular dan bertahan lama.

*PBMII* merupakan sambungan kepada *PBMI*, bagi mengisi bahagian untuk karang-mengarang dan latihan lanjut tentang nahu. Buku ini dikarang untuk Darjah 2, 3 dan 4 sekolah Melayu pada masa itu, tetapi digunakan untuk sekolah menengah apabila pendidikan menengah berkembang selepas merdeka.

Bab 1 mengandungi kaedah membina ayat-ayat tunggal yang mudah dengan mencerakin bahagian-bahagiannya. Bab 2, menghuraikan ayat positif/ya dan ayat negatif/nafi. Bab 3 menghuraikan pembinaan ayat, dan penyambungannya. Bab 4 meneruskan perbincangan penyambungan dan penggabungan ayat, selapis menjadi berlapis dan bercampur untuk menjadi paragraf/perenggan.

Tanda baca/berhenti dibincangkan dalam bab 5 dan 6. Bab 7 memberi huraian dan latihan mengenai cakap ajuk dan cakap pindah. Bab 8 memberi huraian permulaan mengarang, dan disambung dengan latihan lanjut dalam bab 9. Bab 10



**Pelita Bahasa Melayu Penggal 1 diterbitkan pada tahun 1940 dalam tulisan jawi**



**PBM I, II dan III sangat berpengaruh sebagai pedagogi lengkap bagi bahasa Melayu sekitar tahun 1940 hingga ke tahun 1960-an**

memberi penjelasan kepada bentuk perenggan sebagai kesatuan fikiran/idea dan diikuti dengan latihan. Bab 11 memberi perhatian kepada perkataan pembatas karangan sebagai pemula perenggan, dan bab 12 memberi tumpuan kepada penghabis atau penutup karangan. Buku ini diakhiri dengan lampiran yang berupa cerita pendek yang mudah sebagai contoh karangan.

*PBM/III* merupakan jilid terakhir *PBM*. Jilid terakhir ini dikarang antara tahun 1946-7, merupakan lanjutan kepada *PBM/II* untuk memperlengkap bahagian karang-mengarang. Buku ini ditulis untuk Darjah 5, 6, 7, dan Tahun 1 maktab perguruan pada masa itu.

Buku ini mengandungi 15 bab dan semuanya mengkhusus kepada karang-mengarang, dan diselang-seli dengan perbincangan mengenai kesalahan dan pembetulan bahasa. Bab 1, 2 dan 3 membincangkan kaedah mengarang dan kesalahan-kesalahannya dan bab 4, 5 dan 6 membincangkan cara memakai ganti nama, kata kerja, dan beberapa kata tugas.

Bab 7 dan 8 membincangkan kesalahan dalam mengarang dari segi tatabahasa dan penggunaan kata. Bab 9, 10 dan 11 membincangkan cara-cara menggunakan pantun, syair dan unsur-unsur ungkapan indah dalam mengarang. Bab 12 dan 13 membincangkan fasal surat kiriman dan jenis-jenisnya. Bab 14 memberi suatu aspek baharu, iaitu memaham dan merumus semula karangan. Ini diikuti dengan bab 15 yang mengandungi teladan karangan. Buku ini diakhiri dengan lampiran penting untuk guru, dengan membincangkan cara mengajar karangan rencana.

*PBM/I, II* dan *III* merupakan suatu bahan pedagogi yang lengkap bagi bahasa Melayu pada masa itu. Olahan dan huraiannya mudah dan jitu bagi memudahkan pembelajaran. Namun, *PBM/I* adalah lebih luas pengaruhnya berbanding *PBM/II* dan *PBM/III*.

– Abdullah Hassan 1989. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. • Asmah Haji Omar 1980. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Nik Safiah Karim *et al.* 1986 & 1989. *Tatabahasa Dewan 1 & 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Mohd. Said, Mejar Dato' Haji 1953. *Jalan Bahasa Melayu*. Singapura: Matbaah al-Ahmadiah. • Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) 1962. *Pelita Bahasa Melayu I, II, & III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ABDULLAH HASSAN

**PENGAJIAN MELAYU DI CHINA**, mempunyai satu pusat pengajian pada tahun 1927 apabila Universiti Jinan di Shanghai menyelenggarakan Departmen Usaha Kebudayaan Nanyang, dan pengajian Melayu merupakan salah satu bidang pengajiannya.

Sebelumnya, pengajian Melayu dilakukan oleh orang perseorangan tanpa ada satu pusat pengajian. Semenjak Dinasti Han (206 SM–220 TM) sudah ada catatan rasmi tentang hubungan China-Melayu dalam kitab sejarahnya *Han Shu Di Li Zhi*. Hubungan itu semakin erat pada zaman Dinasti Tang (618–907) apabila ramai sarjana China datang ke Srivijaya. Antaranya yang paling berjaya ialah seorang pendeta Buddha yang bernama Yi Jing (I-Tsing), yang menghasilkan karya sejarah *Da Tang Xi Yu Qiu Fa Gao Seng Zhuan* dan *Nan Hai Ji Gui Nei Fa Zhuan*. Dalam kitab sejarah yang rasmi seperti *Xin Tang Shu* dan *Jiu Tang Shu*, catatan mengenai hubungan China-Melayu bertambah banyak. Ini diikuti oleh zaman Dinasti Song (960–1279). Sarjana yang terkenal pada masa itu antaranya Zhao Rushi dan Zhou Qufei dengan hasil pengajiannya *Zhu Fan Zhi* dan *Ling Wai Dai Da*. Dalam kitab sejarah rasmi *Song Shi* catatan tentang hubungan China-Melayu lebih lengkap dan terperinci.

Pada zaman Dinasti Yuan (1206–1368), terdapat catatan tentang Nusantara dan Melayu dalam kitab sejarah rasminya *Yuan Shi*. Dalam *Dao Yi Zhi* karya Wang Dayuan terdapat juga catatan penting. Pada zaman Dinasti Ming (1368–1644), hubungan China-Melayu makin akrab iaitu antara kerajaan Ming dengan kerajaan Melaka. Catatan tentang hubungan ini banyak terdapat dalam kitab rasminya *Ming Shi*, juga dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Lawatan muhibah Zheng He (Sampo Kong) juga menggalakkan pengajian Melayu. Kakitangan kanannya bernama Ma Huan Fei Xin dan Gong Zhen telah menghasilkan karya *Ying Ya Shen Lan*, *Xing Cha Sheng Lan* dan *Xi Yang Fan Guo Zhi* yang dianggap dokumen sejarah yang penting.

Bagaimanapun pada zaman Dinasti Qing (1616–1911) hubungan rasmi China-Melayu mulai renggang akibat penjajahan Barat, dan larangan keras kerajaan untuk turun ke laut menjadikan sarjana China tawar hati membuat pengajian luar negara.

Namun pada tahun 1927 pengajian Melayu diwujudkan semula. Kemudian dalam masa Perang Anti-Jepun, The South Seas Society yang dipindahkan dari Singapura ke Chongqing pada tahun 1942 merupakan pusat pengajian Melayu yang penting. Bagaimanapun hanya pada tahun 1945, Melayu dijadikan vak tersendiri dan bahasa Melayu dijadikan bahasa vak apabila Jurusan Melayu di Maktab Bahasa Timur, Chongqing dibuka. Pada Julai 1949, Jurusan Melayu digabungkan ke dalam Fakulti Bahasa Timur di Universiti Peking dan namanya ditukar kepada Jurusan Bahasa Indonesia. Ini merupakan pusat pengajian Melayu yang pertama selepas berdirinya Republik Rakyat China. Di sini, pengajiannya dititikberatkan pada bahasa, sastera, kebudayaan dan sejarah Indonesia/Melayu.

Pada tahun 1960-an, Institut Bahasa Asing Beijing, Institut Bahasa Asing Guangzhao dan Institut Bahasa Asing Luoyang menubuhkan jurusan bahasa Indonesia/Melayu. Malah di Institut Bahasa Asing Beijing, bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia dijadikan dua jurusan berasingan.

Di samping itu, badan-badan penyelidikan Asia Tenggara yang diselenggarakan oleh beberapa universiti dan akademi

ilmu kemasyarakatan juga ada melakukan pengajian Melayu. Jumlahnya bertambah daripada empat buah menjadi 12 buah dalam masa 10 tahun kebelakangan ini. Antaranya yang terkenal ialah Institut Penyelidikan Afro-Asia Universiti Peking, Institut Penyelidikan Nanyang Universiti Xiamen, Institut Penyelidikan Asia Tenggara Universiti Jinan (Guangzhao), Institut Penyelidikan Asia Tenggara di bawah Akademi Ilmu Kemasyarakatan Propinsi Yunnan, Institut Penyelidikan Asia-Pasifik di bawah Akademi Ilmu Kemasyarakatan China (Beijing), dan lain-lain.

Pada tahun 1988, satu badan penyelidikan baharu untuk menggalakkan pengajian Melayu ditubuhkan di Universiti Peking, iaitu Institut Penyelidikan Kebudayaan Indonesia dan Melayu. Fakulti Bahasa Timur di Universiti Peking pula pada tiap tahun menerbitkan buku ilmiah yang berjudul *Papers On Oriental Studies* yang banyak memuatkan hasil pengajian Melayu.

Dua jurnal yang diterbitkan secara berkala ialah *Southeast Asian Studies* oleh Institut Penyelidikan Asia Tenggara di Universiti Jinan dan *Southeast Asia* oleh Institut Penyelidikan Asia Tenggara di Kunming (Yunnan).

LIANG LIJI

**PENGAJIAN MELAYU DI BELANDA**, dipelopori oleh Universiti Leiden pada tahun 1876 apabila Bahagian Sastera Timur dari Fakulti Sastera menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran dalam rangka pengembangan pengajian bahasa, budaya dan sastera Indonesia. Pengembangan ini berkaitan langsung dengan perluasan dan pengintensifan pentadbiran Belanda di Hindia Belanda. Sebelumnya universiti ini mengajarkan bahasa Hibrani, Arab, Parsi, Sanskerta, Tionghua dan Jepun.

Di samping bahasa Melayu, diajarkan bahasa Jawa, ilmu bangsa-bangsa Indonesia, sejarah Indonesia dan ilmu hukum Indonesia. Mahaguru pertama untuk bahasa Melayu ialah J. Pijnappel (1877–1889), diikuti oleh H.C. Klinkert (1890–1905), CH. A. van Ophuijsen (1904–1917), dan yang terakhir sebelum Perang Dunia Kedua ialah Ph. S. van Ronkel (1919–1940).

Selepas Perang Dunia Kedua, kekuasaan kolonial Belanda berakhir, namun pengajian bahasa-bahasa, sejarah dan kebudayaan Asia Tenggara terus dipertahankan hingga kini. Mahaguru bahasa Melayu pada masa itu ialah G.W.J. Drewes (1948–1954), A. Teeuw (1955–1986) dan H.M.J. Meier (1986–sekarang).

Di samping Jabatan Pengajian Indonesia Universiti Leiden, ada dua lembaga lain untuk pengajian Melayu di Leiden iaitu:

i. Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde (Royal Institute of Linguistics and Anthropology), sebuah pusat perpustakaan, pendokumentasian, penelitian dan penerbitan yang khusus meliputi Indonesia dan Asia Tenggara. Lembaga ini didirikan pada tahun 1851 di Delft, kemudian pada tahun 1866 dipindahkan ke Den Haag, dan sejak 1966 berada di Leiden. Lembaga ini mempunyai perpustakaan yang paling lengkap di Eropah dan telah menerbitkan ratusan penerbitan berbentuk majalah, monograf, edisi teks dan lain-lain yang kebanyakannya berguna untuk pengajian Melayu.

ii. Perpustakaan Universiti Leiden, mempunyai koleksi naskhah (manuskrip) asal dan salinan yang sangat besar dan penting dalam berbagai-bagai bahasa di Indonesia, antaranya ribuan manuskrip Melayu.

– A. Teeuw 1961. *A critical survey of studies on Malay and Bahasa Indonesia*. s-Gravenhage: Martinus Nijhoff • A. Teeuw 1973. *Pegantar Bahasa dan Ilmu Bahasa*. Jakarta: Bhratara • Kees Groeneboer (ed.) 1989. *Studi Belanda di Indonesia* (Pelbagai makalah mengenai Studi Belanda tentang Indonesia). Jakarta: Jambatan.

A. TEEUW

**PERISTIWA BUKIT KEPONG**, sejarah keperwiraan Pasukan Polis Diraja Malaysia mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong yang diserang oleh pengganas komunis pada tahun 1950.

Balai Polis Bukit Kepong terletak di Hulu Sungai Muar, Johor, dan hanya boleh dihubungi melalui sungai. Pihak pengganas komunis bercadang menyerang Balai Polis Bukit Kepong setelah mereka kalah teruk di tangan pasukan keselamatan dalam satu serangan di Labis pada awal tahun 1950.

Pada subuh 23 Februari 1950, iaitu pada hari kedua Tahun Baru Cina, anggota komunis seramai 180 orang menyerang Balai Polis Bukit Kepong. Sarjan Jamil, Ketua Balai Polis dengan 18 anggota polis termasuk tiga orang polis bantuan, dan anak buah Penghulu Ali Mustapha bertahan menghadapi serangan pengganas komunis. Mereka dapat bertahan selama empat jam lebih. Dalam serangan ini, isteri anggota polis turut mengangkat senjata melawan pengganas, setelah suami mereka terkorban.




**Penghulu Ali dan anggota polis Bukit Kepong sebelum Peristiwa Bukit Kepong**

Pengganas komunis menawan isteri serta anak-anak anggota polis dengan tujuan mengugut anggota polis supaya menyerah diri. Bagaimanapun, Konstabel Othman bin Yusuff dapat menghalau pengganas komunis yang memperalatkan wanita dan kanak-kanak supaya balik, kerana anggota polis tidak akan menyerah. Pengganas komunis bertindak membakar berek dan balai polis. Beberapa mayat anggota polis yang terkorban turut hangus terbakar. Dalam serangan hebat

dan lenjam ini sewaktu 23 nyawa terkorban, iaitu 19 anggota polis, dua orang isteri anggota polis, dua orang anak anggota polis, dan dua orang awam. Sewaktu empat anggota polis yang tersalamat tetapi mengalami kecederaan teruk.'

REDJAN ASLIE

**PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH**, mula diusahakan oleh orang-orang Melayu secara komersil walaupun kecil-kecilan sebelum kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu.

Semenanjung Malaysia merupakan pengeluar bijih timah tertinggi selain Pulau Banka di pantai timur Sumatera, dan pulau Billiton di Borneo. Kawasan yang terkaya di Semenanjung ialah yang berhubungan dengan Banjaran Titiwangsa yang mengandungi batu-batu granit dan kapur. Keadaan geologi ini telah memendapkan bijih timah dalam bentuk lapisan ataupun batik yang kaya dan digelar 'karang' Proses pengkilimian dan hakisan membawa kandungan bijih timah ke kawasan yang lebih rendah, di lereng bukit dan sungai yang turun dari banjaran gunung yang menjadi tulang belakang Semenanjung ini.

Oleh itu kawasan-kawasan yang terkaya dengan galian ini terdapat di sebelah barat banjaran yang merupakan sebahagian daripada negeri Kedah di utara membawa ke lembah Taiping, Kinta dan Bidor di negeri Perak, terus ke daerah-daerah Ulu Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, dan Melaka. Di sebelah timurnya pula, kawasan yang kaya ialah lembah Sungai Kelantan, Pahang, bahagian timur Negeri Sembilan, dan Melaka. Kandungan bijih timah begitu banyak didapati sehingga dapat dilihat dengan mata kasar di tepi bukit dan sungai di sepanjang kawasan tersebut.

Bijih timah mempunyai nilai dagangan dan kebudayaan yang sangat tinggi di kalangan orang-orang tempatan, dan orang-orang Cina. Sejak awal lagi orang-orang Melayu menggunakannya sebagai bahan pertukaran barang dan juga bentuk hantaran dalam perkahwinan, sedangkan orang-orang Cina menggunakannya sebagai persembahan dalam ritual keagamaan mereka.

Negeri-negeri yang mempunyai bijih timah menjadi kaya dan makmur. Kedah, Pulau Ticoman, dan Pahang dilaporkan telah mengeksport galian ini sejak abad kelapan lagi. Salah satu sebab empayar Melaka pada zaman kesultanan Melayu menakluki negeri-negeri iran di Semenanjung adalah kerana hendak memonopoli timahnya, seperti penaklukan ke atas Dinding dan Selangor pada abad ke-15.

Namun, kegunaan timah masih terbad sehinggalah menjadi bahan komersil antarabangsa, yang membawa orang-orang Portugis, Belanda, dan Inggeris pada abad-abad ke-15, 17, dan 18. Syarikat Hindia Timur Belanda pernah memonopoli perdagangan bijih timah di Perak pada pertengahan abad ke-17, dan bersaingan dengan Aceh kemudian. Pada pertengahan abad ke-18, Belanda bersaing dengan kuasa Bugis kerana sebab yang sama. Namun, kuasa-kuasa ini masih belum bermimat untuk melombong bahan ini sendiri. Mereka berpuas hati mendapatkannya daripada orang-orang Melayu, dan kemudian daripada orang-orang Cina yang dibawa oleh pemimpin Melayu untuk melombong bijih mereka. Hanya pada tiga suku abad ke-19, pemaju Inggeris campur tangan, dan sekaligus mengubah pengeksportan bijih timah ini. Walau bagaimanapun pada masa ini pengeluar utamanya terdiri



**Mendulang, salah satu cara melombong bijih timah yang popular di kalangan orang-orang Melayu**

daripada orang-orang Cina.

Teknologi yang digunakan oleh orang-orang Melayu primitif tetapi praktis. Ini kerana kandungan bijih timah yang sangat banyak didapati di bahagian permukaan bumi, di lembah-lembah sungai yang lanar dan di lereng-lereng bukit tidak memerlukan teknologi berat dan canggih. Cara mendapatkan bijih timah yang sangat popular ialah dengan cara mendulang. Ini dilakukan oleh individu yang menceduk tanah dengan dulang dari dasar sungai yang mengandungi bijih, lalu melenggang-lenggangkannya di dalam air sungai yang mengalir dengan deras. Tanah dan bahan-bahan lain yang ringan akan terkeluar meninggalkan yang berat, iaitu bijih timah, di dalam dulang.

Selain individu, terdapat juga kumpulan kecil yang terdiri daripada enam hingga lapan orang mencari bijih dengan cara melampan. Di sini, mereka terpaksa membuat parit di lereng bukit ataupun dari batang sungai yang deras. Tanah yang digali dari sungai itu dilonggokkan ke dalam satu kawasan yang tertentu di dalam sungai yang sama. Air yang deras mengalir akan memendapkan bijih di tempat yang khusus tadi, dan akan mengalirkan bahan-bahan yang ringan. Pada masa-masa yang tertentu endapan akan didulang bagi mendapatkan bijihnya. Cara melombong berkumpulan juga dilakukan dengan cara melubang. Di sini beberapa orang pelombong akan menggali sebuah lubang berukuran 1.5 meter persegi, sedalam 4 meter. Air yang keluar akan dibuang, dan tanah digali akan dibersih bagi mendapatkan bijihnya. Cara ini berkemungkinan ditiru daripada cara orang-orang Siam melombong, kerana dikenali juga dengan nama 'lombong Siam'. Cara ini banyak digunakan oleh pelombong Melayu di kawasan Kinta di Perak.

Walaupun pendapatan daripada hasil perlombongan ini



Salah satu cara melombong bijih timah pada zaman awal

lumayan, namun ramai pelombong Melayu tidak menjadikannya kerjaya yang khusus. Melombong merupakan sebahagian daripada beberapa jenis kerjaya yang dijalankan oleh orang-orang Melayu pada zaman sebelum penjajahan Inggeris. Kebanyakan orang Melayu ialah petani sara diri, nelayan dan pedagang kecil-kecilan. Orang-orang yang penting yang terlibat dalam penguasaan hasil perlombongan ini ialah golongan pembesar. Ini disebabkan pada zaman masyarakat Melayu tradisional, tanah dan segala isi kandungannya dikuasai oleh raja-raja yang kemudiannya menganugerahkan sebahagian daripadanya kepada pembesar yang telah berjasa kepada mereka. Penganugerahan ini juga merupakan cara pengagihan tugas pemerintahan dalam masyarakat Melayu tradisional. Dengan ini pembesar di daerah masing-masing akan berkuasa ke atas tanah dan penduduknya, yang kebanyakannya terdiri daripada pengikut pembesar, hamba abdi, dan orang-orang bebas yang mempunyai perhubungan dengan pembesar itu melalui sistem-sistem sosial dan ekonomi. Ketiga-tiga golongan penduduk daerah ini boleh melibatkan diri dalam perlombongan, namun kuasa mereka ke atas hasilnya berbeza. Pengikut pembesar dan orang-orang bebas yang melombong dikenakan cukai oleh pembesar sebanyak satu per sepuluh daripada pendapatan bijih, sedangkan seratus peratus hasil hamba abdi akan diambil oleh pembesar. Kerap kali orang-orang Melayu yang terpaksa melalui beberapa buah kawasan yang dipunyai oleh pembesar yang berbeza akan dikenakan cukai oleh setiap pembesar sehingga apabila mereka sampai ke pelabuhan hasil jualan mereka tinggal sedikit sekali.

Pembesar hanya mementingkan kutipan hasil dan bukan cara penghasilannya. Mereka boleh memaksa penduduk daerahnya menghasilkan bijih timah dengan lebih intensif melalui sistem kerah dan serah, sedangkan teknik pengeluaran tidak diubah.

Pada pertengahan abad ke-19 apabila permintaan bijih timah meningkat kerana menjadi bahan penting perindustrian di Eropah, pembesar tidak lagi berpuas hati dengan pengeluaran yang dibuat oleh orang-orang Melayu. Ini bukan kerana teknologi mereka rendah, tetapi kerana pembesar terpaksa memenuhi tanggungjawab masyarakat kepada orang-orangnya. Mereka mesti memberikan perlindungan bagi orang-orang bebas dengan mengadakan dan membiayai tentera, ataupun memberikan perlindungan dan makanan bagi hamba-hamba mereka. Tanggungjawab ini memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh itu pembesar Melayu mula menjemput orang-orang Cina untuk membuat perlombongan di daerah mereka bagi menggantikan pelombong Melayu yang hasil mereka jauh lebih kurang kerana tenaga mereka juga diperlukan bagi memenuhi kehendak lain para pembesar, seperti menjalankan sistem kerah. Sebaliknya pembesar Melayu tidak perlu bertanggungjawab ke atas hal kebajikan pelombong Cina.

Permintaan bijih timah yang semakin meningkat disebabkan oleh revolusi industri di Eropah menyebabkan pembesar Melayu mula berebut-rebut kawasan yang kaya dengan bijih. Oleh sebab itulah peperangan saudara berlaku di negeri-negeri yang berbijih, seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang. Kekacauan ini menjadi lebih sulit dengan meletusnya pertelingkahan di kalangan kongsi-kongsi gelap Cina yang menjadi pelombong penting di negeri-negeri tersebut.

Walaupun tahun-tahun sebelum penjajahan British pada 1870-an merupakan zaman kekacauan di negeri-negeri Melayu, namun zaman ini juga menunjukkan bahawa pembesar Melayu yang berjaya menguasai kawasan perlombongan

berjaya menjadi pemodal yang sangat kaya, dan kerap kali menggugat kedudukan sultan sendiri, seperti Long Jaafar dan Ngah Ibrahim di Larut, Perak, dan Raja Mahdi serta Tunku Kudin di Selangor. Pembesar ini biasanya menerima modal pendahuluan daripada saudagar Cina dari Negeri-Negeri Selat bagi memulakan sesebuah perlombongan. Kemudian mereka mengenakan cukai ke atas orang-orang Cina yang mengerjakan lombong itu sebanyak tiga bahara (pikul) timah dari setiap bangsal tempat tinggal atau tempat peleburan bijih. Tiap-tiap satu bahara bernilai $30 Sepanyol. Selain itu, setiap lombong dikenakan juga cukai sebanyak $6 Sepanyol sebulan. Semua perdagangan bijih timah juga dimonopoli oleh pembesar ini. Mereka telah melibatkan diri dalam membekalkan bahan-bahan makanan dan candu kepada pelombong-pelombong Cina yang terpaksa menjualkan bijih timah kepada pembesar Melayu dengan harga yang ditetapkan oleh pembesar tersebut. Oleh itu, walaupun peranan pelombong Cina sebagai pengeluar sudah menjadi penting sebelum kedatangan Inggeris, namun yang menguasai sektor ini ialah pembesar Melayu.

Setelah Inggeris campur tangan secara langsung dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu, khususnya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, kuasa dan pengaruh pembesar Melayu serta raja telah hilang, kecuali dalam hal-hal berhubung dengan agama dan adat istiadat Melayu sahaja. Akibat daripada pelaksanaan dasar pemerintahan dan ekonomi mengikut kepentingan penjajah, orang-orang Melayu juga telah kehilangan kuasa politik dan ekonomi. Sedikit demi sedikit kepentingan orang-orang Melayu ke atas perlombongan bijih timah yang dahulunya hanya bergantung kepada pengaruh dan kuasa, berpindah tangan kepada orang-orang Cina yang diberi hak langsung ke atas tanah perlombongan melalui pemberian lesen, geran tanah dan bayaran cukai kepada pemerintah Inggeris. Keupayaan orang-orang Cina yang mempunyai modal tinggi dan kepakaran perlombongan yang lebih berkesan membolehkan mereka menguasai lebih 75 peratus perlombongan bijih timah di Semenanjung. Bagaimanapun, keadaan ini berubah selepas Perang Dunia Pertama apabila pemodal Eropah yang mempunyai modal yang besar dan teknologi yang canggih mula mengambil alih kepentingan pelombong Cina. Selepas tahun 1930-an, mereka menguasai lebih 60 peratus perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. Yang selebihnya dipunyai oleh pemodal Cina.

Hasil daripada pendapatan bijih timah telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Pada tahun 1899, cukai eksport daripada bijih timah merupakan 46 peratus daripada jumlah pendapatan negara. Walaupun peranan perlombongan menjadi berkurangan dengan wujudnya perkembangan sektor pertanian, terutama getah, kepentingan perlombongan masih kukuh. Perlombongan telah bertanggungjawab membiayai sebahagian besar daripada pembinaan infrastruktur seperti jalan raya dan jalan kereta api di Semenanjung.

Perkembangan sektor perlombongan pada zaman British telah membawa ratusan ribu orang Cina sebagai penduduk yang keluar masuk tanpa banyak halangan. Selepas tahun 1957, ramai daripada mereka memilih untuk menjadi warganegara. Kepesatan perkembangan dalam sektor inilah menjadi salah satu sebab terpenting terbentuknya masyarakat majmuk di Tanah Melayu, satu ciri penting dalam rupa bentuk masyarakat Malaysia. Bagaimanapun, kesan penjajahan telah menghakis terus peranan orang-orang Melayu dalam ekonomi perdagangan terutamanya dalam sektor perlombongan.

– J. Errington de la Croix 7 1881. "Some Accounts of the Tin Mining Districts of Lower Perak" dlm. *JASBRAS* Jun. • Khoo Kay Kim 1984. *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850 – 1873*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. • Ooi Jin-Bee 1963. *Land, People and Economy in Malaya*. London: Longmans. • Wong Lin Ken 1965. *The Malayan Tin Industry to 1914*. Tucson: University of Arozona Press. • Yip Yat Hoong 1969. *The Development of the Tin Industry of Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

BADRIYAH H.J. SALLEH

**PUISI TRADISIONAL**, semua karya yang berbentuk puisi dalam khazanah kesusasteraan Melayu tradisional. Puisi dalam kesusasteraan Melayu secara tradisi dikenal sebagai 'karangan berangkap' atau 'ikat-ikatan', dan mementingkan nilai-nilai yang indah, iaitu bahasa yang indah dalam susunan yang indah.

Puisi Melayu tradisional adalah peninggalan masyarakat lama yang terus hidup dan berperanan dalam masyarakat semasa. Sempadan yang mengasingkannya daripada puisi moden dipengaruhi oleh faktor sejarah, iaitu tahun 1800 yang ditandai oleh kehadiran dan peranan Abdullah Munsyi, di samping faktor-faktor kemasyarakatan dan ciri-ciri genre itu sendiri.

**Ciri-Ciri Puisi Tradisional** – Dari segi bentuk, puisi ini mempunyai ikatan yang tertentu, dan secara keseluruhannya mengandung beberapa ciri yang penting. Antara ciri-ciri puisi yang secara teorinya bersifat universal, telapi di sini lebih mengkhusus kepada puisi Melayu termasuklah:

1. Bersifat lisan, kolektif, dan fungsional. Lisan bermaksud disebarkan melalui pertuturan. Kolektif bermakna karya-karya ini tidak menamakan pengarangnya dan menjadi hak masyarakat. Fungsional pula mempunyai pengertian bahawa puisi ini dicipta dan digunakan sepenuhnya dalam kehidupan masyarakat. Sebahagian besar daripadanya hasil kegiatan yang bersifat ritual.

2. Mempunyai bentuk yang tersendiri, terikat kepada peraturan-peraturan atau konvensi-konvensi tertentu. Antaranya masuklah bentuk dan struktur, jumlah larik serangkap, dan sistem rimanya. Bentuk dan ikatan ini menghasilkan jenis-jenis puisi yang berlainan; misalnya pantun berbeza daripada syair, nazam, gurindam, teka-teki, dan prosa berirama. Contohnya:

Pantun empat larik:

> Merpati terbang seribu,
> Hinggap seekor di tengah laman;
> Hendak mati di ujung kuku,
> Hendak berkubur di tapak tangan.

Syair empat larik:

> Demikianlah konon ceritanya,
> Pulang Terubuk kepada tempatnya,
> Dengan segala anak isterinya,
> Kembalilah ia dengan khidmatnya.

Tamatlah syair Terubuk merayu,
Dagang menyurat berhati sayu,
Tidaklah dapat Puteri Puyu-puyu,
Ke mana naik ke puncak kayu.

*(Syair Ikan Terubuk dengan Puyu-puyu)*

Nazam:

Dengan nama Tuhanku Allah jua kumula,
Akan nazamku ini dengan tolong-Nya la.

Allah jua kupuji dengan lidah dan hati,
Atas nikmat-Nya atasku dan lain ku pula.

Dan atas bangkitnya akan Rasul yang mulia,
Dengan menunjuk kita bagi jalan bahagia.

(*Nazam Kanz al-'Ula'*)

Gurindam:

Kurang fikir, kurang siasat,
Tentu dirimu kelak tersesat.

Fikir dahulu sebelum berkata,
Supaya terelak silang sengketa.

Kalau mulut tajam dan kasar,
Boleh ditimpa bahaya besar.

Silang selisih jangan dicari,
Jika bersua janganlah lari.

(*Gurindam Dua Belas*')

Teka-teki:

Ada kepala telinga tidak,
Ada kaki tiada bertangan,
Mata banyak tak boleh memandang,
Adapun daging tiada berdarah,
Banyak urat tiada bertulang,
Atas bawah sama senama,
Tiada kulit banyak beroma,
Baharu bertemu berkasih-kasihan,
Bertambah benci semakin lama.

(Jawabnya: kain sarung)

Talibun atau bahasa berirama:

Hari Ahad bertimpa Isnin,
Dua belas hari bulan,
Dua belas tapak bayang-bayang,
Menderam-deram hujan panas,
Panah memanah petir,
Sabung-menyabung kilat,
Berbunyi sekalian bunyi-bunyian.

(*Hikayat Malim Deman*)

Prosa berirama:

Hei ...
Sikun si kononnya Terung Pipit.
Terung Pipit pun sungguh sangat seperti adik Jerun dikata.
Dia pun yang-yang ke dewata.
Hilang di mulut timbul di mata.
Marilah jin tujuh saudara.
"Ampun tuanku beribu-ribu ampun.
Awat tuanku panggil patik tujuh saudara?
Apalah titah tuanku patik junjunglah".
.....

(*Cerita Sulang Jawa*)

Peribahasa berirama:

Ibarat teluk limbungan kapal,
Ibarat tua menahan ragam,
Ibarat muda menanggung rindu.

Adat kambing membebek,
Adat kerbau menguak,
Adat murai berkicau.

Dikir:

Nabi Allah Nabi Muhammad,
Tatkala ia berjalan pulang ke rahmat Allah,
Diiringkan malaikat membawa tasbih,
Seperti kilat yang maha tangkas,
Membawa ke langit yang ketujuh,
Bertemu di jalan Nabi Allah Adam,
Terlalu suka Nabi Allah Adam,
Siang puasa malam berbuka.
Allah sallallah.

(Dikir Nabi Allah: Peristiwa walatnya Rasulullah)

3. Digunakan dalam masyarakat sehari-hari. Setiap jenis puisi ini mempunyai fungsi yang tersendiri: pantun untuk kegiatan seni yang bermotif hiburan dan ritual; lagu-lagu dan tarian yang umumnya tidak berunsur keagamaan. Syair pula adalah untuk menyampaikan cerita dan pengajaran dan digunakan juga dalam kegiatan-kegiatan yang berunsur keagamaan. Mantera pula ialah untuk upacara pengubatan dan perbomohan yang berunsur magis dan tidak berunsur keagamaan yang berbeza pula daripada nazam dan dikir yang berunsur agama dan tidak magis.

4. Puisi tradisional berhubung rapat juga dengan magis. Ungkapan-ungkapannya mempunyai kuasa konotasi atau dipercayai mengandung magis. Sebagai bahan atau pengucapan yang berunsur magis, puisi tradisional dianggap suci dan berhubung rapat dengan kepercayaan dan tahyul. Ada pantang larang atau pemali dari segi masa, tempat, dan orang yang mengamalkannya. Misalnya, puisi mantera ialah untuk dalang dan pawang; sementara teromba pula untuk penghulu adat dalam konteksnya yang betul. Contohnya:

Teromba:

Tali pengikat daripada lembaga,
Keris penyalang daripada undang,
Pedang pemancung daripada keadilan,
Tikam tak bertanya,
Pancung tak berkhabar.

(Perundangan Adat Perpatih)

Mantera:

Bismillahir-rahmanir-rahim,
Keesa Allah,
Kedua bumi,
Ketiga dengan air sembahyang,
Keempat dengan hari Isnin,
Kelima dengan pangkat mahligai,

Keenam dengan dinding rezeki,
Ketujuh pintu syurga,
Kelapan anak kukandungkan,
Kesembilan Muhammad menjadi,
Kesepuluh tanah tanam dengan kampung lamanku,
Berkat doa Lailahaillallah,
Muhammadar-rasulullah.

(Jampi Doa Sepuluh: berkaitan dengan padi)

5. Bersifat muzikal. Pengucapannya disampaikan dalam bentuk lagu dan nyanyian; dijadikan lirik atau seni kata lagu, khususnya lagu-lagu asli dan rakyat. Pantun, syair, nazam, dan talibun pula mempunyai tempat masing-masing dalam kegiatan-kegiatan yang menggabungkan unsur-unsur dialog, nyanyian, muzik, dan tarian.

6. Bahasa yang padat dan kental; mempunyai unsur-unsur perlambangan, imejan, dan kiasan, seperti yang terlihat dalam pantun, teromba, gurindam, dan mantera. Kata-katanya yang ringkas dan padat itu dapat menyampaikan maksud dengan tepat menurut tanggapan dan pengalaman anggota-anggota masyarakat yang menggunakannya.

**Jenis-Jenis Puisi Tradisional** – Terdapat lebih daripada 30 istilah yang merujuk kepada jenis puisi tradisional: pantun, syair, gurindam, seloka, pantun seloka, talibun, perbilangan, perbilangan adat, peribahasa berirama, kata-kata adat, teromba, terasul, tambo, bahasa berirama, prosa lirik, prosa berirama, rejang, mantera, jampi, teka-teki, endoi, bait, nazam, ruba'i, kit'ah, masnawi, ghazal, qasidah, marhaban, berzanji, hadrah, dabus, dan dikir. Jenis-jenis tersebut bertindan-tindih dan sangat mengelirukan. Hal ini berlaku kerana definisi dan penciriannya tidak tetap, tidak tepat dan tidak sistematis. Klasifikasi dan contoh-contohnya pun tidak tetap dan tidak dapat digunakan untuk mengasingkan atau membezakan yang satu daripada yang lain. Oleh itu satu pendekatan yang lain telah diterapkan dalam membuat klasifikasi dan penciran jenis-jenis puisi ini.

Berdasarkan pendekatan ini, puisi tradisional dapat dibahagikan kepada jenis-jenisnya melalui tiga dasar yang saling melengkapi, iaitu:

1. Bentuk dan struktur, iaitu ikatan atau konvensi yang khusus kepada sesuatu jenis.
2. Tema dan isi, iaitu kandungan atau pembicaraan yang umum dalam sesuatu jenis.
3. Fungsi dan penyebaran, iaitu peranan dan tempat puisi tersebut dalam masyarakat yang menggunakannya.

Berasaskan dasar-dasar di atas, pembahagian genre puisi Melayu tradisional dapat dibuat seperti yang berikut:

1. Yang tertentu bentuknya, tetap atau terikat yang membolehkan pembahagian dari segi bentuk dan struktur. Jenis-jenis yang tergolong dalam kategori ini ialah pantun, syair dan nazam.
2. Yang tidak terikat, tiada tentu bentuk dan strukturnya, yang memerlukan pembahagian berdasarkan isi dan fungsi, iaitu gurindam, seloka, teka-teki, peribahasa berirama (peribahasa berangkap), talibun, teromba, prosa berirama, mantera, dan dikir (zikir).

**Kesimpulan** – Terdapat 12 jenis puisi Melayu tradisional, iaitu pantun, syair, nazam, gurindam, seloka, teka-teki, peribahasa berirama, talibun, teromba, prosa berirama, mantera, dan dikir. Jenis-jenis lain yang tergolong dalam puisi tradisional dapat dianggap sama ada sebagai variasi kepada jenis-jenis ini atau sebagai puisi sukuan, iaitu yang dikenal oleh masyarakat-masyarakat lain dalam daerah budaya Melayu. Sementara bait, ruba'i, kit'ah, masnawi, ghazal, dan qasidah ialah puisi Arab-Parsi yang tidak berkembang dalam tradisi Melayu dan justeru itu tidak tergolong sebagai puisi Melayu tradisional.

– Harun Mat Piah 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Sutan Takdir Alisjahbana 1971. *Puisi Lama*. Petaling Jaya: Zaman Baru Ltd. • Winstedt, Sir Richard 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. • Zuber Usman 1970. *Kesusasteraan Lama Indonesia*. Melaka: Penerbitan Abbas Bandung.

HARUN MAT PIAH

# S

**SAJAK KABUR**, puisi Melayu moden yang mempunyai simbol-simbol, pemikiran, bahasa yang menyimpang daripada puisi konvensional, dan sukar difahami. Perkembangannya di sekitar tahun 1957, dipelopori oleh A.S. Amin, M. Ghazali, dan Noor S.I.

Wawasan penyair dalam sajak kabur bersifat peribadi dan tidak mudah ditafsirkan. Ini dimampatkan lagi melalui keluasan pemilihan kata kalimat dan ungkapan yang khusus dengan beberapa 'tenaga' baharu. Kata-kata kiasan baharu dalam sajak kabur menampakkan kesegaran dan makna yang khusus.

Simbol dalam sajak kabur tidak lagi menjadi petunjuk atau tanda kepada sesuatu yang tetap, tetapi lebih merupakan sumber kepada akal untuk menjangkau daerah pengertian yang luas. Simbol-simbol peribadi ini lebih berdasarkan emosi dan memiliki daya pembangkitan bertujuan untuk meninggalkan kesan yang mendalam. Dalam usaha penyampaian kesan pancaindera setepat mungkin, penyair terpaksa melanggar beberapa kebiasaan sehingga simbol-simbol yang digunakan bertambah kompleks.

Sajak kabur bukan lagi sekadar menyampaikan amanat atau ajaran tetapi lebih berfungsi untuk meninggalkan kesan, mencurah *i'rab* emosi serta nada kehalusan perasaan dan membangkitkan daya imaginasi serta daya kreatif pembaca.



**Antologi puisi penyair kabur yang diterbitkan pada tahun 1980**

Antara karya-karya yang penting yang memperlihatkan ciri-ciri sajak kabur ini ialah *Damai* (A.S. Amin, 1965), *Bunga Merah* (M. Ghazali), *Setanggi Waja* (1960) dan *Rakaman Roh* (1963) karya Noor S.I., dan *Orang Bertiga* (M. Ghazali, A.S. Amin, dan Noor S.I.).

SHAHNON AHMAD

**SASTERA HIKAYAT**, salah satu genre yang terbesar dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional. Kata 'hikayat' dalam genre ini telah lama disalahfahami dan dicampurbaurkan dengan genre-genre lain yang juga menggunakan istilah hikayat pada judulnya. Selama ini belum ada definisi yang muktamad tentang istilah 'hikayat' dan 'sastera hikayat'.

Sukar dipastikan bilakah cerita-cerita sastera hikayat ini mula sampai ke Alam Melayu. Hikayat-hikayat yang berasal dari India pastilah tiba setelah masyarakat Melayu menerima pengaruh dari sana, tetapi tidak dalam bentuk tulisan. Naskhah tertua dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu ialah suatu naskhah keagamaan yang tertulis pada tahun 1590, iaitu *'Aqaid al-Nasafi*. Tetapi naskhah sastera hikayat yang tertua ialah *Hikayat Seri Rama* daripada koleksi Laud yang tertulis pada tahun 1633. Penulisan hikayat dan penyalinannya dalam tulisan tangan (jawi) berlaku dengan pesat dari abad ke-17 membawa ke abad ke-19 dan sebahagian daripada naskhah-naskhah Melayu yang dibawa ke Eropah terdiri daripada hasil sastera hikayat.

**Istilah Hikayat** – Dalam bahasa Melayu ada dua maknanya. Kepada pengarang-pengarang Melayu lama, istilah 'hikayat' mulanya diterima dengan makna cerita, kisah, riwayat, ceritera dan sebagainya. Makna ini didasarkan secara longgar pada kata 'haka' dalam bahasa Arab yang bermaksud 'menceritakan, melukiskan, meniru, mewartakan, mirip (yang seakan-akan), berkata, dan meneruskan'. Maksud-maksud asal inilah yang dirangkumkan dalam definisi umum yang diterima oleh masyarakat Melayu Nusantara. Di samping definisi itu, hikayat bermakna cerita dongeng.

Maksud yang pertama inilah yang melahirkan makna yang kedua sehingga istilah hikayat itu digunakan untuk judul pelbagai jenis tulisan berunsur naratif, sama ada yang berdasarkan kebenaran seperti sastera sejarah, mahupun yang berdasarkan dongeng dan fantasi, seperti sastera lipur lara dan sastera hikayat itu sendiri. Dengan itu hasil kesusasteraan dari genre lain menggunakan istilah hikayat juga pada judulnya walaupun sebenarnya hasil sastera itu tergolong ke dalam sastera sejarah seperti *Hikayat Banjar*; sastera epik kebangsaan (sastera kepahlawanan) seperti *Hikayat Hang Tuah*, sastera lipur lara seperti *Hikayat Malim Deuza*, sastera hikayat seperti *Hikayat Seri Rama, Hikayat Gul Bakawali, Hikayat Nurhatiyah Puteri Masri*, dan *Hikayat Panji Semirang*.

Penulisan yang bersifat bukan naratif seperti dalam genre sastera kitab, perundang-undangan, ketatanegaraan, perubatan, dan bahasa tidak menggunakan istilah hikayat pada judulnya.

**Asal Sastera Hikayat** – Pada peringkat awal, sastera hikayat berasal dari India dan masuk ke dalam sastera Melayu melalui terjemahan. Pada tahap ini hikayat-hikayat ini mungkin berkembang di kalangan masyarakat Melayu dalam bentuk lisan kerana tulisan jawi hanya digunakan selepas kedatangan Islam.

Hikayat yang berasal dari India ini mungkin telah digunakan untuk penyebaran agama Hindu dan di dalamnya terdapatlah unsur-unsur Hindu seperti penjelmaan, inkarnasi, penyucian diri daripada kesalahan, atau pembuktian kesucian diri dengan membakar diri, kepercayaan kepada Dewata Mulia Raya, Betara Mahawisnu, Betara Brahmana, keinderaan dan sebagainya, di samping nilai-nilai hidup yang berdasarkan nilai Hindu yang berkisar di sekitar *bhakti, dharma, karma* dan *moksya* (nirwana).

Setelah Islam tiba, cerita-cerita ini mengalami perubahan dan pertambahan. Dalam *Hikayat Seri Rama* sendiri dapat dilihat bagaimana penyalin mengubah Dewata Mulia Raya menjadi Tuhan, Allah dan Allah subhanahu wa Taala. Ceritanya dimulakan dengan ayat Bismillahirrahmanirrahim, wa bihi nasta'inu billahi ... dan sebagainya.

**Zaman Permulaan Islam** – Semasa pengaruh Islam belum begitu kuat dan kepercayaan Hindu masih bertahan, lahirlah hikayat-hikayat yang mengandungi kedua-dua unsur, Hindu dan Islam. Unsur Hindu yang disebut tadi dicampurkan pula dengan unsur Islam. Di sana sini dalam hikayat tersebut terdapat kalimat-kalimat tasyhid, bismillah ..., alhamdulillah, astaghfirullahal 'adzim dan sebagainya. Tokoh-tokoh Islam seperti Nabi Allah Sulaiman, Nabi Allah Yusof, Nabi Khidir, Siti Zulaikha dan lain-lain disebut dalam hikayat untuk menguatkan cerita. Perbandingan dibuat pula dengan peristiwa-peristiwa tertentu yang diketahui wujud dalam pengetahuan orang Islam seperti cerita-cerita nabi.

Hikayat-hikayat yang berunsur Islam ini dibawa masuk ke Alam Melayu dari Arab dan Parsi. Latarnya bukan lagi negeri-negeri di kayangan atau negeri yang bernama Puspa Sari atau Samundera Pura Negara dan sebagainya yang berunsurkan India, tetapi bertukar menjadi negeri di padang pasir dan pulau-pulau ajaib di tengah lautan. Nama-nama negerinya ialah Syarqastan, Bandar Firdaus, Negeri Malikul-Ghuyur, Pulau Khalidan, dan Pulau Serindit yang digambarkan penuh keajaiban. Nama-nama watak pula ialah Tajulmuluk, Qamaruzzaman, Zainul-muluk, Puteri Sayyidatul-Budur, Puteri Sayyidah, Puteri Mahmudah, Siti Zubaidah dan sebagainya.

Dalam hikayat-hikayat ini terdapat juga unsur-unsur setempat yang mungkin disisipkan oleh penterjemah dan pengarang Melayu yang ingin memasukkan pewamaan setempat. Dengan itu muncullah watak-watak dengan nama Puteri Jenuh Hati, Puteri Sekuntum Bunga, Bujang Selamat, dan Kembang Cina. Negeri yang tidak diketahui namanya disebut sahaja sebagai negeri Antah Berantah di samping negeri-negeri lain seperti Cempaka Sari, Mambang di Awan, Kembayat Negara, Muar, Negeri Nyiur Sebatang dan sebagainya. Apabila dibandingkan dengan hikayat-hikayat dalam versi bahasa asalnya, sama ada bahasa Arab, Parsi, atau India, hikayat-hikayat dalam bahasa Melayu lebih memberikan perhatian kepada pelukisan perasaan yang terperinci. Ini ditambah pula dengan penggunaan perumpamaan, pepatah, pantun, dan syair. Suka duka yang dialami oleh watak-watak digambarkan dengan berlebih-lebihan.

**Fungsi Sastera Hikayat** – Pada dasarnya sastera hikayat tercipta dan tersebar sebagai satu jenis hiburan, walaupun terdapat di dalamnya unsur-unsur lain seperti didaktik, moral, dan teladan. Latar yang dikemukakan ialah kehidupan di istana yang berdasarkan fantasi dan khayalan semata-mata. Nilai moral yang terselit ialah taat setia, tolong-menolong, jujur dalam bercinta, taat kepada ibu bapa, kasih sayang dan sebagainya.

Berbeza dengan sastera lipur lara, sastera hikayat ialah sastera tulisan. Perkembangannya pesat selepas masyarakat Melayu menguasai tulisan jawi, walaupun terdapat bukti-bukti

yang memperlihatkan bahawa hasil sastera jenis ini pernah berkembang dalam bentuk lisan, terutama ketika masyarakat itu belum menguasai kebolehan membaca.

Hasil sastera hikayat tertulis dalam gaya bahasa Melayu tradisional, mempunyai ciri-ciri yang tertentu seperti ayat yang panjang, berbelit-belit, dan banyak unsur perulangan. Gaya bahasanya diperindah dengan bunga-bunga bahasa seperti pepatah, perumpamaan, pantun, syair, dan seloka.

*Hikayat Seri Rama* ialah contoh hasil sastera hikayat yang tercipta pada masa masyarakat Melayu dipengaruhi oleh unsur Hindu. Setelah Islam bertapak, beberapa karya yang dahulunya banyak mengandungi unsur Hindu disesuaikan dengan tambahan unsur-unsur Islam seperti yang terdapat pada *Hikayat Inderaputera* dan *Hikayat Gul Bakawali*. Kedua-dua unsur itu digabungkan tanpa menimbulkan apa-apa kejanggalan dalam jalan cerita. Selanjutnya, *Hikayat Nurhatiyah Puteri Masri* pula mewakili hikayat berunsur Islam, sementara *Hikayat Panji Semirang* ialah contoh hasil sastera hikayat berunsur panji. Sastera hikayat berunsur panji ini begitu besar hingga merupakan satu genre yang berasingan dan diletakkan di bawah genre Sastera Panji.

Kisah yang dikemukakan dalam sastera hikayat ialah kisah percintaan antara putera raja yang gagah perkasa dan puteri raja cantik jelita. Cerita dipenuhi dengan pengembaraan dan peristiwa yang menarik yang sengaja dipanjang-panjangkan dan ditambah oleh pengarang untuk menarik hati pembaca. Hasil sastera hikayat berunsur Islam mengandungi lebih banyak unsur keagamaan, pengajaran, dan teladan daripada hiburan.

**Struktur Cerita** – Hasil sastera hikayat yang menerima apa-apa pengaruh pun mempunyai struktur yang sama; yang berlainan ialah peristiwa, permasalahan, dan watak. Dengan tidak mementingkan unsur realiti, pengarang memuatkan kisah-kisah yang aneh dan menarik, penuh fantasi dan imaginasi.

Cerita dimulakan dengan menyediakan latar, iaitu istana atau negeri seseorang raja. Pembaca diperkenalkan kepada watak-watak dan cerita pun bergerak meliputi kedua-dua dunia, iaitu dunia alam dan dunia kayangan. Watak-watak dalam hikayat bergerak bebas antara kedua-dua dunia ini mengikut perjalanan cerita. Seorang raja mempunyai beberapa orang putera dan puteri dan hidup dalam aman bahagia. Tiba-tiba berlakulah sesuatu yang menyebabkan kehidupan yang aman itu terancam dan berubah. Tanpa kecelakaan, cerita tidak dapat bergerak. Antara kebahagiaan yang terancam dan kebahagiaan yang dicapai di akhir cerita terselitlah pelbagai peristiwa. Terbinalah struktur cerita melalui perkembangan peristiwa-peristiwa seperti yang berikut:

1. Wira disingkirkan oleh keluarga: putera yang menjadi wira diperkenalkan melalui ramalan nujum atau sesuatu kejadian. Biasanya putera itu ialah putera bongsu. Berdasarkan ramalan nujum atau untuk memenuhi sesuatu peranan, wira terpaksa meninggalkan keluarga dan kesenangan.
2. Wira terlibat dalam aktiviti istana: kecelakaan yang diramalkan oleh nujum tetap berlaku. Raja mendapat sesuatu penyakit yang sukar diubati kecuali dengan menggunakan sesuatu benda seperti bunga sakti, susu binatang yang aneh dan lain-lain. Wira mengambil bahagian mencari benda-benda ini dan bermulalah pengembaraannya.
3. Alasan-alasan lain yang menyebabkan wira terpaksa mengembara dan meninggalkan istana: (i) permaisuri hamil dan mengidamkan sesuatu yang aneh dan sukar dicari, (ii) wira bermimpi melihat seorang puteri yang cantik jelita yang terus mengganggu fikirannya, (iii) negeri dilanggar geroda, dan (iv) wira menyelamatkan puteri yang bersembunyi dan lain-lain lagi. Pelbagai peristiwa yang berlaku tidak memesongkan wira daripada tujuan utama ia keluar mengembara. Dalam pengembaraannya wira mendapat pertolongan puteri-puteri yang dikahwininya dan kemudian ditinggalkan untuk meneruskan perjalanannya. Penemuan benda ajaib yang diharapkan menyelesaikan masalah tidak menamatkan cerita kerana berlaku perkembangan lain.
4. Wira dibawa ke tempat lain: masalah ditimbulkan dengan memesongkan wira daripada tempat yang dituju untuk mendapat benda yang dicari. Masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan bantuan orang lain.
5. Wira diuji sebelum berhak mendapat bantuan: pertolongan yang diperoleh tidaklah berlaku begitu sahaja tetapi dengan ganjaran-ganjaran tertentu.




**Antara cerita hikayat yang dibukukan**

6. Wira memperoleh pertolongan: setelah lulus ujian wira diberi pertolongan. Watak-watak pembantu yang memberikan bantuan diistilahkan sebagai pembantu atau penyumbang. Selain nenek kebayan, orang suruhan yang setia, dan puteri, watak pembantu boleh juga terdiri daripada watak yang mempunyai jin suruhan ataupun binatang hikmat.
7. Wira pulang membawa barang yang dicari tetapi cerita masuk ke perkembangan lain pula.
8. Barang yang dibawa dirampas: tahap ini melahirkan watak-watak antagonis yang memusuhi wira dan pasangannya. Musuh mungkin abang wira sendiri yang mencuba menipu ataupun orang luar yang kalah dalam pertandingan. Cerita berkembang hingga wira palsu terdedah dan wira sebenar diterima oleh keluarga. Wira menemui semula semua isteri yang ditinggalkan dalam masa pengembaraan. Cerita berakhir dengan kegembiraan.

Kesimpulannya, struktur cerita dalam sastera hikayat berkembang atas empat perkara:

1. Fungsi-fungsi tertentu bagi watak-watak menjadi unsur tetap dan dasar sesebuah cerita, tidak kira bagaimana fungsi itu dipenuhi atau oleh siapa.
2. Bilangan fungsi yang diketahui dalam cerita terhad.
3. Urutan fungsi serupa.
4. Semua cerita mempunyai struktur yang sama (kecuali dalam hikayat berunsur Islam).

Penerbitan sastera hikayat menjadi salah satu kegiatan badan-badan penerbitan setelah adanya alat percetakan. Pada mulanya penyegaran sastera hikayat dibuat melalui bentuk litograf atau cap batu (tulisan jawi). Pada akhir abad ke-18 bentuk litograf diperbaiki menjadi bentuk taipset dalam tulisan jawi dan rumi yang lebih jelas dan lebih cepat cetakannya. Terdapat pelbagai hikayat yang dicetak berulang-ulang untuk memenuhi permintaan masyarakat pada zaman itu hingga ke awal abad ke-20.

Perkembangan sastera hikayat inilah yang membuka jalan atau yang mempelopori penulisan novel-novel berunsur hikayat dalam tahun-tahun 1920-an. Pengaruh sastera hikayat ini begitu berkesan hingga novel-novel zaman itu menggunakan judul hikayat seperti *Hikayat Faridah Hanum* (1925 – 26), *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* (1927), dan *Hikayat Perjumpaan Asyik* (1927).

Rujuk – Hashim Awang 1989. *Novel Hikayat: Struktur Penceritaan Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. • Liaw Yock Fang 1975. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional. • Propp, V. 1970. *Morphology of the Folktale*. Austin & London: University of Texas Press. • Syed Muhammad Naquib al-Attas 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Department of Publications, University of Malaya. • Winstedt, Sir Richard 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

SITI HAWA SALLEH

**SOGIT**, upacara yang diamalkan oleh penduduk peribumi Sabah untuk memulihkan keharmonian kampung yang pernah tergugat akibat pelanggaran adat.

Bagi mereka, keadaan yang memperlihatkan ketenteraman dan keseimbangan antara dunia manusia dan dunia ghaib, disebut sebagai *sejuk*. Keadaan yang sebaliknya dan yang tidak diingini dikatakan *angat*. Masyarakat akan mengalami angat atau kepanasan kampung apabila ahli-ahlinya melanggar adat, yakni melakukan kesalahan dengan sengaja atau tidak sengaja. Tindakan yang boleh menghasilkan suasana angat ialah melanggar pantang larang, gagal mengadakan upacara adat pada masa-masa yang ditetapkan, bergaduh sesama sendiri, melakukan perkara sumbang, berzina, membunuh, mengkhianati kawan dan hak miliknya. Keadaan angat lazimnya dikaitkan dengan bahaya, bencana, dan kacau-bilau yang diturunkan oleh makhluk ghaib. Bagi mengelakkan keadaan yang tidak diingini ini, mereka mestilah mengadakan sogit.

Sogit melibatkan penyembelihan binatang ternakan seperti lembu, kerbau, babi, kambing atau ayam. Di samping haiwan, bahan yang diperbuat daripada logam yang dinamakan *pulanut* diberikan dalam sogit. Antara barang-barang logam itu ialah gong, *gador* dan *betukul*.

Sogit yang tidak memerlukan pengorbanan binatang dinamakan sogit *posila tusi*. Sogit ini dilakukan apabila berlaku pertengkaran antara suami isteri atau sahabat-handai. Sebagai tanda perdamaian, isteri memberi suaminya sedikit garam untuk dijilat.

Pergaduhan yang disertai dengan serangan sehingga salah satu pihak berdarah, memerlukan ayam untuk sogit. Ayam ini disembelih dan darahnya dicurahkan ke tanah. Sogit juga diadakan apabila seseorang berasa dia melakukan kesalahan terhadap makhluk ghaib, seperti tidak memberinya sajian. Kecuaian ini dipercayai boleh menyebabkan makhluk ghaib marah, dan mendatangkan sakit atau bencana ke atas seluruh masyarakat. Orang berkenaan akan sendirinya menyembelih ayam dan menyajikannya kepada makhluk ghaib.

Sesuatu kesalahan itu boleh diketahui berat atau ringan melalui jenis dan bilangan binatang ternakan serta pulanut yang diperlukan untuk sesuatu sogit. Lebih banyak binatang ternakan yang berharga digunakan dalam upacara tersebut, bererti lebih berat kesalahan yang dilakukan.

Di kalangan penduduk peribumi Sabah, kesalahan besar ialah perbuatan sumbang dan zina. Sementara sogit untuk mengembalikan ketenteraman dalam sesebuah masyarakat dinamakan sogit kepanasan kampung. Contohnya, di kalangan orang Dusun, lelaki yang mengadakan hubungan sumbang dengan anak kandungnya dikenakan sogit kepanasan kampung, iaitu empat ekor kerbau dara, empat buah gong, empat ekor babi besar untuk diagihkan dagingnya kepada penduduk kampung, dan empat buah betukul. Pihak perempuan pula dikenakan tiga ekor kerbau, tiga buah gong, tiga ekor babi dan tiga buah betukul.

Oleh sebab hubungan sumbang dan zina dianggap melibatkan seluruh komuniti dalam bahaya atau angat, maka sogit dilakukan secara kolektif. Apabila tiba masa yang telah ditetapkan, semua penduduk kampung akan berkumpul di tepi sungai. Seorang petugas agama yang dikenali sebagai bobolian akan menguruskan upacara tersebut dengan menyeru makhluk ghaib menyertai upacara itu. Ini diikuti dengan penyembelihan binatang ternakan, dan membiarkan darahnya mengalir ke sungai. Daging binatang yang disembelih kemudiannya diberikan kepada mereka yang hadir untuk dibawa balik. Bagaimanapun, jenis dan bilangan binatang untuk sesuatu sogit sebenarnya bergantung pada faktor seperti persaudaraan pihak yang terlibat, taraf perkahwinan, dan sama ada pesalah perempuan mengandung atau tidak akibat hubungan sulit itu.

Sekiranya sesuatu konflik atau tindakan melanggar adat dihadapkan kepada pendamai sama ada di peringkat kampung atau daerah, maka pendamai itulah yang akan menetapkan bahan-bahan sogit. Pendamai terdiri daripada saudara tua pihak yang berbalah, ketua kampung atau Ketua Anak Negeri selaku hakim Mahkamah Anak Negeri Meskipun masa tidak ditetapkan untuk sogit, orang-orang kampung digalakkan supaya menjalankannya secepat mungkin, terutamanya sogit kepanasan kampung. Ini adalah kerana selagi sogit itu tidak dilaksanakan, selagi itulah keadaan angat akan berterusan di kampung itu.

Kebelakangan ini, seseorang yang ingin menjelaskan sogit yang ditetapkan oleh pendamai hanya perlu memberi sekian banyak wang setimpal dengan nilai binatang yang dipinta

daripadanya. Walau bagaimanapun ramai penduduk peribumi Sabah, khususnya mereka yang masih beragama pagan tidak menerima baik cadangan ini. Upacara ini juga tidak disenangi oleh agama Islam dan Kristian kerana bercanggah dengan ajaran kedua-duanya. Namun untuk menjamin kesinambungan antara adat dengan agama lain – Islam, misalnya – sogit dikekalkan, cuma binatang yang digunakan mestilah haiwan yang halal seperti kambing, kerbau, dan lembu.

– Arena Wati 1978. *Dusun: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah. • Evans Ivor H.N. 1923. *Studies in Religion, Folk-lore and Customs in British North Borneo and the Malay Peninsula*. Cambridge: Cambridge University Press. • Sharifah Zaleha Syed Hassan 1989. "Perubahan dan Kesinambungan Tradisi Undang-Undang Adat di Sabah: Satu Tinjauan Sosio-Budaya". Kertas kerja Simposium Tamadun Melayu II. Kuala Lumpur.

SHARIFAH ZALEHA SYED HASSAN

**SONGKET MALAYSIA**, kain tenun yang menggunakan benang emas yang menjadi pakaian raja-raja Melayu dari dahulu hingga sekarang. Pembuatannya diilhamkan daripada perusahaan kain patola, yang dibawa oleh pedagang India Islam, yang menggunakan teknik ikat yang sangat sukar membuatnya.

Di bawah kelolaan istana, pembuat-pembuat kain tempatan diasuh untuk memiliki kemahiran teknik ikat ini. Di samping itu pula, sejenis kain ikat yang dipanggil cindai di Indonesia atau limar di Pantai Timur, sedikit masa dahulu diusahakan oleh penenun tempatan, mempunyai ciri-ciri kain patola. Semenjak abad ke-16, terdapat dua pusat tenunan cindai (limar) di Pantai Timur.

Pedagang Islam juga membawa masuk benang emas dan perak ke Asia Tenggara. Kain-kain yang dibawa dari India, Arab, dan China banyak menggunakan benang emas. Ini mempengaruhi penggunaan benang emas sebagai benang tambahan dalam tenunan kain limar. Kain limar sebegini dinamakan 'kain limar bersongket' dan merupakan pencapaian tertinggi dalam perkembangan seni tenunan orang Melayu.

Pada masa sekarang, teknik ikat jarang-jarang ditemui kerana sukar dan memakan masa untuk membuatnya. Pengaruh Barat yang membawa teknologi jentera bagi menghasilkan kain-kain gudang juga melenyapkan perusahaan kain patola, cindai dan limar bersongket. Sebaliknya, penggunaan benang emas untuk mencorakkan motif dalam reka corak kain tanpa ikat mendapat tempat di hati rakyat. Kain yang dinamakan songket ini lebih mudah dibuat, tidak kurang hebat dan lebih kelihatan seri keemasannya.

**Proses Pembuatan** – Terdapat lapan peringkat proses pembuatan kain songket:

1. Mencelup Benang – Tongkol-tongkol benang sutera atau kapas yang kotor dibersihkan dengan air sebelum dicelup ke dalam pewarna. Pada masa dahulu, pewarna asli daripada tumbuhan seperti kunyit dan kulit buah manggis digunakan, tetapi sekarang, penenun menggunakan pewarna daripada



Kepelbagaian corak pada songket Malaysia

bahan kimia. Setelah dicelup, tongkol benang ini dibilas dengan air dan dijemur hingga kering.

2. Melerai Benang – Benang dililitkan pada buluh kecil yang dipanggil peleting untuk meleraikannya daripada tongkol benang. Proses ini dilakukan dengan bantuan alat darwin dan alat pemutar rahat.

3. Menganing Benang – Proses membuat benang loseng, iaitu benang asas yang merintangi alat tenun. Ia bertujuan untuk menentukan panjang benang yang perlu ditenun agar mendapat saiz bidang dan jumlah kain yang dikehendaki. Kebiasaan penenun menganing sepanjang 20 hingga 40 meter untuk mendapat 10 hingga 20 helai kain sarung. Dalam proses menganing, peleting-peleting benang dimasukkan ke dalam alat menganing (anian) yang terdiri daripada pemidang peleting dan bingkai pembuat loseng. Setelah menganing, dua kayu belira dimasukkan pada hujung benang yang bersilang.

4. Menggulung – Benang-benang bersama kayu belira pada satu bahagian penghujung, dari alat anian dibawa ke tempat meletak kayu belira. Dengan meletakkan kayu belira di tempat pancang itu, benang-benang dibentangkan dan ditarik tegang hingga ke penghujung yang satu lagi. Di penghujung sini pula, sekeping papan loseng dimasukkan pada benang bagi membuat gulungan. Gulungan dilakukan di halaman rumah dan setelah selesai, benang loseng dibawa masuk ke rumah untuk proses menyapuk benang.


5. Menyapuk Benang – Benang loseng dimasukkan ke celah-celah gigi jentera atau sikat. Gigi jentera digunakan sebagai laluan benang loseng di celah-celah gigi dan untuk mengemaskan benang pakan sewaktu menenun. Jumlah gigi jentera adalah di antara 1000 hingga 1800 dan jumlah laluan benang loseng dapat menentukan saiz lebar kain yang ditenun. Cara menyapuk benang dilakukan dengan mengait dua urat benang loseng melalui setiap celah gigi jentera. Setelah disapuk, benang loseng dimasukkan ke dalam kek dengan cara meletakkan papan loseng ke pasung yang terdapat di belakang kek. Benang loseng ditarik ke hadapan dan diikat ke kayu 'pesa' (kayu penggulung kain yang telah ditenun). Gigi jentera digantung dengan tali yang diikat ke atas bingkai bumbung kek.

6. Mengarak Benang – Proses membuat alat karat. Karat dibuat daripada benang asing yang dibentukkan menjadi gelung. Melalui lubang gelung ini, benang loseng yang berangka genap dan ganjil diangkat berselang-seli sewaktu menenun.

7. Menyongket Benang – Proses membuat motif atau bunga songket, merupakan kerja yang paling rumit. Penenun perlu menjalani proses membuat 'gigi belalang' dan menyongket benang loseng. Untuk membuat gigi belalang, lidi disongketkan melalui tiga atau lima benang loseng dengan meninggalkan seurat benang di bawah. Ini dilakukan sepanjang benang loseng supaya mendapatkan ciri songket yang dikatakan tekat tiga atau tekat lima. Sewaktu membentuk bunga songket, penenun perlu menyongket benang loseng (yang telah dibuat gigi belalang) mengikut rekaan. Kemudian kedudukan lidi ini ditukar dengan memasukkan kayu belira untuk mengumpulkan benang loseng dengan mengikatnya dalam ikatan gelong. Proses ini dinamakan ikat butang.

8. Menenun – Benang loseng dirintangi oleh benang pakan untuk dijadikan kain. Sewaktu membuat motif songket, ikat butang diangkat untuk dimasukkan benang emas. Proses ini dilakukan dengan menggunakan alat torak yang diisi dengan benang pakan atau benang emas. Setelah kain songket siap ditenun, kain itu dipotong daripada kek.

**Warna, Corak, dan Motif** – Warna dinamakan mengikut warna bahan asal yang dijadikan contoh. Misalnya orang Pantai Timur memanggil warna ungu sebagai butir setar kerana biji buah setar berwarna ungu. Warna-warna lain yang biasa digunakan ialah kuning kunyit, kuning raja, biru laut, biru langit, merah manggis, merah darah ikan, hijau laut, hijau kumbang, hitam kumbang, kelabu abu dan lain-lain lagi. Bagi warna gelap dipanggil 'tua' dan warna yang cerah dipanggil 'muda'.



Songket Sarawak dengan motifnya yang tersendiri



Proses menenun songket menggunakan alat torak yang diisi dengan benang pakan atau benang emas



Kepala kain songket yang bermotifkan bunga-bungaan

Motif dalam reka corak songket juga selalunya diilhamkan daripada sumber alam semula jadi seperti gunung, ombak, daun, buah-buahan, bunga, burung dan sebagainya. Makanan juga menjadi pilihan, seperti dalam motif potong wajik, tepung talam, dan seri kaya. Motif pengaruh Hindu terdapat pada setengah-setengah songket seperti gigi bota, bunga semangat, dan burung merak. Walau bagaimanapun, setelah orang Melayu menganut agama Islam, kebanyakan motif ini telah diubah suai menjadi bentuk-bentuk motif berasaskan bunga-bungaan dan bentuk hiasan seperti kerawang, tudung celak dan lain-lain.

Motif-motif songket tradisional dapat dilihat pada kain-kain sarung, samping, dan kain selendang tradisional yang mempunyai struktur kain tersendiri. Kain sarung atau samping mengandungi struktur kain yang dibahagikan kepada kepala kain, badan kain, kaki atau tepi kain, dan pengapit kepala kain. Bagi kain selendang pula dibahagikan kepada punca kain dan badan kain. Tanah kain bermaksud warna latar kain. Kendik biasanya terletak di tepi-tepi kain atau sebagai pengapit motif yang berulangan, iaitu pada pengapit kepala kain.

Songket juga mempunyai pelbagai corak seperti corak bunga penuh, corak bunga bertabur, corak bunga jalur berdiri, corak bunga jalur melintang, corak siku keluang, corak tapak catur, corak bunga tepi lebar, dan pucuk rebung. Maksud 'bunga' di sini ialah motif yang ditenun dalam kain songket.


Kain songket bunga penuh mengandungi beberapa jenis motif untuk memenuhi ruang tanah kain. Ada juga berbentuk rantaian motif yang dipanggil teluk berantai. Motif-motif yang biasa terdapat pada corak teluk berantai adalah seperti rantai bunga bintang, rantai bunga cengkih, rantai unduk-unduk laut, rantai jagung, dan rantai buah cermai. Bagi songket corak penuh yang padat dengan benang emas, biasanya mengambil motif potong wajik, bunga ladu, bunga madu manis dan lain-lain lagi.

Songket bunga bertabur mempunyai motif berasingan seperti motif tampuk manggis, bunga tanjung, tampuk buah kesemak, bunga pecah empat, bunga bintang, dan bunga sinar matahari.

Songket corak jalur mempunyai dua jenis jalur, iaitu jalur berdiri dan jalur melintang. Corak jalur biasa digemari oleh lelaki. Kain songket corak jalur bagi wanita terdapat banyak benang emas, dan motif-motifnya lebih halus daripada kain songket lelaki. Antara motif-motif jalur ialah bunga kerongsang berantai, siku keluang, dan potong seri kaya.

Songket tapak catur biasa terdapat pada kain sarung dan samping. Ia dihasilkan daripada benang tenunan benang yang berwarna-warni pada benang loseng dan pakan atau bentuk petak-petak benang songket yang diilhamkan daripada tapak papan catur. Terdapat juga bunga songket pada kain tenun yang berpetak-petak yang dipanggil bunga dalam ragi. Jikalau petak-petak ini berbentuk halus dan dihiasi pula dengan motif-motif songket yang kecil (seperti bunga cengkih atau bunga tanjung), kain ini dipanggil kain corak Bugis. Nama corak Bugis mungkin diambil daripada kain Bugis yang telah diimport pada zaman dahulu dari Sulawesi. Corak ini sangat popular untuk kain samping.

Pucuk rebung adalah motif yang sering terdapat pada bahagian kepala kain, dan kadang-kadang terdapat juga pada kaki atau tepi kain songket. Motif pucuk rebung juga dikenali sebagai motif 'tumpal' yang berbentuk tiga segi. Antara motif



Sarung kusyen antara barang kraf yang diperbuat daripada kain songket

yang terdapat pada kain songket ialah pucuk rebung lawi ayam, pucuk rebung kendung, pucuk rebung gigi bota, dan pucuk rebung tunjuk langit. Motif-motif kecil yang berada dalam pucuk rebung adalah seperti: bunga tiga dara, gigi yu, bunga bintang, tampuk manggis, tudung celak, bunga cengkih, dan banyak lagi motif songket yang menarik, bagi menghiasi bahagian kepala kain sarung atau samping dan juga punca kain selendang.

**Kegunaan** – Pada masa dahulu, kain songket hanya dikhaskan kepada raja-raja dan orang-orang besar istana. Kebanyakan kain songket dahulu ditumpukan pada pakaian seperti kain samping, tanjak, kain sarung limar bersongket, kain sarung songket, kain panjang atau kain punca potong, baju belah labuh, baju kurung, baju kebaya, dan kain selendang.

Pada masa ini, kain songket digunakan oleh seluruh lapisan masyarakat pada waktu-waktu tertentu seperti pakaian pengantin, jubah konvokesyen universiti, pakaian penari tradisional dan dipakai ketika menghadiri majlis-majlis rasmi.

Selain pakaian, kain songket juga ditenun sebagai kain songket ela, iaitu ditebuk panjang mengikut beberapa meter yang dikehendaki untuk membuat pelbagai jenis barang kraf. Barang kraf yang dibuat daripada kain songket adalah seperti sarung kusyen, beg tangan, alas meja, alas pinggan dan barang-barang untuk cenderamata seperti fail eksekutif, kotak barang kemas dan sebagainya.

Songket juga ditenun khas untuk perhiasan seperti perhiasan dinding, yang berbentuk abstrak, bunga-bunga atau tumbuh-tumbuhan dan juga seni tulisan khat, yang mengambil masa agak lama untuk menyiapkannya.

Harga kain songket didasarkan kepada kehalusan tenunannya. Kehalusan tenunan dapat dinilai dari segi kerencaman motif rekaan yang menentukan kerumitan dalam proses menyongket bunga-bunga songket. Jenis benang yang digunakan sama ada sutera, kapas atau polyester juga menentukan mutu kain, iaitu dari segi kelembutannya dan seri kain itu.

Walaupun songket boleh diusahakan secara besar-besaran dengan menggunakan alat jentera tenunan tetapi motif-motif yang rumit tidak dapat dikendalikan oleh jentera dan mutu hasil tenunan tidak sama dengan tenunan tangan. Selain itu, kain tenunan tangan lebih dihargai kerana mengambil kira daya-usaha dan kreativiti penenun.

– Fraser-Lu, Sylvia 1988. *Handwoven Textiles of South-East Asia*. Singapura: Oxford University Press. • Norwani Mohd. Nawawi 1989. *Malaysian Songket*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. • Selvanayagam, Grace Inpam 1990. *Songket Malaysia's Woven Treasure*. Singapura: Oxford University Press. • Sheppard, Mubin 1972. *Taman Indera: Malay Decorative Arts and Pastimes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

NORWANI MOHD. NAWAWI

# T

**TANAH SAHUL**, merangkumi darat luas yang pernah wujud antara benua Australia dan pulau Irian Jaya-Papua New Guinea serta pulau-pulau kecil di Laut Arafura.

Tanah Sahul boleh dianggap meliputi Pelantar Arafura, Pelantar Sahul, Teluk Carpentaria, pelantar berkedalaman kurang daripada 200 meter di sebelah timur Selat Torres, dataran pantai selatan Irian Jaya-Papua New Guinea dan daratan rendah di sebelah utara Australia. Sempadan barat Tanah Sahul belum jelas. Ada yang memasukkan Pelantar Rowley hingga North West Cape ke dalamnya, tetapi lebih umum batas baratnya ditarik di Tanjung Leveque, Western Australia. Rantau demikian meliputi luas lebih 1.5 juta km persegi. Pelantar luas (Arafura dan Sahul) dikenali sejak tahun 1845 dan bersama-sama Pelantar Sunda mengapit rantau Nusantara yang terdiri daripada Sulawesi, kepulauan Maluku dan pulau-pulau Nusatenggara. Batuan dasar Tanah Sahul berusia tua, ada yang 1000 juta tahun lebih. Sepanjang sejarah geologinya, rantau itu mengalami angkatan dan penurunan yang sederhana. Oleh itu terbit sejumlah lembangan agak cetek, seperti Lembangan Bonaparte dan Lembangan Browse yang dipercayai memiliki keupayaan petroleum atau gas.


Gerakan kulit bumi yang lebih nyata di tepi utara Tanah Sahul dicadangkan kehadiran pulau-pulau karang berbentuk atol setinggi 400 hingga 600 meter di atas dasar laut. Kedalaman Pelantar Arafura, misalnya, hanya antara 50 dan 80 meter. Tepi utara ini bersempadan dengan rantau Nusantara bahagian timur yang dialasi kulit bumi yang memiliki aktiviti geologi sangat cergas. Ciri aktiviti kulit bumi ditunjukkan jasad timbul besar seperti dinyatakan oleh kemuncak gunung hingga hampir empat km di atas aras laut dan parit laut sedalam tujuh km lebih, batu karang yang terangkat membentuk rangkaian teres hingga ketinggian 1300 meter, kerap bergempa bumi kuat serta volkanisme. Sebaliknya, kehadiran pasir glaukonit dan air laut jernih di Pelantar Arafura jelas menandai kadar pemendakan yang rendah selaras dengan kemantapan geologi Tanah Sahul. Tidak ada gempa bumi yang berpusat di sini, juga tidak ada gunung berapi yang hidup.

Keadaan darat di Tanah Sahul dipercayai telah berlaku beberapa kali bertepatan dengan tempoh-tempoh glasier. Pengglasieran telah wujud lebih kurang setiap 100 000 tahun sekali dan tempoh glasier diselangi dengan tempoh antara glasier. Selama tempoh glasier aras laut sedunia menurun, adakalanya melebihi 130 meter di bawah aras sekarang. Turunnya aras laut disebabkan iklim sedunia lebih sejuk dan banyak air laut ditukar kepada liputan ais yang tebal di darat belahan bumi utara. Selama tempoh antara glasier, suhu sedunia yang sama seperti yang semasa atau sedikit lebih

panas mencairkan sebahagian liputan ais. Cairan air ais ini kembali memasuki lembangan lautan dan meninggikan aras laut, adakalanya hingga beberapa puluh meter di atas aras semasa. Kewujudan daratan luas di Tanah Sahul menggalakkan penghijrahan manusia dan organisma lain antara Irian Jaya-Papua New Guinea, pulau-pulau kecil di Laut Arafura dan benua Australia. Persamaan fauna di tempat yang tersebut sudah lama dikenali oleh pengkaji sains hayat. Jenis kehidupan di Tanah Sahul jelas bercorak benua Australia, manakala flora dan fauna di Tanah Sunda serupa dengan yang ada di Asia.

Manusia mulai menghuni benua Australia sekitar 50 000 tahun yang lalu. Ada yang berpendapat manusia dari Asia Tenggara memasuki benua Australia dalam tiga gelombang selama zaman ais terakhir; setiap gelombang pendatang memiliki ciri fizikal tersendiri. Mungkin mereka menggunakan sejenis rakit yang boleh dipandu. Yang jelas ialah bahawa selama zaman ais ada, tempoh-tempoh ketika aras laut sangat rendah. Dalam keadaan demikian kawasan laut Nusantara yang perlu diharungi untuk ke benua Australia adalah lebih sempit dan mungkin ada selat yang tidak wujud. Ketika maksimum penggalsieran paling akhir, iaitu 18 000 tahun yang lalu, aras laut di rantau Australia-New Guinea hampir 150 meter di bawah yang sekarang. Juga menarik perhatian bahawa sebelumnya, sekitar 50 000 tahun lalu, aras laut di rantau yang sama juga sangat rendah, sekurang-kurangnya 100 meter di bawah aras laut semasa, manakala antara kedua-dua tempoh yang disebut, aras laut tidak sebegitu rendah. Saki-baki kebudayaan yang paling tua di Australia dianggarkan berusia sekitar 50 000 tahun; fosil manusia paling tua di Tasik Mungo berusia lebih kurang 25 000 tahun. Penghijrahan manusia (dan juga kehidupan darat yang lainnya) dari Asia ke Australia boleh mengambil jalan melalui rantau pulau Nusatenggara dan/atau menerusi Sulawesi serta Kepulauan Sula, Pulau Seram ke New Guinea dan seterusnya melintasi Tanah Sahul ke benua Australia.

Ketika Tanah Sahul wujud, sejumlah sistem sungai besar yang berpunca di bahagian utara Australia dan selatan Irian Jaya melintasi Pelantar Arafura dan Pelantar Sahul menganjur ke barat dan barat barat laut. Sistem saliran ini dikesan sebagai lembah tenggelam yang lantainya boleh mencapai kedalaman hingga hampir 200 meter, manakala kedalaman am daripada pelantar sekitar 50 meter hingga 80 meter. Berhampiran dengan benua Australia didapati lembah berbentuk jurang mirip wadi yang lazimnya wujud dalam iklim separa kering. Pada amnya, permukaan Tanah Sahul yang tenggelam berbentuk alunan landai, terdiri daripada palung dan permatang lebar (seperti dari Aru ke Pulau Yos Sudarso) yang menjurus ke barat barat laut. Selat-selat sempit dan dalam antara pulau-pulau di gugusan Aru merupakan jurang tenggelam daripada sistem saliran yang pernah melintasi kawasan tersebut. Tepi Tanah Sahul di sebelah selatan pulau Timor dan




**Tanah Sahul meliputi rantau ditandai garis menegak: bahagian yang tenggelam (garis menegak lebih rapat) berkedudukan lazim antara 50 meter dan 80 meter dan berulang kali merupakan daratan luas semasa tempoh glasier. Yang terakhir terjadi 18 000 tahun yang lalu. Sejumlah batang sungai melintasi Tanah Sahul (garis bertitik tebal). Garis kedalaman -50 meter, -100 meter dan -200 meter yang terakhir menandai tepi pelantar, juga di sekitar pulau Indonesia Timur) dilukis secara terputus-putus.**


kepulauan Tanimbar dicirikan zon ketinggian yang dipanggil 'Gosong Sahul', dan ini menjurus selari dengan tepi pelantar. Sejumlah terumbu karang menudungi gosong cetek ini. Selat Torres merupakan pemisah antara Pelantar Arafura dengan pelantar di sebelah timur yang miring landai ke arah Lautan Pasifik.

– Allen, J. J. Golson & R. Jones (ed.) 1977. *Sunda and Sahul. Prehistoric Studies in Southeast Asia, Melanesia and Australia.* London: Academic Press. • Fairbridge, R.W. (ed.) 1966. *The Encyclopedia of Oceanography.* New York: Reinhold Publishing Corporation. • Van Andel, Tj. H. & J.J. Veevers 1965. "Submarine Morphology of the Sahul Shelf, Northwestern Australia". dlm. *Bulletin Geological Society of America* 76. hlm. 695-700.

H.D. TJIA

**TANAH SUNDA**, terdiri daripada Pelantar Sunda dengan kawasan darat berhampiran, iaitu Semenanjung Thai-Melayu, Sumatera, Jawa, Kalimantan dan pulau-pulau pelantar. Rantau ini meliputi lebih dua juta km persegi luas. Takrifan ini bersifat geologi dan didasarkan kepada sejarah perkembangan geologinya yang sejajar.

Bagi pengkaji ilmu-ilmu bukan geologi, Tanah Sunda adalah lebih luas lagi (dalam lingkungan tiga juta km persegi luas) dan juga meliputi kawasan laut yang berkedalaman kurang daripada 200 meter bersama-sama pulau-pulau besar Asia Tenggara serta Semenanjung Thai-Melayu. Pelantar Sunda seluas 1.8 juta km persegi adalah yang paling luas di dunia. Pelantar ini dikenali untuk julung kalinya dalam tahun 1845 sebagai 'Gosong Besar Asia' (Great Asiatic Bank). Bahagian utara pelantar diliputi Laut China Selatan manakala bahagian selatannya terdapat di bawah Laut Jawa. Di sana pelantar berbentuk palung lebar mengarah ke timur dan berkedalaman purata 40 meter. Pelantar di bawah Laut China Selatan juga berbentuk palung lebar berkedalaman 100 meter di tengah dan sekitar 40 meter pada tepinya. Bersambung dengan pelantar ialah dasar Teluk Thai yang mencapai kedalaman 70 meter. Ribuan cerapan duga dalam pada Pelantar Sunda jelas menunjukkan kehadiran lembah-lembah tenggelam bersaiz sangat besar. Kini dikenali tiga sistem saliran utama yang telah tenggelam. Di bawah Laut Jawa terdapat Saliran Sunda Timur yang anak sungainya terdiri daripada Barito (Kalimantan Selatan), Solo, Brantas serta Citarum (Jawa) dan bermuara di sebelah utara oleh legih (tanah tinggi) yang sekarang bertudung pulau Bangka-Belitung-Karimata. Anak sungai Saliran Sunda Utara adalah Kapuas dan Pawang (Kalimantan Barat), Musi dan Jambi (Sumatera). Sungai tenggelam besar ini bermuara antara Kepulauan Natuna dan Sarawak. Bahagian hulu sistem saliran ketiga, Sungai Chao Phraya di Thailand, manakala anak sungainya




**Tanah Sunda mengikuti takrifan geologi (sempadannya dinyatakan garis terputus-putus) dan mengikut takrifan lebih umum (kawasan laut bertanda titik dengan darat yang berdampingan dengannya). Di antara sungai tenggelam yang boleh dikesan ialah (1) Mekong Hilir, (2) Sungai Thai, (3) Sungai Sunda Utara () Sungai Sunda Timur, (5) Sungai Selat Sunda dan (6) Sungai Selat Melaka Utara.**

ialah Sungai Kelantan dan Sungai Pahang di Semenanjung Malaysia. Muara sungai Thai didapati ke sebelah timur laut Kepulauan Natuna. Perlombongan timah terdapat di pesisir pulau Singkep, Bangka dan Belitung serta lembah-lembah tenggelam yang bahagian hulunya di darat. Pada mulut selat-selat sempit, seperti Selat Bangka, didapati parit-parit yang dasarnya hingga belasan meter lebih rendah di bawah lantai laut yang berhampiran. Parit sedemikian telah dikorek oleh arus pasang surut.

Di kebanyakan tempat permukaan Pelantar Sunda mengalun landai. Keadaan dasar laut yang tinggi rendah didapati di kepulauan Lingga dan Riau. Jasad timbul seperti itu mencadangkan rantai kepulauan tersebut mewakili banjaran yang tenggelam. Bahagian tengah pelantar, serta pesisir Sarawak (kedua-duanya diliputi Laut China Selatan) dan yang diliputi Laut Jawa mengandungi longgokan petroleum dan gas. Sejak pertengahan tahun 1970-an, Lembangan Melayu telah menghasilkan secara purata dalam lingkungan 300 000 tong petroleum setiap hari. Selain kawasan tengah Laut China Selatan dan bahagian tertentu Laut Jawa, keadaan geologi rantau Tanah Sunda bersifat mantap, suatu keadaan yang dicirikan tidak ada gunung berapi hidup dan tidak ada pusat gempa bumi di sana. Kesan gunung berapi paling akhir di Semenanjung Malaysia didapati dekat Kuantan dan kegiatannya telah tamat lebih kurang dua juta tahun yang lalu. Sebaliknya, di rantau Asia Tenggara lainnya yang membatasi Tanah Sunda, iaitu Sumatera, Jawa dan tepi timur Kalimantan serta Selat Makassar, proses-proses geologi sedang bertindak sangat cergas. Ini terbukti dengan kehadiran pusat-pusat gempa bumi dan gempa laut yang kuat, aktiviti gunung berapi yang paling kerap di bumi dan dataran pantai lama yang terangkat hingga beberapa ratus meter di atas aras laut sekarang.

Pengkaji menemukan bukti bahawa selama lebih kurang dua juta tahun terakhir dalam sejarah bumi, Tanah Sunda merupakan daratan yang luas. Keadaan demikian dipercayai telah membantu penghijrahan manusia dan organisma lain dari Asia ke pulau-pulau Sunda Besar seperti Kalimantan, Sumatera dan Jawa. Ada yang mencadangkan jalur penghijrahan utama ialah menerusi Semenanjung Melayu-Thai. Hipotesis lain memilih jalan dari benua Asia melalui kepulauan Filipina, ataupun menerusi barisan pulau ke sebelah barat Sumatera. Bagaimanapun, sebaran organisma darat ke timur disekat oleh Selat Makasar yang sentiasa laut dalam. Kebanyakan haiwan dan tumbuhan di sebelah timur Selat Makasar tidak didapati di benua Asia, tetapi sebaliknya bentuk kehidupan menunjukkan ciri-ciri yang wujud di benua Australia. Pulau Sulawesi memiliki fauna dan flora yang secara amnya boleh dianggap lain daripada jenis 'Asia' mahupun jenis 'Australia'. Kenyataan ini mencadangkan bahawa Sulawesi sudah lama tidak ada hubungan darat dengan mana-mana benua. Lembah sungai tenggelam pada lantai Pelantar Sunda adalah bukti lain mengenai keadaan darat yang pernah didapati di Tanah Sunda. Persamaan berpuluh-puluh jenis ikan air tawar dalam Sungai Kapuas di Kalimantan Barat dengan jenis dalam sungai yang bermuara di pantai timur Sumatera mencadangkan perhubungan darat antara kedua-dua pulau. Bilangan jenis ikan air tawar dalam Kapuas dan Mahakam hanya sedikit yang sama walaupun kedua-dua sungai terletak pada pulau yang sama tetapi kawasan salirannya dipisahkan gunung-ganang.

Keadaan darat Tanah Sunda berlaku selama tempoh glasier ketika iklim sedunia lebih sejuk (adakalanya hingga 10 darjah celsius lebih sejuk dibandingkan dengan yang semasa). Iklim lebih sejuk menyebabkan selimut ais yang tebal wujud, terutamanya di daratan benua utara. Ais itu dibina daripada air laut yang menyebabkan aras laut menurun, kadang-kadang melebihi 100 meter di bawah aras laut semasa.

Kajian geologi mendapati bahawa tempoh glasier berselang-seli dengan tempoh antara glasier (iklim sedunia bersuhu beberapa darjah lebih tinggi atau sama dengan suhu semasa). Selama tempoh antara glasier ketika iklim sepanas masa kini atau sedikit lebih panas, banyak ais dan glasier mencair, mengisi kembali lembangan lautan, dan meninggikan aras laut, adakalanya melebihi aras semasa. Setiap tempoh glasier dan antara glasier masing-masing berlangsung dalam lingkungan 100 000 tahun. Tempoh glasier paling akhir mencapai maksimumnya sekitar 18 000 tahun yang lalu. Kedudukan lembah tenggelam di Tanah Sunda mencadangkan bahawa pada masa itu aras laut di Asia Tenggara sekurang-kurangnya telah menurun kepada aras 92 meter di bawah aras semasa. Kewujudan darat begitu luas di Tanah Sunda dipercayai menyebabkan iklim separuh kering. Kawasan yang beriklim sedemikian lazimnya diliputi rumput atau savana, dan bukan hutan tropika lebat seperti yang wujud kini. Khasnya bagi Semenanjung Melayu-Thai, perubahan aras laut selama 6000 tahun terakhir telah dikenal pasti. Misalnya, antara 6000 dan 5000 tahun yang lalu, dataran pantai sepanjang Selat Melaka dan yang bertepi dengan Laut China Selatan tidak wujud. Pada tempoh itu, aras laut di rantau Tanah Sunda berkedudukan lima meter di atas aras sekarang. Selepas itu, aras laut menurun dan kedudukan aras laut semasa dicapai lebih kurang 1500 tahun yang lalu.

— Allen, J.; J. Golson & R. Jones (ed.) 1977. *Sunda and Sahul. Prehistoric Studies in Southeast Asia, Melanesia and Australia*. London: Academic Press.
• Fairbridge, R.W. (ed.) 1966. *The Encyclopedia of Oceanography*. New York: Reinhold Publishing Coproration. Tjia, H.D. 1980. "The Sunda Shelf, Southeast Asia". *Zeitschrift fuer Geomorphologie* 24: 4, hlm. 405-427.

H.D. TJIA

**TARIAN TRADISIONAL**, mula berkembang sejak zaman kerajaan Srivijaya. Kesan sejarah perkembangannya terdapat di beberapa kawasan seperti kerajaan Melayu di Patani, Kelantan, dan Kedah. Kemunculan beberapa tarian rakyat dan istana terus berkembang sama ada zaman keagungan Kerajaan Melayu Melaka ataupun pada tempoh kehancuran-nya. Jikalau tarian rakyat memperlihatkan ciri-ciri bermain secara spontan, lincah dengan aksi dan gerak bebas, tarian istana pula memperlihatkan susunan gerak perlahan, lembut dan iringan irama yang tenang. Tarian-tarian berunsur Arab Parsi seperti zapin, hadrah dan gambus turut tersebar sebagai tarian rakyat yang popular.

Penglibatan golongan istana turut mendorong menghidup-kan aneka bentuk kesenian termasuklah seni tari. Misalnya Tengku Temenggung Ghaffar adalah contoh utama yang menunjangi kumpulan makyung di Kelantan. Sultan Ahmad, Pahang mempunyai kumpulan muzik dan tarian gamelan yang kemudian diwarisi oleh Tengku Sulaiman dan Tengku Ampuan Mariam di Terengganu. Pada tahun 1920 – 1930,

gamelan menjadi persembahan istana yang terkemuka di Terengganu. Tradisi istana ini merosot terutama dengan kemangkatan tokoh diraja yang menaungi kumpulan tarian. Kumpulan makyung berpecah dan mula bergerak di kalangan luar istana secara berkelompok dan mula diminati ramai. Bagaimanapun, tarian rakyat yang hidup di kalangan masyarakat desa meneruskan tradisinya dengan cara yang sederhana.

**Tarian Rakyat** – Kategori seni tari didasarkan pada bentuk, fungsi, dan ruang persembahan. Pembahagian ini memberikan gambaran umum bentuk tarian Melayu seperti tarian rakyat yang berhubung dengan ritual. Tarian jenis ini subur di kalangan masyarakat desa. Bentuknya sederhana dan lebih merupakan persembahan dalam upacara kepercayaan, seperti memuja semangat padi di kalangan petani, memuja semangat laut, ombak, dan pantai di kalangan nelayan, serta memuja semangat hujan dan tanah, umumnya berkaitan dengan rezeki. Antara tarian dalam kategori ini termasuklah tarian jelotah, balai, main pulau, anak indung, ulit badang, dan tarian payang.

Gaya dan aksi persembahan dilakukan dengan gerak-gerak sederhana dan spontan, tanpa terikat dengan variasi atau disiplin gaya. Seluruh aksi memperlihatkan ekspresi kegembiraan dan harapan, berdasarkan tujuan persembahan. Jelotah dan balai yang dilakukan sewaktu mengirik padi merupakan acara pemujaan semangat padi. Main pulau atau indung yang terdapat di Hulu Tembeling dan Hulu Terengganu dilakukan sewaktu membersihkan semaian padi.

Dalam upacara perbomohan pula terdapat main saba, ulit mayang, bagih, dan main puteri yang terdapat di Kelantan dan Terengganu ataupun bisiaki di Sarawak. Bentuk tarian ini dipercayai timbul secara spontan berdasarkan penyakit yang dihidapi. Walaupun terdapat tidak kurang 30 jenis tarian dalam permainan saba, hanya beberapa tarian yang dapat dipersembahkan. Tarian begini lebih merupakan gerak yang timbul mengiring cerita yang 'dilakonkan'. Misalnya cerita *Anak Burung Beniong, Timang Anak Raja Beradu, Dewa di Awan,* dan *Anak Dondang.* Di sini gerak-gerak tari dibangkitkan oleh semangat yang hanya dapat dilakukan oleh bomoh tanpa sedar, ataupun melalui pesakit. Dalam main puteri misalnya, Tuk Teri sering bertindak dalam keadaan tidak sedar, sewaktu berperanan mengembalikan semangat pesakit.

Tarian payang yang dihubungkan dengan semangat laut




Tarian saba



Tarian ulit mayang

ditarikan oleh penari-penari wanita yang berpakaian cantik dengan gerak-gerak hidupan laut atau suasana gembira menyambut nelayan pulang. Contoh yang menggambarkan kehidupan itu dapat dilihat dalam tarian 'ketam membimbit dayung', 'bilis mudik mengiring', dan 'tarian udang membimbit todak'.

Dalam tarian tempurung, melagakan bahagian belakang tempurung sesama sendiri, melahirkan kesan bunyi yang menarik. Tarian yang dahulunya lahir secara spontan, kini dapat diterima sebagai tarian rakyat yang memperlihatkan kecekapan penari bergerak, sambil melagakan tempurung pasangan penari yang lain.

Tarian yang lebih memperlihatkan aneka kesenian dan permainan rakyat ialah tarian Cik Siti Wau Bulan dari Kelantan. Tarian ini merupakan gambaran suasana bergembira setelah menuai padi. Ia melambangkan gerak-gerak dinamis dalam gaya bermain wau, gasing, dan sepak raga.

Tarian datan julud yang menggunakan bulu burung kenyalang dengan iringan sape, jelas memperlihatkan gerak-gerak alam kehidupan masyarakat di Sarawak. Begitu juga tarian sumazau dari Sabah yang sering mengiringi acara pesta setelah menuai padi, meniru langkah berkepak (burung), dan merupakan peniruan daripada kehidupan alam setempat.

**Tarian Istana** – Asyik ialah tarian yang membawa gerak-gerak lembut dan tertib oleh penari-penari wanita (dayang istana).

Tarian Siti Payung yang dibawakan oleh penari lelaki dan wanita, merupakan gerak aksi kasih sayang. Siti Payung (anak kesayangan pembesar bangsawan) telah digoda oleh lelaki yang mencintainya. Seluruh gerak tari memperlihatkan gerak lembut antara pasangan. Ekspresi dan gerak malu penari wanita diikuti dengan aksi kasih sayang pada akhir tarian.

Terinai atau tarian inai yang berkembang di Kedah, Perlis, dan Kelantan sering mengiringi acara kebesaran istana seperti peminangan, perkahwinan atau berkhatan. Di utara, lilin digunakan dalam tarian itu, tetapi di Kelantan penari lelaki berpakaian makyung dan memakai keresi, sehingga jari-jari kelihatan runcing dan lentik. Dayang-dayang menari sambil memetik daun-daun inai yang akan digunakan untuk acara berinai besar. Tarian yang merakamkan aksi ini juga terdapat di Perak.

Tarian gayung ota-ota yang wujud di kalangan istana, membawa gerak-gerak lincah dan berani, melambangkan



Tarian datun julud popular di kalangan Orang Ulu di Sarawak



Tarian gamelan



Tarian asyik memaparkan kelembutan dan ketelitian dayang istana



Joget



Tarian canggung

kegagahan pahlawan atau hulubalang. Tarian ini dipersembahkan oleh penari lelaki (atau wanita berpakaian lelaki) yang membawa perisai berhiaskan loceng kecil. Alat-alat lain yang digunakan ialah pedang dan keris serta diiringi oleh pukulan gendang dan gong. Tarian ini juga mempunyai ciri kegagahan, tetapi penari-penarinya membawa gerak-gerak binatang ternakan seperti lembu, iaitu menggunakan loceng buluh seperti yang dipakaikan kepada binatang ternakan.

Tarian rakyat dan istana juga dibauri unsur-unsur luar seperti Hindu, Arab Parsi, China, dan negara Thai. Ciri-ciri tersebut disusun dengan begitu harmonis dalam persembahan seni tari tempatan. Malah, seluruh bentuk tarian itu kini dapat dibanggakan sebagai kesenian atau seni tari milik asal. Antara yang popular ialah tarian zapin, hadrah, rodat, dan gambus. Pada asalnya, tarian ini ditarikan oleh penari lelaki, malah setengah-setengahnya (seperti rodat) terus kekal dalam bentuk asalnya. Rodat, yang pada awalnya berkembang di istana Terengganu, diperkenalkan oleh peniaga-peniaga dari Sambas dan Pontianak. Di istana, tarian ini dilakukan dengan gerak dan langkah yang ditarikan atas tilam sambil berlutut. Gerak-geraknya tidak beragam, malah aksinya dibawakan dengan gaya yang hampir berulang dan nada yang sama yang disampaikan oleh pelangguk serta diiringi oleh pukulan rebana atau tar. Sama juga halnya dengan rodat Terengganu, Perak dan Selangor juga diiringi dengan lagu-lagu pujian.

Unsur Jawa paling ketara dalam permainan muzik gamelan di Johor dan Selangor. Muzik ini mengiringi tarian kuda kepang, tarian kupu-kupu, srimpi dan beberapa bentuk teater seperti ludruk dan barongan. Bagaimanapun, gamelan yang berkembang di Pahang dan Terengganu lebih menampakkan ciri-ciri tempatan. Gamelan di Pantai Timur berkembang sejak adanya perhubungan pemerintah antara Pahang dengan Riau-Lingga. Ciri-ciri keistanaan begitu jelas terutama dari segi ruang persembahan untuk hiburan golongan istana. Bentuk-bentuk tarian menggambarkan kehidupan alam, peristiwa yang diangkat daripada mitos, cerita rakyat ataupun kehidupan sebenar.

Tema alam yang cuba merakamkan gerak-gerak unggas terdapat dalam tarian-tarian seperti selanting, timang burung dan ayak-ayak. Peristiwa dan cerita istana pula dapat dilihat dalam tarian perang manggung yang menggambarkan kisah perkelahian antara temenggung dengan laksamana. Perang geroda atau tarian gambuh merupakan tarian yang direka daripada cerita Ramayana dan Panji.

Pengaruh Barat juga ketara dalam tarian Melayu. Dalam konteks ini dapat dilihat tarian joget atau ronggeng yang wujud sejak adanya pengaruh Portugis di Melaka.

**Tarian Teater Tradisi** – Tarian dalam teater tradisi berfungsi sebagai pelengkap sesuatu aksi daripada jalan cerita satu-satu persembahan drama itu sendiri. Bagaimanapun, terdapat juga tarian-tarian yang boleh berdiri sendiri, misalnya tarian menghadap rebab dalam makyung. Gerak tari diimbangi oleh muzik dan nyanyian. Begitu juga dalam lagu mengulit diiringi oleh gerak-gerak lembut dan halus. Makyung juga menyelitkan tarian inai terutama dalam babak perkahwinan diraja. Tarian asyik juga terdapat dalam makyung.

Mek mulung, yang hidup di kalangan petani di Kedah, khususnya di Kampung Wang Tepus, juga menggabungkan gerak tari dalam persembahan teater. Namun, kesan tarian itu lebih merupakan gerak-gerak asas sebagai seni rakyat yang bebas, tetapi kaku dari segi variasi dan gaya. Penari utama ialah raja yang memegang banyak watak dan membawa aksi lakon yang menggabungkan gerak makyung dengan menora.

Beberapa bentuk teater tradisi lain termasuklah jikey di Langkawi dan Perlis, dan menora di Kedah dan Kelantan. Gerak tari dalam jikey tidak memperlihatkan variasi dan gaya yang ketara sedangkan dalam menora, kelembutan penari-penarinya sering menjadi pelengkap utama dalam membawa aksi lakon.

– Siti Zainon Ismail 1985. *Getaran Jalur dan Warna*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. • Harun Mat Piah dan Siti Zainon Ismail 1986. *Lambang Sari: Tari Gamelan Terengganu*. Kuala Terengganu: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama IBKKM Universiti Kebangsaan Malaysia. • Fernando Ligaya (Amil Bangsar) 1983. *Panggalay*. Ayala Museum.

SITI ZAINON ISMAIL

**TEMBIKAR**, hasil kraftangan Melayu yang unik, diperbuat daripada tanah liat yang dibakar dan digilap. Ia mempunyai ciri-ciri tersendiri sesuai dengan kegunaannya sebagai penakung air, bekas minuman, bekas makanan, dan tempat simpanan bahan-bahan makanan untuk jangka panjang seperti jeruk atau pekasam.

Kegunaan tembikar Melayu tradisi bukan sahaja dihubungkaitkan dengan fungsinya yang bersifat praktis tetapi juga dengan upacara dan perayaan. Tembikar digunakan sebagai bahan kelengkapan yang utama dalam beberapa upacara adat seperti perasapan dan perembunan untuk perubatan. Dalam upacara pertabalan sultan, sering disebut 'air bunga tujuh geluk' dan 'air tujuh batil/geluk kuala' untuk adat persiraman diraja. Penemuan artifak-artifak prasejarah membuktikan tembikar sebagai bahan berharga, dan turut dikuburkan sebagai simbol kebesaran.

Tembikar primitif Melayu ditemui di Gua Cha, Kelantan; Bukit Tengku Lembu, Perlis; Bukit Tambun, Perak; dan Borneo, Sumatera, Jawa, Bali, Madura, Sumbawa, dan Sulawesi. Ragam hias yang terdapat pada permukaan serpihan tembikar primitif Melayu yang ditemui masih dalam bentuk yang sederhana dan dibuat secara spontan.

Di Johor, umpamanya, pecahan tembikar yang dijumpai



**Geluk kendi**



Labu dengan teknik tekap dan guris

berhiaskan motif geometri 'tulang ikan'. Tembikar bentuk kelalang di Perak dikatakan mempunyai persamaan dengan tembikar Zaman Dong-son di Sumatera dan Jawa. Pecahan tembikar yang dijumpai di Melaka memperlihatkan bentuk bekas air yang berwarna hitam coklat serta berhias dengan teknik cetak dalam. Pecahan yang dijumpai itu menunjukkan campuran tanah liat, pasir, dan arang, yang kemudian permukaan luarnya dilicinkan dan disalai di atas para.

Selain tembikar primitif tempatan, terdapat bekas-bekas tembikar yang dibawa dari luar. Misalnya, tembikar yang dijumpai di Srokam, Kedah, mempunyai persamaan dengan tembikar Dinasti Sung (960 – 1279) dan Dinasti Yuan (1260 – 1368) dengan hiasan bunga teratai. Penemuan tembikar di Kota Tinggi, Johor, didapati mempunyai persamaan dengan tembikar Ming (1369 – 1644).

Walaupun terdapat bentuk-bentuk tembikar dari luar, semenjak tahun 1100 Masihi, dari China dan beberapa peradaban luar tetapi penciptaan dan rupa bentuk tradisi tetap kekal. Reka bentuk tembikar luar tidak sedikit mempengaruhi tukang-tukang tempatan untuk mencipta atau meniru bentuk tembikar luar. Alat yang digunakan untuk membuat tembikar pula dibuat secara sederhana, dan dibakar dalam suhu biasa tanpa ukuran tertentu.

Beberapa tempat yang masih menjalankan usaha membuat tembikar secara tradisi ialah di Kechor, Perlis; Sungai Puyu, Seberang Prai; Alor Merah, Kedah; dan beberapa tempat lain seperti di Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, dan Perak. Perak merupakan kawasan yang masih mempertahankan nilai pembentukan secara warisan, baik dari segi proses penciptaan, mahupun reka bentuk tembikar.

Di Perak, terdapat beberapa tempat yang sebahagian penduduknya melakukan perusahaan tembikar secara kecil-kecilan seperti di Lenggong, Kerian, Sayong, dan Pulau Tiga.

Sayong dan Pulau Tiga merupakan tempat yang unik dalam menghasilkan tembikar, iaitu dengan meniru bentuk buah labu.

**Proses Pembuatan** – Tembikar tradisi Melayu diperbuat daripada tanah liat yang mengandungi bahan besi, daripada endapan tanah busut yang menghasilkan warna merah kehitaman dan kelabu apabila dibakar. Manakala tanah liat yang diambil dari kawasan-kawasan berhampiran sungai akan menghasilkan warna putih kelabu dan biru kehitaman. Umumnya, tanah liat yang baik berwarna kelabu perang.

Tembikar dapat menakung dan menyerap air. Bagaimanapun, bentuk luarnya tidak menyerap atau ditembusi cahaya, dan mempunyai permukaan yang kesat. Ia dihaluskan secara digosok dengan batu lintar atau disapu dengan damar cair.

Tanah liat dikeringkan terlebih dahulu sebelum ditumbuk menjadi tepung, kemudian diayak. Tepung tanah liat dicampur dengan air, dikacau dan disimpan di dalam pasu selama tiga hari. Tanah liat yang mendap ke bawah inilah diuli agar menjadi lebih liut dan lembut.

Pembentukan tembikar dibuat secara gaya bebas, dibantu oleh pinggan ayan atau capah yang memudahkan penyambungan tanah liat yang dibuat secara gelung. Pembentukan bermula dari bahagian bawah tembikar, mengikut ukuran umum garis pusat 12.5 cm. Tanah liat diuli memanjang supaya mudah digelung dalam bentuk membalut (perut labu). Gelungan dikerat berkeping mengikut ukuran labu. Permukaan tanah liat ditekan-tekan dengan kayu dari sebelah luar serta bahagian dalamnya ditahan dengan tangan untuk menguatkan bentuk tembikar.

Pisau buluh digunakan untuk melicinkan permukaan tembikar, dengan cara menekan bahagian mata pisau dari bawah ke atas. Jikalau bentuk labu, bahagian leher dikecilkan lilitannya dengan cara mencantumkannya sedikit-sedikit. Tapak atau kaki labu dibuat berasingan. Ia berbentuk bulatan mengikut garis pusat bahagian bawah labu kira-kira 0.5 cm tebal. Bahagian ini dicantumkan kemudian setelah bahagian badan dan kepala labu dibuat. Bentuk-bentuk yang siap akan dijemur sebelum dibakar. Ini dilakukan kepada tembikar yang



Geluk



Proses membuat labu air di Sayong, Perak

tidak memerlukan ragam hias, umpamanya buyung licin atau bentuk yang dihias secara semula jadi melalui penggunaan penepek berukir.

Tembikar dikeraskan dengan cara tanur dedah. Sebelum dibakar, tembikar dikeringkan dengan cara didedahkan kepada panas matahari selama dua hari. Terdapat empat cara pembakaran tanur dedah, iaitu cara salai, timbunan sekam, diang, dan tambun.

**Ragam Hias** – Sebelum dibakar atau dikeraskan pada cahaya matahari, tembikar terlebih dahulu dihias. Alat-alat yang digunakan untuk membuat ragam hias terdiri daripada pengukur kayu atau besi, penekap daripada batu kesat, kulit siput yang berbunga (ukiran semula jadi) ataupun besi tajam. Teknik dan gaya membuat ragam hias terpulang kepada kegemaran tukang atau kebiasaan yang telah diwarisi daripada generasi tua. Ini merupakan teknik umum yang sering digunakan untuk mendapatkan motif gaya geometri dan organik.

Ragam hias semula jadi merupakan teknik terawal dalam proses membuat bentuk motif dan corak, iaitu dengan cara pembakaran tembikar berikatkan rotan. Kemudian disusuli dengan teknik tekap yang menggunakan bahan-bahan seperti batu-batu kesat, kulit siput atau kain-kain bekas tenunan atau anyaman. Ini dilakukan dengan cara menekankan bahan-bahan tersebut pada permukaan tembikar yang masih lembap. Teknik semula jadi ini juga disebut sebagai teknik tekap, tekan atau cap. Teknik ini walaupun telah berlangsung sejak zaman neolitik, tetapi hingga kini ia merupakan teknik yang paling umum digunakan.

Teknik lain membuat ragam hias ialah menakik, mengelar atau mengguris bahagian permukaan. Teknik tempel dibuat dengan cara menempel potongan tanah liat yang dibentuk motif. Ia dibuat berkeping (untuk kelopak bunga) atau garis bulat memanjang dan halus. Bentuk motif ditempel pada bahagian permukaan yang memerlukan hiasan. Lilitan pada leher (antara bawah leher dan atas badan labu) dikenali sebagai motif gelang puyuh.

Ragam hias yang dibuat dengan teknik tebuk dan lubang pula lebih dikaitkan dengan nilai fungsi. Misalnya bahagian bertebuk dan berlubang terdapat pada bekas perasapan dan perembunan. Kedua-dua jenis ini dilubangkan supaya asap kemenyan yang dibakar keluar melaluinya; ataupun untuk menakung air embun. Lubang juga dibuat pada labu yang berfungsi sebagai mulut (labu tanah). Lubang-lubang ditebuk dengan susunan yang menarik hingga meninggalkan kesan yang memikat sebagai variasi ragam hias.

Teknik ragam hias yang menggunakan hiasan warna atau lukisan berwarna (catan) ini amat terbatas penggunaannya. Bagaimanapun, terdapat penggunaan warna merah yang dibuat daripada batu kawi, dan warna putih yang dibuat daripada batu kapur. Selain menggunakan warna daripada bahan alam, warna juga ditentukan oleh teknik pembakaran, iaitu salai, memberikan warna hitam keabuan, dan pembakaran tambun mengekalkan warna asli tanah. Pembakaran secara dedah dengan suhu yang rendah boleh menyebabkan warna-warna asal itu kekal. Penggunaan damar cair dapat menentukan warna permukaan tembikar.

Ragam hias yang menggunakan teknik kikis dan ukir memperlihatkan keahlian tukang. Ragam hias jenis ini dimiliki oleh istana atau orang-orang besar dan golongan bangsawan. Motif ragam hias ini diguris (seperti teknik kelar, takik atau guris). Bahagian yang tidak perlu dikikis (biasanya pada bahagian pinggir dan tepi motif), kemudian diukir seperti teknik mengukir kayu dengan menggunakan alat pengukir bagi menghasilkan kesan ukiran timbul.

**Motif** – Terdapat dua jenis bentuk motif yang digemari oleh tukang tembikar, iaitu gaya geometri dan organik. Motif yang dikategorikan sebagai simbol keindahan budaya Melayu ialah alam kehidupan seperti motif pucuk rebung dan bunga.

Unsur geometri asli terdiri daripada garis, titik dan bentuk-bentuk yang terjelma daripada unsur garis. Bentuk motif yang wujud daripada penggunaan unsur ini ialah susunan garis panjang, melilit pada seluruh permukaan tembikar dan bersilang. Pada tembikar Melayu tradisi, garis-garis dan susunan titik dinamakan garis atau titik susun kisi-kisi (garis



Proses pembuatan: Pembentukan bermula dari bahagian bawah tembikar



**Endapan tanah busut menghasilkan warna kelabu apabila dibakar**

